GHAZALI SHAFIE

MALAYSIA: NILAI POLITIK DAN BUDAYA

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA

7.50

MALAYSIA: NILAI POLITIK DAN BUDAYA

PUSTAKA PERINGATAN TUN ABDUL RAZAK
RUJUKAN
KUIZ
PERDANA
MALAYSIA

MALAYSIA:
NILAI POLITIK DAN BUDAYA

GHAZALI SHAFIE

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA

Access No: 4737 44/87
Class. No:

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA
No. 399A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.

– hak pengarang terpelihara –

© GHAZALI SHAFIE

1981

M$7.50

Dicetak oleh
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.
No: 2, Jalan 202,
Petaling Jaya, Selangor.

KANDUNGAN

RIWAYAT HIDUP		vii
POLITIK DALAM NEGERI		1
6hb. Mei, 1972	Usaha Kerajaan Melaksanakan Dasar Ekonomi Baru	3
13hb. Julai, 1972	UMNO sebagai Parti Politik yang 'Special'	8
24hb. Januari, 1975	Rancangan Pelaksanaan Buku Hijau	11
23hb. Mach, 1976	Trajidi Bukit Kepong dalam Kenangan	17
7hb. April, 1976	Kegagalan Kominis dalam Perjuangan-nya di Malaysia	23
7hb. Mei, 1976	Jentera Pelaksanaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga	31
6hb. Jun, 1976	Mengapa Pasukan Polis Hutan Malaysia di Wilayah Thai di tarik keluar	46
4hb. Julai, 1976	Usaha Penghapusan Komunis di Malaysia.	54
12hb. Mach, 1977	Senjatapi dan Dadah — Ancaman Negara	60
29hb. April, 1978	Cabaran Kepimpinan dalam UMNO	64
4hb. Mei, 1978	Perkembangan Politik Semasa	70
13hb. Mei, 1978	Keselamatan Negara	79
28hb. Mei, 1978	Kekukuhan UMNO	84
POLITIK LUAR NEGERI		92
Oktober, 1956	Malaya dan Commonwealth (Bahagian 1)	94

Oktober, 1956	Malaya dan Commonwealth (Bahagian 2)	98
16hb. Oktober, 1959	Malaya dan Soal Tibet	102
8hb. Ogos, 1972	Keselamatan Antarabangsa, Perlucutan Senjata dan Wilayah-Wilayah Damai.	105
20hb. November, 1975	Kerjasama Perbatasan antara Malaysia/Indonesia 1975	118
22hb. Julai, 1976	Kerjasama Keselamatan Malaysia/ Indonesia 1976	122
11hb. Februari, 1977	Kerjasama Keselamatan Malaysia/ Indonesia 1977	126
SARANAN DAN NILAI HIDUP		130
8hb. Oktober, 1959	Kesetiaan kepada Negara	132
6hb. Ogos, 1967	Peranan Kaum Ibu dalam Lapangan Siasah	136
24hb. Mach, 1969	Pegawai Pentadbiran dalam Masyarakat Kita	147
17hb. Julai, 1969	Ke arah Masyarakat yang Berhaluan	153
2hb. Ogos, 1969	Pemimpinan dan Masyarakat yang Berhaluan	161
9hb. April, 1971	Rukunegara sebagai Pembentuk Masyarakat Malaysia.	172
26hb. Jun, 1971	Semangat Sa	181
14hb. Mei, 1972	Memilih Pimpinan	185
15hb. Mei, 1973	Jurang Generasi antara Tua dan muda	194
8hb. April, 1977	Belia dalam Pembangunan Negara	201
SENI DAN BUDAYA		206
15hb. Oktober, 1971	Peranan dan Tanggungjawab Penulis	208
28hb. Ogos, 1972	Komunikasi Melalui Seni	215
11hb. April, 1973	Pandangan tentang Karya-karya Hadiah Sastra	218
29hb. Januari, 1977	Tarian Singa di Malaysia.	221
26hb. Februari, 1977	Samad Ismail tidak mempengaruhi Panel Hadiah Sastra.	225
INDEKS		232

RIWAYAT HIDUP

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie telah dilahirkan pada 22hb Mac, 1922 di Kuala Lipis. Beliau telah menerima pelajaran awalnya di Sekolah Inggeris Kerajaan Raub dan di Sekolah Clifford, Kuala Lipis. Sewaktu meletus peperangan Pacific beliau adalah mahasiswa di Raffles College, Singapura.

Semasa peperangan, Tan Sri M. Ghazali telah memainkan peranan aktif dalam Pergerakan Menentang Jepun di dalam Angkatan 136. Pada pertengahan tahun 1946, beliau telah memasuki Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Melayu Muda dan pada tahun 1948 diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajarannya di University College Wales di mana beliau lulus dengan mendapat ijazah LL.B. dengan kepujian pada tahun 1951. Setelah kembali ke Malaysia (waktu itu Malaya) beliau memasuki Perkhidmatan Awam Malaya dan bertugas sebagai Penolong Setiausaha Negeri Selangor. Pada tahun 1952 beliau telah ditukarkan ke Negeri Sembilan dan bertugas beberapa waktu di sana sebagai Pemangku Setiausaha Negeri.

Pada tahun 1953 Tan Sri berlepas ke United Kingdom untuk mengambil kursus 'post-graduate' (lanjutan siswazah) dalam 'International Studies' (Pengajian Antarabangsa) dan telah berjaya mendapat diploma. Selepas itu beliau bertugas di Pejabat Pesuruhjaya bagi Malaya di London dan kemudian berada di New York untuk mengkaji kerja-kerja **Bangsa-bangsa Bersatu.** Selepas itu beliau bertugas dengan Suruhanjaya Tinggi British di New Delhi.

Setelah beliau kembali ke Malaya beliau telah bertugas di berbagai jabatan Kerajaan hingga ke awal tahun 1957 sebelum

beliau dilantik menjadi Pesuruhjaya Persekutuan Tanah Melayu di India di mana beliau menubuhkan Suruhanjaya Tinggi Malaya di New Delhi. Pada bulan Ogos 1957 beliau kembali ke Malaya untuk menjadi Timbalan Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri. Lebih kurang dua tahun selepas itu Tan Sri M. Ghazali menjadi Pemangku Setiausaha Tetap Hal Ehwal Luar Negeri dan pada bulan Jun 1962 beliau telah ditetapkan dalam jawatan ini.

Selain dari perkhidmatan cemerlang beliau dalam kerajaan, beliau juga telah memberi perkhidmatannya kepada berbagai suruhanjaya dan jawatankuasa, resmi dan awam. Beliau pernah menjadi ahli Suruhanjaya Penyiasat Keretapi dan pada tahun 1959 menjadi Pengerusi Lembaga Pengadil Festival Filem Asia yang dilangsungkan di Kuala Lumpur, dan pada tahun 1960 beliau menjadi ahli lembaga tersebut di Festival Filem di Tokyo. Beliau juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kerja Balai Seni Lukis Negara pada bulan Disember 1959 sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan pada bulan Februari 1963.

Kegemaran Tan Sri M. Ghazali dalam kegiatan-kegiatan 'extramural' bermula semasa beliau di Universiti di mana beliau telah giat dalam aktiviti-aktiviti mahasiswa. Beliau menjadi ahli Majlis Pelajar-pelajar maktabnya dan menjadi wakil Universiti beliau dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar di Great Britain selama dua tahun. Beliau juga ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Pelajar-pelajar **Bangsa-bangsa Bersatu** di England dan menjadi salah seorang pengasas 'Malayan Forum'. Tan Sri M. Ghazali juga menjadi ahli Persatuan Melayu di Great Britain dan Persatuan Penuntut-penuntut Malaya.

Tan Sri menceburkan diri di dalam lapangan sukan sejak beliau masih di bangku sekolah. Waktu beliau di sekolah Clifford, Kuala Lipis beliau mewakili daerah negeri Pahang di dalam pertandingan bolasepak dan hoki antara sekolah. Beliau juga menjadi Ketua Rumah dan juga seorang ahli lumba lari jarak jauh. Beliau mewakili Raffles College dalam permainan bolasepak dan University College Wales dalam hoki dan badminton. Sekarang beliau gemar bermain golf.

Pada masa ini beliau menjadi ahli Majlis Universiti Malaya, Lembaga Pengurus Hospital Universiti Malaya, Pengerusi Majlis Pentadbir Institiut Teknoloji MARA, Yang di Pertua Majlis Kesenian Malaysia, Ahli Lembaga Amanah Balai Seni Lukis

Negara, Yang diPertua Persatuan Bolasepak Selangor, Penaung. Persatuan Badminton Melayu Selangor dan Persatuan Bola-Sepak Selangor.

Dalam masa-masa kebelakangan ini, Tan Sri M. Ghazali telah mendapat perhatian kerana usaha serta sumbangan beliau ke arah pembentukan Malaysia. Beliau hadzir di semua peringkat perundingan di London dan juga menjadi ahli **Suruhanjaya Cobbold** yang melawat Sarawak dan Sabah pada tahun 1962. Beliau mengetuai rombongan Malaysia yang berunding dengan Philipina di Bangkok pada bulan Jun 1968.

Untuk menghormati perkhidmatannya ke arah pembentukan Malaysia, beliau telah dianugerahkan dengan pingat 'Panglima Darjah Kinabalu' oleh Negeri Sabah dalam bulan November 1963 dan pada bulan Mei 1964 menerima 'Pingat Malaysia' dari Singapura. Dalam bulan Jun 1965, beliau dianugerahkan 'Pingat Panglima Mangku Negara' oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung, dan pada tahun 1970 beliau dianugerah-kan 'Darjah Indra Mahkota Pahang' oleh DYMM Sultan Pahang. Pada 26hb. Jun, 1971 beliau dianugerahkan pula degri kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Malaya.

Selain daripada penghormatan di atas beliau menerima berbagai penghormatan daripada kerajaan asing, seperti berikut:-

1965	Vietnam	— Vietnam National Order — Grand Officer (Second Class).
1965	France	— *Order Des Arts Et Des Lettres* [*Officier*].
1966	Republic of Korea	— Order of the Distinguished Diplo-matic Service Merit (Second Class).
1967	Iran	— Order of the *Tadj* (Second Class)
1967	Federal Republic of Germany	— The Grand Cross Second Class of the Order of Merit of the Republic of Germany.
1968	Philipines	— Order of *Sikatuna* (Datu).
1968	Ethiopia	— The grand Cordon of the Order of the Star of Ethiopia.
1969	Republic of Korea	— Order of the Distinguished Diplo-matic Service Merit (First Class).

1969	Iran	— Grand Croix of the Order of *Homa-youn* (First Class).
1969	Tunisia	— Grand Officier of the Order of the Republique of Tunisia.
1970	Netherlands	— Grand Officier of the Order of Orange Nassau.
1970	Japan	— Second Class of the Order of the Rising Sun.
1970	Indonesia	— Bintang Maha Putera
1974	Thailand	— First Class most exalted Order of the White Elephant.
1976	Sweden	— Grand Cross of the Order of Northern Star.

Keahlian di dalam kelab-kelab:

Travellers Club, London
Special Forces Club, London
Highgate Golf Club, London
The American Club, Singapore
Kelab Penerbangan DiRaja Selangor, Kuala Lumpur
Kelab Golf DiRaja Selangor, Kuala Lumpur
Lake Club, Kuala Lumpur
Kelab Selangor, Kuala Lumpur
Selangor Yatch Club, Port Klang, Kuala Lumpur.

Tan Sri Ghazali juga menjadi ahli Majlis Gerakan Negara (yang sekarang sudah dibubarkan). Beliau dikehendaki oleh Kerajaan berhenti dari menjawat jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri pada 20hb September, 1970 dan dilantik menjadi Senator pada 21hb September, 1970. Pada 23hb September, 1970 beliau dilantik menjadi Menteri Tugas-tugas Khas dan pada 2hb Februari, 1971, beliau telah diberi satu lagi jawatan sebagai Menteri Penerangan.

Tan Sri Ghazali berkahwin dengan Puan Sri Khatijah binti Abdul Majid dan mempunyai dua orang anak lelaki.

Tan Sri Ghazali gemar bermain golf, memandu kapalterbang dan mengambil gambar (fotografi).

YAHAYA ISMAIL
Editor

POLITIK DALAM NEGERI

USAHA KERAJAAN MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU

Ingin dulu saya sampaikan ucapan terimakasih kepada pihak penganjur majlis ini kerana menjemput saya ke mari dan seterusnya merasmikan Persidangan Perwakilan **UMNO** Bahagian Beserah ini. Juga saya mengambil peluang keemasan ini bagi melahirkan rasa terimakasih saya yang tak terhingga di atas sokongan serta kerjasama yang sungguh kuat yang datang dari seluruh negeri Pahang bagi menentukan kejayaan kita dalam pilihanraya Parlimen bagi kawasan Lipis baru-baru ini. Malah sokongan dan kerjasama juga datang dari seluruh pelusuk negara. Kepada semua setinggi-tinggi terimakasih dan kita bersyukur ke hazrat Allah berkat segala penat-lelah dan titik-peluh kita telah menghasilkan kejayaan yang begitu cemerlang.

Kejayaan di Lipis bukanlah satu kejayaan bagi diri saya, bagi pribadi saya,tapi adalah satu kejayaan bagi Parti Perikatan dan bagi penduduk Lipis. Kejayaan itu adalah satu bukti yang mutlak dan yang muktamad bahawa Parti kita adalah satu parti yang realistik dan dinamik, dan yang hanya dapat membawa kemajuan kepada rakyat.

Kejayaan kita dalam waktu-waktu ,akhir ini, bukan saja di Pahang malah di seluruh negara,haruslah kita jadikan sebagai perangsang untuk bergiat, melancar dan memesatkan lagi perjuangan kita demi kepentingan bangsa, agama dan negara. Dengan keyakinan baru, dengan keazaman baru, dengan tekad baru, Parti kita akan memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang lagi dimasa-masa muka.

Maka oleh itu mustahak sekalilah kita semua memahami benar-benar dasar perjuangan Parti kita sendiri. Juga sama pentingnya mestilah kita fahami seluk-beluk perlembagaan dan

pengendalian Parti supaya kita lebih yakin, lebih tegas, dan lebih waras memperjuangkan lagi Parti kita itu.

Di sini ingin saya syorkan diadakan kursus, perjumpaan, foram, dialog — pendeknya adakan lebih banyak kontek atau perhubungan dengan rakyat bagi menerang dan menjelaskan dasar Parti dan dasar Kerajaan yang disokong serta didokong oleh Parti. Segala dasar Kerajaan sayugialah difahami dan disokong oleh Parti. Kiranya dasar itu bukannya datang dari Parti, maka mustahaklah dipastikan bahawa ianya dapat diterima dan disokong oleh Parti.

Saya kira bila Jawatankuasa yang baru dilantik di sini bergerak, maka segala usaha ini dapat dijalankannya dengan lancar dan giat.

Kerajaan pusat dan Kerajaan negeri sedang giat melancarkan berbagai-bagai rancangan dan program di bawah Rancangan Malaysia Kedua berasaskan Dasar Ekonomi Baru yang berilhamkan **Rukunegara.** Saya kira perlaksanaan dan penentuan kejayaan Dasar Ekonomi Baru ini bukanlah hanya terletak di atas bahu Kerajaan saja, malah semua pihak masing-masing ada peranan dan tanggungjawab yang harus dijalankan bagi menjaminkan terlaksana dengan jayanya Dasar Ekonomi Baru kita itu. Di sinilah saya rasa setiap bahagian dan cawangan Parti kita juga dapat sama-sama turut terlibat dan memainkan peranan bagi melaksana dan menjayakan Dasar Ekonomi Baru itu. Di sinilah setiap cawangan dapat membantu Kerajaan bagi menerang, menjelas dan menghurai bukan saja tentang konsep Dasar Ekonomi Baru, walaupun ini sememangnya mustahak, tapi lebih-lebih lagi bagaimana dasar yang berilhamkan **Rukunegara** itu dapat dipraktikkan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Sedih juga hati saya mendapati ramai kalangan rakyat yang belum faham betul tentang Dasar Ekonomi Baru kita khususnya dari segi praktiknya. Di sini saya anjurkan setiap cawangan mengadakan majlis penerangan bagi menghuraikan makna, maksud dan matlamat Dasar Ekonomi Baru kita itu, khususnya tentang cara-cara bagaimana ianya dapat menguntung dan memajukan rakyat dan bagaimana rakyat dapat turut serta mengambil peranan yang sesuai bagi memajukan dirinya. Seterusnya saya anjurkan cawangan ini mengadakan dua

rancangan ekonomi setahun, yang sesuai dan dapat dipraktikkan di kawasan ini.

Dalam pada itu inginlah saya mengingatkan bahawa rancangan yang dicadangkan oleh cawangan itu semestinya membawa nikmat dan kemajuan kepada semua rakyat walaupun dari segi perniagaan. Kepentingan perseorangan atau beberapa kerat manusia tidak ada tempat langsung dalam dasar Kerajaan kita. Kiranya dapat rancangan ini dilaksanakan maka ini akan membawa kejayaan dan kemajuan kepada rakyat dan Parti.

Kerajaan sememangnya meletakkan kesenangan dan kebahagiaan rakyat banyak mengatasi faedah beberapa kerat manusia kerdil. Dan seperti kata saya, segala rancangan dan dasar kita adalah untuk kepentingan dan kebaikan bangsa, agama dan negara yang kita sama-sama kasihi itu.

Pihak Kerajaan sentiasa menginsafi segala kesulitan dan kesempitan yang dihadapi oleh rakyat-jelata, dan sedang menjalankan segala usaha dengan serius sekali bagi kepentingan rakyat. Kerajaan giat mengawasi harga gula dan telah, sedang dan akan menjalankan segala usaha bagi meninggikan harga getah. Baru-baru ini Kerajaan telah mengadakan satu dasar baru mengeluarkan banyak lagi lesen-lesen membeli getah tempatan sebagai satu lagi usaha yang diharapkan dapat meninggikan harga getah. Di bidang antarabangsa Kerajaan sedang membuat perhubungan dengan berbagai negara luar, di dalam blok komunis dan di luarnya, untuk menjual getah kita — dan nampak tanda-tanda yang usaha-usaha ini Insya Allah akan mendatangkan faedah kepada rakyat.

Kerajaan juga sedang mempertimbangkan cara-cara bagaimana kita dapat memasuki pasaran getah dunia. Kerajaan sedang memerhati dengan teliti tentang kenaikan harga gula dan bersedia mempertimbangkannya semula dari masa kesemasa, sambil mengambil langkah yang praktik bagi menambahkan keluaran gula tebu tempatan serta menggalakkan rakyat memakan serta menggunakan gula tempatan seperti gula melaka, gula kabung untuk segala jenis kueh-mueh. Pendeknya, dengan terbentuknya sebuah kementerian baru — Kementerian Hasil Utama — membuktikan azam Kerajaan bergiat untuk memperbaikki untung-nasib rakyat jelata khususnya yang mengantungkan harapan hidup dalam aktiviti-aktiviti pertanian

dan perikanan.

Pihak Kerajaan telah menubuhkan satu Lembaga Kemajuan Ikan yang akan menjalankan beberapa rancangan demi kebajikan kaum nelayan khasnya dan perikanan umumnya. Lembaga ini sedang merancangkan pelancaran satu 'scheme' pukat-tunda untuk kawasan Pantai Timur Malaysia Barat. Adalah diharapkan rancangan ini akan memunafaatkan rakyat di sini, dan tidak syak lagi di antara saudara-saudara kaum nelayan yang baik akan dipilih bagi menyertai rancangan ini.

Saudara-saudara yang di kawasan Pantai Timur ini yang menggantungkan hidup kepada menangkap ikan tentu dari masa kemasa rasa bimbang di hati apakah penangkapan ikan saudara-saudara akan dicerobohi oleh orang-orang luar, dan apakah satu hari nanti akan semakin berkurangan ikan-ikan yang boleh ditangkap. Apa lagi sekarang banyak di antara orang-orang kita yang keluar menangkap ikan di satu kawasan yang sama di mana terdapat juga nelayan-nelayan dari Thai.

Di Kuala Lumpur selama tiga hari dalam minggu ini telah berlangsung satu persidangan bagi mendapatkan kerjasama serta mengatasi masalah-masalah perikanan antara Thailand dengan Malaysia. Antara lain, kedua negara telah masing-masing bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa tempatan secara tidak rasmi, di mana dalamnya terdapat seorang pegawai perantaraan dari Thailand dan seorang dari Malaysia guna menyelesaikan sebarang masalah di peringkat tempatan serta menyelesaikan sebarang pertelingkahan yang mungkin timbul di kalangan kaum nelayan.

Satu lagi usaha bersama ialah mendapatkan kerjasama ke arah pengendalian kawasan penangkapan ikan bersama — iaitu di kawasan di luar perairan dua belas batu. Kedua-kedua pihak akan mengumpulkan maklumat-maklumat dan data-data yang sudah tentu akan memberi segala munafaat kepada kaum nelayan — maklumat-maklumat dan data-data seperti jumlah penangkapan, jangkamasa ke laut, kawasan menangkap ikan yang baik, di mana dan jauh mana nelayan-nelayan keluar menangkap ikan, dan lain-lain yang berkaitan. Di sinilah saudara-saudara kaum nelayan boleh menolong kerajaan kita dalam usaha ini dengan memberi butir-butir dan maklumat-maklumat ini kepada pihak berkuasa kerana saudara-saudaralah

orang-orang yang betul-betul tahu-menahu dalam hal-hal ini. Segala butir dan maklumat ini akan dikumpul dan saudara-saudara juga akan memperolehi munafaatnya. Dari sini pihak kedua Kerajaan akan menjalankan usaha-usaha bersama mengendalikan kawasan ini serta mengambil langkah-langkah agar ikan-ikan itu tidak akan kehabisan.

Menyentuh tentang pemimpin akhir-akhir ini sibuk sekali diperdebatkan perkara 'golongan tua' dan 'golongan muda' — 'old guards' dan 'new guards' — dalam **UMNO.** Dan yang lebih mendukacitakan ialah seolah-olah ada pertentangan dan geser-menggeser antara kedua golongan ini. Saya sendiri berpendapat dan yakin tidak ujud apa yang dikatakan 'golongan tua' dan 'golongan muda' itu. Apa yang ada ialah orang tua dan orang muda — tapi mereka ini sama-sama memperjuangkan satu matlamat yang sama. Juga apa yang ada ialah 'idea baru' dan 'idea lama' — 'idea lama' adalah idea-idea yang tidak lagi secucuk dan tidak selaras dengan perkembangan zaman dan pergolakan keadaan — tapi dalam pada itu 'idea-idea baru' juga mungkin tidak secucuk dan tidak selaras dengan perkembangan zaman dan pengolakan keadaan oleh kerana ianya terlalu jauh ke hadapan atau setakat teori saja. Boleh jadi ada orang tua beridea baru dan orang muda beridea lama. Apa yang kita perlukan ialah pergabungan antara pengalaman yang ada pada pihak yang tua dengan idea baru. Pengalaman dapat memberikan kita peduman dan panduan dan idea-idea baru dapat memberikan pendapat-pendapat dan nafas baru untuk masa depan. Pendeknya kedua ini adalah saling-memperkukuhi — bukan saling mengasingi; keduanya harus diadun dan digabung demi kemajuan dan perjuangan Parti. Perpaduan Parti mesti dijaga dan dikekalkan. Justeru Parti kita boleh melangkah menuju dengan penuh semangat, keazaman dan tekad bagi menghadapi sebarang cabaran di masa muka.

Namun apa yang kita sungguh-sungguh perlukan ialah pimpinan dan pemimpin-pemimpin yang dewasa, yang waras dan yang matang — yang 'grown up' — bukannya yang saka, yang tua, dan yang tak bermaya — yang 'grown old'.

Ucapan beliau selaku Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan di mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Beserah, Pahang, pada 6hb. Mei, 1972, jam 10.00 pagi.

UMNO SEBAGAI PARTI POLITIK YANG 'SPECIAL'

Sesudah kita memahami latarbelakang negara kita dengan rakyat yang berbilang bangsa, beranika kebudayaan dan agama, dan setelah kita mengerti apa dan tujuan **Rukunegara** dan Dasar Ekonomi Baru, marilah kita menyentuh pula satu sudut parti kita **UMNO**, iaitu tentang kedudukannya di gelangang politik negara dan antarabangsa.

UMNO adalah satu parti yang luar biasa — satu parti yang 'special'. Keistimewaannya ialah daripada keupayaan ahli-ahlinya bersama dengan pimpinannya mematuhi dengan tulen cara-cara demokrasi, baik dari segi perjuangan ataupun segi pentadbiran dan pemilihan pimpinannya. Perjuangan untuk memadamkan Malayan Union dibuat dengan cara demokrasi. Perjuangan untuk menyingkir penjajahan dibuat berlandaskan demokrasi. Perjuangan untuk memperbaiki taraf rakyat luar bandar dilaksanakan mengikut demokrasi.

Sekarang, perjuangan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adalah dirancang bukan sahaja mengikut peraturan demokrasi, tetapi dengan perjuangan ini, maka demokrasi akan terjamin buat selama-lamanya, di bumi Malaysia yang kita cintai ini.

UMNO dengan demokrasi adalah sebati. Kerana itulah, dasar luar serta pelaksanaannya, demokrasi menjadi asas pemikiran kita. Colonialism, apathid, Rhodesia, pencabulan Israel di Asia Barat atau apa-apa sahaja yang merosakkan demokrasi, keadilan dan hak asasi manusia, **UMNO** sedia menentangnya. Perjuangan **UMNO** tetap bersama mereka yang teraniaya.

Dari segi pertalian pimpinan dengan ahli-ahli semenjak

UMNO lahir sehingga ini adalah seperti lembar dipintal, tak reput dek pesona, tak terburai dek fitnah. Ini adalah disebabkan oleh teguh setia ahli-ahli itu terhadap pimpinan yang mereka sendiri memilihnya. Waktu allahyarham Datuk Onn menarik diri, tanpa berbelahbagi **UMNO** terima pimpinan YTM Tengku Abdul Rahman. Dan sekarang ahli-ahli **UMNO** teguh setia pula dengan pimpinan yang diketuai oleh YAB Tun Abdul Razak.

Dari segi pimpinan pula mereka yang dipilih untuk memimpin adalah mereka yang menunjukkan kejujuran dalam segala tindak fikiran. Mereka ini dipilih untuk memimpin oleh ahli-ahli yang menyanjungi nilai-nilai kejujuran ini. Mengikut kenyataan dari masa kesemasa kita telah menyaksikan tokoh-tokoh **UMNO** yang naik dan yang turun. Maka tidak hairanlah mengapa **UMNO,** dengan adanya saling mempengaruhi antara pimpinan dengan ahli-ahlinya yang berdasarkan kejujuran dan teguh setia dari mulanya hingga sekarang, bukan sahaja kuat dan kukuh tetapi juga menjadi teras politik negara.

Kerana itulah **UMNO** ini menjadi tempat parti lain bergantung, mula-mulanya MCA dan MIC diikuti dengan SUPP, Gerakan dan PPR.

Kerana itulah maka segala rakyat di Malaysia, tak kira kaum tak kira bangsa, tak kira agama, tak kira wilayah, menaruh sepenuh kepercayaan kepada **UMNO** demi kebaikan, keselamatan dan kesejahteraan mereka sehingga Malaysia harum sebagai sebuah negara yang makmur dan damai. Kerana itulah negara-negara jiran dan yang lain-lain menerima anjuran-anjuran kita di dalam sebarang bidang yang kita kemukakan, seperti **ASEAN** atau Rancangan Wilayah Perkecualian Tenggara Asia.

Kerana itulah saya katakan tadi **UMNO** itu 'special'.

Kita hendaklah sentiasa meminta kepada Tuhan supaya jangan pada masa muka timbul gejala tolak-menolak, julat-menjulat, cakar-mencakar, gigit-mengigit dan rebut-merebut menggunakan tipu-hilah, daya muslihat bagi memenangi tempat pimpinan dari peringkat Cawangan ke peringkat Tertinggi.

Sekiranya pada masa hadapan timbul gejala-gejala tidak sihat ini, disimpang malaikat 44, maka terbuktilah bahawa pimpinan sebegitu rupa sudah hilang kejujurannya. Apakala hilang

kejujuran pimpinan, maka hilang pula perasaan patuh dan setia disisi anggota-anggotanya terhadap pimpinan. Timbullah puak-puak yang berlumba-lumba kerana kepentingan kedudukan masing-masing sehingga hilang matlamat perjuangan yang bukan tiga tahun ketiga tahun, bukan lima tahun kelima tahun, tapi untuk satu generasi ke satu generasi. Duit bermilion pun akan memainkan peranannya, korupsi pun akan berleluasa. Kekerasan pun akan digunakan untuk mempertahankan kedudukan pimpinan sehingga jadi tembak-menembak seperti yang kita dengar di tempat lain.

Mungkin timbul pula perasaan di kalangan ahli-ahli biasa bahwa kalau pemimpin-pemimpin itu sampai hati memukul curi sesama mereka apakah lagi orang lain yang menjadi ahli biasa tentu sahaja dilenyetnya. Maka larilah anggota **UMNO** dari parti membawa diri kerana takut atau bosan dengan keadaan.

Hilang kejujuran pimpinan hilang pula setia ahli-ahlinya. Demokrasi pun hilang, kalau ada pun hanya demokrasi terpimpin! Dengan ini saya khuatir akan hilanglah kedudukan Parti kita sebagai teras politik negara dan hanya tinggal menjadi sebuah parti politik biasa saja seperti yang lain-lain misalnya DAP yang menunggu masa untuk tenggelam.

Inilah sebab saya kata parti **UMNO** kita ini 'special'.

Janganlah kita biarkan mereka menggunakan demokrasi untuk mencelakakan demokrasi, macam dedalu menenggek membawa pohon mati kering. Marilah kita bersama-sama memupuk dan membajai Parti kita supaya bertambah lagi subur dan rindang, mengukur pemikiran dan perjuangan kita mengikut **Rukunegara** untuk memberi faedah kepada setiap rakyat Malaysia.

Sebahagian daripada ucapan Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan kepada ahli-ahli UMNO di Dewan Merdeka, Kuala Kangsar, Perak, Khamis, 13hb. Julai, 1972.

RANCANGAN PELAKSANAAN BUKU HIJAU

Sepertimana yang dikatakan oleh YAB Tun Perdana Menteri sewaktu melancarkan Rancangan Buku Hijau di peringkat kebangsaan pada 20hb Disember, 1974 lalu, satu daripada tujuan utama gerakan ini ialah untuk melipatgandakan pengeluaran dan bahan-bahan makanan supaya cukup untuk keperluan rakyat dan negara. Pada ketika ini di seluruh dunia, kita sedang menghadapi masalah kekurangan bahan makanan akibat bencana alam dan pertumbuhan umat manusia di dunia, apalagi dengan tekanan inflasi yang menyebabkan harga, umpamanya baja atau jentera tani, meningkat berkali ganda.

Negara kita banyak sekali bergantung kepada bahan makanan yang diimpot dan bila 'supply' bahan makanan dunia terjejas kita turut merasai kesulitan dan kesusahan. Alhamdulillah dengan kurnia Tuhan, bumi Malaysia adalah subur, iklimnya baik dan terhindar dari malapetaka yang teruk-teruk, maka dengan itu tiada sebab mengapa kita sendiri tidak melipatgandakan usaha untuk mengeluarkan bahan makanan untuk keperluan kita sendiri. Malah dengan usaha ini kita akan semakin berkurang, dan akhirnya tidak lagi akan bergantung kepada bahan-bahan makanan yang diimpot (seperti beras, bijian lain, buah-buahan, daging). Dan dengan sendirinya bahan makanan yang kita impot itu dapat disalurkan pula ke negara lain yang kurang berjaya, atau tidak langsung dapat mengeluarkan bahan makanan yang mencukupi keperluannya.

Malaysia adalah di antara negara yang bertuah yang mempunyai wang, yang mempunyai kemampuan untuk membeli, khususnya bahan makanan, dari mana-mana punca asing. Malah kita dapat membayar harga yang dipinta, meskipun agak berlebihan. Ada negara lain, misalnya Bangladesh, yang tidak

berkemampuan sedemikian selain dari mengalami berbagai kesulitan-kesulitan untuk mengeluarkan bahan makanan sendiri. Kerajaan kita mengadakan wang berjuta untuk memberi subsidi kepada bahan-bahan keperluan utama supaya rakyat dapat membelinya dengan harga yang rendah dan terkawal. Jadi pada hakikatnya kita adalah kurang adil dalam perbuatan kita ini. Dengan kemampuan yang ada pada kita, kita bukan saja menolong meninggikan harga bahan-bahan makanan bahkan kita telah 'menghalang' bahan-bahan tersebut dibeli oleh negara-negara lain yang memerlukan dengan harga yang lebih murah, apalagi negara kita cukup subur untuk kita berusaha mengeluarkan bahan makanan kita sendiri. Malah dalam hal ini dapat pula kita menahan wang kita mengalir ke negara asing. Jadi dengan Rancangan Buku Hijau, bukan saja dapat kita menyelesaikan masalah kita, bahkan dapat kita menolong menyelesaikan masalah dunia kerana keamanan dan kestabilan dunia bergantung, antara lain, kepada kecukupan bahan makanan sebagai satu elemennya.

Dalam kita melaksanakan rancangan melipatgandakan pengeluaran makanan bagi negara kita ini, walaupun kemungkinannya banyak sekali dan kesanggupannya ada serta alatnya mencukupi, kita mestilah mempunyai cukup keazaman serta kejujuran juga dengan menggunakan segala kebijaksanaan. Sekiranya ini sekadar melepas batuk di tangga, rancangan ini akan gagal sebelum bertunas, malah akan menjadi 'counter-produktive'. Ianya perlu difikir dan dirancang dengan mendalam dan serius — dari peringkat kebangsaan ke peringkat negeri hingga membawa ke peringkat kampung. Dan rancangan melipatgandakan pengeluaran makanan mestilah kita lihat dalam konteks bahawa ianya merupakan satu daripada faktor-unsur atau menjadi sebahagian mutlak dari keseluruhan konsep meninggikan perekonomian desa; dan rancangan meninggikan perekonomian desa mestilah pula kita lihat dalam konteks bahawa ianya menjadi sebahagian, dan bahagian terpenting dari keseluruhan konsep pembangunan negara. Rancangan Buku Hijau mestilah kita lihat dari segi penilaian serta pendekatan sedemikian.

Pada hemat saya, dari perbualan orangramai dan dari jenis

soalan yang dikemukakan, nampaknya ada sedikit kekeliruan dan salah mengerti tentang apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan Rancangan Buku Hijau. Ramai berpendapat ini adalah satu rancangan cebisan ('ad hoc') khususnya bagi mengeluarkan seberapa banyak bahan makanan sebagai usaha menghadapi masalah kekurangan bahan makanan di negara. Berdasarkan matlamatnya iaitu:

a) melipatgandakan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan rakyat dan negara;
b) menambah pendapatan rakyat dan mengurangkan kesan inflasi;
c) mempastikan penggunaan tanah yang 'efficient' dan sepenuhnya;

terdapat **dua** tingkatan atau peringkat dalam melaksanakan tujuan tersebut, iaitu:

1) menanam bahan makanan di sekitar perumahan sendiri sekadar cukup untuk dimakan atau digunakan sendiri;
2) menanam bahan makanan dengan tujuan untuk menjualnya.

Dari sini nyatalah Rancangan Buku Hijau ini bukanlah bertujuan menanam apa saja dan segalanya di mana saja. Pada peringkat menanam bahan makanan di sekitar perumahan sendiri untuk dimakan atau digunakan sendiri, inilah caranya kita meninggikan pendapatan dengan mengurangkan perbelanjaan sekiranya tak payah lagi kita membeli cili, sayuran, telur, halia, serai — kita dapat menjimat belanja harian. Dan bila kurang berbelanja sebenarnya kita membuat simpanan ke atas pendapatan kita. Konsep ini harus difahami betul oleh semua pihak, baik pihak Kerajaan juga pihak peladang, kerana sekiranya tidak, kita akan menghadapi satu keadaan bahan-bahan makanan sedemikian bercambah-cambah dan akhirnya Kerajaan disalahkan kerana tidak mengadakan rancangan pemasaran untuk bahan-bahan tersebut.

Sebenarnya bukan tujuannya pada peringkat ini menanam untuk dijual. Peringkat kedua ialah peringkat menanam bahan makanan untuk dijual — (mungkin sebahagian kecil untuk kegunaan sendiri). Peringkat ini memerlukan satu pemikiran, satu pendekatan dan satu perancangan yang mendalam kerana sebenarnya inilah dasar pertanian kebangsaan kita. Di peringkat

rancangan menanam untuk dijual ini, dari tingkat kebangsaan ke negeri hingga membawa ke kampung, perlulah ditentukan, setelah dikaji teliti semua aspek yang berkaitan umpamanya iklim, keadaan tanah, bukan saja bahan apa yang harus ditanam dan di mana harus ditanam, juga perkara-perkara seperti kemudahan kredit yang liberal, sistem pengangkutan yang 'efficient' dan sistem pemasaran yang efektif mestilah dirancang dan diadakan bagi menjamin kejayaan keseluruhan rancangan ini.

Pendeknya, mestilah ujud satu rancangan pelaksanaan yang diselaraskan ('co-ordinated') umpamanya dari segi penanaman, bimbingan teknoloji menanam, kemudahan kredit, pengangkutan dan pemasaran. Sebagai contohnya, kita ambil negeri Pahang ini. Mesti ada satu rancangan yang diselaraskan untuk seluruh negeri Pahang, seperti apa yang elok ditanam — bukan menanam apa saja dan segalanya di mana saja. Pihak yang merancang mesti menentukan hal begini — dan juga hal-hal lain yang bersangkutan terutamanya sistem pengangkutan dan pemasaran yang efektif. Izinkan saya mengemukakan satu dua misalan di sini. Kita ada Rancangan Jengka dan Pahang Tenggara — jadi tidakkah bahan makanan dan keperluan untuk peserta-peserta kedua rancangan ini datang dari kawasan persekitarannya — seperti sayuran, telur, daging, ikan airtawar? Kita ada kem askar di Mentakab dan Kuantan, dan tak lama lagi di Lipis — tidakkah elok dirangka projek-projek di persekitaran kem-kem tersebut untuk menyediakan bahan-bahan makanan yang diperlukan? Sebaliknya sekiranya di Pahang ini ditanam padi tidak kena pada tempatnya, mungkin sebutir padi nanti berharga satu atau dua sen? Bukankah lebih baik ditempat tersebut ditanam bahan makanan lain yang sesuai dari semua segi — dan dengan hasil yang diperolehi dibeli beras yang diperlukan?

Seperkara lagi yang rasa saya patut saya timbulkan ialah ada kemungkinan kita bukan menghadapi kekurangan bahan makanan tetapi sebenarnya kekurangan bahan makanan yang sempurna, sebab kita kurang memahami apa yang elok dan baik dimakan supaya zat dari bahan-bahan yang dimakan dapat diseimbangkan. Jadi dalam hal ini mungkin perlu kita mengubah kebiasaan dan amalan kita dalam soal makanan,

misalnya kebiasaan atau amalan menjual ayam untuk membeli ikan kering pada hal zat ayam itu lebih tinggi dari ikan kering. Atau elok kita kurang memakan bahan-bahan makanan yang kaya 'carbohydratenya', seperti kurang memakan nasi dan pulut, dan lebih banyak memakan daging ayam dan sayuran — demi menjaga kesihatan tubuh kita juga.

Sebenarnya Rancangan Buku Hijau ini dapat diibaratkan sebagai satu kisah atau cerita yang cantik, tetapi cerita yang cantik akan menjadi sia-sia, malah boleh mendatangkan mudarat, sekiranya kita tidak tahu bagaimana hendak menyampaikannya kepada rakyat khususnya kepada mereka yang bergantung hidup kepada bumi. Matlamat rancangan ini sebenarnya bukanlah dituju kepada menambah bahan makanan di negara kita tetapi yang dituju ialah orangnya, iaitu khususnya penduduk desa dan bagaimana boleh dipertingkat dan dipertinggi mutu hidupnya. Tetapi sekiranya orang itu tidak dapat kita sampai, maka cicirlah rancangan ini. Dalam hal ini semua lapisan yang bersabit — dari perancang dasar induk, perancang dasar implementasi, pegawai-pegawai perkembangan ('extensive officers'), pegawai penerangan, pemberita radio-talivisyen dan akhbar, juga wakil rakyat, mestilah memainkan peranan bagi menyampaikan dengan jelas dan jujur konsep rancangan ini sehingga terjamin kejayaannya.

Sama juga seperti Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua, rancangan menambahkan Universiti-Universiti, rancangan memperbaiki harga getah dan juga lain-lain projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan, Rancangan Buku Hijau ini bukanlah dihasilkan dari keadaan pemikiran panik atau dicetuskan hasil dari sebarang tunjuk perasaan. Ini adalah suatu yang dirancangkan dengan pemikiran dan pendekatan yang waras, tenang, mendalam serta mengambil masa yang agak lama. Ianya bukan hasil mimpi di siang hari — juga bukan hasil dari pemikiran yang sesak. Sekiranya kita cuba menghadapi satu-satu masalah dalam keadaan pemikiran panik atau terus mengamuk, kita bukan sahaja tidak dapat menyelesai apa-apa malahan menimbulkan lebih banyak masalah lagi.

Sebagai kesimpulannya, Rancangan Buku Hijau adalah sebahagian dari usaha meninggikan perekonomian desa yang tidak dapat diasingkan daripada pembangunan negara secara

keseluruhan dengan tujuan untuk meninggikan mutu hidup rakyat desa khasnya. Dan rancangan pembangunan desa ini adalah buah daripada tenaga dan dayausaha pemikiran semua lapisan, wakil rakyat, penyelidik, perancang, pentadbir, pegawai perkembangan, guru, petani, pengarang berita akhbar, radio dan talivisyen — malah semua pihak yang mahu berdikari dalam hal mengadakan bahan makanan yang mencukupi untuk negara sendiri tanpa bergantung kepada negara lain.

Bersama kita membangun desa sambil membangun negara.

Ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Majlis Pelancaran Rancangan Buku Hijau, peringkat negeri Pahang di Wisma Pahang, Kuantan, Pahang pada 24hb. Januari, 1975, jam 10.00 pagi.

TRAJIDI BUKIT KEPONG DALAM KENANGAN

Saudara-saudara, khususnya para anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia, 23 Februari 1950 adalah satu tarikh yang kita semua tidak akan lupakan. Pada 23 Februari 1950, dua puluh enam tahun yang lalu sembilan belas orang daripada rakan saudara telah dibunuh dengan kejamnya oleh pengganas-pengganas komunis di sini. Bahkan bukan saja anggota Polis, lima orang lain, iaitu keluarga mereka telah juga ikut terkorban. Zaman berzaman kita tidak akan melupakan trajidi yang sangat menyayat hati itu.

Peristiwa 23 Februari 1950 itu memperlihatkan dua ciri yang saya rasa elok dan wajar benar kita jadikan tauladan dan amalan. **Pertamanya,** ialah kegagahan dan keberanian yang sungguh luarbiasa yang ditunjukkan oleh anggota Polis, isteri dan keluarga mereka menentang dan berjuang mati-matian bagi mempertahankan Balai Polis yang menjadi lambang atau simbol keamanan dan kedaulatan undang-undang dari serangan komunis yang cuba mengambil alih pemerintahan negara dengan cara kekerasan dan keganasan. Walaupun jumlah bilangan mereka terlalu kecil dibandingkan dengan bilangan musuh yang seramai anggaran tiga ratus orang itu, tetapi menyerah sekali-kali tidak. Mereka rela mengorbankan segala hatta nyawa mereka, dan juga yang mereka amat kasihi demi mempertahan-kan kepercayaan mereka. Dua puluh empat nyawa terkorban. Sekiranya ada pihak-pihak yang mahu mencari hero negara yang mahu diagung dan disanjung inilah orang-orangnya — tidak perlu menyelaminya dari sejarah beratus tahun yang silam.

Tapi pada hemat saya sendiri sambil kita mengagungkan orang perseorangan sebagai perwira atau hero, kita juga mesti memandang sama dan meriwayatkan peristiwa, seperti peristiwa

Bukit Kepong ini, untuk dijadikan bahan sejaran terutama sekali untuk dijadikan bacaan anak-anak sekolah. Dan peristiwa seperti Bukit Kepong ini banyak sekali dapat ditimba dari seluruh negara. Seterusnya Bukit Kepong menjadi bukti kepada pihak yang mahu menyoal sejauh mana taat setia dan kesanggupan anggota Pasukan Keselamatan kita mempertahankan negara. Taat setia dan kerelaan mereka jangan dipersoalkan dan akuan dari mereka jangan dituntut lagi.

Ciri yang **kedua** ialah kesediaan dan kesanggupan orang-orang kampung tampil ke muka untuk membantu anggota-anggota Polis yang diserang itu kerana mereka sedar dan insaf bahawa anggota Polis menjadi benteng yang mahu menyelamatkan mereka dari satu gulungan manusia yang mahu memaksakan, melalui kekerasan dan keganasan, satu cara hidup yang sama sekali mereka tidak redai. Semangat yang dipertunjukkan oleh anggota-anggota Polis dan orang-orang kampung itu memperlihatkan sifat-sifat yang sungguh mulia dan murni, dan bagi kita yang hidup hari ini, marilah kita nyala dan semarakkan lagi semangat ini. Kita semua adalah sama-sama terlibat dan bertanggungjawab mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita dan segala sesuatu yang menjadi kepercayaan dan amalan hidup kita ini. Pasukan Keselamatan sedar dan insaf bahawa adalah menjadi tugas dan tanggungjawab mereka mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara, tetapi rakyat ramai mesti sentiasa sedia tampil membantu dan menyokong Pasukan Keselamatan khususnya apakala mereka menjadi sasaran musuh. Antara Pasukan Keselamatan dan rakyat ramai wajib terjalin kukuh semangat saling-membantu, saling memperkukuhi dan saling-menyandar. Berat sama dipikul ringan sama dijinjing, bukit sama didaki jurang sama dituruni.

Bagi saya peristiwa Bukit Kepong dua puluh enam tahun yang lalu merupakan satu lambang atau satu pernyataan yang wajib kita semua fahami dan insafi sebenar-benarnya. Iaitu perjuangan yang berterusan, yang tidak berputusan dan yang menyeluruh. Ancaman dari pihak komunis ke atas negara kita, kalau kita hanya perhitungkan dari bermulanya zaman darurat dua puluh lapan tahun lalu, terus kita rasakan hingga hari ini. Walaupun kita berjaya mengamankan mereka dalam tahun 1960 dan berjaya menghalau mereka bertempiaran menyeberangi per-

batasan di utara Semenanjung Malaysia, tetapi ancaman dan cabaran dari mereka ke atas kita tidak akan berakhir. Adalah menjadi niat dan perjuangan mereka menakluki kita, maka menjadi tanggungjawab dan perjuangan kita mematahkan mereka.

Perhitungan atau keputusan yang dibuat dalam tahun 1960 ialah bahawa ancaman dan cabaran dari pihak komunis ke atas negara kita sudah selesai dan berakhir. Akibatnya keanggotaan Pasukan Polis telah diturunkan begitu hebat sekali. Sekiranya pada tahun 1952 bilangannya 70,000 orang tapi pada tahun 1960 diturunkan menjadi 25,000 orang, malah pada tahun 1963 diturunkan lagi menjadi 21,000 orang. Walaupun bilangan penduduk bertambah, banyak bandar-bandar baru dibuka, apatah lagi sejak 1963 Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia, pada tahun 1969 keanggotaan Pasukan Polis hanya sekadar 22,300 orang. Hanya sesudah kejadian 13 Mei keanggotaan Polis ditambah sedikit menjadi 28,900 orang, dan hari ini kekuatannya ialah 30,100 orang. Perhitungan dan keputusan tahun 1960 yang mengatakan perjuangan pihak komunis sudah tamat nyata merupakan satu pendapat tanpa pengertian yang mendalam tentang ideologi dan cara-cara perjuangan komunis. Seperti kata saya awal tadi, perjuangan mereka tidak akan selesai sekiranya belum mencapai hajatnya iaitu menakluki kita. Apa yang mereka lakukan pada tahun 1960 ialah mengambil 'one step back in order to take two steps forward'. Dengan segala macam kemajuan dan perkembangan yang berlaku di negara, di samping ancaman dan cabaran yang didatangkan oleh pihak komunis, hari ini tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa kedudukan Pasukan Polis kita dapat diibaratkan orang tidur berselimut pendek. Diselimut kaki terdedah dada, diselimut dada terdedah kaki!

Walaupun begitu kedudukan keanggotaan Pasukan Polis, mereka masih berjaya memikul tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Malah kita wajib mengucapkan syabas dan tahniah di atas keupayaan dan kebolehan mereka menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara dalam keadaan serba kekurangan itu. (Mengikut ingatan saya ramai tokoh dari luarnegeri, iaitu mereka yang mengerti dan memahami selokbelok kerja Polis, telah menzahirkan pendapat

bahawa Pasukan Polis kita adalah di antara pasukan yang tercekap di rantau ini, juga dapat menyaingi Pasukan Polis yang terkemuka di seluruh dunia). Di negeri Johor ini sendiri, misalnya, saya dapat tahu hampir 85% keanggotaan Pasukan Polis adalah terdiri dari mereka yang berumur lebih dari 45 tahun! Tapi rekod kejayaan Polis Johor cemerlang sekali. Pada tahun 1975 saja mereka berjaya merampas 47 pucuk senjatapi dan mematahkan tiga kumpulan haram yang besar, disamping menangkap beratus anggota kumpulan haram. Syabas dan tahniah.

Memandangkan segala macam pembangunan dan perkembangan yang pesat di bidang ekonomi dan sosial yang sedang di laksanakan di seluruh negara, dan menginsafi bahawa ancaman dari pihak komunis dan anasir subversif terus berterusan maka sudah semestinyalah tekanan dan tanggungjawab yang di pikulkan ke bahu Pasukan Keselamatan kita menjadi semakin banyak dan mendesak. Sekiranya mahu dijaminkan segala apa yang diperbangun dan diperkembangkan di bidang ekonomi dan sosial tidak menjadi sia-sia, maka perlulah diperjaminkan bahawa kita mempunyai cukup kekuatan dan tenaga untuk memelihara dan mempertahankan segala pencapaian dan kemajuan itu. Maka oleh itu dalam Rancangan Malaysia Ketiga tunggak dasarnya yang sudah dipersetujui oleh Perdana Menteri kita yang baru, ialah ke arah menggembelingkan pembangunan untuk perpaduan rakyat berangkai dengan ketahanan negara, di mana keselamatan negara menjadi faktor terpenting. Dan sekiranya kita mahu menjaminkan perlindungan yang lebih kepada segala pembangunan ekonomi dan sosial kita serta segala kemajuan yang sudah dicapai, maka wajiblah kita melihat soal perancangan dan pembangunan Pasukan Keselamatan kita berlain sekali dari cara pendekatan kita dari segi pembangunan ekonomi dan sosial. Kalau kita melihat dan mendekati soal pembangunan ekonomi dan sosial atas dasar lima tahun ke lima tahun, maka dari segi perancangan dan pembangunan keselamatan negara wajib kita melihat atas dasar tiga tahun ke tiga tahun. Maksudnya perlindungan dari segi keselamatan negara sentiasa ujud dan terjamin setiap ketika dan waktu, dan sentiasa sedia mendahului perancangan dan pembangunan ekonomi dan sosial.

Dan dari segi Pasukan Polis sendiri Kerajaan sedang memeriksa dan menilai semula kedudukannya dari semua sudut — dari segi kekuatan keanggotaannya, mutu kecekapan dan peralatannya maupun dari segi perkhidmatan, sekim gaji dan kebajikan keluarga. Baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan pembesaran Pasukan Polis dan pengambilan anggota baru secara berperingkat-peringkat sudahpun dimulakan; dan setakat ini cadangannya ialah mengambil seramai 22,000 anggota baru. YAB Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan bahawa Kerajaan sedang mengkaji sekim pergajian baru untuk anggota Polis peringkat rendah. (Berdoalah kita agar ini lekas dilulus dan dilaksanakan). Pihak Kerajaan juga sudah merancangkan satu sekim dalam mana anak-anak anggota Pasukan Keselamatan yang bersekolah, iaitu termasuklah anak-anak Polis, akan dijaga oleh Kerajaan dengan menempatkan mereka di asrama. Dengan demikian masalah persekolahan anak-anak tidak akan terganggu apakala ayah mereka ditukar-tukar bertugas di merata tempat. Saya dengar khabar projek pertama seumpama ini sedang dalam proses perlaksanaan di Perak.

Akhirnya, izinkan saya menujukan sepatah dua kata kepada keluarga anggota Polis, khusus kepada pihak isteri. Satu kesimpulan lagi yang dapat saya timba dari peristiwa Bukit Kepong dua puluh enam tahun lalu ialah betapa perlunya isteri anggota Polis kita mendapat sedikit sebanyak latihan menggunakan senjatapi. Puan-puan mungkin bersama suami puan-puan di balai atau pos yang agak terpencil atau di pinggir belantara yang memungkinkan balai atau pos itu terdedah kepada angkara dari musuh, khususnya dari pihak komunis. Di samping harus sentiasa bersedia dan berwaspada, alangkah bermunafaat dan baiknya andainya puan-puan mempunyai sedikit sebanyak kecekapan menggunakan senjatapi yang dapat dipergunakan untuk mempertahankan diri. Saya minta Ketua Polis Negara menimbangkan cadangan ini.

Sekali lagi saya pergunakan peristiwa Bukit Kepong untuk mengingatkan semua anggota Pasukan Keselamatan supaya sentiasa berjaga dan berwaspada, serta sentiasa cekap dan cekal, baik di mana saudara berada atau bertugas. Sebagai Polis saudara seorang pengaman dan juga seorang pejuang. Saudara-saudara merupakan penghalang ketat bagi mereka yang

melakukan jenayah terhadap masyarakat, pengkhianatan terhadap negara, maka oleh itu saudara-saudara menjadi sasaran. Sesaat pun saudara tidak boleh cuai atau lalai — malah biar saya katakan dalam Pasukan Keselamatan kita tidak ada tempat atau tempoh bagi yang lalai dan cuai. Dan setiap kali salah seorang dari saudara terluka saya turut merasakan pedihnya; dan setiap kali salah seorang dari saudara gugur, saya merasakan diri saya mati bersama sedikit. Sebagai Polis saudara juga adalah sahabat rakyat yang melindungi mereka. Saudara-saudara menganggotai pasukan yang sudah teruji dan terpuji. Pertahan dan peliharalah ia, pupuk dan bajailah ia.

Ucapan YB Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sewaktu memperingati Trajidi Bukit Kepong, Muar pada 23hb. Mac, 1976 di Bukit Kepong, Muar, Johor.

KEGAGALAN KOMINIS DALAM PERJUANGANNYA DI MALAYSIA

Tuan Yang Di Pertua,

Di sepanjang perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang telah berlangsung selama empat hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pandangan, komen dan teguran terhadap perkara-perkara di bawah jagaan Kementerian ini. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat saya suka mengucapkan terimakasih. Segala pandangan, komen dan teguran juga cadangan-cadangan yang dibuat adalah mendapat perhatian serta kajian dan yang mana di dapati praktikal, dan menasabah akan dilaksanakan demi munafaat negara.

Kerajaan amat sedar bahawa keadaan keselamatan negara adalah serius tetapi terkawal. Kalau kita lihat balik kepada tahun lalu, **Parti Komunis Malaya** telah mengisytiharkan tahun 1975 sebagai 'tahun bertempur' atau 'year of combat' dan melancarkan berbagai tindakan dan aktiviti di Semenanjung Malaysia bagi mengisi rancangan mereka itu. Maka itu kita dapati berbagai kejadian yang dicetuskan oleh **Parti Komunis Malaya** yang berlaku sepanjang tahun 1975 sebagai usaha mereka menaikkan semangat pengikut dan penyokong; apalagi memandangkan bahwa **PKM** telah berpecah tiga, maka masing-masing pihak cuba membuktikan kepada yang lain bahawa dialah yang paling berjaya dan berkesan dalam tindakannya.

Akibat dari tindakan mereka 31 anggota Pasukan Keselamatan telah terbunuh dan 87 telah cedera kebanyakannya kena perangkap samar ('booby trap'). Juga dengan pengisytiharan tahun 1975 sebagai 'tahun bertempur' anggota **MNLF (CPM)** telah melakukan pembunuhan ke atas empat orang pegawai polis, dan seorang pegawai penjara, dan melancarkan lima belas

gerakan sabotaj termasuk mengebom Tugu Negara. Anggota apa yang dipanggil **MPLL (CPM-ML)** pula cuba membuktikan kehandalannya dengan melakukan empat pembunuhan (termasuk mendiang Ketua Polis Perak), dan sebelas gerakan sabotaj termasuk mengebom markas Briged Tengah Pasukan Polis Hutan di Kuala Lumpur.

Itulah caranya masing-masing pihak cuba menunjukkan kemampuannya. Bagi pihak Pasukan Keselamatan ianya telah membunuh tujuh orang pengganas komunis dengan lima orang menyerah diri dan seorang ditangkap sambil mengamankan 99 orang penyokongnya. Disamping itu, kita mempunyai bukti bahawa ramai lagi anggota **PKM** yang telah dibunuh tetapi mayatnya diseret oleh rakan-rakan mereka masuk ke kawasan perbatasan Thailand. Di pihak Pasukan Keselamatan tidak ada satu mayat atau anggota yang cedera yang tidak dapat dikesan atau jatuh ke tangan musuh; dan tiada seorang pun yang menyerah diri kepada pihak musuh.

Satu perkara yang wajib kita semua fahami ialah janganlah kita mengukur kejayaan atau kegagalan semata-mata berlandaskan kepada bilangan anggota pengganas komunis yang dapat dibunuh atau diamankan dibandingkan dengan bilangan anggota Pasukan Keselamatan yang gugur dan tercedera. Apa yang wajib kita sedari ialah hasil dari tindakan Pasukan Keselamatan kita telah berjaya mematahkan rancangan **PKM** untuk melancarkan peperangan bersenjata di negara kita. Setakat ini pihak Kerajaan telah berjaya membendung kekuatan pihak **PKM** yang membolehkan mereka membuat serangan-serangan secara langsung ke atas Pasukan Keselamatan. Keperluan-keperluan penting iaitu infrastruktur, 'United Front' dan Pasukan Penggempur bagi meningkatkan aktiviti mereka ke peringkat peperangan bersenjata tidak terdapat di negeri ini. Infrastruktur seperti 'bases' dan 'logistic' yang boleh menampung keperluan mereka belum lagi ujud.

Dalam tahun 1975 sejumlah 30 kem-kem kecil dan 125 tempat berihat yang didirikan oleh pengganas komunis telah dijumpai dan dimusnahkan oleh Pasukan Keselamatan. Dua puluh dua, bekalan tersembunyi ('food dumps') telah dibongkar. Organisasi 'masses' untuk membantu kumpulan bersenjata yang dahulunya ujud dalam bentuk 'United Front' pada masa ini adalah dalam

keadaan lumpuh disebabkan gerakan besar-besaran yang di lancarkan oleh Polis. Gerakan-gerakan ini telah merobohkan penyusunan 'United Front' dalam tahun 1967. Sejak itu pertubuhan komunis telah giat berusaha membangun semula organisasi bawah tanahnya. Tetapi hasil dari operasi yang bertubi-tubi dilancarkan oleh pihak Polis, ramai penyokong pengganas komunis dari kumpulan bawah tanah berjaya diberkas, dan dalam tahun 1975, 383 anggota organisasi bawah tanah telah ditangkap oleh Polis. Satu lagi 'ramuan' penting yang perlu ada bagi melancarkan perang gerila, selain dari infrastruktur dan 'United Front', ialah Unit Penggempur ('Assault Units'). Sehingga ini kita tahu cuma antara 250-300 anggota PKM yang berjaya menyeludup masuk ke Semenanjung Malaysia, dan akibat dari tindakan rapi Pasukan Keselamatan, mereka ini bercempera di Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang, dan sentiasa diburu. Adalah mustahil bagi mana-mana pihak mahu melancarkan perang gerila dengan tujuan menguasai negara dengan hanya 300 orang anggota penggempur. Oleh yang demikian kita mesti terus memburu mereka dan disamping itu memusnahkan infrastruktur dan 'United Front' puak pengganas komunis. Selagi ketiga unsur ini terus kita nafikan kepada pihak pengganas komunis, Insya Allah kita dapat mengawal ketenteraman dan keselamatan negara kita.

Mengikut arahan **PKM** bahawa tahun 1976 adalah tahun meningkatkan pertempuran. Tetapi nampaknya kegiatan mereka dibantut oleh pihak kita. Sebagai satu ukuran biasanya pada 1 Februari tiap-tiap tahun semenjak pemerintahan Jepun dulu, hari itu ialah **Hari Tentera Pembebasan** dan disambut dengan cara membunuh, menyerang Pasukan Keselamatan atau sekurang-kurangnya menaikkan bendera. Tapi tahun ini tidak berlaku apa-apa, alhamdulillah.

Di Sarawak sejak kejayaan **Operasi Sri Aman** hanya tinggal 160 anggota **North Kalimantan Communist Party (NKCP)** dari jumlah asalnya 800 anggota. Kejayaan **Sri Aman** telah melemahkan semangat saki-baki pengganas komunis yang masih di hutan disamping kegagalan mereka mendapat sokongan dari rakyat. Dalam tahun 1975 Pasukan Keselamatan telah berjaya membunuh tiga orang pengganas, menangkap tiga, 16 menyerah diri dan seramai 199 penyokongnya telah ditangkap. Di pihak

kita 6 anggota Pasukan Keselamatan telah terbunuh dan 12 tercedera. Kalau dulu penyokong bawah tanah **NKCP** hampir berjumlah 7,000 orang, maka akibat gerakan tubi oleh polis ketika ini bilangannya kini jauh berkurangan dan mereka langsung tidak dapat bergerak.

Adalah nyata kegagalan yang dialami oleh pihak pengganas komunis itu telah menyebabkan **Parti Komunis Malaya** mengutarakan semula 'thesis protracted struggle'. Bagi pihak kita perkara ini hendaklah kita faham betul-betul. Pertubuhan Komunis tidak akan berundur dari perjuangan. Mereka menunggu masa yang sesuai bagi melancarkan angkara mereka itu. Sementara itu mereka akan cuba menghakiskan tekad kita, mengeksploitasikan perselisihan dan retak-retak di kalangan pucuk pimpinan, mengeksploitasi perasaan tidak puashati dari segi ekonomi, sosial ataupun politik. Pihak pengganas komunis tidak mempunyai sebarang kekuatan sendiri, tetapi memperolehi kekuatan akibat kelemahan kita. Untuk menentang musuh ini maka menjadi tanggungjawab kita untuk menguatkan perpaduan kita dan mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan kita terhadap nilai yang menjadi asas sistem negara kita. Dalam hal ini janganlah sangat kita mementingkan kebendaan, kerana kebendaanlah menjadi ideoloji pihak komunis. **Rukunegara** mesti menjadi panduan hidup kita untuk kebaikan dan kebajikan rohani dan jasmani, dunia dan akhirat.

Oleh kerana kurang fahaman atau pengertian tentang perjuangan pihak komunis yang tidak akan berhenti sehingga tercapai cita-citanya, maka pada tahun 1960 dengan tamatnya darurat maka keanggotaan pasukan Polis yang pada tahun lima puluhan hampir berjumlah 178,000 telah dikurangkan hingga tinggal 51,000 orang dalam tahun 1963; dan dalam tahun 1969 tinggal 31,000 orang sahaja. Hari ini kekuatan Polis ialah 40,717 orang. Inilah bilangan anggota yang ada yang dipertanggungjawabkan bukan saja memerangi pihak komunis di hutan dan bandar, tetapi juga ditugaskan memerangkap penjenayah, penyeludup dan penjual dadah, senjatapi, juga mengawal ketenteraman.

Tapi alhamdulillah, walaupun kekuatannya terhad kejayaan yang dapat dicapai amatlah memuaskan. Contohnya di Kelantan kejadian jenayah adalah berkurangan 30%, dan di Johor

walaupun 85% anggota Polis berumur lebih 45 tahun Polis Johor telah berjaya merampas sebilangan senjatapi sambil mematah-kan beberapa kumpulan haram. Di Kuala Lumpur sendiri kejayaan Polis mengaman kumpulan Botak Chin adalah satu kejayaan yang harus dipuji. Memang benar apabila dikaji 'statistics' jenayah bahawa bilangan peristiwa rompakan bank bertambah pada bulan Januari/Februari 1976 kalau dibanding-kan dengan bulan Januari/Februari 1975 walaupun kejadian jenayah seluruhnya sudah berkurangan sebanyak 30%. Ini adalah disebabkan bank-bank, seperti orang ramai yang masing-masing bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda sendiri, menginsurankan wang-wang mereka. Kawalan mereka pun tidak begitu rapi — kadang-kadang seorang dua jaga (tua pula) sahaja digunakan. Pihak polis baru-baru ini sudah mengadakan mesyuarat dengan pihak bank-bank seluruh negara membincangkan langkah-langkah, dan telah menasihatkan bank-bank menguatkan langkah keselamatan mereka berdasar-kan *Modus Operandi* kes-kes samun yang telah berlaku. Umpamanya:

i) Sistem Amaran ('Alarm System') yang bersambut langsung dengan Balai Polis;
ii) Ramaikan jaga-jaga yang bersenjata dengan cara menjaga yang lebih baik lagi;
iii) Mengadakan 'Remote Control Cameras' kalau boleh.

Kelambatan Polis berkejar ke tempat kejadian samun biasanya ialah sebab lambat menerima pengaduan. Saya minta agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sewaktu membaca akhbar tentang kejadian jenayah, harap bacalah juga tentang kejayaan yang dicapai oleh pihak Polis.

Dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Yang Di Pertua tidak berapa jam yang lalu gang yang merompak kedai emas di Petaling Jaya semalam sudah diamankan — empat dari anggotanya telah dibunuh dalam tembak-menembak serta dapat kembali sebahagian daripada barang kemas yang dirompak. Hanya DSP Kulaisingam dapat cedera di bahagian perut, tetapi alhamdullillah tidak dalam keadaan bahaya. Tahniah.

Baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan supaya Pasukan Polis diperbesarkan dengan menambah bilangan anggota seramai 22,000 orang lagi. Pengambilan orang baru secara

berperingkat sudahpun dimulakan, tetapi urusan ini akan mengambil masa juga kerana semua kakitangan baru khususnya pegawainya perlu menjalani latihan. Rancangan pembesaran Pasukan Polis ini termasuklah pembesaran Pasukan Polis Merin yang ketika ini hanya mempunyai 1,600 orang anggota untuk menjaga pantai yang seluas 30,000 batu dari Perlis ke Sabah. Saya sungguh berbangga dengan kebolehan dan kecekapan yang ditunjukkan oleh anggota Polis wanita, khususnya unit-unit tertentu yang saya sendiri cadangkan dianggotai juga oleh Polis wanita, seperti PPH, FRU, trafik dan pancaragam. Saya sudahpun mengarahkan pihak Polis supaya mengambil anggota wanita untuk Pasukan Polis Merin. Juga di kalangan Orang Asli, ada rancangan pihak polis menambahkan anggota pasukan Senoi Prak.

Seiring dengan rancangan pembesaran Pasukan Polis, hasil dari cadangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan sedang menimbang satu sekim gaji baru untuk anggota-anggota Polis pangkat rendah. Saya dapat tahu sekim cadangan yang dikemukakan itu sekarang sedang dikaji oleh Jawatankuasa Perjawatan ('Establishment Committee') dan Insya Allah keputusannya akan diumumkan dalam beberapa minggu lagi. Dan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa ini di pengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

Satu perkara yang ingin saya lahirkan di sini ialah tentang betapa erat dan kuatnya kerjasama antara Pasukan Polis dan Angkatan Bersenjata yang memikul tanggungjawab serta menjalankan tindakan dan gerakan membasmi musuh negara sebagai satu unit. Ini adalah satu 'asset' yang ada pada kita, dan dengan semangat yang cekal serta berani yang ditunjukkan oleh anggota Polis dan Angkatan Bersenjata, Insya Allah keselamatan negara kita akan terpelihara.

Di peringkat antarabangsa kita mendapat kerjasama yang cukup baik dari Singapura, Indonesia dan Thailand. Banyak maklumat penting telah kita terima dari mereka yang membolehkan kita melancarkan berbagai gerakan hingga membawa kepada kejayaan. Kita juga banyak memberi maklumat kepada mereka. Cumanya saya minta Ahli-Ahli Yang

Berhormat supaya faham, iaitu khususnya dengan Thailand, walaupun seperti kata saya tadi kerjasama antara kedua negara amat baik tetapi pihak Thailand ada mempunyai masalahnya sendiri juga mempunyai prioritinya sendiri. Ini mungkin memberi gambaran seolah kita kurang mendapat kerjasama dari mereka khususnya di kawasan perbatasan. Selain dari maklumat yang banyak yang mereka sampaikan, pihak Thailand mengizinkan dengan syarat-syarat tertentu Pasukan Polis Hutan kita bergerak dan bertindak di dalam Wilayah Thailand.

Sungguhpun seperti kata saya tadi aktiviti-aktiviti pengganas komunis adalah terkawal, sekiranya kita lalai atau cuai ianya boleh menjadi suatu unsur yang menyebabkan tergendalanya projek-projek pembangunan. Seterusnya jika keganasan dan aktiviti sabotaj itu tidak dibendung ianya boleh membawa suatu suasana yang boleh menjejaskan kestabilan dan keyakinan pelaburan di negara ini. Kerajaan sedar pihak pengganas komunis sungguh giat untuk menimbulkan suasana sedemikian, dan salah satu sasaran utamanya ialah rancangan Empangan Temenggor dan lebuhraya Timur-Barat, dan berbagai percubaan sabotaj telah dilancarkan. Kejayaan kedua rancangan ini amatlah penting kepada kita dari segi pembangunan ekonomi juga dari segi pertahanan. Dengan kedua rancangan ini ia bukan sahaja akan menafaatkan penduduk-penduduk di situ bahkan memberikan kesempatan untuk rakyat lain pergi tinggal di situ, atau Kerajaan sendiri menempatkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Ini dengan sendirinya akan menjadi benteng kepada sebarang kemaraan pihak pengganas komunis menyusup masuk ke Semenanjung dari perbatasan.

Maka nyatalah bahawa perjuangan kita menentang pengganas komunis ini bukanlah semata-mata harus dipikulkan kepada Pasukan Keselamatan; rakyat semua mesti terlibat sama kerana sekiranya pengganas komunis berkuasa rakyatlah yang akan merasakan celakanya. Dengan memahami hakikat bahawa perjuangan ini adalah perjuangan rakyat maka Kerajaan telah merancangkan berbagai sekim di mana rakyat boleh menyumbang bakti ke arah pertahanan negara. **RELA** adalah satu dari alat penyertaan rakyat, dan apa yang diharapkan dari **RELA** ialah supaya ia menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan, dan tidak semestinya tiap-tiap anggota **RELA** dibekalkan senjatapi.

Ada tempat-tempatnya di mana **RELA** boleh bertindak tanpa menggunakan senjatapi, dan ada tempat-tempatnya **RELA** perlu dibekalkan senjatapi.

Rukun Tetangga adalah satu lagi sekim penyertaan rakyat ke arah pertahanan negara. Ketika ini Kerajaan sedang mengkaji untuk menyelaraskan tugas **RELA** dan **Rukun Tetangga** supaya dapat bertindak dengan lebih berkesan. Satu lagi sekim yang diadakan ialah menubuhkan **Pasukan Kedet Polis** dan **Kedet Askar** di sekolah-sekolah. Saya sukacita mengumumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan peruntukan menambahkan penubuhan platun **Kedet Polis.** Inilah caranya kita mendidik rakyat kita dari bangku sekolah lagi tentang peri mustahaknya memahami kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara.

Mengikut thema Rancangan Malaysia Ketiga peranan Polis ialah menjadi pengaman dan pembangun. Maka itu menjadi tanggungjawab anggota Polis supaya membantu rakyat di setiap peringkat ke arah pembangunan diri dan masyarakat. Saya sudahpun merancangkan untuk menempatkan seorang anggota Polis di tiap-tiap kampung di seluruh negara sebagai satu strateji baru Polis sebagai pengaman an pembangun. Buat ketika ini saya cadangkan kampung-kampung tertentu di beberapa negeri tertentu dipilih dulu untuk rancangan ini.

Akhirnya saya penuh percaya satu senjata yang paling mustajab menentang pengganas komunis ialah memperkukuhkan ketahan kita dari segi akhlak dan rohani dan berpegang teguh serta mengamalkan prinsip **Rukunegara.** Seperti kata saya awal tadi, pihak pengganas komunis tidak mempunyai kekuatannya sendiri tetapi memperolehi kekuatan akibat kelemahan kita sendiri. Selagi kita kuat semangat, tabah dan yakin kepada diri kita, berpandukan nilai-nilai kerohanian dan akhlak yang tinggi sambil mengimbangkannya dengan nilai kebendaan, dan selagi kita memahami betul-betul tindak tanduk dan ideoloji pengganas komunis yang ada ketikanya bertopengkan ugama, budaya, serta nasionalisma, dan selagi rakyat memberi sepenuh kerjasama kepada Kerajaan Insya Allah negara kita akan terpelihara.

Ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sewaktu menggulung usul terimakasih atas Titah DiRaja di Parlimen pada hari Rabu, 7hb. April, 1976.

JENTERA PELAKSANAAN DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

Perancangan-perancangan yang baik dan rapi tidak akan menjamin kejayaan tanpa penyelarasan, kelicinan dan kesempurnaan jentera pelaksanaan serta dengan ketiadaan dedikasi dan *'morale'* yang tinggi di kalangan pentadbir-pentadbir.

Selagi kelemahan-kelemahan jentera pelaksanaan belum diatasi dalam ertikata mengujudkan usaha dan tindakan yang selaras, kerjasama yang memuaskan, kefahaman yang baik serta pandangan yang luas di kalangan *'implementing agencies'* dan ajensi-ajensi pusat terhadap sumbangan-sumbangan dan objek-tif-objektif sesuatu program/projek, selama itulah cita-cita dan perjuangan kita, seperti yang terkandong dalam Dasar Ekonomi Baru, tidak akan tercapai.

Apa yang menjadi kebimbangan kita ialah masalah-masalah pelaksanaan yang merundung Rancangan Malaysia Kedua akan diwarisi oleh Rancangan Malaysia Ketiga. Pada kali ini, sekiranya langkah-langkah positif tidak diambil, keadaan akan bertambah genting dan meruncingkan lagi dengan adanya ancaman keselamatan yang kian memuncak yang mana akan menambahkan lagi beban kita dan menjejaskan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Kita juga harus menyedari bahawa strateji yang paling *'viable'* di dalam menentang ancaman pengganas kominis ialah melalui 'pembangunan' sedangkan kejayaan pembangunan itu sendiri adalah bergantong kepada kecekapan jentera pelaksanaan kita.

Di dalam proses pembangunan, kita mempunyai banyak pilihan atau *'options'* tetapi di dalam menyusun dan mengemas-kan jentera pelaksanaan, kita tidak mempunyai pilihan lain melainkan dengan mengadakan satu *'massive shake-up'* di

dalam sistem pentadbiran dengan sikap tegas, pragmatis dan penuh keazaman.

Mengikut apa yang dikatakan kaedah masalah pelaksanaan , ajensi-ajensi operasional (operating agencies) itu sendiri mestilah mempunyai kesanggupan dan bertanggungjawab di dalam mengujudkan kemahiran dan keupayaan di dalam hal 'penyelesaian masalah' (problem solving). Tanggungjawab ini bukanlah terletak di atas ajensi-ajensi pusat seperti Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Perancang Ekonomi, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan. Ajensi-ajensi pusat ini hanya menjalankan tugas penyelesaian masalah setelah ajensi-ajensi operasional menghubungi dan mengemukakan masalah kepadanya.

Penyelesaian masalah ke atas masalah pelaksanaan hendaklah sebaik-baiknya diselesaikan di peringkat pelaksanaan itu sendiri melalui apa yang dikatakan 'penyelesaian yang kreatif' atau *'creative imagination'*. Sekiranya ajensi-ajensi operasional ini tidak mempunyai keupayaan dalam hal ini dan seterusnya memerlukan kepada pertambahan bahan-bahan sumber (resources), ajensi-ajensi operasional ini hendaklah menghubungi ajensi-ajensi pusat Jabatan Perkhidmatan Awam (untuk kakitangan), Perbendaharaan (untuk kewangan), Bahagian Perancang Ekonomi (untuk kelulusan projek), Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan (untuk *'monitoring'*) dengan kadar yang segera.

Isu yang penting ialah penyelesaian masalah, dan isu ini hendaklah ditekankan di dalam jentera pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Masalah-Masalah Pelaksanaan Yang Dirancang

A. Pelaksanaan

Di dalam pentadbiran, adalah amat penting bagi sesuatu ajensi itu memahami tentang hubungan dan kaitan di antara satu sama lain tentang beberapa konsep yang pokok dan untuk mempunyai persamaan kefahaman mengenainya. Konsep-konsep ini tidak boleh ditukar ganti dan adalah disusun mengikut susunan *'hierarchical'* di dalam pengurusan dasar awam.

Yang pertama, konsep 'Objektif'. Konsep ini merupakan perlakuan yang dimaksudkan bagi sesuatu organisasi itu

mengikut apakah objektif atau *'goal'* yang hendak dicapai oleh organisasi itu. Matlamat ini mestilah dinyatakan dengan seberapa jelas yang mungkin dalam bentuk yunit-yunit *'resources'* yang dicapainya: yunit-yunit *'resources'* ini sebenarnya merupakan faedah-faedah yang mesti diagihkan kepada kumpulan-kumpulan rakyat tertentu dalam ertikata apa peringkat atau jumlah barang-barang dan perkhidmatan yang optima yang mesti diperolehi oleh kumpulan-kumpulan tersebut dari organisasi yang berkenaan, terutamanya dalam bentuk daya pengeluaran, pendapatan, kemahiran, pekerjaan dan sebagainya.

Yang kedua, konsep 'Dasar'. Konsep ini mempunyai berbagai definisi tetapi dalam kontek operasinya, dasar adalah serupakan satu proses bagaimana sumber-sumber *'input'* sesuatu organisasi itu (kewangan, kakitangan, teknologi, maklumat), boleh dirangkumkan di dalam keadaan optima mengikut keputusan apakah yang perlu dibuat untuk mencapai yunit-yunit *'output'* sebagaimana yang dinyatakan di dalam objektifnya. Rengkasnya, dasar itu ialah satu siri kaedah-kaedah keputusan yang meliputi perubahan *'input'* kepada *'output'* organisasi itu.

Yang ketiga, konsep *'Program'*. Di dalam ertikata yang *'specific'*, program ialah pembentukan beberapa aktiviti yang *'reciprocal'* untuk menghasilkan jenis-jenis *'output'* yang *'specific'*. Sumber-sumber kewangan, kakitangan, teknoloji dan maklumat adalah dirangkumkan mengikut keadaan yang *'specific'* di peringkat operasi organisasi itu untuk menghasilkan *'output'* sebagaimana yang dinyatakan oleh objektif yang juga sebagaimana yang diputuskan oleh kaedah keputusan.

Yang ke empat, ialah konsep 'Strateji'. Strateji ialah cara untuk menghasilkan *'output'* program-program dengan lojik dan sistematik terutama sekali dengan mencantumkan (combine) bersekali beberapa program dalam sesebuah organisasi dan juga di antara organisasi yang lain. Di dalam pentadbiran, adalah didapati banyak jenis strateji antara lain ialah strateji yang seimbang, strateji tak seimbang, strateji berpadu, strateji *'hierarchy'*, strateji penyelarasan dan lain-lain. Satu-satu strateji menghubungi beberapa program *'horizontally'* di dalam keadaan yang lojik.

Di antara sebab-sebab yang penting yang menyebabkan

melakukan jenayah terhadap masyarakat, pengkhianatan terhadap negara, maka oleh itu saudara-saudara menjadi sasaran. Sesaat pun saudara tidak boleh cuai atau lalai — malah biar saya katakan dalam Pasukan Keselamatan kita tidak ada tempat atau tempoh bagi yang lalai dan cuai. Dan setiap kali salah seorang dari saudara terluka saya turut merasakan pedihnya; dan setiap kali salah seorang dari saudara gugur, saya merasakan diri saya mati bersama sedikit. Sebagai Polis saudara juga adalah sahabat rakyat yang melindungi mereka. Saudara-saudara menganggotai pasukan yang sudah teruji dan terpuji. Pertahan dan peliharalah ia, pupuk dan bajailah ia.

Ucapan YB Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sewaktu memperingati Trajidi Bukit Kepong, Muar pada 23hb. Mac, 1976 di Bukit Kepong, Muar, Johor.

KEGAGALAN KOMINIS DALAM PERJUANGANNYA DI MALAYSIA

Tuan Yang Di Pertua,

Di sepanjang perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang telah berlangsung selama empat hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pandangan, komen dan teguran terhadap perkara-perkara di bawah jagaan Kementerian ini. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat saya suka mengucapkan terimakasih. Segala pandangan, komen dan teguran juga cadangan-cadangan yang dibuat adalah mendapat perhatian serta kajian dan yang mana di dapati praktikal, dan menasabah akan dilaksanakan demi munafaat negara.

Kerajaan amat sedar bahawa keadaan keselamatan negara adalah serius tetapi terkawal. Kalau kita lihat balik kepada tahun lalu, **Parti Komunis Malaya** telah mengisytiharkan tahun 1975 sebagai 'tahun bertempur' atau 'year of combat' dan melancarkan berbagai tindakan dan aktiviti di Semenanjung Malaysia bagi mengisi rancangan mereka itu. Maka itu kita dapati berbagai kejadian yang dicetuskan oleh **Parti Komunis Malaya** yang berlaku sepanjang tahun 1975 sebagai usaha mereka menaikkan semangat pengikut dan penyokong; apalagi memandangkan bahwa **PKM** telah berpecah tiga, maka masing-masing pihak cuba membuktikan kepada yang lain bahawa dialah yang paling berjaya dan berkesan dalam tindakannya.

Akibat dari tindakan mereka 31 anggota Pasukan Keselamatan telah terbunuh dan 87 telah cedera kebanyakannya kena perangkap samar ('booby trap'). Juga dengan pengisytiharan tahun 1975 sebagai 'tahun bertempur' anggota **MNLF (CPM)** telah melakukan pembunuhan ke atas empat orang pegawai polis, dan seorang pegawai penjara, dan melancarkan lima belas

gerakan sabotaj termasuk mengebom Tugu Negara. Anggota apa yang dipanggil **MPLL (CPM-ML)** pula cuba membuktikan kehandalannya dengan melakukan empat pembunuhan (termasuk mendiang Ketua Polis Perak), dan sebelas gerakan sabotaj termasuk mengebom markas Briged Tengah Pasukan Polis Hutan di Kuala Lumpur.

Itulah caranya masing-masing pihak cuba menunjukkan kemampuannya. Bagi pihak Pasukan Keselamatan ianya telah membunuh tujuh orang pengganas komunis dengan lima orang menyerah diri dan seorang ditangkap sambil mengamankan 99 orang penyokongnya. Disamping itu, kita mempunyai bukti bahawa ramai lagi anggota **PKM** yang telah dibunuh tetapi mayatnya diseret oleh rakan-rakan mereka masuk ke kawasan perbatasan Thailand. Di pihak Pasukan Keselamatan tidak ada satu mayat atau anggota yang cedera yang tidak dapat dikesan atau jatuh ke tangan musuh; dan tiada seorang pun yang menyerah diri kepada pihak musuh.

Satu perkara yang wajib kita semua fahami ialah janganlah kita mengukur kejayaan atau kegagalan semata-mata berlandaskan kepada bilangan anggota pengganas komunis yang dapat dibunuh atau diamankan dibandingkan dengan bilangan anggota Pasukan Keselamatan yang gugur dan tercedera. Apa yang wajib kita sedari ialah hasil dari tindakan Pasukan Keselamatan kita telah berjaya mematahkan rancangan **PKM** untuk melancarkan peperangan bersenjata di negara kita. Setakat ini pihak Kerajaan telah berjaya membendung kekuatan pihak **PKM** yang membolehkan mereka membuat serangan-serangan secara langsung ke atas Pasukan Keselamatan. Keperluan-keperluan penting iaitu infrastruktur„ "United Front" dan Pasukan Penggempur bagi meningkatkan aktiviti mereka ke peringkat peperangan bersenjata tidak terdapat di negeri ini. Infrastruktur seperti "bases" dan "logistic" yang boleh menampung keperluan mereka belum lagi ujud.

Dalam tahun 1975 sejumlah 30 kem-kem kecil dan 125 tempat berihat yang didirikan oleh pengganas komunis telah dijumpai dan dimusnahkan oleh Pasukan Keselamatan. Dua puluh dua„ bekalan tersembunyi ("food dumps") telah dibongkar. Organisasi "masses" untuk membantu kumpulan bersenjata yang dahulunya ujud dalam bentuk "United Front" pada masa ini adalah dalam

keadaan lumpuh disebabkan gerakan besar-besaran yang di lancarkan oleh Polis. Gerakan-gerakan ini telah merobohkan penyusunan 'United Front' dalam tahun 1967. Sejak itu pertubuhan komunis telah giat berusaha membangun semula organisasi bawah tanahnya. Tetapi hasil dari operasi yang bertubi-tubi dilancarkan oleh pihak Polis, ramai penyokong pengganas komunis dari kumpulan bawah tanah berjaya diberkas, dan dalam tahun 1975, 383 anggota organisasi bawah tanah telah ditangkap oleh Polis. Satu lagi 'ramuan' penting yang perlu ada bagi melancarkan perang gerila, selain dari infrastruktur dan 'United Front', ialah Unit Penggempur ('Assault Units'). Sehingga ini kita tahu cuma antara 250-300 anggota **PKM** yang berjaya menyeludup masuk ke Semenanjung Malaysia, dan akibat dari tindakan rapi Pasukan Keselamatan, mereka ini bercempera di Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang, dan sentiasa diburu. Adalah mustahil bagi mana-mana pihak mahu melancarkan perang gerila dengan tujuan menguasai negara dengan hanya 300 orang anggota penggempur. Oleh yang demikian kita mesti terus memburu mereka dan disamping itu memusnahkan infrastruktur dan 'United Front' puak pengganas komunis. Selagi ketiga unsur ini terus kita nafikan kepada pihak pengganas komunis, Insya Allah kita dapat mengawal ketenteraman dan keselamatan negara kita.

Mengikut arahan **PKM** bahawa tahun 1976 adalah tahun meningkatkan pertempuran. Tetapi nampaknya kegiatan mereka dibantut oleh pihak kita. Sebagai satu ukuran biasanya pada 1 Februari tiap-tiap tahun semenjak pemerintahan Jepun dulu, hari itu ialah **Hari Tentera Pembebasan** dan disambut dengan cara membunuh, menyerang Pasukan Keselamatan atau sekurang-kurangnya menaikkan bendera. Tapi tahun ini tidak berlaku apa-apa, alhamdulillah.

Di Sarawak sejak kejayaan **Operasi Sri Aman** hanya tinggal 160 anggota **North Kalimantan Communist Party (NKCP)** dari jumlah asalnya 800 anggota. Kejayaan **Sri Aman** telah melemahkan semangat saki-baki pengganas komunis yang masih di hutan disamping kegagalan mereka mendapat sokongan dari rakyat. Dalam tahun 1975 Pasukan Keselamatan telah berjaya membunuh tiga orang pengganas, menangkap tiga, 16 menyerah diri dan seramai 199 penyokongnya telah ditangkap. Di pihak

kita 6 anggota Pasukan Keselamatan telah terbunuh dan 12 tercedera. Kalau dulu penyokong bawah tanah **NKCP** hampir berjumlah 7,000 orang, maka akibat gerakan tubi oleh polis ketika ini bilangannya kini jauh berkurangan dan mereka langsung tidak dapat bergerak.

Adalah nyata kegagalan yang dialami oleh pihak pengganas komunis itu telah menyebabkan **Parti Komunis Malaya** mengutarakan semula 'thesis protracted struggle'. Bagi pihak kita perkara ini hendaklah kita faham betul-betul. Pertubuhan Komunis tidak akan berundur dari perjuangan. Mereka menunggu masa yang sesuai bagi melancarkan angkara mereka itu. Sementara itu mereka akan cuba menghakiskan tekad kita, mengeksploitasikan perselisihan dan retak-retak di kalangan pucuk pimpinan, mengeksploitasi perasaan tidak puashati dari segi ekonomi, sosial ataupun politik. Pihak pengganas komunis tidak mempunyai sebarang kekuatan sendiri, tetapi memperolehi kekuatan akibat kelemahan kita. Untuk menentang musuh ini maka menjadi tanggungjawab kita untuk menguatkan perpaduan kita dan mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan kita terhadap nilai yang menjadi asas sistem negara kita. Dalam hal ini janganlah sangat kita mementingkan kebendaan, kerana kebendaanlah menjadi ideoloji pihak komunis. **Rukunegara** mesti menjadi panduan hidup kita untuk kebaikan dan kebajikan rohani dan jasmani, dunia dan akhirat.

Oleh kerana kurang fahaman atau pengertian tentang perjuangan pihak komunis yang tidak akan berhenti sehingga tercapai cita-citanya, maka pada tahun 1960 dengan tamatnya darurat maka keanggotaan pasukan Polis yang pada tahun lima puluhan hampir berjumlah 178,000 telah dikurangkan hingga tinggal 51,000 orang dalam tahun 1963; dan dalam tahun 1969 tinggal 31,000 orang sahaja. Hari ini kekuatan Polis ialah 40,717 orang. Inilah bilangan anggota yang ada yang dipertanggungjawabkan bukan saja memerangi pihak komunis di hutan dan bandar, tetapi juga ditugaskan memerangkap penjenayah, penyeludup dan penjual dadah, senjatapi, juga mengawal ketenteraman.

Tapi alhamdulillah, walaupun kekuatannya terhad kejayaan yang dapat dicapai amatlah memuaskan. Contohnya di Kelantan kejadian jenayah adalah berkurangan 30%, dan di Johor

walaupun 85% anggota Polis berumur lebih 45 tahun Polis Johor telah berjaya merampas sebilangan senjatapi sambil mematah-kan beberapa kumpulan haram. Di Kuala Lumpur sendiri kejayaan Polis mengaman kumpulan Botak Chin adalah satu kejayaan yang harus dipuji. Memang benar apabila dikaji 'statistics' jenayah bahawa bilangan peristiwa rompakan bank bertambah pada bulan Januari/Februari 1976 kalau dibanding-kan dengan bulan Januari/Februari 1975 walaupun kejadian jenayah seluruhnya sudah berkurangan sebanyak 30%. Ini adalah disebabkan bank-bank, seperti orang ramai yang masing-masing bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda sendiri, menginsurankan wang-wang mereka. Kawalan mereka pun tidak begitu rapi — kadang-kadang seorang dua jaga (tua pula) sahaja digunakan. Pihak polis baru-baru ini sudah mengadakan mesyuarat dengan pihak bank-bank seluruh negara membincangkan langkah-langkah, dan telah menasihatkan bank-bank menguatkan langkah keselamatan mereka berdasar-kan *Modus Operandi* kes-kes samun yang telah berlaku. Umpamanya:

i) Sistem Amaran ('Alarm System') yang bersambut langsung dengan Balai Polis;
ii) Ramaikan jaga-jaga yang bersenjata dengan cara menjaga yang lebih baik lagi;
iii) Mengadakan 'Remote Control Cameras' kalau boleh.

Kelambatan Polis berkejar ke tempat kejadian samun biasanya ialah sebab lambat menerima pengaduan. Saya minta agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sewaktu membaca akhbar tentang kejadian jenayah, harap bacalah juga tentang kejayaan yang dicapai oleh pihak Polis.

Dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Yang Di Pertua tidak berapa jam yang lalu gang yang merompak kedai emas di Petaling Jaya semalam sudah diamankan — empat dari anggotanya telah dibunuh dalam tembak-menembak serta dapat kembali sebahagian daripada barang kemas yang dirompak. Hanya DSP Kulaisingam dapat cedera di bahagian perut, tetapi alhamdullillah tidak dalam keadaan bahaya. Tahniah.

Baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan supaya Pasukan Polis diperbesarkan dengan menambah bilangan anggota seramai 22,000 orang lagi. Pengambilan orang baru secara

berperingkat sudahpun dimulakan, tetapi urusan ini akan mengambil masa juga kerana semua kakitangan baru khususnya pegawainya perlu menjalani latihan. Rancangan pembesaran Pasukan Polis ini termasuklah pembesaran Pasukan Polis Merin yang ketika ini hanya mempunyai 1,600 orang anggota untuk menjaga pantai yang seluas 30,000 batu dari Perlis ke Sabah. Saya sungguh berbangga dengan kebolehan dan kecekapan yang ditunjukkan oleh anggota Polis wanita, khususnya unit-unit tertentu yang saya sendiri cadangkan dianggotai juga oleh Polis wanita, seperti PPH, FRU, trafik dan pancaragam. Saya sudahpun mengarahkan pihak Polis supaya mengambil anggota wanita untuk Pasukan Polis Merin. Juga di kalangan Orang Asli, ada rancangan pihak polis menambahkan anggota pasukan Senoi Prak.

Seiring dengan rancangan pembesaran Pasukan Polis, hasil dari cadangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan sedang menimbang satu sekim gaji baru untuk anggota-anggota Polis pangkat rendah. Saya dapat tahu sekim cadangan yang dikemukakan itu sekarang sedang dikaji oleh Jawatankuasa Perjawatan ('Establishment Committee') dan Insya Allah keputusannya akan diumumkan dalam beberapa minggu lagi. Dan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa ini di pengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

Satu perkara yang ingin saya lahirkan di sini ialah tentang betapa erat dan kuatnya kerjasama antara Pasukan Polis dan Angkatan Bersenjata yang memikul tanggungjawab serta menjalankan tindakan dan gerakan membasmi musuh negara sebagai satu unit. Ini adalah satu 'asset' yang ada pada kita, dan dengan semangat yang cekal serta berani yang ditunjukkan oleh anggota Polis dan Angkatan Bersenjata, Insya Allah keselamatan negara kita akan terpelihara.

Di peringkat antarabangsa kita mendapat kerjasama yang cukup baik dari Singapura, Indonesia dan Thailand. Banyak maklumat penting telah kita terima dari mereka yang membolehkan kita melancarkan berbagai gerakan hingga membawa kepada kejayaan. Kita juga banyak memberi maklumat kepada mereka. Cumanya saya minta Ahli-Ahli Yang

Berhormat supaya faham, iaitu khususnya dengan Thailand, walaupun seperti kata saya tadi kerjasama antara kedua negara amat baik tetapi pihak Thailand ada mempunyai masalahnya sendiri juga mempunyai prioritinya sendiri. Ini mungkin memberi gambaran seolah kita kurang mendapat kerjasama dari mereka khususnya di kawasan perbatasan. Selain dari maklumat yang banyak yang mereka sampaikan, pihak Thailand mengizinkan dengan syarat-syarat tertentu Pasukan Polis Hutan kita bergerak dan bertindak di dalam Wilayah Thailand.

Sungguhpun seperti kata saya tadi aktiviti-aktiviti pengganas komunis adalah terkawal, sekiranya kita lalai atau cuai ianya boleh menjadi suatu unsur yang menyebabkan tergendalanya projek-projek pembangunan. Seterusnya jika keganasan dan aktiviti sabotaj itu tidak dibendung ianya boleh membawa suatu suasana yang boleh menjejaskan kestabilan dan keyakinan pelaburan di negara ini. Kerajaan sedar pihak pengganas komunis sungguh giat untuk menimbulkan suasana sedemikian, dan salah satu sasaran utamanya ialah rancangan Empangan Temenggor dan lebuhraya Timur-Barat, dan berbagai percubaan sabotaj telah dilancarkan. Kejayaan kedua rancangan ini amatlah penting kepada kita dari segi pembangunan ekonomi juga dari segi pertahanan. Dengan kedua rancangan ini ia bukan sahaja akan menafaatkan penduduk-penduduk di situ bahkan memberikan kesempatan untuk rakyat lain pergi tinggal di situ, atau Kerajaan sendiri menempatkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Ini dengan sendirinya akan menjadi benteng kepada sebarang kemaraan pihak pengganas komunis menyusup masuk ke Semenanjung dari perbatasan.

Maka nyatalah bahawa perjuangan kita menentang pengganas komunis ini bukanlah semata-mata harus dipikulkan kepada Pasukan Keselamatan; rakyat semua mesti terlibat sama kerana sekiranya pengganas komunis berkuasa rakyatlah yang akan merasakan celakanya. Dengan memahami hakikat bahawa perjuangan ini adalah perjuangan rakyat maka Kerajaan telah merancangkan berbagai sekim di mana rakyat boleh menyumbang bakti ke arah pertahanan negara. **RELA** adalah satu dari alat penyertaan rakyat, dan apa yang diharapkan dari **RELA** ialah supaya ia menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan, dan tidak semestinya tiap-tiap anggota **RELA** dibekalkan senjatapi.

Ada tempat-tempatnya di mana **RELA** boleh bertindak tanpa menggunakan senjatapi, dan ada tempat-tempatnya **RELA** perlu dibekalkan senjatapi.

Rukun Tetangga adalah satu lagi sekim penyertaan rakyat ke arah pertahanan negara. Ketika ini Kerajaan sedang mengkaji untuk menyelaraskan tugas **RELA** dan **Rukun Tetangga** supaya dapat bertindak dengan lebih berkesan. Satu lagi sekim yang diadakan ialah menubuhkan **Pasukan Kedet Polis** dan **Kedet Askar** di sekolah-sekolah. Saya sukacita mengumumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan peruntukan menambahkan penubuhan platun **Kedet Polis.** Inilah caranya kita mendidik rakyat kita dari bangku sekolah lagi tentang peri mustahaknya memahami kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara.

Mengikut thema Rancangan Malaysia Ketiga peranan Polis ialah menjadi pengaman dan pembangun. Maka itu menjadi tanggungjawab anggota Polis supaya membantu rakyat di setiap peringkat ke arah pembangunan diri dan masyarakat. Saya sudahpun merancangkan untuk menempatkan seorang anggota Polis di tiap-tiap kampung di seluruh negara sebagai satu strateji baru Polis sebagai pengaman an pembangun. Buat ketika ini saya cadangkan kampung-kampung tertentu di beberapa negeri tertentu dipilih dulu untuk rancangan ini.

Akhirnya saya penuh percaya satu senjata yang paling mustajab menentang pengganas komunis ialah memperkukuhkan ketahan kita dari segi akhlak dan rohani dan berpegang teguh serta mengamalkan prinsip **Rukunegara.** Seperti kata saya awal tadi, pihak pengganas komunis tidak mempunyai kekuatannya sendiri tetapi memperolehi kekuatan akibat kelemahan kita sendiri. Selagi kita kuat semangat, tabah dan yakin kepada diri kita, berpandukan nilai-nilai kerohanian dan akhlak yang tinggi sambil mengimbangkannya dengan nilai kebendaan, dan selagi kita memahami betul-betul tindak tanduk dan ideoloji pengganas komunis yang ada ketikanya bertopengkan ugama, budaya, serta nasionalisma, dan selagi rakyat memberi sepenuh kerjasama kepada Kerajaan Insya Allah negara kita akan terpelihara.

Ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sewaktu menggulung usul terimakasih atas Titah DiRaja di Parlimen pada hari Rabu, 7hb. April, 1976.

JENTERA PELAKSANAAN DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

Perancangan-perancangan yang baik dan rapi tidak akan menjamin kejayaan tanpa penyelarasan, kelicinan dan kesempurnaan jentera pelaksanaan serta dengan ketiadaan dedikasi dan *'morale'* yang tinggi di kalangan pentadbir-pentadbir.

Selagi kelemahan-kelemahan jentera pelaksanaan belum diatasi dalam ertikata mengujudkan usaha dan tindakan yang selaras, kerjasama yang memuaskan, kefahaman yang baik serta pandangan yang luas di kalangan *'implementing agencies'* dan ajensi-ajensi pusat terhadap sumbangan-sumbangan dan objek-tif-objektif sesuatu program/projek, selama itulah cita-cita dan perjuangan kita, seperti yang terkandong dalam Dasar Ekonomi Baru, tidak akan tercapai.

Apa yang menjadi kebimbangan kita ialah masalah-masalah pelaksanaan yang merundung Rancangan Malaysia Kedua akan diwarisi oleh Rancangan Malaysia Ketiga. Pada kali ini, sekiranya langkah-langkah positif tidak diambil, keadaan akan bertambah genting dan meruncingkan lagi dengan adanya ancaman keselamatan yang kian memuncak yang mana akan menambahkan lagi beban kita dan menjejaskan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Kita juga harus menyedari bahawa strateji yang paling *'viable'* di dalam menentang ancaman pengganas kominis ialah melalui 'pembangunan' sedangkan kejayaan pembangunan itu sendiri adalah bergantong kepada kecekapan jentera pelaksanaan kita.

Di dalam proses pembangunan, kita mempunyai banyak pilihan atau *'options'* tetapi di dalam menyusun dan mengemas-kan jentera pelaksanaan, kita tidak mempunyai pilihan lain melainkan dengan mengadakan satu *'massive shake-up'* di

dalam sistem pentadbiran dengan sikap tegas, pragmatis dan penuh keazaman.

Mengikut apa yang dikatakan kaedah masalah pelaksanaan , ajensi-ajensi operasional (operating agencies) itu sendiri mestilah mempunyai kesanggupan dan bertanggungjawab di dalam mengujudkan kemahiran dan keupayaan di dalam hal 'penyelesaian masalah' (problem solving). Tanggungjawab ini bukanlah terletak di atas ajensi-ajensi pusat seperti Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Perancang Ekonomi, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan. Ajensi-ajensi pusat ini hanya menjalankan tugas penyelesaian masalah setelah ajensi-ajensi operasional menghubungi dan mengemukakan masalah kepadanya.

Penyelesaian masalah ke atas masalah pelaksanaan hendaklah sebaik-baiknya diselesaikan di peringkat pelaksanaan itu sendiri melalui apa yang dikatakan 'penyelesaian yang kreatif' atau *'creative imagination'*. Sekiranya ajensi-ajensi operasional ini tidak mempunyai keupayaan dalam hal ini dan seterusnya memerlukan kepada pertambahan bahan-bahan sumber (resources), ajensi-ajensi operasional ini hendaklah menghubungi ajensi-ajensi pusat Jabatan Perkhidmatan Awam (untuk kakitangan), Perbendaharaan (untuk kewangan), Bahagian Perancang Ekonomi (untuk kelulusan projek), Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan (untuk *'monitoring'*) dengan kadar yang segera.

Isu yang penting ialah penyelesaian masalah, dan isu ini hendaklah ditekankan di dalam jentera pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Masalah-Masalah Pelaksanaan Yang Dirancang

A. Pelaksanaan

Di dalam pentadbiran, adalah amat penting bagi sesuatu ajensi itu memahami tentang hubungan dan kaitan di antara satu sama lain tentang beberapa konsep yang pokok dan untuk mempunyai persamaan kefahaman mengenainya. Konsep-konsep ini tidak boleh ditukar ganti dan adalah disusun mengikut susunan *'hierarchical'* di dalam pengurusan dasar awam.

Yang pertama, konsep 'Objektif'. Konsep ini merupakan perlakuan yang dimaksudkan bagi sesuatu organisasi itu

mengikut apakah objektif atau *'goal'* yang hendak dicapai oleh organisasi itu. Matlamat ini mestilah dinyatakan dengan seberapa jelas yang mungkin dalam bentuk yunit-yunit *'resources'* yang dicapainya: yunit-yunit *'resources'* ini sebenarnya merupakan faedah-faedah yang mesti diagihkan kepada kumpulan-kumpulan rakyat tertentu dalam ertikata apa peringkat atau jumlah barang-barang dan perkhidmatan yang optima yang mesti diperolehi oleh kumpulan-kumpulan tersebut dari organisasi yang berkenaan, terutamanya dalam bentuk daya pengeluaran, pendapatan, kemahiran, pekerjaan dan sebagainya.

Yang kedua, konsep 'Dasar'. Konsep ini mempunyai berbagai definisi tetapi dalam kontek operasinya, dasar adalah serupakan satu proses bagaimana sumber-sumber *'input'* sesuatu organisasi itu (kewangan, kakitangan, teknologi, maklumat), boleh dirangkumkan di dalam keadaan optima mengikut keputusan apakah yang perlu dibuat untuk mencapai yunit-yunit *'output'* sebagaimana yang dinyatakan di dalam objektifnya. Rengkasnya, dasar itu ialah satu siri kaedah-kaedah keputusan yang meliputi perubahan *'input'* kepada *'output'* organisasi itu.

Yang ketiga, konsep *'Program'*. Di dalam ertikata yang *'specific'*, program ialah pembentukan beberapa aktiviti yang *'reciprocal'* untuk menghasilkan jenis-jenis *'output'* yang *'specific'*. Sumber-sumber kewangan, kakitangan, teknoloji dan maklumat adalah dirangkumkan mengikut keadaan yang *'specific'* di peringkat operasi organisasi itu untuk menghasilkan *'output'* sebagaimana yang dinyatakan oleh objektif yang juga sebagaimana yang diputuskan oleh kaedah keputusan.

Yang ke empat, ialah konsep 'Strateji'. Strateji ialah cara untuk menghasilkan *'output'* program-program dengan lojik dan sistematik terutama sekali dengan mencantumkan (combine) bersekali beberapa program dalam sesebuah organisasi dan juga di antara organisasi yang lain. Di dalam pentadbiran, adalah didapati banyak jenis strateji antara lain ialah strateji yang seimbang, strateji tak seimbang, strateji berpadu, strateji *'hierarchy'*, strateji penyelarasan dan lain-lain. Satu-satu strateji menghubungi beberapa program *'horizontally'* di dalam keadaan yang lojik.

Di antara sebab-sebab yang penting yang menyebabkan

kelemahan pelaksanaan ialah kelumpuhan atau pembentukan yang tidak berkesan akan konsep-konsep ini. Oleh itu, tiap-tiap organisasi perlulah memahami dan seterusnya *'operationalise'* konsep-konsep dan peringkat-peringkat ini.

Tiap-tiap konsep ini ujud dengan bentuk *'hierarchy'* dan apabila timbul kelemahan pelaksanaan ini, adalah kerana tidak ada dedikasi yang lojik dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain ataupun ketidak-cekapan *'operationalisation'* salah satu daripada konsep-konsep/peringkat-peringkat ini.

Ajensi-ajensi digesa supaya memberi pertimbangan yang serius mengenai perhubungan dan kaitan di antara konsep-konsep ini. Ajensi-ajensi hendaklah memahami akan objektif-objektif, dasar-dasar pelaksanaan, program-program dan strateji-strateji tiap-tiap konsep ini supaya dapat mengemaskan lagi operasi mereka (ajensi) di peringkat konsep-konsep tersebut. Mana-mana ajensi yang tidak berupaya untuk melaksanakan salah satu daripada konsep-konsep ini dengan cara yang tepat adalah dianggap sebagai satu organisasi yang tidak cekap dan tidak berkesan di dalam konteks pembangunan rakyat.

Menyedari akan perlunya sistem penilaian kecekapan pengurusan di kalangan ajensi-ajensi yang penting mengikut lunas-lunas operasi yang dikemukakan tadi, adalah dicadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa kecil yang mungkin dinamakan Jawatankuasa Kecil Pengurusan di bawah kelolaan National Development Planning Committee (N.D.P.C.) bagi menjamin kelicinan dan kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga.

B. Perhubungan untuk Mengemukakan Masalah dan Mitodoloji Penyelesaian Masalah

Di dalam menyelesaikan masalah pelaksanaan, *'implementing agencies'* mestilah terlebih dahulu menentukan sama ada ianya mempunyai kesanggupan atau tidak untuk menyelesaikan masalah itu sendiri. Sekiranya sesuatu ajensi gagal untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapinya, ajensi berkenaan hendaklah mengemukakan kepada Kementerian dengan seberapa segara. Isu yang *'crucial'* dalam masalah ini ialah *'methodology'* penyelesaian masalah. Di dalam menyelesaikan masalah, sama ada oleh individu atau secara kolektif, *'criteria'* yang penting sekali ialah kepantasan dan keputusan

yang boleh menyelesaikan masalah itu. Satu-satu masalah yang melibatkan penyertaan di antara *'implementing agencies'* dan Kementerian terutama sekali ajensi pusat, hendaklah diselesaikan seboleh-bolehnya dalam mesyuarat yang sama dan sekiranya belum boleh diselesaikan, perbincangan selanjutnya hendaklah diadakan tetapi janganlah memakan masa yang terlalu lama. **Ajensi-ajensi adalah bertanggungjawab untuk mengenakan had masa yang sesuai ke atas diri mereka sendiri tetapi masa itu janganlah melebihi 1/12 daripada had jangkaan masa projek itu di dalam satu-satu tahun kewangan.**

Di dalam sistem pengesanan yang akan dirangka nanti, ajensi-ajensi adalah dikehendaki mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh sesuatu projek pada satu-satu peringkat kemajuan projek itu. Sekiranya sesuatu projek itu mengalami kelewatan dan ajensi yang berkenaan didapati tidak mengemukakan masalah-masalah projek terlebih dahulu, ajensi pusat yang bertanggungjawab akan meminta penjelasan yang bertulis daripadanya.

Apa yang kita ingin tahu ialah samaada ajensi-ajensi dan kementerian-kementerian mereka telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh ajensi-ajensi berkenaan dengan cara mengukur masalah dan kemajuan projek itu (fizikal dan perbelanjaan) dan **faktor masa penyelesaian masalah** (problem solving time factor) 1/12 daripada jangkaan masa projek. Kita boleh mengetahui samada ajensi-ajensi berkenaan telah menyelesaikan masalah-masalah mereka atau tidak apabila maklumat-maklumat berikutnya akan disampaikan pada masa akan datang.

Semua ajensi-ajensi dan Kementerian-Kementerian yang menerima mitodoloji penyelesaian masalah ke arah mencapai objektif ini hendaklah mengujudkan seorang pegawai khas di dalam tiap-tiap Kementerian yang khusus bertanggungjawab mengesan masalah-masalah ajensi-ajensi berkenaan, menjadi Setiausaha kepada mana-mana sistem membuat keputusan kolektif, dan juga sebagai pegawai perhubungan dengan ajensi-ajensi pusat, dan seterusnya mengumpulkan maklumat-maklumat mengikut saluran-saluran lain.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi melalui cara

ini, kita dapat membuat penilaian tentang kesanggupan dan keupayaan sesuatu ajensi di dalam menyelesaikan masalah **dengan menentukan berapa lama masa yang diambil oleh sesebuah ajensi dapat menyelesaikan sesuatu jenis masalah (purata) dan bilangan masalah yang belum diselesaikan bagi sesuatu masa lapuran itu dibuat.** Inilah salah satu cara yang paling berkesan untuk meninggikan kecekapan pentadbiran dan oleh itu, di masa-masa hadapan, perlu ditekankan bahawa pembahagian sumber (resources) kepada ajensi-ajensi hendaklah berdasarkan kepada prinsip ini di dalam sesuatu masa kewangan Rancangan Malaysia Ketiga.

C. Keupayaan (kakitangan)

Kekurangan kakitangan adalah merupakan masalah yang sudah menjadi kebiasaan yang menyebabkan kegagalan di dalam jentera pelaksanaan kita.

Masalah ini mempunyai dua aspek. Mengikut *'model'* tawar-menawar yang digunakan dalam Belanjawan biasa, ajensi-ajensi dengan sengaja telah memberi jumlah keperluan kakitangan yang berlebihan, manakala Perbendaharaan menjalankan *'cutting bias'* terhadap jumlah yang diminta. Model ini tidak boleh berjalan dengan sempurna.

Di bawah sistem *'Performance Programme Budgetting System'* (PPBS), ajensi-ajensi hendaklah menentukan keperluan kakitangan bagi sesuatu projek mengikut angka tunjuk produktiviti kerja, lebih tepat lagi mengikut *'man-hours'* atau *'man-months'* yang diperlukan untuk menyiapkan projek di dalam sesuatu jangka masa tertentu.

Di antara sebab-sebab yang utama akan kekurangan kakitangan ialah kerana kita tidak menggunakan *'method'* atau *'approach'* *'man-hours'* di dalam belanjawan biasa. Masalah ini akan bertambah buruk di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di mana beberapa ajensi telah ditambahkan peruntukan sumber-sumber mereka sehingga 200 atau lebih. Masalah keupayaan ini hanya boleh diatasi oleh Perbendaharaan sendiri melalui satu strateji yang membolehkan penyelarasan yang lebih pesat di antara belanjawan biasa dan belanjawan pembangunan.

Adalah difahamkan Jabatan Kerja Raya sedang membuat persediaan untuk menggunakan mitod *'man-months'* di dalam

menentukan keperluan kakitangan mereka di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah satu langkah yang amat menggalakkan. **Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah bersedia mengambil sikap yang lebih positif dan realistik di dalam mencapai persetujuan untuk menggunakan sistem *'man-months'* di dalam menentukan keperluan kakitangan dan hendaklah mengelak daripada menggunakan cara tawar-menawar yang *'outmoded'* dan tidak sesuai dengan kehendak-kehendak dan cabaran-cabaran Rancangan Malaysia Ketiga.**

D. Latihan

Institiut Tadbiran Negara (INTAN) adalah sebuah institusi yang utama dan terpenting di dalam menjalankan latihan untuk pegawai ke arah meninggikan kecekapan jentera pelaksanaan Kerajaan. Pada umumnya, kebolehan INTAN tidak boleh dinafikan. Tetapi apa yang menjadi tanda tanya ialah adakah latihan yang dijalankan oleh INTAN itu mempunyai hubungan yang selari dengan masalah-masalah pembentukan dasar dan projek, pelaksanaan projek dan penilaian projek di dalam ajensi-ajensi Kerajaan?

Latihan yang dijalankan oleh INTAN adalah lebih merupakan *'career development oriented'* daripada *'problem and agency oriented'*. Ini bermakna latihan yang dijalankan oleh INTAN pada keseluruhannya tidak berguna dari segi penyelesaian masalah ajensi. **Oleh itu INTAN hendaklah lebih menumpukan kepada latihan ajensi daripada melatih pentadbir-pentadbir individu di dalam konteks *'career development'*.**

E. Sistem Pengesanan (monitoring)

Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) kini sedang menyusun atau merangka satu sistem pengesanan yang dapat menunjukkan masalah-masalah tertentu. Mereka juga sedang menapis dan menyusun semula projek-projek dan program-program yang telah dikemukakan untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan boleh menolong menyelesaikan projek-projek yang bermasalah pada satu-satu masa dengan berpandukan kepada maklumat-maklumat yang didapatinya. Maklumat-maklumat itu penting dan boleh dilanjut-

kan kepada Kementerian/Jabatan yang berkenaan.

Sistem pengesanan yang cekap memberi pertolongan besar dalam melaksanakan projek-projek/program-program. Dengan itu, ICU mempunyai satu asas yang sistematik bagi menyediakan pelaksanaan jentera Kerajaan melalui penyusunan baru ini.

Sistem pengesanan ini juga dari kacamata filosofinya akan mengubahkan kedudukan ICU dari bentuk sementara (ad-hocism) kepada satu bentuk pentadbiran yang lebih aktif dan sistematik. Mereka boleh menyampaikan maklumat-maklumat penting kepada ajensi-ajensi Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan.

F. Fungsi-fungsi dan Program yang Bertimbal-tindih dalam Sektor Pertanian.

Pada masa ini, jentera-jentera pentadbiran sektor pertanian (institusi, program dan projek) didapati bertimbal-tindih (overlapping, duplication dan redundancy), akibat dari perkembangan ajensi-ajensi sementara itu. Keadaan ini telah mengujudkan satu *'confusion'* di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan sendiri dan juga rakyat. Misalnya, **satu program *'cash crop production'* melibatkan penyertaan dan *'deployment'* beberapa ajensi Kerajaan terutama sekali ajensi-ajensi yang melaksanakan pertanian beranika jenis (mixed farming) yang mana sebilangan besar daripada petani-petani dalam Negara ini termasuk dalam kumpulan ini. Justru itu, merekalah gulungan yang miskin dalam Negara kita ini. Sistem ini yang memerlukan penyertaan berbagai-bagai ajensi dalam satu program yang tinggal, masih perlu di *'fine-tuned'* bagi meninggikan daya pengeluaran pertanian dan pendapatan persendirian.**

Dalam keadaan yang kelamkabut (confusion) ini, kita telah terpesong dari maklumat yang sebenar. Ajensi-ajensi Kerajaan bertelingkah antara satu sama lain dalam perkara fungsi dan dasar, baik pada peringkat membuat dasar itu, maupun juga pada peringkat pelaksanaannya di mana petani-petani ramai terlibat. ***'Reciprocity'* dan *'complementarity'* dalam peranan-peranan dan tugas-tugas dalam bentuk penyelarasan mendatar (horizontal) dan integrasi di peringkat merangka program masih belum ditujukan khususnya berkaitan dengan jentera merancang dasar dan pelaksanaan.** Apa yang terjadi pada masa ini ialah ajensi-ajensi Kerajaan terus berkembang dan membesar

tanpa mengambil kira atau menitikberatkan samaada fungsi masing-masing dapat mencapai keperluan dan kesejahteraan petani-petani.

Tugas-tugas kawalan, koordinasi dan perancangan yang sepatutnya dijalankan oleh Kementerian Pertanian belum dapat diuruskan dengan baik. Tanpa pengurusan baik dalam perkara-perkara tersebut, sistem pentadbiran sektor pertanian menjadi terlampau *'decentralised'*. Ini menimbulkan konflik antara ajensi-ajensi itu. Decentralisasi dari segi teori seharusnya mengujudkan satu sistem pentadbiran yang lebih cekap tetapi decentralisasi yang keterlaluan tidak menghasilkan kecekapan. Oleh itu, kita mestilah menyusun satu sistem pentadbiran yang cekap dan kemas untuk mencapai matlamat yang optima supaya konsep centralisasi dan decentralisasi dapat dipertimbangkan.

Satu lagi cadangan penting dalam pembangunan sektor pertanian ialah membentuk *'cost model'* terutama sekali bagi *'mixed agricultural farmers'* (petani-petani yang menanam anika jenis tanaman). Model ini patut dikira dari segi tingkat pendapatan yang hendak dicapai oleh petani-petani dan bagaimana pencapaian itu boleh dihitong dari *'input'*nya (subsidy, price support, handling cost) dan harga pasaran komoditi sebagai *'output cost'*. Pembentukan model ini sepatutnya diutamakan oleh Kementerian berkenaan. Penyusunan semula sistem pentadbirannya juga sama mustahaknya.

Pendekatan (approach) yang ditekankan pada masa ini ialah melalui institusi. Pendekatan dan strateji yang dibuat oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan lain-lain ajensi pertanian, serta panduan dasar yang ditentukan oleh NDPC, mengikut pandangan saya tidak memberi satu asas yang cukup bagi pembangunan ekonomi sektor pertanian. Satu pendekatan yang lebih teratur dan boleh mengujudkan koordinasi dan integrasi secara mendatar pelaksanaan program-program yang telah dirancangkan oleh semua ajensi perlu diadakan.

Kerajaan hendaklah menyusun semula sistem pentadbiran projek-projek dan program-program pembangunan sektor pertanian bukan sahaja dalam konteks Pembangunan Wilayah tetapi juga dalam menentukan pencapaian darjah koordinasi dan integrasi secara lebih pragmatik.

G. Masalah-masalah Konsep dan Bentuk (Conceptual-

Design)

Salah satu sebab mengapa terdapat kelewatan dan mungkin juga kelemahan pelaksanaan projek-projek ialah masalah penentuan konsep dan bentuk projek itu. Projek-projek fizikal mungkin senang dibentuk sungguhpun memakan masa panjang, tetapi projek-projek ekonomi yang tidak mempunyai konsep dan bentuk yang cukup jelas akan menemui kegagalan atau *'under-performance'*. Kegagalan itu memberi kesan kepada pengagihan faedah kepada golongan miskin dalam negara ini. Ajensi-ajensi Kerajaan mengendalikan/menjalankan projek-projek atau program-program yang tidak mempunyai bentuk yang lengkap atau projek-projek yang masih ragu-ragu tentang kemungkinan masa depannya baik dari segi pulangan dari pelaburan yang dibuat maupun faedah yang akan didapati oleh rakyat. Projek demikian merupai projek dalam proses percubaan (trial dan error). Sungguhpun proses *'trial and error'* itu perlu, janganlah ia diusahakan tanpa memikirkan kepentingan pembentukan konsep *'operating model'*.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, janganlah pula terdapat program yang mempunyai konsep dan perancangan yang tidak jelas dan tidak mencukupi, atau menunjukkan kekurangan program-program baru dan *'innovative'* yang bertujuan membasmi kemiskinan.

Keadaan begitu akan merupakan faktor yang terpenting yang boleh menyebabkan kelemahan pelaksanaan. Telah didapati dengan jelasnya bahawa **beberapa ajensi tertentu telah tidak membereskan kesulitan-kesulitan yang terdapat dalam program-program dan projek-projek mereka semasa mereka hendak melaksanakan sesuatu program atau projek yang baru.** Apabila mereka menghadapi kesukaran-kesukaran tertentu, sebarang kegagalan atau kurang kejayaan projek itu diletakkan kepada penerimaan dan motivasi kumpulan-kumpulan yang miskin.

Konsep dan rangka bentuk, dari segi teori, bagi satu-satu projek/program merupakan satu perkara yang susah. Oleh itu, kebanyakan ajensi cuba mengelakkan penyelesaian masalah ini melalui berbagai-bagai strateji. Biasanya mereka menggunakan strateji *"growth"* (penumbuhan) iaitu melabur sebanyak yang mungkin dalam projek-projek infrastruktur dan mengurangkan penekanan mereka terhadap pentadbiran, pengurusan, ke-

wangan dan perkhidmatan projek-projek itu.

Dengan hal yang demikian, semua ajensi Kerajaan mestilah dengan segera mengubahkan corak atau bentuk projek/program masing-masing yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kita tidak perlu lagi membincangkan fungsi ajensi-ajensi itu dari segi pelaksanaan projek/program. Ajensi-ajensi itu sendiri hendaklah menentukan projek-projek asas yang *'viable'* dan yang boleh dilaksanakan segera. Mereka mestilah mengambil kira faedah-faedah (kualiti dan kuantiti) yang betul-betul dikehendaki oleh rakyat dari kumpulan-kumpulan tertentu.

Perubahan pertama yang penting dilakukan oleh pegawai-pegawai ialah mengenepikan konsep 'fungsi' dan menekankan konsep *'program'* sebagaimana dikehendaki dalam sistem PPB. Ajensi-ajensi dikehendaki menyatakan apa dan bagaimana program yang hendak dilaksanakan dengan mengambil kira kos dan faedahnya sekali. Kedua, NDPC mestilah mengarahkan semua ajensi membentuk dan menggalakkan pembentukan program-program baru selaras dengan tujuan untuk mencapai koordinasi dan integrasi. Kita perlu kepada program-program yang boleh menghapuskan kemiskinan rakyat untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. **Perancangan dan bentuk projek-projek baru yang *'innovative'* mestilah diberi keutamaan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.**

Negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu menghadapi masalah menentukan bentuk projek baru yang innovative kerana kemampuan dan kebolehan sistem pentadbiran di negeri-negeri itu belum sampai ke peringkat yang dicapai oleh negeri-negeri lain, mungkin atas sebab-sebab sejarah. Pada keseluruhannya, projek-projek yang dikemukakan oleh mereka itu untuk Rancangan Malaysia Ketiga, kurang memuaskan.

Oleh yang demikian, saya suka mengesyurkan supaya sebuah Urusetia Perancangan Wilayah ditubuh bagi membuat perancancan projek-projek khusus untuk negeri-negeri itu. Urusetia Wilayah ini akan bertanggungjawab membentuk program-program baru yang innovative supaya peruntukan simpanan (block appropriation) sebanyak $2 billion boleh digunakan sepenuhnya.

H. Penyusunan Semula Kakitangan

Satu kesimpulan umum yang boleh diperkatakan berkenaan dengan sistem pentadbiran di negara kita pada masa ini ialah *'top heavy'*, yakni deployment (kegunaan) tenaga pegawai-pegawai *'on the ground'* atau *'spatial development administrators'*, belum dibuat sepenuhnya. Manakala mereka yang ditempatkan di pusat (central temporal administrators) diberi bebanan seberat-beratnya. Kadang-kadang mereka dikehendaki membuat kerja-kerja routine yang boleh diselesaikan oleh kerani-kerani. Perkara ini sebahagian besarnya berlaku kerana akibat dari sistem pengkhususan dan pemusatan fungsi. Namun begitu, bilangan pegawai-pegawai yang ditempatkan di pusat (temporal development administrators) secara perbandingan didapati lebih ramai daripada *'spatial development administrators'*, mengikut penyusunan pentadbiran negara kita.

Kita tidak mempunyai satu kadar untuk menjadikan panduan penempatan kakitangan Kerajaan di pusat dan di negara (on the ground). Dengan hal yang demikian, maka timbullah desakan untuk menambahkan bilangan kakitangan di pusat. **Penambahan kakitangan di negeri menambahkan tanggungan perbelanjaan negeri-negeri itu. Oleh itu, mereka enggan menambahkan kakitangan mereka, melainkan jika perbelanjaan tambahan itu ditanggung oleh pusat. Selain dari itu, proses mendapatkan jawatan tambahan di peringkat negeri memakan masa yang lama berbanding dengan pusat. Semua ini membuktikan bahawa pengagihan penempatan kakitangan di peringkat pegawai *'temporal'* dan *'spatial'* (pusat dan negeri) tidak dapat dilaksanakan sebaik-baiknya.**

Kejayaan atau kegagalan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga bergantung kepada *'spatial development administrators'*. Mereka sentiasa berada di tempat masing-masing manakala *'temporal development administrators'* hanya menerima lapuran daripada mereka atau sekali-sekali melawat projek-projek itu. Proses ini sudah tentu memakan masa.

Oleh hal yang demikian, adalah mustahak bagi Jabatan Perkhidmatan Awam menilai semula strateji *'deployment'* kakitangan Kerajaan dengan tujuan meninggikan kemampuan bekerja pegawai-pegawai *'spatial development'* dan menempatkan pegawai-pegawai yang berkebolehan dan terlatih. Taraf

jawatan mereka hendaklah dinaikkan terutama mereka yang berkhidmat di daerah-daerah.

Adalah sangat mustahak sekarang bagi Jabatan Perkhidmatan Awam menilai semula strateji penempatan kakitangannya dengan tujuan menambah daya kebolehan pentadbir-pentadbir pembangunan *'spatial'* yang berkenaan bagi mempastikan terdapatnya kakitangan yang berkelayakan tinggi dan juga berkebolehan. Ini boleh dibuat dengan cara menaikkan taraf (upgrade) jawatan-jawatan (jika perlu) atau kedudukan-kedudukan di daerah-daerah bagi mencapai distribusi daya kebolehan pentadbir-pentadbir *'temporal'* dan *'spatial'* yang lebih realistik.

I Perubahan Tujuan (Goal Displacement)

Perubahan tujuan boleh menjadi satu masalah yang besar juga dalam pelaksanaan program-program dan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, perhatikan bahawa beberapa ajensi telah mengubahkan tujuan mereka yang asal sebagaimana yang telah ditetapkan untuk mencapai satu-satu matlamat asas. Tujuan baru yang mereka ubahkan dan diterimanya, didapati kurang bercanggah atau senang dicapai dengan menggunakan sistem pengurusan pelaksanaan program yang dipakai oleh ajensi-ajensi lain.

NDPC telah berusaha memperbaiki matlamat dan tugas ajensi-ajensi berkenaan tetapi perubahan tujuan masih lagi terdapat. Dalam kajian peruntukan belanjawan pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga, Bahagian Perancang Ekonomi (EPU) hendaklah menggelakkan perbuatan mengubah tujuan oleh ajensi-ajensi berkenaan. Mana-mana projek/program yang jelas bertelingkah dengan matlamat dan tujuan asal ajensi mesti terus dipotong.

Jawatankuasa Kecil Anggaran Belanjawan NDPC dikehendaki memberi perhatian berat bagi menentukan tujuan ajensi-ajensi supaya perancangan projek/program mereka tidak terpesong dan tidak terkeluar dari anggaran yang diluluskan.

Bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya lagi salah penetapan matlamat, saya suka mengesyurkan supaya ajensi-ajensi berkenaan dikehendaki mengemukakan satu penjelasan

lengkap mengenai satu-satu projek itu dengan menerangkan dengan teliti bagaimana projek itu berkait dengan lain-lain projek atau program oleh ajensi tersebut. Satu anggaran tentang bagaimana program-program dan projek-projek mereka 'reciprocate' dan saling menyokongi (complement) program-program dan projek-projek ajensi-ajensi lain tanpa kemungkinan ujudnya percanggahan dan pertandingan di antara ajensi hendaklah juga dikemukakan.

J. Pengurusan Kewangan

Dari perhatian sepintas lalu, *'procedure'* kewangan yang digunakan oleh Perbendaharaan tidak menimbulkan apa-apa kerumitan. Panduan-panduan telah dibuat bagi mempercepatkan kelulusan atau penolakan permohonan. Walau bagaimanapun, masih terdapat masalah-masalah bersabit dengan fahaman yang kurang mendalam, kekurangan pengalaman dan latihan di kalangan setengah pegawai. Masalah sedemikian senang diatasi kerana Perbendaharaan telah menyusun tatatertib kementerian-nya, antara lain, termasuklah cara-cara mengenakan denda, sebagaimana terkandong dalam Arahan Perbendaharaan dan Perintah Am. Keputusan-keputusan cepat dibuat oleh Perbendaharaan jika semua kenyataan yang dikehendaki tercatit. Kelambatan berlaku, apabila kenyataan di dapati tidak lengkap. Dalam keadaan demikian, Perbendaharaan diminta mengeluarkan surat-surat arahan, memberi tunjuk-ajar dan latihan.

K. Kelulusan Projek

Tanggungjawab dan tugas JawatanKuasa Kecil Anggaran Belanjawan NDPC bertambah dalam masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Masalah projek mana mesti dijadi dahulu dan yang mana kemudian harus timbul. Ini boleh diatasi apabila bilangan pegawai-pegawai dalam bahagian penilaian projek ditambah dan cara-cara penyampaian projek oleh pegawai-pegawai perancangan juga mestilah diperbaiki dengan menggunakan sistem yang lebih *'sophisticated'*. INTAN telahpun memulakan kursus bagi pegawai perancangan. Kursus ini hendaklah diperluaskan dan diperbaiki mutunya.

L. *'Procedure'* Pengambilan Kakitangan

Perkara ini selalu dibincang dan dibahaskan. Kelewatan

pelaksanaan projek disebabkan juga oleh *'procedure'* pengambilan kakitangan. Masalah yang dibangkit selalu merupai *'procedure'* dan tidak dasar atau amalan. Perkara ini perlu dirujukkan kepada INTAN yang boleh membuat kajian dan mengemukakan satu sistem yang lebih sempurna. Satu cadangan yang harus dikemukakan ialah kehendak ajensi. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hanya dikehendaki mengesahkan pemilihan yang telah dibuat oleh ajensi-ajensi mengikut kuasa yang telah diberikan. Cara ini boleh mengurangkan proses pemusatan yang diamalkan. Sistem ini bolehlah diamalkan dalam masa-masa tertentu sementara menunggu kemampuan Kerajaan mengujudkan peringkat yang lebih sempurna.

Saya difahamkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam sudah pun menyediakan satu memorandum bersabit dengan perkara tersebut. *'Procedure'* baru ini akan mengurangkan tekanan atas masalah proses pengambilan kakitangan.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mungkin dapat menyelesaikan kekurangan pegawai-pegawai terlatih yang sesuai dengan kekosongan jawatan-jawatan yang diiklankan oleh Kerajaan terutama di bidang teknikal.

Di atas ialah kertaskerja beliau sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO. (7hb. Mei. 1976)

MENGAPA PASUKAN POLIS HUTAN MALAYSIA DI WILAYAH THAI DITARIK KELUAR.

Baru-baru ini, bersabit dari satu operasi yang dilancarkan oleh pasukan keselamatan kita untuk menghapuskan pengganas komunis di perbatasan Malaysia — Thailand, penduduk Betong di dalam wilayah Thailand telah mengadakan beberapa tunjuk perasaan menuntut supaya Pasukan Polis Hutan yang sudah beberapa tahun ditempatkan di Betong ditarik keluar. Kerajaan Thailand pula bersetuju dengan tuntutan ini dan dengan cara 'unilateral' mengumumkan bahawa Pasukan Polis Hutan haruslah ditarik keluar dari tanah Thai. Pada ketika yang sama, Kerajaan Thailand mengumumkan bahawa **Perjanjian Am Sempadan Thailand Malaysia** haruslah dikaji dan ditimbang semula.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penjelasan sebab kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan di Bangkok dan Kuala Lumpur yang disiar dan ditakrifkan oleh mass-media pada ketika ini agak memberi gambaran yang herut mengenai perkara ini. Marilah kita ambil hal **Perjanjian Am Sempadan** dulu kerana soal penempatan Pasukan Polis Hutan kita di Wilayah Thailand adalah disahkan oleh perjanjian ini. Dari segi sejarah, **Perjanjian Am Sempadan** ini bermula dalam tahun 1949 di zaman darurat pertama lagi di mana Kerajaan penjajah British dan Kerajaan Thai bersetuju untuk mengadakan kerjasama yang penuh di kawasan perbatasan kedua negara antara Pasukan Polis masing-masing untuk menentang pengganas komunis. Beberapa syarat telah diadakan di dalam perjanjian tersebut bagi operasi-operasi seperti menyeberang sempadan, tangkapan dan hal-hal lain bagi memudahkan matlamat mengadakan kerjasama yang rapat.

Apabila Malaya mencapai kemerdekaannya pada 31hb Ogos,

1957, perjanjian ini telah dikaji semula. Dalam bulan Februari, 1960, satu perjanjian baru antara dua negara merdeka telah dipersetujui mengenai kerjasama di perbatasan yang memberikan garis-garis yang lebih kemas dengan tertubuhnya **Jawatankuasa Bersama Peringkat Pegawai** dan **Jawatankuasa Bersama Gerakan Sempadan.**

Dalam bulan Mei, 1968, satu lagi perjanjian telah ditandatangani oleh Malaysia dan Thailand bagi mempertingkatkan lagi susunan kerjasama antara kedua negara. Dalam bulan Mac, 1970, sekali lagi perjanjian ini telah dikaji semula, dan kali ini menentukan garis-garis bagaimana kedua negara dapat melancarkan gerakan samaada bersendirian atau bersama bagi menentang musuh bersama. Perjanjian yang dikaji semula ini menentukan garis operasi bersama, operasi berkoordinasi, dan soal memburu lintas sempadan. Berikutan dengan itu sebuah **'Joint Task Force Command'** telah ditubuhkan di Betong.

Hasil keputusan pihak berkuasa bersama inilah yang membantu kekuatan anggota yang ada, serta bantuan-bantuan lain seperti, logistik, termasuk makanan dan 'ration' di Betong yang membawa kepada penempatan Pasukan Polis Hutan Malaysia di wilayah Thai di dalam kawasan Polis Thai. Kekuatan anggota Pasukan Polis Hutan tidaklah melebihi 376 orang dan ini dianggap mencukupi mengawal keadaan keselamatan di Betong. Perkara yang penting dalam gerakan ini ialah bahawa Pasukan Polis Hutan Malaysia adalah di bawah perintah pihak berkuasa Polis Thai. 'Ration', termasuk untuk anggota Polis Thai, dibekalkan oleh pihak Malaysia.

Apa yang nyata ialah penempatan Pasukan Polis Hutan Malaysia tidaklah boleh disamakan dengan penempatan Tentera Amerika Syarikat di Thailand walaupun ada pihak-pihak khususnya CPM, yang tidak senang dengan kerjasama yang rapat antara Malaysia dan Thailand, begitu tekun memberi gambaran bahawa keadaannya adalah sama. Berbeza dengan tentera Amerika Syarikat, kita serahkan anggota Pasukan Polis Hutan kita diperintah oleh pihak Thai untuk menjaga keadaan keselamatan di wilayah Thai yang kita juga anggap amat penting kepada keselamatan kita.

Jadi apabila Kerajaan Thai mengumumkan bahawa Pasukan

Polis Hutan Malaysia hendaklah ditarik keluar, reaksi kita yang awal ialah kita takjub dan bingung kerana keputusan yang sedemikian seharusnya dibuat oleh **'Combined Task Force Headquarters',** bukan oleh sesiapa di Bangkok. Sekiranya difikirkan oleh **'Combined Task Force Headquarters'** bahawa kehadiran Pasukan Polis Hutan Malaysia di wilayah Thai tidak perlu lagi dilanjutkan, keputusan tersebut haruslah didasarkan semata-mata dari segi taktik atau strateji. Semasa saya melawat Bangkok untuk menghadiri upacara pengkebumian salah seorang sahabat karib Malaysia iaitu mendiang General Kris Sivara, saya juga mengadakan kunjungan ke atas pemimpin-pemimpin baru Kerajaan Thailand untuk menyampaikan ucapan selamat dari Perdana Menteri, Kerajaan dan rakyat Malaysia. Tetapi, soal Pasukan Polis Hutan tidak pernah ditimbulkan kepada saya, walaupun perkara perjanjian disebut. Sebaliknya, memandangkan operasi yang bersabit itu dilancar-kan di kawasan disebelah sempadan Malaysia dan ada kemungkinan akan timbul tohmah-tohmah mengatakan pihak Malaysia menceroboh wilayah Thailand bertentangan dengan perjanjian itu, pihak Malaysia telah menjemput pihak Thai menghantar ke Malaysia pemerhati-pemerhati untuk melihat sendiri, dan ini pihak Thai sudah pun melakukannya.

Tunjuk-tunjuk perasaan yang diadakan di Betong jelas kepada kita adalah hasil pesona gerombolan komunis yang bergerak di kawasan tersebut. Jadi, apabila Tuan Bhichai Rattakul, Menteri Luar Thailand melawat Kuala Lumpur beberapa hari lalu, pihak kita telah mengadakan perbincangan yang berterus terang dan panjang lebar dengan beliau. Tuan Bhichai telah memberitahu bahawa Kerajaan Thailand sudah terikat dengan keputusan yang telah diambilnya bahawa Pasukan Polis Hutan Malaysia yang ditempatkan di Betong hendaklah ditarik keluar dari wilayah Thai mengikut tuntutan yang dibuat oleh penduduk Betong.

Kita menghormati kehendak Kerajaan Thai, walaupun kita lebih bersetuju sekiranya soal 'redeployment' atau mengubah tempat askar bersama itu didasarkan atas pertimbangan keselamatan, dan bukan dasar tuntutan orang ramai yang kita ketahui dipesonakan oleh pengganas komunis. Keputusan ini dibuat hendaknya oleh pemerintah markas bersama, bukan oleh

orang yang tidak kena-mengena dengan operasi dan orang luar dari bidangrangka **Perjanjian Am Sempadan.** Ini adalah kerana Pasukan Polis Hutan Malaysia adalah di bawah perintah pihak berkuasa Thai, dan kehadiran mereka di wilayah Thai adalah sebagai bantuan kepada pihak Thai. Sekiranya **'Combined Task Force Headquarters'** memutuskan bantuan ini tidak lagi diperlukan, dipihak kita tidak ada sebarang masalah untuk menempatkan balik Pasukan Polis Hutan kita di wilayah Malaysia. Kita juga tidak hairan dengan kehendak ahli politik Kerajaan baru berparlimen Thai di Bangkok yang ingin membuktikan bahawa mereka sudah 'putus arang berkerat rotan' dengan amalan lama yang dibuat oleh sebuah Kerajaan Tentera dahulu.

Walau bagaimanapun kita tiada sebarang masalah untuk menyetujui permintaan pihak Thai supaya **Perjanjian Am Sempadan** dikaji semula. Malah kita mengalu-alukan sebarang langkah supaya **Perjanjian Am Sempadan** ini dihebahkan untuk pengetahuan umum supaya dapat kita melenyapkan tohmah-tohmah yang dilemparkan oleh pihak-pihak tertentu bahawa 'Perjanjian' ini adalah satu Perjanjian yang tidak adil yang hanya menguntungkan Malaysia seolah-olah kita merupakan satu gergasi imperialis yang mahu menelan wilayah asing. Perjanjian ini mengizinkan tentera Thai ditempatkan di wilayah Malaysia, dan pada lawatan saya ke Bangkok yang akhir bulan lalu, saya telah berbincang dengan Kerajaan baru Thai tentang betapa perlunya ditambah kekuatan Pasukan Keselamatan di wilayah Selatan Thai, dan setengahnya bolehlah bergerak di wilayah Malaysia sebagai **Combined Task Force.**

Seperti yang dicadangkan oleh pihak Thai, kita tiada sebarang halangan untuk menyetujui supaya dimaktubkan Perjanjian untuk mengadakan pertemuan antara kedua Perdana Menteri, sekurang-kurangnya sekali setahun, membincangkan bukan sahaja masalah pengganas komunis diperbatasan, bahkan juga sebarang masalah sempadan yang dialami oleh negara-negara yang mempunyai sempadan bersama. Sebenarnya sejak zaman Tunku dan Allahyarham Tun Abdul Razak lagi, pertemuan sedemikian rupa telahpun diadakan di Malaysia juga di Thailand. Malah pihak Malaysia yang menganjurkan pertemuan demikian, sama juga dengan pihak Indonesia,

Singapura dan Burma ialah supaya terjalin perasaan muhibbah antara negara berjiran.

Apa yang amat kita beratkan ialah pengawasan satu kawasan di dalam wilayah Thai yang jangan sekali-kali jatuh ke tangan pihak musuh. Sekiranya akibat pengeluaran Pasukan Polis Hutan dan pihak Thai tidak berupaya menempatkan tentera dengan cukup lengkap untuk menggantikan tempat Pasukan Polis Hutan, saya khuatir wilayah Betong akan dikuasai oleh pengganas komunis. Sekiranya ini terjadi, maka bahagian sempadan kita di tempat itu akan terancam, kerana pihak musuh akan mempunyai pengkalan yang selamat untuk berlatih, merancang, memulakan tindakan serta berundur ke tempat yang selamat dengan maharajalela. Dalam keadaan demikian, demi mempertahankan keutuhan negara untuk 'survival' kita, Malaysia akan menganggap kawasan Thai tersebut sebagai kawasan musuh dan segala akibat yang mungkin timbul dari sikap ini mestilah difahami dan diterima oleh semua pihak, khususnya oleh kita sendiri. Kita wajib mengukuhkan diri kita dan memberi segala pemikiran dan tindakan kepada keadaan ini. Cabaran ini mesti kita hadapi dengan tindakbalas yang kena.

Seperkara lagi yang kita beratkan dalam keputusan Kerajaan Thai menghendaki Pasukan Polis Hutan Malaysia balik ke wilayah Malaysia ialah soal perisikan (intelligence). Tentang hal ini, terpaksalah kita menaja semula kerana payung dan perlindungan yang ada yang membolehkan kita mengadakan gerakan nescaya nanti tiada lagi, dan terpaksalah kita mencari cara yang baru. Ini tidaklah pula bererti mustahil bagi kita untuk membetulkannya balik, tapi apa yang akan terjadi ialah akan timbul satu kekosongan dari segi jangkawaktu sebelum kita dapat bergerak dengan berkesan seperti sekarang. Sehingga ini boleh dikatakan kita berjaya dalam soal perisikan ini dan segala butiran dan angka yang diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke masa adalah berdasarkan kepada perisikan rapi. Malah perpecahan kepada tiga parti di dalam CPM adalah hasil usaha perisikan dan gambar-gambar yang serupa yang diedarkan oleh Kerajaan Singapura sudah pun kita perolehi dalam tahun 1974 lagi, dan gambar-gambar itu telah kita beri kepada Kerajaan Singapura awal tahun lalu. Cumanya pada fikiran kita, kurang

menafaat dari segi perisikan sekiranya gambar-gambar itu kita siarkan. Sebenarnya, kita mempunyai lebih banyak gambar dan keterangan dari apa yang diedarkan itu. Kita cermat menimbangkan perbezaan antara perisikan dengan propaganda berhubung dengan menggunakan bahan-bahan demikian. Bahan perisikan kita juga dipakai oleh pihak berkuasa Thai, dan sekiranya bahan yang kita perolehi sekarang mulai kering akibat ketiadaan Pasukan Polis Hutan di Betong, maka pihak berkuasa Thai dan pihak kita juga mestilah memikir semula bagaimana kita dapat membaiki keadaan ini. Keuntungan kepada pihak musuh dalam hal ini adalah jelas sekali.

Seperkara lagi yang amat penting ialah urusan menarik keluar Pasukan Polis Hutan dari Betong balik ke wilayah Malaysia. Sekiranya ini satu pergerakan biasa hasil dari keputusan bersama **'Combined Task Force Command'**, maka masalahnya adalah sedikit sekali. Ini tidaklah bererti Malaysia membantah penarikan keluar Pasukan Polis Hutan dari wilayah Thai. Kita tidak berniat menentang keputusan Bangkok kerana ini adalah hak mutlak mereka untuk memutuskan demikian. Juga kita tidak akan merayu supaya keputusan ini ditimbangkan semula memandangkan kerugian yang akan dirasai oleh kedua pihak sebaik saja keputusan ini dilaksanakan.

Apa yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa keputusan ini adalah satu keputusan politik yang membawa bersamanya implikasi politik. Maka oleh yang demikian, segala tindakan mestilah diambil supaya dalam urusan penarikan keluar ini tidak akan berlaku sebarang kejadian. Sekiranya ada kejadian tembak-menembak, walaupun atas dasar mempertahankan diri sendiri, ini akan dipersoalkan dari segi undang-undang. Sebahagian dari gerakan bersama nyawa anggota Pasukan Polis Hutan kita adalah menjadi tanggungjawab mutlak pihak berkuasa Thai. Sekiranya pihak Thai gagal memberi perlindungan yang secukupnya ini akan meretakkan perhubungan antara kedua negara Thai dan Malaysia.

Izinkan saya menegaskan di sini bahawa Malaysia juga mempunyai fikiran rakyat. Anggota Pasukan Polis kita tidak gentar bertempur atau gugur di medan perang, tetapi kita tidak rela orang-orang kita mati katak dihentam oleh musuh sambil ahli-ahli politik dan diplomatik bertengkar mendebatkan dari

segi undang-undang atau perjanjian hak kita untuk mempertahankan diri kita sendiri. Kedua-dua negara dalam hal ini tentu sekali tidak ingin meretakkan perhubungan di mana bergantungnya masa hadapan kedua negara. Juga pihak pengganas komunis akan sedaya upaya mengambil kesempatan dari keadaan ini untuk mencetuskan kejadian-kejadian yang mungkin akhirnya membawa akibat yang malang dan buruk dari segi perhubungan dua negara. Pihak Thailand dan Malaysia harus memikirkan hal ini dengan baik dan teliti serta berhati-hati.

Semua perkara-perkara ini sudahpun saya titikberat dan terangkan kepada Menteri Luar Thailand. Setelah pengganas komunis memperolehi kemenangan 'psychology' apakala Pasukan Polis Hutan ditarik keluar, adalah mustahak kita menafikan pihak musuh kemenangan strateji dan penguasaan satu kawasan yang mereka boleh berlindung dengan cara mengisi balik kekosongan itu dengan Pasukan Keselamatan Thai. Dengan hanya satu keputusan politik, pihak pengganas komunis memperolehi satu kejayaan yang mereka gagal mencapainya dengan menggunakan kekerasan. Dan saya tidak nampak bagaimana kita akan dapat melaksanakan operasi bersama yang lebih tanpa pemburuan melintasi sempadan. Propaganda komunis tidak akan mengizinkan ini.

Sebagai usaha supaya urusan penarikan keluar Pasukan Polis Hutan berjalan dengan sempurna, Mejar-Jeneral Datuk Mahmood telah pergi ke Thailand untuk menyampaikan pendapat kita kerana kita amat runsing dalam hal ini. Kita telah diberi pengakuan bahawa operasi menarik balik Pasukan Polis Hutan ini akan dilaksanakan dengan perlindungan dari pihak tentera Thai dengan pihak kita mempunyai hak untuk balas menembak mempertahankan diri.

Marilah kita berdoa agar keselamatan tubuh anggota dan nyawa prajurit kita akan dilindungi oleh Allah Taala. Marilah juga kita berdoa agar prajurit kita akan penuh kesabaran ditengah-tengah caci-hamun dan celaan yang pasti akan dilemparkan oleh ajen-ajen komunis yang berusaha hendak meretakkan hubungan antara Thailand dan Malaysia. Saya juga berharap pihak Thailand akan memahami perasaan bimbang kita kerana kita menghargai persahabatan negara jiran kita dan kita menghargai **ASEAN**, dan setiap langkah mesti diambil

supaya urusan ini dilaksanakan tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini.

Saya akan bertolak ke Kroh sebaik saja mesyuarat ini selesai. Saya akan berada di markas barisan hadapan untuk memberikan sebarang bantuan yang dapat dari segi nasihat maupun perintah. Sekiranya segala-segala berjalan mengikut rancangan, Insya Allah, urusan ini akan selesai jam 5.00 petang hari ini. Saya mengajak saudara-saudara bersama-sama memohon doa agar prajurit kita akan selamat dan hubungan baik akan berterusan antara Thailand dengan Malaysia, dan masa hadapan yang gembira bagi **ASEAN** terjamin.

Petikan ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan ahli Majlis tertinggi UMNO semasa meresmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Jerantut, di Dewan Sekolah Menengah Jerantut, Pahang, jam 10.00 pagi, Ahad, 6hb. Jun, 1976.

USAHA PENGHAPUSAN KOMINIS DI MALAYSIA

Daripada hari khamis yang lalu, iaitu hari Perhimpunan Agung Pemuda UMNO Malaysia dan Perhimpunan Agung Wanita Malaysia sehingga ke hari ini, iaitu hari yang ketiga di dalam Perhimpunan Agung UMNO Malaysia, tidak putus-putus kita mendengar daripada Pemangku Presiden sehingga kepada wakil-wakil, soal keselamatan dalam negeri diperbincangkan. Saya telah mendengar segala hujjah-hujjah, teguran dan nasihat dan semuanya itu saya sanjung tinggi dengan penuh dengan penghargaan.

Saudara Tan Sri Pengerusi, izinkan saya menyatakan di sini tentang keselamatan dalam negeri bahawa ancaman pengganas kominis dapat diatasi dan keadaan terus terkawal. Tidak berubah dari apa yang saya sebutkan pada tahun lalu, iaitu tidak seinci pun tanah bertuah kita ini dikuasai musuh. Projek Lebuhraya Timur-Barat, projek Ampangan Temenggor tidak dapat diganggu kemajuannya oleh pengganas kominis walaupun projek-projek ini akan mengeciwakan mereka. Seperti dengan keadaan tahun lalu, kita tidak mendengar apa-apa maklumat yang mereka itu menerima senjata dari kuasa asing. Ini semua membuktikan bahawa mereka itu belum mencapai kekuatan yang mampu menerima bantuan senjata dari luar dengan cara besar-besaran.

Oleh yang demikian, untuk menaikkan semangat penyokong mereka dan menakutkan orang yang duduk di atas pagar, maka mereka membuat angkara seperti menyerang balai polis yang terpencil di Simpang Pertang dengan menggunakan tenaga tiga empat orang sahaja. Saya memberi akuan kepada saudara-saudara bahawa pihak pasukan keselamatan kita, baik tentera atau polis, akan terus berjuang. Mereka akan terus memburu

musuh di dalam hutan dan membinasakan apa yang digelar "Militsyia Rakyat" yang bergerak dengan bilangan 3 atau 4 orang untuk membantu pasukan hutan mereka dengan jalan pukul curi dan membuat angkara bising di luar hutan, iaitu di bandar-bandar.. Pasukan-pasukan yang bertapak, di Kedah, yang banyak cuba membunuh pegawai *'Special Branch'*, atau cuba melempar bom dan merosakkan jalan keretapi, semuanya sudah dibasmikan.. Begitu juga "Militsyia Rakyat" di Bukit Mertajam, semuanya hancur dengan cara buruan dan tangkapan. Daripada keterangan mereka yang ditawan itu, kita mengetahui bagaimana cara mereka menyeludup pistol atau bom lempar. Pasukan Keselamatan kita juga berhasil "menyapu bersih kota Kuala Lumpur dan sekitarnya termasuk tangkapan kader-kader, dan ketuanya, yang berpangkat ahli Jawatankuasa Pusat, yang dapat dibunuh di Ampang, juga seorang yang berpangkat Ahli Jawatankuasa Jajahan ditembak dan ditawan di Cheras. Oleh yang demikian, hari ulang tahun Dharurat pada 20 Jun yang biasanya dirayakan oleh pengganas dengan membunuh dan mengebom, nampaknya tahun ini senyap.

Tugas-tugas serupa ini akan terus dijalankan di serata tempat sehingga gerombolan yang bersenjata di dalam hutan itu tidak lagi dapat membuat perhubungan dengan pihak luar dan menerima bantuan. Insya Allah, tugas kita dalam hal ini nampaknya semakin lama semakin berjaya apabila kita dapat menambahkan anggota polis.

Kesukaran kita pada masa ini ialah kekurangan tenaga polis. Kalau pada 1960 dahulu, kita mempunyai anggota polis seramai 178,000 orang, pada tahun 1973, ketika saya mengambil alih, kita hanya ada 31,000. Sekarang kita mempunyai 42,000 dan saya berharap dapat menambahkan 20 ribu orang lagi tidak berapa lama lagi. Jadi kita tidak hairan kalau wakil dari Tampin menyatakan bilangan polis di bahagiannya terlalu kecil dan tua-tua pula — 'sendul-sendul', katanya. Kalau kita ambil wilayah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang mempunyai lebih 1 juta rakyat, kita hanya ada 300 orang polis sahaja yang bertugas pada satu-satu waktu untuk menjaga keamanan. Di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, 85% daripada mereka berumur lebih dari 45 tahun. Yang muda-muda terpaksa kita masukkan ke dalam Pasukan Polis Hutan dan Pasukan Simpanan untuk mengawal rusuhan.

Tetapi janganlah diperkecilkan tenaga tua dan sendul ini. Mereka ini banyak pengalaman, dan dari segi mengawal jenayah, payah hendak dibandingkan dengan polis Johor walaupun kebanyakan mereka itu sudah dekat nak pencen. Keadaan akan bertambah baik. Walau bagaimana pun saya terpaksa mengarahkan semua anggota baru untuk berkhidmat dahulu dalam Pasukan Hutan atau Polis Simpanan bagi menggantikan yang sudah tidak larat lagi hendak mendaki bukit-bukau. Begitu juga Pasukan Merin akan diperbesarkan lagi. Alat-alat juga akan ditambah.

Soal keselamatan dalam negeri bukanlah hanya soal memburu kominis dalam hutan dan pembantu-pembantunya yang berkerja di kampung dan di bandar. Pergerakan 'Communist United Front' juga mesti kita kawal dengan rapi supaya jangan mereka ini membiak. Mereka ini boleh didapati dalam kesatuan sekerja, di badan-badan politik atau apa juga badan yang berpengaruh. Mereka ini boleh jadi terdiri dari golongan doktor, jurutera, penulis, pensyarah atau guru. Sebab itu, beberapa kali dalam tempoh dua tahun ini, saya meminta saudara-saudara berjaga-jaga supaya Parti kita yang diumpamakan sebagai pohon, agar akarnya tidak dimakan anai-anai, batangnya tidak diselaputi kulat, dan pucuknya tidak dihinggapi dedalu api. Kita sendiri mesti meracun anai-anai, mengikis kulat dan mencantas dedalu api dengan kuasa yang ada pada Parti kita.

Pihak polis akan sentiasa memerhatikan hal ini. Sebab itu beberapa tangkapan sudah dibuat termasuk diantaranya, pensyarah, jurutera, penulis dan wartawan.

Dalam hal keselamatan ini, kita sangat memerlukan kerjasama dari jiran kita yang juga menghadapi ancaman kominis. Oleh yang demikian kita sentiasa berusaha meningkatkan kerjasama dengan Indonesia, Thailand dan Singapura. Saya boleh menyatakan di sini bahawa saya berpuas hati dengan kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh jiran-jiran kita. Dengan kerjasama Indonesia, kita dapat mengamankan kominis di Sarawak, dan dengan kerjasama Singapura, kita banyak dapat membuat tangkapan di sini dan mengirimkan kembali kepada mereka, kominis yang berasal dari Singapura. Begitu juga dengan Thailand yang mana kita akan menyemak

perjanjian kerjasama yang dicadangkan oleh pihak Thai yang berhasrat untuk mempertingkatkan lagi kerjasama di antara dua negara.

Kominis tidak mengenal sempadan. Oleh itu dalam menghadapi soal ini jangan pula kita terhad oleh sempadan. Dan tidak ada pula perlumbaan siapa dulu dan siapa banyak yang membunuh atau menangkap kominis. Soalnya, adakah kita bertugas dengan cara tersusun dan bekerjasama supaya musuh tidak dapat mengelakkan tangkapan. YAB Perdana Menteri kita sangat memberatkan soal ini dan sentiasa mengarahkan saya menumpukan kerjasama ini. **Waktu melakukan penangkapan ke atas Samad Ismail, pertimbangan yang teliti dibuat dengan kerjasama Kerajaan Singapura. Segala pertimbangan dan semua langkah yang diambil adalah dengan dibincang bersama dengan YAB Perdana Menteri, selaku Pengerusi Majlis Keselamatan Negara, termasuklah perkara penangkapan Abdul Samad Ismail yang mana segala aspek mengenainya telah dikaji dengan teliti.**

Satu lagi perkara dalam soal keselamatan iaitu jenayah, kongsi gelap dan dadah yang ada sangkut-pautnya. Kongsi gelap sekarang dipakai oleh kominis. **Sekiranya jenayah dan dadah berleluasa, maka kuranglah kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan, dan lemahlah ketabahan rakyat untuk menentang anasir-anasir yang tidak diingini. Dengan keadaan begitu, maka senanglah pihak kominis menjatuhkan Kerajaan.**

Saudara Tan Sri Pengerusi, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyuarakan satu perkara yang pada hemat saya sangat penting.

Perkara ini eloklah kita sama-sama berbincang di segala peringkat, baik di bahagian atau di cawangan dengan rakan-rakan dalam **Barisan Nasional** khasnya, dengan pemimpin-pemimpin China, iaitu meminta mereka mengawasi sebilangan kecil orang-orang China yang chauvinistis.

Mereka ini sangat tertarik kepada konsep yang diwasiatkan oleh seorang tokoh negara China Kominis bercita-cita hendak mengembangkan pengaruh bangsa China, dan kalau boleh 'hegemony'nya diperluaskan ke seluruh dunia.

Kerana adanya mereka yang menyambut dan menganut panduan ini di dalam negara kita, maka dengan tidak mengira kedudukan, miskin atau kaya, buruh atau iktisas, pedagang atau

petani, mereka membantu perjuangan **Parti Kominis Malaya** dengan sangkaan bahawa ini akan memperhasilakan cita-cita itu. Sebab itu, kita selalu terkeliru dan takjub mengapa ada orang yang kaya yang menjadi kominis, dan mengapa yang sudah ada 'stake' tanah atau harta juga mahu menceburkan diri dalam pergerakan anti-nasional ini. Sebab itu, hujjah yang mengatakan bahawa kita mesti membasmikan kemiskinan atau kita mesti memberi 'stake' harta, tanah dan sebagainya tidak membawa apa-apa makna kalau doktor, jurutera sehinggakan 'ballerina' pun menyokong kominis. **Pemimpin-pemimpin China yang kasih dan taat setia kepada Malaysia mestilah dengan berterus-terang memberi amaran kepada gulungan kecil yang sesat itu bahawa sikap pegangan mereka itu salah.** Oleh sebab gulungan kecil inilah maka busuk nama bangsa China yang lain yang taat setia kepada Malaysia.

Di dalam perjuangan bersama rakyat dan Kerajaan untuk menjaga keselamatan negara, perkara yang penting sekali ialah bagaimana hendak mengenal musuh negara dan cara-cara tipu helah mereka. Kadang-kadang perbuatan mereka begitu halus sehingga sulit sekali kita mengenalinya, umpamanya melalui perniagaan. Cuba lihat satu sejadah yang dibuat oleh 'Syarikat China National Native Produce and Animal By-products Import and Export Corporation, Kiangsu Branch.' Dipandang dengan sekali imbas, tidak ada apa-apa yang hendak disoal tapi kalau diteliti dengan halus apakah warna **Kaabah?** Merah. Di dalam hal ini, saya akan mengarahkan semua OCPD dan pegawai khas di daerah-daerah mengadakan kursus di bahagian-bahagian **UMNO** untuk memberi panduan bagaimana boleh mengenal tipu helah musuh. Saya berharap saudara menyambut rancangan ini apabila dilancarkan supaya lebih berhasil lagi perjuangan kita bersama. Di dalam perjuangan ini, soal pertama ialah mengenal musuh. Sudah kita kenali, timbul soal kedua, iaitu cara dan alat yang sesuai membasmikannya. Janganlah penyakitnya lain, ubatnya lain.

Bagi diri saya, saya sedar dengan tugas dan tanggungjawab saya. Saya sentiasa berazam untuk menunaikan tanggungjawab ini. Saya berpandu kepada hukum Allah dan **Rukunegara.** Saya tidak sekali-kali keluar daripada garisan ini. Saya juga tidak akan cuai, Insya Allah. Tidak ada tindakan yang diambil

terhadap yang tidak bersalah dan mereka yang tidak bersalah jangan khuatir. Kerajaan **UMNO** bukan Kerajaan yang zalim. Kuasa ditangan **UMNO** adalah kuasa yang dipinjamkan oleh Allah. Kuasa ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya — apa yang dipinjam boleh diambil balik kalau kita zalim. Apa juga langkah yang diambil adalah mengikut peraturan — *'rule of law'*. Pada yang bersalah, manalah tahu kalau mereka berada di dewan ini, baiklah menyerah sebelum terlambat. Percayalah, walau sesiapapun, apa peringkatpun, kalau sabit bahawa ianya musuh negara, Insya Allah, Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka.

Ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Persidangan Agung UMNO Malaysia di Kuala Lumpur, pada 4hb. Julai, 1976.

SENJATAPI DAN DADAH — ANCAMAN NEGARA

Tidak keterlaluan sekiranya saya nyatakan bahawa pada hari ini, satu daripada perkara besar yang menjadi tumpuan dan tindakan Kerajaan juga rakyat seluruhnya ialah soal keselamatan negara dan ketenteraman awam. Ini adalah disebabkan oleh berbagai bentuk ancaman dan cubaan yang ketara, juga yang halus dari pihak-pihak tertentu yang cuba mengganggu-gugat keutuhan negara kita serta segala nilai pegangan masyarakat kita yang berlandaskan Rukunegara itu. Satu lagi, adalah disebabkan kesedaran pihak Kerajaan, juga seluruh rakyat, bahawa sekiranya keselamatan negara dan ketenteraman awam terganggu atau tergugat, maka akan pincang segala rancangan pembangunan yang dirancangkan untuk rakyat, hingga boleh membantutkan usaha untuk memaju dan membangunkan masyarakat dan rakyat. Ancaman dari pihak komunis — baik dari unit bersenjatanya, baik dari unsur bawah tanahnya, baik dari barisan pelemahnya — adalah ketara dan kita ketahui. Tapi apakah ini saja bentuk ancaman yang sedang melandai masyarakat dan negara kita yang boleh memudaratkan keselamatan negara?

Satu daripada gejala yang dilihat boleh melarat hingga menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara ialah soal senjatapi. Selain dari pihak komunis, ada dikalangan penjenayah yang menggunakan senjatapi untuk menjalankan kegiatan haramnya. Ini kalau tidak dikawal boleh berleluasa. Tapi yang lebih memudaratkan ialah adanya tanda-tanda pihak komunis telah mula menggunakan penjenayah atau kumpulan haram, dengan cara memudahkan orang-orang ini memiliki senjatapi untuk melakukan lebih banyak jenayah dengan tujuan untuk mengurangkan kepercayaan rakyat kepada pihak Polis dan

Kerajaan. Maka dengan kesedaran yang penuh akan bahayanya senjatapi digunakan oleh pihak-pihak yang tidak berhak, Kerajaan memutus untuk mengenakan hukuman seberat-berat-nya, iaitu hukuman mati, kepada pesalah dalam kes ini. Dan alhamdulillah kesannya adalah baik.

Bagaimana dengan dadah? Sejarah dunia telah menunjukkan bahawa dadah boleh digunakan sebagai satu senjata dalam peperangan. Ini telah terbukti dalam **'Peperangan Candu' (Opium War)** dimana pihak orang putih telah mengedarkan candu kepada rakyat China untuk melemahkan ketahanan mereka — dan sehingga hari ini masih dapat kita lihat penagih candu dari keturunan China. Sekali lagi, dalam **Perang Vietnam,** dadah digunakan, tapi kali ini oleh pihak komunis ke atas askar-askar Amerika — dan sehingga hari ini penagih dadah yang berpunca di Vietnam masih menjadi satu masalah di kalangan bekas askar Amerika yang kini sudah pulang ke negaranya. Dan tidak keterlaluan jika saya katakan sekarang sedang berlaku satu *'Opium War in reverse'* di mana seluruh dunia sedang dibekalkan dengan dadah dan bekalan ini datangnya dari punca yang sama. Jadi dalam hal ini, apakah dapat kita katakan bahawa negara kita juga boleh selamat dari landaan dadah sekiranya kita tidak buat sesuatu bukan sahaja dengan cepat bahkan juga dengan cara yang paling berkesan? Hari ini saja sudah hampir 150,000 orang, dan kebanyakannya belia-belia Melayu yang menjadi penagih dadah di negara kita.

Dadah adalah satu benda di mana pengambilannya dengan mudah boleh menjadikan seseorang itu penagih. Dan kalau kebanyakan dari 150,000 orang penagih dadah di negara kita terdiri dari belia, bukankah kita sudah kehilangan tenaga muda yang sangat diperlukan untuk membangunkan negara? Bagai-manakah sekiranya bilangan ini bertambah, dan apa akan jadi sekiranya tiga puluh peratus tenaga belia kita dihinggapi dadah? Dan, yang lebih memimbangkan ialah kemungkinan penyakit ini menular di kalangan Pasukan Keselamatan kita, baik dari tentera maupun polis, selain dari kemungkinan menular di kalangan pekerja awam. Dan kepada pihak komunis, dadah boleh menjadi satu punca kewangan yang dapat mereka pergunakan untuk meningkatkan gerakan mereka. Jadi, bukankah kemungkinan ini semua sudah cukup untuk

membuka dengan seluasnya mata dan fikiran kita bahawa dadah boleh menjadi satu ancaman kepada negara kita?

Pada hemat saya, kita belum lagi terlambat untuk mengambil tindakan yang sungguh-sungguh berkesan bagi memerangi satu musuh, iaitu dadah, yang secara tidak kita sedari, boleh melemahkan semangat kita, boleh menggoncang keimanan kita, dan boleh melumpuhkan ketahanan kita. Dalam semua hal, bahaya yang didatangkan dari dadah adalah sama berat, kalau tidakpun lebih berat lagi dari bahaya yang didatangkan dari senjatapi. Hari ini, kita sudah ada undang-undang yang mengenakan hukum mati kepada pengedar dadah. Ini adalah hukuman yang berat, tapi memandangkan betapa lumayannya pendapatan dari penjualan dadah, masih banyak orang yang terus mengedarnya. Dan bagaimana pula dengan penjual kecilan, dan bagaimana dengan penagihnya?

Usaha-usaha yang dijalankan oleh ajensi-ajensi Kerajaan dalam bentuk *'preventive'* sedang giat dijalankan. Penangkapan ke atas penyeludup dan pengedar dadah sering kita dengar. Juga usaha dari badan awam seperti **PEMADAM** perlu sangat diberi segala sokongan dan bantuan. Usaha-usaha dalam bentuk *'curative'* juga sedang giat dilaksanakan. Berbagai pusat pemulihan telah didirikan, dan ada mereka yang terlibat dalam dadah ini dihantar ke Pulau Jerejak.

Satu lagi usaha yang wajar sangat saya rasa kita lakukan ialah dalam bentuk *'immunization'*, iaitu kita menjalankan berbagai dakyah dan kempen dari peringkat anak-anak kita di *'tadika'*, bahkan dari buaian lagi hingga ke peringkat universiti, juga di peringkat nasional, untuk menimbulkan satu sikap membenci malah memandang jijik terhadap dadah. Kita mesti membenam sehingga melekat di hati dan fikiran setiap rakyat kita, sehingga timbul satu sikap seperti sikap yang ada pada orang-orang Melayu terhadap daging babi. Kita adakan nyanyian kanak-kanak, cerita-cerita untuk semua peringkat, sendiwara dan drama, dan diselitkan dalam buku sekolah serta pelajaran agama yang menunjukkan ciri-ciri perosak dan bahaya yang didatangkan dari dadah. Satu dua ayat kempen anti dadah melalui talivisyen saya kira tidak memadai. Dan kita mesti tujukan dakyah ini kepada setiap kaum di negara ini, bukan kepada satu-satu kaum saja. Kita mesti gunakan segala saluran

dalam apa jua bahasa supaya bahaya dari dadah ini dapat difahami serta dimengerti oleh semua pihak. Tidak guna sekiranya, satu kaum saja yang di*'immunize'*, kaum lain tidak — usaha kita melindungi negara ini dari bahaya dadah akan menjadi sia-sia! Saya rasa penggunaan perkataan *'drug'* (dalam bahasa Inggeris) untuk tujuan menimbulkan sikap benci dan jijik ini tidak begitu tepat kerana *'drug'* dengan sendirinya tidak merbahaya. Di tangan doktor, *'drug'* ialah ubat, dan ada *'drug store'* di merata tempat. Jadi, saya cadangkan digunakan satu perkataan lain dalam bahasa Inggeris yang dapat memberi gambaran bahawa benda ini sangat berbahaya. Pendeknya, kita mesti memerangi dadah habis-habis sebelum kita dihabiskan oleh dadah. Malah saya ingin menganjurkan dakyah hingga begitu rupa bila kita dengar saja perkataan 'dadah', sudah cukup untuk menimbulkan perasaan jijik dan benci. Dan apabila perasaan benci dan jijik ini timbul, maka tidak lagi akan ada pasaran untuk dadah, dan dengan ini akan mati penjualan dadah.

Bagi kita dalam **UMNO**, saya minta di peringkat bahagian dan lebih-lebih lagi di peringkat setiap cawangan, ditubuhkan satu jawatankuasa khas untuk membantu pihak Kerajaan dalam usaha memerangi masalah dadah ini. Sekiranya sudah ada cawangan **PEMADAM** di tempat saudara, elok sangat saudara-saudara bekerja-rapat bersama **PEMADAM** menjalankan berbagai kegiatan yang bertujuan membasmikan pengaruh, pengedaran dan pengambilan dadah di tempat saudara-saudara. Apa yang harus kita ingat dalam hal ini ialah orang yang hendak kita selamatkan dari bahaya dadah ini tidak lain dari anak-anak kita sendiri juga cucu-cicit kita khasnya, dan bangsa kita amnya. Unit-unit **RELA** dan **Rukuntetangga** juga wajib mempunyai orientasi ke arah membasmikan pengaruh dadah ini, dan ini hendaklah dijadikan salah satu lagi tugas yang mesti dijalankan oleh unit-unit ini, selain dari yang sedia ada.

Petikan ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa meresmikan kursus penerangan dan pimpinan UMNO, Bahagian Bentong, Pahang, di Dewan Sekolah Menengah Sulaiman, Bentong, Pahang, jam 9.00 pagi, pada 12hb. Mac, 1977.

CABARAN KEPIMPINAN DALAM UMNO

Bagi diri saya sendiri apabila saya renung-renung kembali, saya sering bimbang akan masa depan kita kerana dalam beberapa tahun yang akhir ini **UMNO** di peringkat Cawangan juga Bahagian semakin menampakkan sikap hanya memandang ke dalam iaitu menitik-beratkan hal-hal Parti semata-mata, seringnya hanya pada soal-soal titik-bengik ('inward looking'), dan menyerahkan bulat-bulat tentang dasar luar kepada pucuk pimpinan untuk membuat keputusan atau tindakan tanpa meminta sebarang penjelasan mengapa dasar atau tindakan demikian dibuat. Sekiranya kita mendakwa Parti mendokong Kerajaan maka kita tidak boleh lari atau melarikan diri dari tanggungjawab ini, iaitu untuk memberi perhatian yang sama berat kepada hal-hal dalam **UMNO** juga yang di luar **UMNO.** Malah sangat wajar diberi tumpuan perhatian serius kepada segala perkara yang menyentuh negara kita walaupun perkara tersebut lebih merupakan hal antarabangsa. Tegasnya, banyak sekali hal-hal yang wajar sangat difikir dan diteliti oleh ahli-ahli **UMNO** di peringkat Cawangan dan Bahagian.

Cuba kita ambil satu contoh, iaitu hal **Keselamatan Negara.** Kita dalam **UMNO** tidak akan membincangkan hal keselamatan negara sehinggalah berlaku satu kejadian letupan bom disatu-satu tempat atau apabila seorang polis ditembak mati. Tetapi kita tidak sedar atau kurang faham bahawa kejadian letupan atau pembunuhan polis tersebut bukanlah kejadian yang berlaku secara mendadak seperti dalam satu kejadian jenayah membunuh biasa yang dilakukan berpunca dari satu perasaan yang timbul mendadak ketika itu. Pertamanya, apakah sebabnya yang mencetuskan perbuatan sedemikian? Mesti ada sebab atau sebab-sebabnya. Apa dia? Kenapa ada orang gemar melempar-

kan bom atau melakukan jenayah yang terkutuk itu terhadap Negara? Apakah ini manifestasi kegagalan kita sendiri? Apakah tindakan-tindakan yang harus kita ambil untuk membenterasnya supaya kita tidak lagi mengeluarkan orang-orang yang cenderung memasuki kumpulan-kumpulan yang menghalalkan perbuatan melempar bom atau membunuh polis?

Tidak, **UMNO** hanya akan sebok dan heboh bila berlaku kejadian letupan tersebut. Selepas itu, seboklah pula kita berbincang hingga membuat berbagai tuduhan termasuk celaan mengapa pihak yang bertanggungjawab gagal mencegah perbuatan melempar bom itu. Terus kita menuduh betapa lalai dan alpanya anggota Pasukan Keselamatan tersebut sehingga mengizinkan dirinya ditembak oleh musuh. Mungkin ada alasannya kita berbicara sedemikian, tapi sebenarnya kita tidak langsung menyentuh punca akar umbinya kejadian tersebut. Sekiranya kita mengkaji dengan teliti dan mendalam, kita akan mendapati bahawa kejadian-kejadian seperti itu hanyalah merupakan manifestasi sebab atau perancangan yang dibuat lebih awal dari kejadian itu sendiri. Mustahil kejadian sedemikian dirancang dalam sekelip mata saja. Bagi anasir-anasir yang terlibat secara langsung, melempar bom atau membunuh polis bukanlah senang atau mengambil masa yang pendek untuk sampai ke peringkat pemikiran sehingga sanggup melempar bom dan membunuh polis. Apakah sebabnya hingga mereka sampai jadi begitu? Kitalah yang wajib mencari sebab-sebabnya. Terserahlah kepada kita untuk analisa dan membuat kritik ke atas diri sendiri supaya kita tidak mengeluarkan anasir-anasir yang gemar melempar bom.

Mari pula kita ambil hal **ekonomi.** Pada hemat saya konsep asal Dasar Ekonomi Baru sudah diseleweng. Matlamat utama satu dari serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula masyarakat dengan cara mengubahkan cara pencarian rakyat dari satu kegiatan ekonomi kepada lain, agar tidak ketara lagi yang satu-satu kaum itu hanya melakukan satu kerja tertentu saja supaya dengan ini dapatlah dikendurkan pergeseran antara kaum. Tetapi apa yang kita lihat pada hari ini ialah dasar ini sudah ditakrifkan sebagai satu helah untuk memperkayakan orang-orang Melayu atau sebagai paspot untuk orang-orang Melayu menjadi kaya. Sebenarnya, soal kekayaan

ini harus menjadi tumpuan semua pihak kerana ianya ada kaitmengait dengan serampang kedua Dasar Ekonomi Baru iaitu, menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, tetapi soal menyamakan proses menyusun semula masyarakat sebagai sama dengan memberikan kekayaan atau pun jua menyamakan dengan proses menghapuskan kemiskinan telah menimbulkan kesan yang negatif. Patutkah kita di peringkat Cawangan dan Bahagian mengizinkan diri kita dihanyutkan oleh arus fikiran sedemikian yang akhirnya akan menjejaskan Dasar Ekonomi Baru yang mungkin tercetus satu lagi peristiwa 13 Mei? Adakah kita menilai dan mengkaji cara dan intisari menyebarkan Dasar Ekonomi Baru dalam konteks matlamatnya? Adakah kita menguji perlaksanaannya berdasarkan kepada rangka Dasar tersebut? **Tidak,** apa yang kita buat ialah melahir dan menaburkan rasa tidak puas hati kerana ada dari kita gagal memperolehi sesuatu untuk kepentingan dirinya sendiri. Saya pernah mendengar orang berkata, "Saya sudah berkecimpung dalam **UMNO** selama 25 tahun. Apa yang saya dapat?"

Bagaimana pula dengan **hubungan antarabangsa?** Adakah kita di peringkat Cawangan dan Bahagian memikirkan hal ini? Adakah kita mendesak pucuk pimpinan kita mengirim belia-belia kita melawat negara-negara jiran, seperti Thailand dan Indonesia? Atau ke Libya? Kalau tidak, kenapa tidak? Kenapa tidak kita jemput belia-belia dari negara-negara tersebut melawat negara kita kerana merekalah bakal pemimpin negara masing-masing? Adakah terlintas di fikiran kita mengenai hal seperti ini? Apakah kita mahu memencilkan diri dan kita bersendiri dan terasing sehingga tiba saatnya pada waktu kita benar-benar menghendaki sahabat, kita akan tinggal keseorangan tanpa rakan? Kita wajib memupuk tokoh-tokoh di kalangan kita yang boleh mengangkat gagang talipon terus berhubung dengan rakannya di luar negeri. Demi kepentingan negara, kita jua mesti rasa terjamin yang kita mempunyai sahabat bila tiba waktunya kita perlukan mereka. Dari pengalaman saya sendiri, tali persahabatan ini wajib sentiasa diperbaharui.

Adakah kita dalam **UMNO** yang dengan jelas dan tegas meletakkan Islam sebagai tunggak perjuangan kita, memberikan perhatian yang cukup kepada saudara-saudara Islam kita di lain-

lain negara di dunia agar mereka pula akan menumpukan perhatian kepada kita bila timbul satu-satu keperluan? Saya tidak bermaksud kita harus mengambil langkah yang negatif dengan cara masuk campur urusan hal ehwal dalam negeri tersebut tetapi apakah reaksi positif kita terhadap masalah mereka dan bagaimanakah dapat kita membantu untuk menyelesaikan masalah mereka sambil memuaskan semua pihak, misalnya, di Filipina dan Palestin? Adakah kita fikir dan bincangkan hal-hal seperti ini? Adakah kita tahu apakah masalahnya? Ada di antara perkara-perkara ini sebenarnya hal ehwal dalam negeri tersebut, tetapi sering Kerajaan kita diminta menyatakan pendiriannya di persidangan antarabangsa seperti **Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara Islam** yang sedang berlangsung di Dakkar atau di **Persidangan Afro-Asia** atau pun di **Bangsa-Bangsa Bersatu.** Sekiranya kita mahu menyokong penuh pendirian negara kita, marilah kita tumpukan perhatian kita kepada masalah-masalah tersebut dan cuba memahami masalah-masalah tersebut supaya dapat kita membantu Kerajaan.

Saya sedih menyatakan bahawa kita di peringkat Cawangan dan Bahagian hanyalah memikirkan perkara-perkara yang menyentuh persekitaran kita dan hal-hal semasa sehingga ada saya terbaca lapuran bahawa di peringkat Cawangan **UMNO** sibuk membincangkan hal perkahwinan atau belum kahwinnya orang-orang seperti Tengku Razaleigh dan Suhaimi. Takkan kita pula turut menentukan pasangan hidup untuk orang-orang muda tersebut. Ada banyak lagi hal yang lebih mustahak, hatta ada yang boleh menyentuh soal hidup-mati yang patut kita beri segala tumpuan fikiran dan masa.

Seperti yang telah saya sebutkan beberapa tahun lalu, **UMNO** mestilah memupuk pimpinannya supaya **UMNO** terus memainkan peranannya yang unik serta istimewa sebagai teras politik negara. Pimpinan **UMNO** di semua peringkat bukan saja harus berupaya memimpin **UMNO,** tapi harus diterima sebagai pemimpin kepada rakan-rakan lain dalam **Barisan Nasional** agar negara kita rasa terjamin dengan pimpinan tersebut. Maka itu amat wajiblah mereka-mereka yang mempunyai bakat pimpinan dicari dan segala kesempatan diberi kepada mereka untuk

mengasah dan mengembangkan bakat dan kepimpinan mereka.

Untuk mengisi sesuatu jawatan harus ada pertandingan yang sihat. Seseorang calun boleh menawarkan dirinya berkhidmat untuk Parti dan negara. **Tapi saya sedih melihat bahawa kini dalam UMNO begitu tajamnya cara kempen dijalankan dalam proses pemilihan pemimpin yang sudah mula termasuk kenduri, perkelahan, melancung dan lain-lain.** Mungkin cara berkempen begini menarik dan bermunafaat kepada orang-orang yang sedang dipujuk tapi setelah selesai proses pemilihan nanti mungkin akan tinggal satu jurang antara pemimpin-pemimpin yang mungkin tidak dapat diubati lagi. Pertarungan untuk merebut kuasa boleh jadi begitu tajam sehingga ianya tidak lagi sihat bahkan boleh menjadi mati-matian yang melibatkan bukan saja wang dan sogok malah kemudiannya kekerasan jua. Akibatnya nanti, tiada yang tinggal untuk dijadikan simpanan atau 'reserve'. Berani saya katakan saya sanggup menjadi salah seorang dari mereka yang mahukan agar **UMNO** kembali kepada proses pemilihan tanpa kempen sedemikian — hanya sekadar setiap pemimpin menawarkan dirinya untuk dipilih semata-mata berdasarkan rekod perkhidmatannya di masa-masa lampau serta jangkaan di masa depan. Tokoh tersebut wajiblah menganggap jawatan tersebut sebagai satu beban tanggungjawab dan bukan sebagai tempat mencari untung.

Saya mengaku di sini bahawa saya kurang gemar dengan cara perjuangan politik Parti sedemikian kerana ini akan membuka jalan kepada perbuatan rasuah dan membantut munculnya pemimpin politik yang baik. Sekiranya ini diizinkan maka akan ujud satu aliran atau cara baru memilih pimpinan yang akan hanya terhad kepada mereka-mereka yang mempunyai punca kewangan yang kukuh atau terhad kepada mereka-mereka yang merelakan diri mereka disogok. Bukankah dengan cara ini sebenarnya kita memupuk satu pimpinan yang terdedah kepada perbuatan sogok dan rasuah — satu pimpinan yang rela melakukan apa saja demi memperolehi kuasa seolah-olah kuasa itu punca segala-galanya? Sekiranya tidak, lekas kita berhenti-kan amalan begini. Bukankah kita sendiri, iaitu yang sanggup diajak bersiar-siar ke Kuala Lumpur, dijamu makan atau kenduri, dibawa berkelah, sebenarnya menjadi sebahagian yang penting dalam amalan baru ini hingga akhirnya membawa

kejatuhan kepada diri kita sendiri? Kalau sudah termakan budi maka terjuallah 'body'. Tanpa tarikan-tarikan seperti tadi, pimpinan yang tidak mampu tanpa punca kewangan akan lenyap dipukul arus walau betapa banyak atau besarnya khidmat dan jasanya kepada parti dan negara kecualilah dia sendiri juga turut mengharungi arus tersebut. Bukankah ini semua hal-hal yang patut difikirkan oleh **UMNO?**

Janganlah kita meniru-niru cara berpolitik orang-orang di negara-negara yang sudah maju industri dan teknolojinya di mana nilainya diukur dari segi kewangan dan kebendaan. Insaflah yang kita ini masih lagi di peringkat zaman pra-industri, kita masih membangun dan sentiasa diancam oleh musuh dari segal penjuru. Pimpinan yang kita kehendaki ialah yang akan menjamin bukan untung-rugi ahli politik tapi yang akan menjamin untung-nasib Negara.

Petikan ucapan beliau semasa meresmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Mantin, Negeri Sembilan, di Kelab Ceylon, Seremban, pada 29hb. April, 1978 jam 9.00 pagi.

PERKEMBANGAN POLITIK SEMASA

Dalam kita mengkaji perkembangan politik semasa perkara yang pertama yang harus kita benar-benar faham ialah maksud perkataan 'politik', kerana perkembangannya adalah bergantung kepada maksudnya dari satu ketika kesatu ketika. Untuk memudahkan kita mendapat pengertian berkenaan dengan istilah 'politik', saya mengajak saudara-saudara menggambarkan satu keadaan disebuah pulau di tengah lautan dimana seorang makhlok tiba-tiba mendapati dirinya terdampar. Apakah sebab kapalnya pecah atau sebab lain, ini tidak penting. Apakah reaksinya apabila sampai di pulau itu dan apabila celik matanya sedar dari pengsan? Reaksinya yang mula-mula ialah timbul rasa takut dan terus berikhtiar menjaga keselamatan dirinya. Kepalanya penuh dengan bermacam-macam sangkaan yang membuat dia berasa terancam. Mungkin di situ ada binatang buas, ada orang liar yang makan orang langsung tidak ada bahan makanan —pendeknya segala perhitungannya didorongkan oleh perasaan takut dan cemas. Langsung dia pun menyiasat keadaan, meninjau-ninjau sehingga dia berpuas hati bahawa dirinya selamat. Sesudah itu dia pun mencari pula air untuk minuman dan apakah buah-buahan yang boleh dimakan sebagai sarapan. Kemudian dia mencari daun-daun kayu atau gua batu untuk dijadikan tempat berlindung.

Jadi kalau kita buat analisa tentang apa yang sudah terjadi, saperti saya sebut tadi, kita dapati satu gambaran bahawa makhluk itu pertamanya menentukan keselamatan dirinya. Jadi soal keselamatan yang dulu difikirkan. Kemudian dia menentukan pula soal sarapan dan perlindungan — ini juga berkaitan dengan ketenteraman dirinya tapi adalah dari segi ekonomi.

Dengan sekali gus kita mendapat kesimpulan bahawa soal yang **ulong** kepada seorang makhlok itu ialah soal kebajikan dirinya yang mempunyai dua unsur — keselamatan dan ekonomi.

Apakala ini sudah selesai dan dia berasa tenteram maka ia pun berpaling kepada soal bagaimana boleh pula dia duduk di pulau itu dengan tidak menjadi bosan dan sunyi. Langsung dia mencari cara-cara memaniskan kehidupan sehari-harinya — umpamanya waktu makan menikmati keindahan alam dan bintang-bintang dilangit atau membuat permainan yang boleh melipurkan laranya. Dan sambil itu dia dapat memikirkan cara mana yang baik sekali untuk dijadikan amalan supaya pada satu waktu dengan cara otomatik saja kebajikan dirinya termasuk keselamatan dan ekonomi sentiasa berjalan dengan lancar dan tidak payah lagi dia mencari cara-cara baru untuk menentukan soal keselamatan dan ekonomi.

Maka lama-kelamaan, sekiranya ia tidak pindah dari pulau itu, terujudlah satu cara hidup yang menjamin keselamatan dan ekonominya, sambil itu juga memaniskan cara hidupnya. Cara hidup inilah yang merupakan budaya dimana jenis-jenis seni sudahpun direka. Jadi ketaralah sekarang seorang makhlok itu harus melalui proses ini sehingga terbentuk satu cara hidup yang tertentu.

Dari contoh pertama tadi cuba kita tambah lagi sehingga menjadi tiga makhluk. Perhitungannya sama iaitu pertama menentukan keselamatan, kedua menentukan sarapan — dua ini merupakan kebajikan. Apabila kebajikan ini terjamin mereka bertiga akan menentukan pula apa yang patut mereka buat untuk memaniskan cara hidup mereka disitu.

Hanya sekarang akan timbul satu-satu yang mesti dilakukan iaitu atur-mengatur cara hidup mereka bertiga. Ini akan timbul apabila mereka berasa bahawa eloklah tanggung-jawab mereka hidup di pulau itu diperagih-agihkan. Atur-mengatur ini akan menentukan bahawa makhluk alif menjaga keselamatan, makhluk ba mencari bahan sarapan langsung memasaknya, makhluk ta beristirihat. Dan atur-mengatur ini akan menentukan tukar-ganti, iaitu siapa akan buat apa pada satu-satu waktu. Atur-mengatur inilah dikatakan pemerintahan.

Jadi kesimpulannya apabila manusia itu bermasyarakat sesudah dia menentukan soal kesejahteraannya iaitu soal keselamatan dan ekonomi terjamin, maka timbullah soal atur-mengatur iaitu politik. Kalau muafakat mereka bertiga itu baik dan keadaan senang, soal siapa yang menjadi tukang atur tidak timbul. Barangkali dengan cara otomatis saja semua perkara berlaku dan tidak ada siapa yang akan menentukan bahawa dia yang patut jadi tukang atur pada satu-satu peringkat waktu. Tapi kalau keadaan susah atau kehidupan penuh dengan ranjau, atau timbul satu keadaan di mana tidak ada siapa yang hendak menjadi tukang atur, maka terpaksalah pada ketika itu kerana masing-masing menolak tanggungjawab itu, tukang atur itu dipilih di antara mereka yang dijangka boleh menghadapi cabaran-cabaran. Kalau keadaan itu senang tapi kurang muafakat dan timbul kurang percaya dan iri hati mungkin masing-masing berasa berkebolehan jadi tukang atur, sekali lagi pilihan akan dilakukan.

Apabila pemilihan ini ditentukan samada melalui pilihan atau lantikan, inilah dia yang dimaksudkan dengan istilah 'politik' kerana di sini terlibat soal kuasa. 'Politik' akan memainkan peranannya apakah ujud satu suasana di mana oleh kerana keadaannya sukar dan boleh membawa kecelakaan pada dirinya sendiri sehingga tiada siapa yang sanggup menjadi tukang atur atau oleh kerana keadaannya begitu senang dan boleh membawa keuntungan sehingga semua orang mahu menjadi tukang atur, maka pilihan mungkin melalui pertandingan akan dilakukan.

Satu kemungkinan dalam soal politik orang bertiga ini ialah sekiranya seorang daripada mereka mempunyai lebih kekuatan, tenaga atau senjata di dalam keadaan yang runcing dan menghadapi mara bahaya, orang ini dengan tidak bertanya-tanya lagi di sebabkan kesanggupannya untuk bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat mereka bertiga tadi, akan mengambil alih menjadi tukang atur. Boleh jadi juga dalam satu kemungkinan yang lain pada waktu keadaan sangat makmur orang yang mempunyai kelebihan ini tadi menjadi tukang atur mengatasi semua rintangan kerana kelebihan kekuatannya walaupun ada orang lain mempunyai kesanggupan dan kesediaan yang sama. Kalau pilihan tukang

atur itu ujud dengan cara mengambil alih pimpinan melalui kelebihan kekuatannya, ini adalah politik yang bercorak diktatur. Takrifnya 'dia kata atur'.

Cuba kita gandakan masyarakat orang bertiga tadi itu menjadi tiga juta atau pun tiga puluh juta — prosesnya kurang lebih sama dan segala kemungkinannya pun kurang lebih sama.

Apa yang cuba saya bentangkan awal tadi ialah satu gambaran asas tentang proses politik ujudnya tukang atur secara dipilih iaitu demokrasi atau ujudnya tukang atur secara menggunakan kelebihan kekuatan iaitu diktatur.

Mari kita ambil perkembangan politik setempat daripada mulanya. Tahun **1952** sebagai garis pemisah yang memanifestasikan ujudnya buat pertama kali pemilihan tukang atur dalam negara apabila pilihanraya umum Dewan Bandaran Kuala Lumpur diadakan.

Sambil kita mengambil tahun 1952 sebagai tanda pancang pemisahan dalam proses pemilihan tukang atur, marilah pula kita kaji pergolakan politik negara secara ringkas. Berbagai parti politik ujud tetapi parti yang paling besar ialah **UMNO** yang lahir pada Mac 1946 untuk membunuh Malayan Union. **UMNO** adalah satu badan yang ditubuhkan mengikut peraturan demokrasi iaitu tukang aturnya dipilih. Maka berhasillah **UMNO** dan dengan izin Allah, pada 1 Februari 1948 Malayan Union dibubarkan dan lahir pula Persekutuan Tanah Melayu.

Pada waktu itu bukan sahaja **UMNO** yang muncul sebagai parti politik bahkan juga Malayan Democratik Union (MDU), Malayan Nationalist Party (MNP) dan pergabungan beberapa parti termasuk MDU dan MNP menjadi All Malaya Council of Joint Action (AMCJA), kebanyakannya hanya untuk menentang **UMNO.** Akhir pergolakan itu MNP pecah dari AMCJA dan ujudlah pula Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan bergabong pula PUTERA dengan AMCJA juga untuk menghentam **UMNO**. Mudah-mudahan dengan izin Allah walaupun hebat perjuangan PUTERA-AMCJA memukul dan memalukan **UMNO** tetapi **UMNO** tetap teguh. Sambil itu pada tahun 1948 meletus darurat dan dengan tujuan untuk menarik orang-orang Cina supaya mereka membantu dalam tindakan Kerajaan maka MCA pun ditubuhkan. Pada awalnya MCA ini tidak langsung dihajatkan sebagai sebuah parti politik; ianya adalah ditujukan

untuk membantu orang-orang Cina yang duduk berkelompok di pinggir hutan supaya apabila mereka itu ditempatkan semula mereka dapat diberi bantuan dan wangnya dikutip melalui loteri yang sekarang ini dikenali sebagai 'Loteri Kebajikan Masyarakat'. MIC ujud pada tahun 1946 dan pada mulanya penggabungannya banyak melalui AMCJA dan banyak memberi perhatian kepada apa yang berlaku di India sebagai punca inspirasi merdeka dengan pencapaian kemerdekaan di India, sama seperti UMNO dan MNP memperolehi inspirasi merdeka daripada perjuangan kemerdekaan Indonesia.

Pada tahun 1951 tukang atur UMNO yang dipilih secara demokrasi, Allahyarham Datuk Onn mengundurkan diri dari UMNO dan menubuhkan sebuah parti bergelar Independence of Malaya Party (IMP). Ini, sungguhpun menjadikan satu krisis yang besar tapi oleh kerana UMNO berpegang teguh kepada demokrasi, krisis ini dapat diatasi dengan tenang dan YTM Tuanku Abdul Rahman dipilih menjadi tukang atur.

Tetapi apakah kesudahannya yang sebenar peranan parti-parti politik ini? Mereka adalah hanya menjadi 'pressure group'. UMNO dengan cara pressure group dapat menggujudkan Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat perlembagaan sesuai mengikut perjuangan mereka. Sebagai sebuah negara, walaupun parti-parti politik yang halal berpolak berasaskan demokrasi, pemerintahan negara adalah di bawah sistem diktatur kerana tukang aturnya ialah Kerajaan British dengan kelebihan kekuatannya memerintah negara.

Tahuan 1952 dijadikan garis permisah kerana tibalah waktunya apabila cara pemilihan untuk mencari tukang atur dijalankan di negara kita walaupun tersangat kecil wilayahnya iaitu terhad kepada bandar Kuala Lumpur saja. Pada waktu itu saya bertugas sebagai Penolong Setiausaha Negeri Selangor yang bertanggungjawab berkenaan dengan pilihanraya Kuala Lumpur. Saya sangat gerun melihatkan angka bilangan penggundi Melayu di Kuala Lumpur begitu kecil. Saya pun terus berhubung dengan tokoh-tokoh UMNO tempatan termasuk Allahyarham Datuk Yahaya Orang Kaya Maha Bijaya Kuala Lumpur, Allahyarham Encik Yahya bin Sheikh Ahmad, Allahyarham Raja Mohamad bin Raja Alang dan Allahyarham Abdullah

Yasin, dan mempaparkan kepada mereka kesulitan yang akan di hadapi oleh pengundi-pengundi Melayu kerana bilangannya begitu kecil. Saya mencadangkan supaya mereka membuat muafakat dengan MCA, walaupun MCA itu bukan sebuah parti politik pada waktu itu, untuk menentang parti lain seperti Parti Boroh dan IMP. Walaupun ada di sisi tokoh-tokoh **UMNO** rasa curiga berkenaan idea ini tapi mereka sanggup menonjolkan idea ini kepada Tunku. Jawapan yang mereka dapat daripada Tunku pada mulanya ialah idea ini tidak dapat diterima kerana kurang keyakinan terhadap bangsa Cina. Tetapi tidak berapa lama kemudian saya mendapat khabar bahawa Tunku sudah menerima idea itu dan diberi restu untuk berhubung dengan MCA yang antara tokohnya ialah Tan Sri Omar Yoke Lin dan Chen Keong Hon. Kemudiannya apabila saya tanya Tunku mengapa dia bersetuju. Tunku memberitahu saya bahawa waktu menonton lumba kuda dia bertanya kepada Dato' Thuraisingan apakah idea pergabongan ini baik atau tidak. Oleh kerana jawapan yang diberi oleh Dato' Thuraisingam dengan cara negatif Tunku terus mengambil keputusan bahawa kalau perkara ini tidak baik kepada Thuraisingam adalah baik untuk **UMNO.**

Segala perbualan ini terjadi waktu saya membawa Tunku dengan kereta saya mencari tempat untuk anaknya menumpang bersekolah di sebuah rumah di Sentul setelah kami makan di sebuah warong di Jalan Perkins, Kampung Bharu. Inilah peristiwa lahirnya parti Perikatan, yang kemudiannya disertai pula oleh MIC pada tahun 1955 apabila negara menghadapi pilihanraya umum yang pertama. Ujudnya Parti Perikatan ialah dengan cara muafakat. Pemilihan tukang aturnya atau pucuk pimpinan juga dengan cara muafakat. Apabila sampai pada ketika pilihanraya yang pertama bagi seluruh negara, kemenangan yang dicapai pada waktu pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur dulu dapat pula diulang dengan cemerlangnya pada tahun 1955 apabila Parti Perikatan menenangi 51 kerusi dan Parti Islam hanya 1 kerusi.

Saya memilih 1952 iaitu pilihanraya Municipal Kuala Lumpur sebagai garis pergolakan politik kerana selepas itulah baru bermula penentuan sebahagian tukang atur negeri dan negara

dibuat dengan cara pilihan walaupun pemerintahan masih dipegang oleh penjajah sehingga tahun 1957. Dari sejak kemerdekaan, demokrasi berjalan dan tukang atur atau pemerintah adalah ditentukan dengan cara pilihanraya. Tokoh-tokoh **UMNO** yang dipilih adalah mereka yang sanggup berjuang bermati-matian menentang penjajahan, sebab itulah agaknya perlumbaan tidak langsung tajam bahkan bertolak-tolak kerana banyak yang tidak sanggup menjadi pemimpin sebab kurang kesanggupan membuat pengorbanan.

Sesudah ujudnya Malaysia pada tahun 1963 banyak lagi parti politik dari Sabah dan Sarawak masuk bergabong dengan Perikatan. Tetapi oleh kerana adanya konfrontasi segala pemilihan untuk pimpinan di semua peringkat tidaklah menjadi rebutan yang tajam bahkan pilihanraya tahun 1964 dimenangi oleh Perikatan tanpa banyak penentangan yang menunjukkan bahawa tidak banyak yang sanggup memikul beban menghadapi cabaran masa yang berkehendakkan titik peluh dan darah.

Sesudah detik hitam peristiwa 13 Mei maka timbul satu cabaran baru iaitu bagaimana boleh negara maju tanpa pergeseran perkauman. Berpandukan kepada **Rukunegara** sudah terang bahawa perkauman tidak lagi boleh diizinkan untuk berkekalan dan segala cara hendaklah diambil supaya soal perkauman akan lenyap.

Muncul Dasar Ekonomi Baru yang berkehendakkan sikap yang luas dan pandangan yang besar untuk melaksanakannya. Sekiranya terlampau banyak rintangan dasar itu akan gagal. Dasar Ekonomi Baru juga menekankan kemajuan mesti dicapai dengan cara saksama baik dari segi golongan masyarakat maupun juga dari segi wilayah. Oleh kerana kemungkinan satu-satu wilayah itu boleh ketinggalan kerana penduduknya ditakluki oleh pembangkang yang mesti diamak-tirikan, maka jalan yang paling berkesan ialah memperluaskan lagi selluas-luas-nya Perikatan itu supaya pembangkang menjadi puak yang sekecil-kecilnya. Ini bukan bermakna bahawa peraman pembang-kang tidak ada atau pembangkang mesti dihapuskan. Tapi dalam keadaan negara yang membangun dan suasana perkauman, lebih baik rangancan dan perlaksanaan pembangunan di-setujui oleh suara yang seramai-ramainya. Apa juga yang di-

musykilkan eloklah diselesaikan dalam lingkungan muafakat. Sebab itulah maka saya, apabila mendapat restu daripada Allah-yarham Tun Abdul Razak, berusaha mempelawa parti-parti lain termasuk Parti Pas untuk bergabung dalam **Barisan National.** Usaha saya yang terakhir ialah untuk membawa Sarawak National Parti (SNAP) menganggotai **Barisan Nasional.** Nampaknya ada lagi parti yang menunggu hendak masuk.

Alangkah sedihnya apabila Parti Islam meninggalkan **Barisan Nasional** kerana pada waktu itu saya sungguh khuatir dan keciwa kalaulah keadaan kembali kepada memulaukan tempat-tempat yang ditakluki oleh parti pembangkang sehingga tempang pembangunan apalah lagi tempat yang berkenaan melibatkan orang-orang Melayu.

Dari semua ini sangat ketara bahawa **UMNO**lah teras politik negara kerana **UMNO** adalah sebati dengan demokrasi dan sentiasa membuat apa juga usahanya dengan cara muafakat.

UMNO saja yang boleh menjamin apa yang saya katakan mula-mula tadi, perjuangan satu-satu masyarakat seperti masyarakat orang bertiga di pulau iaitu keselamatan dan ekonomi yang menentukan kesejahteraannya. Selagi **UMNO** berupa teras politik negara maka orang Melayu, walaupun dia bukan anggota **UMNO,** berasa tenteram. Dan selagi orang Melayu berasa tenteram maka bangsa-bangsa lain berasa terjamin. Dan ini semua akan membawa kepada kestabilan negara yang boleh membangun dengan tidak ada hadnya.

Oleh yang demikian, alangkah besarnya tanggung-jawab **UMNO** dan alangkah uniknya kedudukan **UMNO.** Saya kira tidak ada parti dalam dunia seperti **UMNO** dengan peranannya. Maka menjadi tanggungjawab ahli-ahli **UMNO** pada masa ini dan yang mewarisinya pada masa hadapan mengekal perasaan ketenteraman dan perasaan stabil di negara dengan cara mempertahankan kedudukan **UMNO** sebagai teras politik. Maka itulah sebab saya menyeru supaya pemilihan tukang atur dalam **UMNO** atau pimpinan dalam **UMNO** hendaklah dibuat dengan arif lagi bijaksana supaya pimpinan itu bukan saja boleh menjunjung **UMNO,** tapi juga sanggup mengelek parti-parti

rakan dalam **Barisan Nasional** dan memberi naungan kepada yang lain.

Sekiranya pemilihan itu merupakan percakaran yang hebat atau pertarungan mati-matian atau menggunakan cara tipu-daya, sudah tentu perkara-perkara begitu boleh mambosankan ahli-ahli parti sendiri dan mengakibatkan kekecewaan di sisi orang lain.

Dan menjadi tanggungjawab juga kepada ahli politik supaya jangan tukang atur atau pimpinan itu dihinggapi oleh dedalu api. Dan bagi pimpinan pula menjaga supaya jangan anai-anai menjahanamkan teras pohon politik negara.

Oleh kerana sebuah negara itu tidak boleh hidup terpencil maka pergolakan politik semasa hendaklah mengutarakan soal bagaimana negara boleh sentiasa berhubung baik dengan semua negara lain dan juga tokoh-tokoh politik negara lain terutama jiran, seperti juga **Rukuntetangga** yang menjamin keselamatan bersama.

Petikan ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Forum kesedaran di Pusat Latihan Angkatan Belia Pembina Negara pada 4hb. Mei, 1978 jam 10.00 pagi di Kuantan.

KESELAMATAN NEGARA

Apakah dia perkaranya yang kita maksud dan kita timbulkan bila kita membincangkan soal 'keselamatan negara'? Bila saya amat-amati bentuk dan isi perbincangan rakyat kebelakangan ini bila saja menyentuh soal keselamatan negara, maka jelas apa yang dimaksudkan atau ditumpukan ialah hanya tentang perjuangan menentang pengganas komunis di hutan, dalam negeri maupun di kawasan perbatasan, juga tindakan Pasukan Keselamatan kita, iaitu tentera dan polis, dalam usaha menghancurkan gerakan pengganas komunis itu. Bagi saya soal keselamatan negara mesti juga termasuk segala unsur lain yang boleh mengancam atau mendatangkan mudarat kepada ketenangan kehidupan seharian kita sehingga akhirnya boleh menimbulkan satu keadaan atau situasi menjejas ketenteraman awam dan kestabilan negara.

Bagi saya perkara atau isu-isu lain yang sepatutnya menjadi bahan perbincangan kita semua sewaktu memperkatakan soal keselamatan negara termasuk hal dadah, kumpulan haram, dan kegiatan pengganas komunis. Semua ini mempunyai implikasi dan ramifikasinya, samada cara bersendirian atau berkait antara satu dengan yang lain, yang boleh menimbulkan situasi mengancam ketenteraman awam dan kestabilan negara.

Walaupun soal dadah menjadi masalah kepada hampir setiap negara di dunia ketika ini tapi bagi negara kita ancaman dari pengaruh dadah ke atas rakyat kita sudah sampai ke satu peringkat yang sungguh membimbangkan. Bilangan mereka yang terlibat semakin meningkat, dan apa yang mengkhuatirkan sekali ialah golongan yang terlibat ialah golongan muda. Apakah jenis generasi yang akan mewarisi generasi sekarang? Apakah

harapan negara jika sampai satu keadaan di mana nanti anak-anak muda yang diharapkan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara terdiri dari anak-anak muda yang lemah kerana pengaruh dadah!

Masalah **kumpulan haram** atau kongsi gelap juga jika tidak dibenteras dan dipatahkan boleh membiak hingga menjadi satu tenaga pula yang boleh mencorakkan satu cara hidup lain dari apa yang sedang dilalui sekarang. Tegasnya soal ketenangan hidup sekarang berlandaskan undang-undang negara yang halal boleh terancam. Juga dalam masalah kumpulan haram ini sudah ada pertanda dan bukti yang pihak pengganas komunis memperalatkan kumpulan ini sebagai cara membiayai perjuangan mereka.

Gerombolan pengganas komunis pula, sekiranya kita lalai dan lali pada bila-bila masa, akan mengexploit sebarang keadaan, sebarang perkembangan, sebarang pergolakan untuk tujuan perjuangannya.

Setelah kita memahami apakah dia unsur-unsur yang sepatutnya kita sentuh sewaktu mempersoalkan hal keselamatan negara, apakah sebenarnya yang wajib menjadi intisari perbincangan kita? Apakah cukup kita heboh dan sebok hanya bila berlaku satu letupan, bila terbunuh seorang anggota polis di tengah bandar, bila gugur seorang askar di hutan! Atau apakah selesai perbincangan kita dengan membuat usul supaya Kerajaan memperketatkan pengawasan dan mendesak anggota Pasukan Keselamatan jangan lalai! Apakah kita sudah puas hati bila Kumpulan Botak Chin diamankan? Apakah kita sudah berhasil bila sindikit pengedar dadah terbesar di negara sudah dipatahkan? Ini semua sebenarnya adalah ekoran atau akibat dari kegiatan yang dijalankan beberapa lama. Apa yang wajib kita bincangkan ialah apakah dan dimanakah puncanya seorang itu memilih menjadi pengganas komunis, menjadi penagih dadah, atau menjadi anggota kumpulan haram! Tiap-tiap satunya mesti mempunyai pergolakan dan perkembangannya sendiri. Mustahil tiba-tiba seorang anak muda memilih lari ke hutan memasuki kumpulan penggamas komunis atau bergaul dengan kumpulan haram atau menjadi penagih dadah! Kita mesti cari puncanya, kita mesti dalami sebabnya. Kita mesti analisa di mana salahnya

kita, di mana gagalnya pendidikan kita, di mana terbengkalainya pengawasan kita.

Pada hemat saya, dan hasil dari analisa saya sendiri dari beberapa kes yang lalu, ada dua tempat yang boleh menjadi punca ke arah melahirkan orang-orang seperti saya sebutkan tadi. Satu ialah di **rumah** kita, satu lagi di **sekolah** kita sendiri.

Suasana yang terdapat di **rumah,** banyaknya masa dan pengawasan yang ditumpukan oleh ibubapa kepada anak, hubungan suami-isteri, perasaan kasih sayang dalam keluarga, antara lain, menjadi punca penting melahirkan jenis anak muda yang akan menganggotai masyarakat. Sudah banyak kes terjadi kegagalan mendapat ketenteram juga kasih sayang yang tulen dari rumah menjadi satu sebab maka si anak keluar mencari ketenangan di luar. Maka dalam mencari-cari inilah timbulnya kemungkinan terjeromos anak ini dalam kegiatan-kegiatan yang akhirnya sampai ke peringkat di mana ianya sudah menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Kerana dalam masyarakat sedia ada, misalnya ada ejen-ejen komunis yang diarah merekrut anak-anak muda, mulanya menganggotai pasukan talibarut (bawahtanah) dan kemudiannya pasukan bersenjatanya. **Sekolah** juga boleh menjadi tempat di mana anak-anak muda boleh ditarik, samada menjadi anggota kumpulan haram, atau kumpulan komunis, atau kumpulan yang menagih dadah. Sebenarnya pihak berkuasa sudah ada bukti, selain dari kumpulan haram dan dadah, pihak pengganas komunis mula cuba meresapi beberapa sekolah untuk menarik anak-anak muda masuk menganggotai pasukan komunis. Saya tahu ada percubaan di beberapa sekolah seperti di Perak (Kampar, Batu Gajah, Ipoh), Johor (Johor Baharu, Muar, Batu Pahat, Kluang), Selangor (Petaling Jaya), Kuala Lumpur.

Apa yang saya mahu tegas dan tekankan pada pagi ini ialah secara tidak kita sedari dan insafi dari rumah dan sekolah kita sendiri boleh menjadi punca dan tempatnya lahir anak-anak muda serta orang-orang yang cenderung melibatkan diri dalam kegiatan dan perlakuan yang akhirnya boleh memudarat dan mendatangkan bencana kepada negara.

Soalnya ialah apakah sumbangan dan tanggungjawab kita supaya kita mengambil setiap langkah mencegah hingga lahirnya

orang-orang sedemikian dari rumah dan dari sekolah kita sendiri? Bagaimanakah harus kita kaitkan pendidikan di rumah dan di sekolah agar tidak muncul fikiran dan idea di kepala anak-anak kita sehingga sanggup mencabar undang-undang dan menentang negaranya sendiri? Apakah isi kandungan pelajaran dan pendidikan yang diberi di rumah dan di sekolah mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa dan membantu anak-anak menilai yang baik dari yang mudarat?

Saya rasa inilah di antara soalan dan persoalan yang harus mengisi ruang perbincangan kita sewaktu kita memperkatakan hal keselamatan negara. Kerana bagi pihak Kerajaan, ianya akan mengambil setiap langkah dan tindakan setakat terdaya untuk menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara terpelihara setiap ketika. Tapi kita sebagai anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab dan peranan kita juga untuk menjamin supaya dari rumah, dari sekolah, dari maktab, dari universiti, kita mengambil setiap langkah dan setiap persiapan, agar kita tidak mengeluarkan anak-anak muda yang cenderung ke dadah, menganggotai kumpulan haram atau mencampuri pengganas komunis. Tanpa sumbangan dan kerjasama rakyat sama-sama memikul tanggungjawab menjaga dan mengawas keselamatan negara, tugas Kerajaan mungkin seperti berenang mudik. Di sini saya ingin memberi amaran kepada ibubapa dan guru-guru supaya lebih mengawasi gerakgeri anak dan murid masing-masing kerana, seperti saya sebutkan, pihak komunis sudah cuba menghampiri sekolah untuk merekrut anggota baru.

Bagi pihak Kerajaan, selain dari menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara sedaya dapat, Kerajaan akan berusaha untuk memperkukuhkan persahabatan dengan negara-negara jiran khasnya di rantau ini. Kita mengambil langkah sedemikian sebagai ikhtiar untuk menjaminkan diri kita bahawa kiranya berlaku sesuatu ancaman terhadap negara kita, ancaman ini pasti tidak datang dari negara-negara jiran tersebut dan bahawa dari negara-negara jiran ini kita mempunyai rakan untuk membantu kita pada waktu kita memerlukan bantuan. Misalnya beberapa hari lagi YAB Perdana Menteri kita akan menemui Presiden Suharto, dan sudah tentu tujuan pertemuan ini ialah ke arah mempertingkatkan lagi perhubungan,

persefahaman serta kerjasama antara kedua negara. Inilah ikhtiar dan dayausaha kita untuk memperkuatkan ketahanan atau keteguhan rantau ini supaya kita tidak dijadikan kencah perlumbaan memperluaskan pengaruh oleh kuasa-kuasa besar, juga oleh yang lain yang mempunyai cita-cita yang sama. Dalam perjumpaan seperti ini sering juga berhasil juga kedua belah pihak memperolehi bonos, iaitu persetujuan tentang sesuatu di luar dari rangka yang dibincangkan. Misalnya semasa Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Thailand-Malaysia pada 23 April 1978 ini, selain dari persetujuan kedua pihak mempergiat dan mempertingkatkan lagi gerakan bersama menentang musuh di kawasan perbatasan, saya telah meminta jasa baik pihak Pengerusi Bersama Thailand, Gen. Lek Naeomali, mendapatkan persetujuan Bangkok membenarkan kita menambah pembelian beras pulut dari Thailand. Alhamdullilah saya baru terima taligeram bahawa pihak Thailand bersetuju menjualkan kepada kita tambahan sebanyak 1,000 ton lagi pulut.

Petikan ceramah di Peresmian Majlis Penerangan Keselamatan di kampung Terosor, Sungai Siput, Perak pada hari Sabtu 13hb. Mei, 1978 jam 9.30 pagi.

KEKUKUHAN UMNO

Sejak dari tarikh tertubuhnya dalam tahun 1946, perjuangan **UMNO** untuk membela nasib dan kedudukan orang Melayu tetap tidak berganjak malah semakin hebat dan bertenaga sekali terus diperjuangkan dengan penuh azam dan tekad. **UMNO** telah berjuang untuk memerdekakan negara, dengan kerjasama MCA dan MIC. Sejak merdeka **UMNO** lebih gigih dan bersemangat lagi mencetus dan membawa berbagai perubahan, pembaharuan, pembangunan dan kemajuan kepada orang-orang Melayu khasnya dan kepada yang lain amnya. **UMNO** menjadi sebuah parti yang unik atau teristimewa sebagai teras politik negara kerana selain dari memperjuangkan nasib orang-orang Melayu, **UMNO** juga menjaga kepentingan kaum lain. Dalam politik negara **UMNO** menjadi tunggak **Barisan Nasional,** mengkelek parti-parti rakan sambil menaung sekalian rakyat dalam negara.

Satu perkara yang menjadi kenyataan tidak dapat dinafikan sesiapa ialah segala bentuk dan rupa pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh negara hingga kehari ini ialah hasil perjuangan **UMNO. UMNO** akan terus berusaha membawa lebih banyak pembangunan dan kemajuan penuh insaf dan kesedaran tentang peranannya melindungi semua pihak serta menyedari tentang rupa bentuk masyarakat negara yang berbilang kaum dan agama. **UMNO** akan terus memupuk perpaduan yang erat di kalangan masyarakat, dan usaha **UMNO** membawa pembangunan serta kemajuan berlandaskan perhitungan supaya ianya dapat dinikmati secara adil dan saksama oleh seluruh golongan rakyat dan seluruh wilayah. Setelah berjaya meletakkan agama Islam sebagai agama resmi negara,

UMNO akan terus berusaha meningkatkan pengaruh dan pengajaran Islam di dalam negara sambil menjamin kebebasan beragama kepada penganut-penganut agama lain.

Sebagai sebuah parti politik **UMNO** adalah sebati dengan demokrasi dan segala perjuangannya sejak 1946 adalah berlandaskan kepada amalan demokrasi. Benar **UMNO** telah melalui beberapa krisis besar dalam parti, saperti pengunduran Allahyarham Datuk Onn Jaafar, krisis dengan guru-guru Melayu, tetapi telah berjaya mengatasi semuanya, dan **UMNO** sebagai parti tetap teguh dan kukuh. Rahsianya ialah kuat dan kukuhnya muafakat dan amalan demokrasi di mana setiap keputusan yang dibuat dari peringkat Cawangan hingga ke Majlis Kerja Tertinggi adalah hasil muafakat dan kata sepakat yang diperolehi. Belum lagi boleh sesuatu keputusan itu dibuat oleh orang perseorangan melewati parti kerana dalam tradisi **UMNO** tidak siapa pun yang boleh memperalatkan **UMNO** tapi hanya sekadar menjadi alat kepada **UMNO.** Oleh itu hakikat yang mesti difahami oleh setiap ahli **UMNO** khasnya ialah ujudnya dan kuatnya diamalkan prinsip 'tanggungjawab bersama' (collective responsibility) dalam **UMNO.** Misalnya apakala Presiden **UMNO** membuat sesuatu pengumuman mengenai sesuatu hal, ini adalah hasil keputusan bersama yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi **UMNO**. Tegasnya, setiap ahli Majlis Kerja Tertinggi turut sama bertanggungjawab di atas pengumuman yang dibuat oleh Presiden, dia tidak boleh lari atau melarikan diri kecualilah dia terus-terang mengumumkan penentangannya.

Prinsip 'tanggungjawab bersama' ini juga diamalkan dalam Kerajaan yang disokong oleh Parti melalui Kabinet. Setiap pengumuman atau tindakan yang dibuat oleh Perdana Menteri atau mana-mana anggota Kabinet adalah hasil persetujuan bersama dalam Kabinet, dan diatas keputusan ini setiap anggota Kabinet turut bertanggungjawab, dan semua ini dilakukan atas nama Perdana Menteri yang pula bertanggungjawab kepada Parlimen dan Parti. Hakikat yang wajib difahami oleh rakyat ialah setiap dasar, projek hingga kepada soalan peruntukan kewangan bukanlah hasil keputusan yang dibuat sendiri oleh seseorang anggota Kabinet tertentu tapi dengan persetujuan pada dasarnya oleh Kabinet. Apa yang saya sendiri lihat ialah

ada di kalangan rakyat kita yang salah faham memikirkan ada anggota Kabinet boleh membuat atau memberi satu-satu mengikut hawa nafsunya sendiri, dan sekiranya pemberian itu menguntungkan sipenerima maka Menteri itu akan disanjung atau dianggap murah hati dan kekallah sipenerima itu terhutang budi kepada Menteri tersebut.

Sebenarnya seseorang Menteri itu bertugas atas nama Perdana Menteri dan apa yang dilakukannya ialah dengan persetujuan bersama di atas prinsip manis maungnya adalah tanggungjawab bersama. Sekiranya salah faham ini tidak dibetulkan dan berlarutan saya khuatir nanti tiada siapa pun yang sanggup menjadi anggota Kabinet yang bertanggungjawab mengenai hal-hal abstrek saperti pertahanan, undang-undang, keselamatan, penerangan yang merupakan potfolio yang tiada mempunyai hubungan secara fisikal dengan rakyat. Kemungkinan berlaku begitu kalau ukuran rakyat tentang sumbangan dan kemampuan seorang anggota Kabinet masih hanya setakat sebanyak mana beliau itu dapat memuaskan permintaan pribadi dari segi material, saperti memberi lesen, baik senapang atau panjaja atau meluluskan kewangan membuat jalan atau masjid seolah-olah wang itu keluar dari sakunya sendiri. Orang-orang yang bergadai nyawa menentang musuh negara tidak langsung mendapat perhatian atau penghargaan. Sekiranya ukuran dan nilaian rakyat, khususnya ahli **UMNO** begitu maka ada kemungkinan pemimpin **UMNO** akan berebut hanya mengurus-kan Kementerian yang boleh menunaikan permintaan peribadi berbentuk material.

Saya tidak jemu-jemu dan bertalu-talu mengingatkan kepada anggota **UMNO** supaya kita berhati-hati waktu memilih pemimpin disemua peringkat, baik dari Cawangan atau Bahagian hingga ke Majlis Kerja Tertinggi kerana pemimpin inilah yang akan menjadi calun untuk dipilih oleh Perdana Menteri membantunya di dalam Kabinet menjalankan pentadbiran Negara. Pemimpin kita itu hendaklah kita ukur bukan mengikut hawa nafsu peribadi kita sendiri kerana kalau begitu rupanya maka akan muncul orang-orang yang ingin menjadi pemimpin yang menggunakan tipu-helah pujuk sogok untuk memuaskan hawa nafsu kebendaan kita sendiri semata-mata

tanpa memikirkan soal agama, bangsa dan negara yang lebih besar dan dari segi jangka panjang. Perhitungan **UMNO** tidak boleh dikaji dari lima tahun ke lima tahun kerana rancangan pembangunan dan penyusunan semula masyarakat memakan masa panjang dan pimpinannya hendaklah tekun dan setia kepada perjuangan yang asal. Sekiranya kita terpilih kaca bukan intan sambil kita melaung-laung bahawa kita sudah matang pada waktu itu apabila bangsa dan negara terjerumus, janganlah kita marah kepada pemimpin yang membawa kita tumbang — yang bertanggungjawab adalah kita kerana kita yang meletakkan dia di situ mengikut kehendak hawa nafsu kebendaan kita sendiri semata-mata. Kita hanya berhak marah terhadap pemimpin yang naik dengan cara rampasan kuasa yang menjadi diktatur.

Satu lagi keutamaan yang diperjuangkan oleh **UMNO** ialah soal pelajaran. Terujudnya lima buah universiti dan Institiut Teknologi Mara di negara hari ini dengan biasiswanya yang memberi kesempatan kepada beribu-ribu anak **bumiputra** untuk bersekolah tinggi ialah lambang mercu perjuangan dan desakan **UMNO** melalui dasar pelajarannya. Ini tidak dapat dinafikan dan saya sangat berharap kenyataan ini diinsafi oleh mereka yang sudah dan sedang mengecap kenikmatan ini dengan perasaan syukur kepada Allah serta berazam menyumbangkan sesuatu kepada **UMNO** sebagai sumbangsih, sekurang-kurang-nya janganlah menggigit tangan yang menghulur rezeki. Dan sewajarnya kita berterimakasih sambil mengenang jasa pejuang-pejuang **UMNO** yang lama.

Kedaulatan Bahasa Malaysia pada hari ini tidak dipersoalkan lagi. Soal kurangnya anak Melayu dalam lapangan kedoktoran semakin kurang dilaungkan, walaupun kekurangan dalam bidang kejuruteraan masih ketara. Ini bermakna walaupun dasar pelajaran yang didokong oleh **UMNO** sudah berhasil, masih ada kelemahan di sana-sini yang perlu diperkemaskan.

Satu misalnya, pada hemat saya, ialah tentang dasar di mana anak-anak sekolah yang kurang cerdas terputus pelajarannya dipenghujung peringkat sekolah rendah (Darjah Enam) atau dipenghujung peringkat menengah rendah (Sijil Rendah Pelajaran) tanpa disediakan saluran lain yang betul-betul dapat

menampung jenis anak-anak tersebut — kalau ada pun setakat mengisi waktu saja. Tegasnya anak-anak ini yang ramai juga bilangannya tercicir dan terbiar begitu saja pada peringkat umur terlalu muda disamping tanpa dibekalkan sebarang kemahiran untuk membolehkannya membuat satu kerja yang memerlukan kemahiran. Dari segi keselamatan tidak keterlaluan jika saya katakan dari golongan anak-anak beginilah ada yang terlibat dalam kegiatan seperti jenayah kecilan dan dadah kerana mereka tiada kelayakan sesuatu atau terlalu muda untuk bekerja. Ada juga pihak tertentu mengexploit anak-anak dari golongan yang putus asa ini memasuki kumpulan mereka iaitu komunis dengan cara menyalahkan dasar pelajaran di atas nasib malang mereka. Keadaan ini perlu diperbetulkan.

Alangkah eloknya kalau kita menimbang untuk memberi pelajaran asas kepada semua anak sekurang-kurangnya selama sebelas tahun — enam tahun di peringkat rendah dan lima tahun di peringkat menengah. Dalam pada itu anak-anak sekolah, juga penuntut maktab dan universiti, perlu diperlengkapkan dengan kelayakan dan kemahiran yang sesuai bagi mengadakan tenaga kerja yang setimpal dengan keperluan zaman dan pembangunan negara baik dari segi teknikal atau bahasa-bahasa yang berguna.

Pembangunan ekonomi negara diberi sepenuh keutamaan demi mempertinggikan taraf hidup rakyat. Rancangan demi rancangan disedia dan dilaksanakan. Sejak 1970 Dasar Ekonomi Baru mula dilancarkan dengan matlamat dwisula atau serampang dua mata iaitu menyusun semula masyarakat **dan** membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum. Landasan utama Dasar Ekonomi Baru ini ialah supaya kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil dan saksama oleh seluruh golongan rakyat dan oleh seluruh wilayah.

Dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru, satu sektor yang mempunyai peranan yang penting ialah sektor swasta kerana dasar ekonomi negara kita yang dipertahankan oleh **UMNO** pada asasnya berpegang kepada prinsip niaga bebas ('free enterprise'). Selain dari soal kewangan, bahan, jentera dan kaedah, satu unsur yang paling penting dalam sebarang pembangunan ekonomi ialah orang yang mengendalikan kegiatan ekonomi itu sendiri. Orang-orang ini termasuklah

pengurus, pekerja, pakar, pembiaya, perunding, dan bagi saya orang yang paling penting ialah usahawan (enterpreneurs).

Usahawanlah yang akan menentukan untuk melancarkan satu perniagaan atau perusahaan baru, untuk melabur atau menarik keluar pelaburan dalam sesuatu projek. Tegasnya usahawanlah orang yang menjadi nadi kepada sesuatu projek ekonomi kerana dialah yang mengelola, yang mengawas dan mengambil risko. Dialah yang memperkenalkan barang-barang baru, kaedah baru dalam pengeluaran, pembukaan pasaran baru, perjumpaan bahan baru, juga yang mengelolakan organisasi sebarang industri. Nyatalah bagi sebarang kegiatan ekonomi dalam sistem perniagaan bebas untuk berjaya maka peranan usahawan menjadi sungguh perlu dan penting.

Golongan usahawan ini adalah berbeda dari golongan pengurusan (management) dan golongan pentadbir (administration). Apa yang kerap terjadi ialah kita terlalu mementingkan tentang pengurusan sehingga menganggap golongan inilah yang bertanggungjawab menggerakkan segala kegiatan ekonomi — tegasnya kita sudah terkeliru antara peranan pengurus dan usahawan. Dan yang boleh memburukkan lagi keadaan ialah golongan pengurusan inilah seolah-olah sebagai jawapan kita yang muktamad untuk menjayakan kegiatan ekonomi. Sebenarnya peringkat pengurusan terletak selepas dan di atas peringkat usahawan. Juga kerap berlaku golongan pentadbir pula ada yang bertindak seolah dia itu usahawan sehingga boleh menjadi cacat dan gagal kegiatan perniagaan atau perusahaan yang dia melibatkan dirinya; golongan ini biasanya hanya boleh menjadi pengurus saja.

Saperti kata saya tadi sebenarnya golongan usahawanlah yang menjadi nadi dan penggerak kepada sebarang kegiatan perusahaan dan perniagaan. Mengikut kajian dan pemerhatian, negara yang sedang membangun yang berjaya beransur-ansur menuju ke arah keteguhan ialah negara yang mengamalkan prinsip niaga bebas, tapi negara yang mengkuburkan prinsip tersebut gagal menuju keteguhan. Banyak negara tanpa disebut namanya boleh kita lihat sendiri mengalami akibat ini. Itulah sebabnya kita mengutamakan sistem 'free enterprise' yang sangat mementingkan usahawan.

Dalam pada itu kita mesti perhatikan sistem usahawan disusun semula dan diujudkan usahawan **bumiputra** secukupnya kerana sekiranya ini tidak dilakukan keadaan masyarakat akan terus tempang mungkin boleh membawa semula bahaya dan pecah-belah dalam masyarakat saperti kita alami pada 1969. Maka itu buat sementara menantikan teguhnya berdiri usahawan **bumiputra** maka diujudkan dulu ejensi-ejensi saperti **UDA, MARA, PERNAS** yang merupakan sebagai usahawan Kerajaan (government entrepreneurship). Ejensi-ejensi ini sebenarnya sebagai pemegang amanah bagi pihak usahawan **bumiputra** yang sedang dilatih dan tugasnya tidak lebih dari menjadi 'caretaker and catalyst', bukan untuk berlarutan hingga kekal menjadi usahawan.

Kepada orang-orang yang tidak faham atau tidak mahu faham, ejensi-ejensi ini diujudkan oleh Kerajaan seolah-olah untuk memberi kesenangan kepada satu kaum tertentu saja. Penubuhan ejensi perlu dilakukan kerana tanpa langkah usaha untuk mengujudkan usahawan **bumiputra** tidak dapat disempurnakan mengikut jadual jangkamasa yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru. Kalau ini tidak tercapai ianya akan menjejas hingga akhirnya boleh membawa kebinasaan kepada sistem niaga bebas. Sekiranya sistem bebas berniaga ini runtuh, semua pihak yang percaya kepada sistem ini juga termasuk mereka yang mencaci dasar ini akan jahanam. Maka itu rancangan yang dijalankan oleh Kerjaan itu wajiblah disedari oleh semua pihak supaya tidak lagi timbul salah faham kerana dalam sistem niaga bebas ini kesempatan dan peluangnya tidak terhad atau dihadkan. Mungkin berkurang sedikit ialah kadar keuntungan (margin of profit) di sisi peniaga bukan **bumiputra** kerana dalam rancangan ini keuntungan diselerakkan dengan cara saksama supaya tidak dibolot oleh satu-satu pihak sahaja.

Untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan apalagi memperhasilkan hasrat Kerajaan membawa **bumiputra** ke dalam sektor perniagaan dan perusahaan, soal yang penting dan perlu dibincangkan ialah hingga ini berapa ramaikah ujudnya usahawan (entrepreneur) **bumiputra,** serta setakat mana pula kemampuan mereka yang dapat memainkan peranan mereka akibat segala macam peluang dan kesempatan yang disediakan

hasil dasar Kerajaan itu. Pada diri saya sendiri, persoalan ini amat penting kerana dengan sendirinya boleh menentukan jaya atau gagalnya dasar ekonomi kita. Waktu saya menjadi Pengerusi Pentadbiran Institiut Teknologi Mara dahulu inilah yang saya beratkan dan Institiut Teknoloji Mara ada menganjurkan kursus-kursus bagi melahirkan usahawan-usaha-wan bumiputra. Disamping itu usahawan-usahawan dari kaum lain juga dilatih. Setahu saya Pusat Daya Pengeluaran Negara berusaha ke arah itu. Sekarang pula sudah ada kelihatan muncul usahawan-usahawan dari kaum **bumiputra** yang saya kira sudah berjaya dan perlu sangat terus memainkan peranan tersebut bukan saja untuk kemajuan ekonomi **bumiputra** tapi juga menjadi contoh atau penunjuk kepada bakal-bakal usahawan **bumiputra** lain. Kita sangat memerlukan kepimpinan dan pengalaman **bumiputra** yang sudah berjaya dan mereka ini akan menjadi inspirasi, petulun dan contoh yang bercahaya kepada usahawan **bumiputra** dan mereka yang sedang meningkat.

Petikan ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meresmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Pekan, Pahang di Dewan Perhimpunan Pekan, Pahang pada hari Ahad, 28hb, Mei, 1978 jam 10.00 pagi.

POLITIK LUAR NEGERI

MALAYA DAN COMMONWEALTH (BAHAGIAN 1)

Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan telah menyebut beberapa kali bahwa Persekutuan Tanah Melayu, apabila mendapat kemerdekaannya, akan menjadi anggota dalam lingkungan Commonwealth. Saya hendak bercakap berkenaan dengan Commonwealth dan mengkaji sebuah persekutuan siasah yang tunggal dan berguna dalam dunia yang mempunyai berbagai-bagai kepentingan dan berlainan cita-cita.

Disisi undang-undang, tidak ada pengertian yang tepat berkenaan dengan Commonwealth. Sebenarnya, Commonwealth ini tiada mempunyai sebarang bentuk undang-undang yang dijadikan asas perlembagaannya.

Oleh kerana tiadanya suatu asas undang-undang, maka timbullah syak wasangka mengenai penggunaan dan sebutan perkataan "Commonwealth", khasnya tentang perbezaan di-antara taraf sebuah negeri yang mempunyai pemerintahan sendiri dengan taraf sebuah tanah jajahan atau naungan di dalam lingkungan Commonwealth itu. Oleh yang demikian, maka mustahaklah kita fahamkan lebih dulu beberapa perkara berhubung dengan perkataan "British Commonwealth".

Pertama sekali, perkataan 'British' yang digunakan pada 'British Commonwealth' itu janganlah difahamkan sebagai merupakan suatu 'penguasaan' atau 'pengaruh'. Jika ianya digunakan, itu hanyalah untuk menunjukkan kesan yang telah turun-temurun, dan tuan-tuan harus telah maklum bahwa dalam penyata bersama mengenai **Persidangan Merdeka** dulu, tidak ada disebut perkataan 'British' sebelum perkataan 'Commonwealth' itu.

Sesebuah negeri yang menjadi ahli Commonwealth itu

tidaklah sekali-kali tersentuh kedaulatannya atau terhad dasar-dasar pemerintahannya. Perdana Menteri Pakistan baru-baru ini, telah berkata, 'sebagai sebuah negara republik, kita adalah bebas dan merdeka dengan sepenuh-penuhnya dan kita adalah juga bebas menjadi anggota Commonwealth selagi kita suka.'

Seperkara yang penting berkenaan dengan Commonwealth ialah bahawa tiada siapa yang boleh memaksa sesebuah negeri itu menjadi ahli Commonwealth, dan juga lenkungan Commonwealth itu tidak pula mesti menerima dia menjadi ahli.

Apabila **Persidangan Merdeka** dalam bulan Februari tahun dulu menyebut 'kemerdekaan dalam lingkungan Commonwealth', maka itu berarti bahwa Persekutuan Tanah Melayu dengan sukarelanya sanggup menjadi ahli yang penuh, dan tidak syak lagi ia akan diterima oleh lain-lain ahli. Tidak ada sebuah negeri pun yang boleh masuk dalam lingkungan Commonwealth melainkan negeri yang merdeka atau negeri yang bernaungan atau ditakluk oleh satu daripada ahli-ahli Commonwealth itu. Maka sudah tentulah Persekutuan Tanah Melayu tidak lagi bercita-cita hendak melanjutkan pernaungannya dibawah Great Britain selepas bulan Ogos, tahun 1957 kelak.

Keadaan Commonwealth sekarang yang nampaknya tidak berketentuan corak itu adalah disebabkan oleh aliran sejarah, yakni sikap penjajahan yang enggan bersaing dengan peredaran zaman. Orang-orang Inggeris di dalam takluk jajahannya percaya bahwa hak-hak seperti 'memerintah sendiri atau merdeka' itu adalah hak istimewa untuk orang-orang Inggeris sahaja. Tidak beberapa lama kemudian, barulah mereka itu sedar, dan terpaksalah mengubah sikap kepada fahaman bahwa hak-hak ini adalah juga kepunyaan tiap-tiap bangsa. Tetapi langkah-langkah mengubahnya itu memanglah lambat, dan kadang-kadang dijalankan dengan sedihnya. Yang mustahak diingati ialah bahwa perubahan itu adalah satu perubahan yang telah diciptakan dengan bantuan dan tenaga negeri-negeri di dalam Commonwealth itu sendiri, dan bukanlah rekaan Inggeris sahaja.

Tiap-tiap ahli Commonwealth ada mengambil bahagian dalam membentuk Commonwealth itu dari satu masa kesatu masa. Hal ini ternyata dalam ***Penyata Balfour*** yang mensifatkan negeri-negeri yang berkerajaan sendiri dalam *Empire* itu sebagai

negeri-negeri yang berkuasa, sama taraf, tidak bergantung antara satu dengan lain, sama ada dalam hal ehwal dalam negeri atau hal ehwal luar, meskipun mereka itu bersama taat setia terhadap raja, dan bebas bersekutu sebagai negeri-negeri dalam lingkungan Commonwealth British tetapi penyata ini ada kekurangannya, dan sudah diulang kaji oleh negeri-negeri yang ada dalam lingkungan itu. Sebenarnya, itulah satu kejadian yang terpenting dalam sejarah Commonwealth. Jika kita semak penyata itu dengan teliti, kita akan nampak bahwa masalah yang lebih besar ialah menghalang gangguan antara satu dengan lain dan bukannya menggalakkan kerjasama yang rapat.

Dalam pada itu, walau pun ada syak dan waham berkenaan dengan kebebasan sesebuah anggota Commonwealth itu, perang dunia yang kedua telah membuktikan bahawa pengakuan taat setia bersama kepada Raja Inggeris itu tidaklah melanggar atau menyentoh kedaulatan tiap-tiap negeri *dominion* itu. Sesungguhnya, perkara yang terpenting berkenaan dengan ***Penyata Balfour*** itu ialah dasar taat setia bersama kepada Raja Inggeris yang menyebabkan negeri-negeri itu bersatu, sudahlah tidak berarti apa-apa lagi. Kita masih ingat bahwa sebuah negeri *dominion* telah memilih dasar berkecuali, manakala *dominion* yang lain-lain dengan bebasnya telah mengisytiharkan peperangan ke atas negeri Jerman mengikut kemahuan mereka sendiri. Taat setia bersama yang ditumpukan kepada Raja Inggeris itu tidaklah menjadi satu alat yang menyatukan. Hanya fahaman yang sama dan kepentingan bersamalah yang membawa negeri-negeri *dominion* itu, kecuali sebuah, bersatu dalam masa peperangan.

Tidak lama selepas perang, luputlah pula taat setia bersama kepada Raja Inggeris. Burma dan Eire telah keluar dari lingkungan Commonwealth oleh sebab mereka tidak boleh menpunyai corak negara republik dalam dasar taat setia bersama kepada Raja Inggeris.

Dengan timbulnya satu faham baru, maka India, dan kemudian Pakistan, dapat terus tinggal sebagai anggota Commonwealth. Fahaman baru ini, yang boleh dikatakan satu rekaan yang bijaksana, telah mensifatkan Raja Inggeris, bukan sebagai raja bagi semua negeri di Commonwealth, tetapi sebagai

satu lambang bagi persekutuan yang bebas di antara negeri-negeri yang merdeka yang menjadi anggotanya. Yang demikian, jadilah Raja Inggeris itu ketua Commonwealth.

Ucapan Nehru kepada rakyat India menerusi radio pada 10 Mei 1949, patutlah menarik perhatian kita. 'Commonwealth itu,' kata Nehru, 'bukanlah sebuah negara dalam semua ertikata. Kita telah bersetuju menyifatkan baginda 'Queen' sebagai lambang ketua persekutuan yang bebas ini. Tetapi baginda itu tidak mempunyai sebarang jawatan yang tertentu sebagai ketua Commonwealth. Baginda tidak berkuasa apa-apa dalam perlembagaan India dan kita tidak akan menumpukan taat setia kita kepadanya.' Nehru, yang sentiasa menyamakan Mahkota Inggeris dengan tanda penindihan penjajahan itu, kemudiannya menerima pula bentuk baru ini sebagai satu perkara yang bermakna, dan sesungguhnya ini adalah satu perubahan yang besar. Pengaruhnya terhadap pemimpin-pemimpin kebangsaan di Asia dan Afrika sangatlah besar.

Semenjak itu, Pakistan juga telah menjadi sebuah negara Islam yang bercorak republik dan menerima baginda Queen bukan sebagai rajanya, tetapi sebagai satu lambang persatuan negeri-negeri Commonwealth yang bebas. Sekarang, sudah pula diisytiharkan bahwa Kerajaan Ceylon bermaksud hendak mengubah perhubungannya dengan mahkota Inggeris sebagai-mana yang telah dilaksanakan oleh India dan Pakistan. Jika sekiranya ada fahaman seumpama ini terlebeh dulu, boleh jadi juga Burma akan tetap tinggal dalam lingkungan Common-wealth.

Ucapan ini telah disiarkan oleh Radio Malaya dalam bulan Oktober, 1956.

MALAYA DAN COMMONWEALTH (BAHAGIAN 2)

Dalam ucapan saya yang lalu, saya telah mencuba menghuraikan, walaupun ringkasnya, aliran tawarikh Commonwealth sehingga masa sekarang. India dan Pakistan terus menjadi anggota dengan perasaan dan fahaman baharu terhadap Commonwealth.

Fahaman baharu yang mensifatkan mahkota Inggeris hanya sebagai ketua Commonwealth dan tidak menuntut taat setia kepadanya, sesunguhnya adalah satu perkara yang disambut baik oleh Persekutuan Tanah Melayu. Kecuali Pulau Pinang dan Melaka, negeri-negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu memang tidak pernah mensifatkan baginda 'Queen' sebagai Raja yang memerintah Persekutuan. Dalam pada itu, bolehlah diakui bahawa memang ada perasaan muhibbah dan kemahuan sendiri bagi pihak negeri ini apabila mendapat kemerdekaannya kelak, akan mengiktirafkan baginda Queen sebagai Ketua Commonwealth dan lambang persatuan bebas antara ahli-ahlinya yang merdeka.

Ada banyak perkara yang merapatkan berbagai bangsa dalam Commonwealth ini selain daripada persetujuan menjadikan mahkota Inggeris sebagai lambang. Misalnya, tiap-tiap anggota mempunyai cara berdewan Parlimen yang sama dan cara-cara pentadbiran yang berdasarkan cara pentadbiran Inggeris. Mereka juga mempunyai cita-cita yang tidak berbeza, menghormati kebebasan diri tiap-tiap orang, dan mempunyai peri kemanusiaan yang sama. Oleh sebab mereka itu dulunya adalah sebahagian dari sebuah *Empire,* maka mereka mempunyai pengalaman sejarah yang sama juga. Walaupun mereka tidak bersama dalam tumpuan taat setianya, akan tetapi mereka itu mempunyai perasaan hormat-menghormati antara satu sama

lain, tidak mahu ganggu-menggangu, dan penting sekali, mereka itu selalu berunding sama sendiri, meskipun fikiran dan tindakan mereka itu berlainan. Tiap-tiap negeri yang menjadi anggota Commonwealth tetap bebas menentukan nasibnya sendiri tetapi sebaliknya masing-masing sentiasa suka mengambil berat di atas hal-hal ahli yang lain. **Rancangan Colombo** ialah satu contoh bagaimana negeri-negeri di dalam Commonwealth bekerjasama menolong satu dengan lain.

Oleh yang demikian, anggota lingkungan Commonwealth adalah tetap menjadi sebuah negara merdeka yang beruntung mendapat sahabat-sahabat yang setia dan memang berperasaan saling mengerti.

Sekarang kita kaji pula **satu** lunas yang diberikan nama lunas, **'CARA KITA-SAMA-KITA'.** Lunas ini menetapkan perhubungan yang rapat antara satu dengan lain dengan alasan bahwa anggota-anggota lingkungan Commonwealth itu istimewa kedudukannya, dan yang demikian, perhubungan di antara satu dengan lain tidaklah serupa dengan perhubungan di antara negeri-negeri di luar lingkungan Commonwealth.

Fahaman ini berjalan dalam beberapa hal. Wakil-wakil dari tiap-tiap negeri dalam Commonwealth adalah dikenali dengan nama 'Pesuruhjaya Tinggi', tidak sebagai 'Duta', meskipun mereka itu bertanggungan, bertaraf dan berhak serupa dengan lain-lain perwakilan diplomatik. Ini menjadikan perhubungan di antara wakil-wakil Commonwealth dengan pegawai-pegawai di sebuah negeri dalam lingkungannya itu seolah-olah seperti perhubungan yang tidak rasmi, dan perantaran diantara keduanya adalah bebas dan mudah.

Kemudian, ada pula persidangan Perdana-perdana Menteri Commonwealth yang diadakan dari satu masa ke satu masa yang dijalankan dalam suasana seolah-olah majlis perjumpaan murid-murid tua. Kesemuanya menggunakan satu bahasa iaitu bahasa Inggeris. Mereka bersidang dengan tidak menggunakan jadual mesyuarat tetapi mereka membincangkan semua perkara mengenai kedudukan negeri mereka sendiri, dan mengkaji juga hal ehwal dunia setelah bertukar-tukar fikiran, supaya tiap-tiap anggota mendapat faedah daripada pengalaman ahli-ahli yang lain. Jika sekiranya perkara yang dibincangkan itu tidak digemari oleh salah satu anggota, tidaklah pula dia terus

merajuk dan keluar menarik diri dari persidangan itu, dan tidak pula ahli-ahli lain berkecil hati. Persidangan seumpama ini sudah tentu banyak faedahnya, kalau tidak, masakan Perdana-perdana Menteri itu mahu membuang masa hadir dalam persidangan yang tidak berguna.

Disamping perjumpaan di atas, ada pula perjumpaan dan rundingan seperti perjumpaan Menteri-menteri Luar Commonwealth, yang satu daripadanya telah pun menerbitkan **Rancangan Colombo.** Dan ada pula beberapa badan kerjasama Commonwealth seperti Jawatankuasa Perantaraan Commonwealth yang bertindak sebagai satu 'forum' bagi bertukar-tukar maklumat atas perkara kewangan dan iktisad. Ada pula persidangan secara tidak rasmi, misalnya, persidangan yang diadakan di Lahore dalam bulan Mac, 1954. Dalam persidangan ini, Persekutuan Tanah Melayu telah diwakili oleh Tuan Haji Mustapha Albakri yang sekarang ini menjadi Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Negeri Melayu.

Lunas **'CARA KITA-SAMA-KITA'** itu memberi keistimewaan kepada ahli-ahli Commonwealth dalam hal sama sendiri. Dan lagi, tidak putus-putus maklumat yang diberi dan diterima oleh anggotanya menerusi Pejabat Perhubungan Commonwealth, Kerajaan United Kingdom.

Oleh kerana negeri ini tidak lama lagi akan mencapai kemerdekaan, maka mustahaklah kita memberi timbangan dan kajian yang saksama mengenai kedudukan negeri kita pada masa akan datang. Kita tidak tahu apa kesulitan yang akan kita hadapi dan, apakah pengurbanan yang akan kita rasai untuk membina, mengekal dan mempertahankan kebebasan kita. Tetapi kita insaf bahwa perkara yang akan kita alami itu bukan mudah, dan tanggungan yang akan kita pikul adalah tanggungan yang berat, dan kita bersyukur jika kita menerima sebarang bantuan yang ikhlas. Ketetapan yang telah diambil oleh penganjur-penganjur kita bagi menjadikan negeri ini sebuah anggota yang bebas dalam lingkungan Commonwealth itu adalah satu tindakan yang bijaksana dan akan dicatit dengan cemerlangnya dalam sejarah perlembagaan negara. Satu pengakuan yang berlainan daripada itu, tak dapat tiada, akan merugikan kita dari segi mendapat segala faedah sebagai satu

anggota, dan kerugian itu tidak dapat diganti. Dengan keadaan sekarang ini, bolehlah kita memandang kehadapan dengan penuh keyakinan dan mengambil kesempatan untuk menyempurnakan tanggungjawab kita menerusi satu badan yang bebas dan berpengaruh untuk kepentingan kita sendiri. Disamping itu, dapatlah pula kita menunaikan maksud kita yang mulai, iaitu berkhidmat untuk keamanan dan ketenteraman dunia.

Ucapan ini telah disiarkan oleh Radio Malaya dalam bulan Oktober, 1956.

MALAYA DAN SOAL TIBET

Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu atas permintaan Persekutuan Tanah Melayu dan Ireland telah bersetuju mengadakan suatu perbahasan yang lengkap berkenaan dengan soal Tibet.

Persekutuan telah mengikuti dengan telitinya akan keadaan yang berlaku di Tibet dalam akhir bulan Mac yang lalu sebagaimana yang telah dibuatnya terhadap perkara-perkara lain mengenai keamanan dan keselamatan dunia. Pelarian Dalai Lama dari Tibet dan berbagai-bagai seksaan dan kesukaran yang dirasai oleh penduduk-penduduk Tibet adalah satu perkara yang amat menyinggong perasaan Persekutuan. Menteri Luar Persekutuan, Dato Ismail, dengan serta-merta mengumumkan bahwa sikap kita terhadap Tibet samalah dengan sikap kita terhadap Hungary tempoh hari.

Apabila Dalai Lama membuat permohonan ke **Bangsa-bangsa Bersatu,** Persekutuan dengan serta merta menyatakan bahwa ia akan memberi sokongan yang penuh untuk menjadikan soal Tibet satu usul dalam agenda **Bangsa-bangsa Bersatu.**

Kerajaan Persekutuan sentiasa menegaskan pendiriannya yang seperti ini, dan sekiranya ada bisikan yang menuduh bahwa pendirian Persekutuan itu dihasut oleh negeri yang sukakan perang dingin, maka bisikan itu adalah karut semata-mata.

Persekutuan adalah memegang teguh dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri-negeri asing, tetapi dalam pada itu, Persekutuan juga berikrar akan mengawal **Piagam Bangsa-bangsa Bersatu** dan **Perisytiharan Hak-hak Manusia Sedunia,** bukan saja dengan perkataan tetapi juga dengan perbuatan. Persekutuan berpendapat sekiranya satu-satu dari pada asas-asas ini tercabul, maka ia tidak akan berlengah lagi

mengambil tindakan yang sepatutnya. Kita telah pun mengambil tindakan yang tegas menentang Amerika Syarikat dan Britain dalam masa berlakunya kegentingan Timor Tengah pada tahun yang lalu.

Sungguhpun dasar membeza-bezakan warna kulit di Afrika Selatan diakui sebagai satu perkara dalam negeri itu, namun Persekutuan bersama-sama dengan negeri-negeri Afrika-Asia yang lain sentiasa menentang dasar yang semacam itu di **Bangsa-bangsa Bersatu.** Jika ramai anggota-anggota di **Bangsa-bangsa Bersatu** menetapkan bahwa dasar membeza-bezakan warna kulit serta layanan yang buruk terhadap orang kulit hitam di Afrika Selatan itu berlawanan dengan peri kemanusiaan, maka sukarlah bagi kita hendak membezakan soal rakyat Tibet yang telah ditimpa oleh nasib yang lebih buruk dari orang-orang kulit hitam di Afrika Selatan itu. Oleh hal yang demikian, perkara Tibet ini, bukanlah soal campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri orang lain.

Boleh juga dihujjahkan bahwa pihak yang berkenaan itu bukan anggota **Bangsa-bangsa Bersatu** dan sebarang langkah yang harus diambil tidak akan memberi kesan. Tuan-tuan masih ingat masa **Bangsa-bangsa Bersatu** membincangkan masalah Hungary dahulu, **kesemua pihak yang berkenaan** adalah anggota **Bangsa-bangsa Bersatu.** Jadi, soal berkesan atau tidak satu-satu langkah itu, tidaklah ada hubungan dengan soal sama ada pihak-pihak yang bersangkutan itu menjadi anggota **Bangsa-bangsa Bersatu** atau tidak. Dan dengan itu **Bangsa-bangsa Bersatu** janganlah pula tawar hati menghebahkan fikiran ke seluruh dunia.

Bangsa-bangsa Bersatu mesti mengambil perhatian kepada pencerobohan dahsyat yang dilakukan dimana-mana juga terhadap peri kemanusiaan. Adalah adil dan wajib bagi **Bangsa-bangsa Bersatu** bertindak demikian.

Persekutuan tidak dapat berpeluk-tubuh membiarkan rakyat Tibet lenyap atas nama hidup bersama. Persekutuan berazam hendak meminta kepada **Bangsa-bangsa Bersatu** supaya membaharui ikrarnya kepada dasar piagamnya, dan **Perisytiharan Hak-hak Manusia Sedunia** mestilah dihormati bagi faedah

keamanan dunia. Dan hak-hak asasi rakyat Tibet, kebebasan, kebudayaan dan agama mereka mestilah dihargai.

Diantara betul dengan salah, Persekutuan tidak dapat berkecuali, dan Persekutuan tidak suka meniru resam lalang ditepi jalan.

Ucapan ini telah disiarkan oleh Radio Malaya pada 16hb. Oktober, 1959, jam 7.10 malam.

KESELAMATAN ANTARABANGSA, PERLUCUTAN SENJATA DAN WILAYAH-WILAYAH DAMAI.

Izinkan saya menyatakan bahawa kami merasa amat bersemangat dengan ucapan pembukaan oleh YAB Tuan Forbes Burnham, Perdana Menteri Guyana. Saya kira, kita semua bersetuju bahawa huraian beliau yang komprehensif, padat, lagi mendalam itu, telah merintiskan suasana seperti itu untuk persidangan ini.

Kita berhimpun hari ini penuh menginsafi hakikat bahawa kita bertemu didalam keadaan yang sudah berubah dan sedang berubah. Satu corak baru dalam perhubungan antara negara-negara sedang muncul dengan pesatnya — satu corak yang bagi pertama kalinya sejak tamatnya perang dunia kedua yang memberikan kemungkinan ujudnya satu keadaan dunia yang aman, adil dan makmur, lebih cerah lagi. Bahawa negara-negara dunia, khususnya kuasa-kuasa besar sudah kembali kepada sikap pandangan dan dasar-dasar yang lebih siuman lagi adalah satu perkembangan yang menggalakkan yang patut negara-negara berkecuali merasa bangga. Dengan munculnya satu era dalam mana terdapat kekurangan ketegangan [*detente*], dan terdapatnya bertolak ansur [*accommodation*], tidaklah pula menyelesaikan semua masalah malahan ada masalah-masalah baru yang muncul pula. **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** haruslah melibatkan dirinya dengan kenyataan-kenyataan sekarang dan menumpukan fikiran kepada masalah kita yang kian berubah-ubah itu sekiranya pergerakan ini tidak mahu hilang peranannya.

Kita berasa lega dengan perkembangan-perkembangan terakhir di gelanggang politik antarabangsa. Lawatan Presiden Nixon ke Republik Rakyat China dan lawatannya ke Russia adalah menjadi lambang zaman baru di mana terdapat semakin

banyak dialog dan perhubungan yang dijalankan secara aman bagi menyelesaikan masalah yang melanda dunia. Ini adalah satu perkembangan yang menggalakkan yang mesti dialu-alukan. Ini merupakan satu daya yang konkrit, yang pula mencetuskan usaha-usaha ke arah damai di lain-lain kawasan dunia yang terancam. Saya maksudkan khususnya kepada sengketa Vietnam di mana pihak-pihak yang bertentangan baru-baru ini telah memulakan semual rundingan damainya di Paris. Kerajaan Malaysia mengalu-alukan perkembangan ini dan penuh yakin bahawa satu penyelesaian awal akan dapat dicapai iaitu yang menghormati hak menentukan untung nasib sendiri oleh Rakyat Vietnam tanpa campur tangan dari luar. Dalam hubungan ini, kita mestilah menerima hakikat bahawa rakyat Vietnam yang mempunyai ideoloji yang berlainan mestilah bebas menyelesaikan perbezaan-perbezaan dan masalah-masalah mereka dengan cara yang dapat memuaskan kedua-dua belah pihak.

Dalam ucapan pembukaannya, YAB Perdana Menteri Guyana telah berucap dengan penuh perasaan mengenai trajidi Indo-China untuk mengingatkan kita akan hal ini. Oleh itu, sementara rundingan damai yang dimulakan semula di Paris itu berada di satu peringkat yang paling sensitif, dan sementara Menteri Luar Indonesia sedang mengambil beberapa langkah bagi pihak negara-negara **Asean** yang mungkin membawakan kesan-kesan jangkapanjang di Indo-China, kami dari Tenggara Asia merasakan eloklah **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** menghindar dari mengambil sebarang keputusan atau tindakan yang akan mengancam keadaan dan membahayakan kemungkinan tercapainya satu penyelesaian awal.

Sidang kemuncak di Moscow dan Peking menguatkan lagi keyakinan Malaysia bahawa persengketaan-persengketaan dapat diselesaikan secara aman tanpa kekerasan. Dalam hubungan ini, Kerajaan Malaysia merasa gembira bahawa kuasa-kuasa besar merasakan sesuai dan perlu untuk menggunakan lima prinsip hidup berdamai, iaitu **Pancasila**, untuk menyelesaikan masalah-masalah yang masih ada diantara mereka. **Kenyataan Bersama Shanghai**, bertarikh 27hb Februari, 1972, membuktikan bahawa Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China telah mematuhi

kelima-lima prinsip ini. Hakikat yang sama terdapat juga dalam **Pengisytiharan Prinsip Asas Hubungan Amerika Syarikat — Russia** yang dikeluarkan pada penghujung **Sidang Kemuncak Moscow.** Bukanlah secara kebetulan pula bahawa **Perjanjian Simla (Simla Accord)** mengandungi unsur-unsur yang sama dari **Pancasila** apakala India dan Pakistan masing-masing memberi jaminan akan hidup berdamai, menghormati keutuhan dan kedaulatan negara masing-masing, dan tidak campur tangan hal ehwal dalam negeri masing-masing dengan berlandaskan persamaan dan kepentingan bersama.

Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang memaktubkan prinsip-prinsip yang sama, haruslah berbangga bahawa pematuhan kepada prinsip hidup berdamai semakin diterima, yang mencetuskan pula usaha ke arah mengurangkan ketegangan di lain-lain kawasan di Asia. Saya maksudkan keadaan di Laos dimana pihak-pihak yang bersengketa telah bersetuju mengadakan satu dialog secara aman untuk menyelesaikan perbezaan mereka tanpa campur tangan luar. Ini memberi harapan buat masa depan. Di satu kawasan lain, **Kenyataan Bersama Korea Utara dan Korea Selatan** yang dikeluarkan pada 4hb Julai 1972, merupakan satu lagi contoh yang menarik mengenai usaha-usaha ke arah damai yang ujud di bahagian dunia sebelah situ. Sama seperti keadaannya dengan masalah Vietnam, Kerajaan Malaysia berpendapat proses pemulihan perselisihan haruslah berjalan dulu, sebelum sebarang tindakan diambil untuk membawa perbahasan mengenai persoalan Korea di dalam **Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu** sessi yang ke 27 tahun ini. Namun, elok juga kita berwaspada dan tidak melakukan sesuatu yang mungkin menjadi rintangan dan membahayakan usaha-usaha awal yang telah pun dijalankan bagi merintis jalan agar tercapai satu penyelesaian yang kekal ke arah masalah penyatuan Korea.

Sebelum kita terlalu terbawa-bawa dengan menjelangnya pengurangan ketegangan antara kuasa-kuasa besar, ingin saya melahirkan satu amaran. Kita harus menyedari bahawa banyak juga era berkurangnya ketegangan seperti ini telah kita saksikan berlalu. Kita juga harus menyedari bahawa perasaan pemusuhan dan pertentangan serta perlumbaan bagi mendapatkan wilayah yang boleh dipengaruhi akan tetap ujud. Ini adalah gejala-gejala

perhubungan antarabangsa yang tidak harus kita abaikan. Sekiranya dimasa-masa yang lampau kita, **Negara-negara Berkecuali** terpaksa menumpukan pandangan kepada bahaya ke atas diri kita akibat pertentangan kuasa-kuasa besar, maka sekarang kita mesti pula menumpukan pandangan kepada bahaya-bahaya ke atas diri kita akibat dari pakatan kuasa-kuasa besar.

Dalam takrifan yang lebih luas lagi, keselamatan antara-bangsa ialah keseluruhan semua kemungkinan-kemungkinan keselamatan bagi tiap-tiap sebuah negara. Namun terdapat tendensi yang menganggap keselamatan antarabangsa adalah bergantung secara terus dan semata-mata kepada keadaan hubungan antara kuasa-kuasa besar, dan sekiranya berkurang ketegangan antara kuasa-kuasa itu, maka secara otomatik, akan bertambah baiklah keselamatan antarabangsa. Ini mengikut pandangan Kerajaan Malaysia merupakan sebahagian dari kebenarannva. Pengurangan ketegangan yang akan menjelang diantara kuasa-kuasa besar itu sama sekali tidak mengubah hakikat bahawa ancaman ke atas negara-negara kecil masih ada. Ianya cuma mengubah bentuk ancaman itu.

Pendudukan haram tanah Arab oleh Israel dan nasib orang-orang Palestin masih lagi belum diselesaikan. Kedegilan Israel untuk berdamai dan serangan-serangannya yang semakin bertambah di dalam beberapa bulan yang akhir ini merupakan halangan yang terbesar bagi mencapai keamanan di Asia Barat. Dalam membincangkan bentuk tindakan yang harus kita ambil bagi membantu menyelesaikan krisis yang dicetuskan oleh Israel itu, janganlah pula kita lupa akan hak asasi orang-orang Palestin untuk kembali ke tanah airnya.

Di Selatan Benua Afrika — iaitu, Afrika Selatan, Namibia, Rhodesia Selatan, Angola, Mozambique, dan Guinea (Bissau), anasir-anasir jahat yang dibantu dan disokong oleh setengah-setengah kuasa-kuasa barat semakin giat gerakannya menindas orang-orang Afrika. Masalah-masalah penjajahan dan *'apatheid'* — yang masih kekal menjadi cemar di Benua Afrika — mestilah menjadi tumpuan segala usaha dan tenaga **Pergerakan Negara-negara Berkecuali.**

Satu lagi cabaran yang harus menjadi tumpuan fikiran

Pergerakan Negara-negara Berkecuali ialah tentang semakin luasnya jurang di antara negara-negara maju dengan negara yang sedang membangun. Keputusan **UNCTAD III** dan resolusi keadaan kewangan antarabangsa haruslah mendapat perhatian berat serta pertimbangan segera **Negara-negara Berkecuali.** Kita mestilah bersikap realistik dan mengukuhkan diri kita untuk mencari jalan bagaimana kita dapat menguatkan lagi Pergerakan kita walaupun kita terpaksa mengekalkan hubungan-hubungan serantau dan hubungan-hubungan persahabatan lama. Kita harus bergerak ke arah mempercayai kesanggupan **Negara-negara Berkecuali** dan ke arah persamaan tujuan dan tindakan antara **Negara-negara Berkecuali** di persidangan-persidangan antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa tekanan-tekanan yang kita hadapi adalah banyak dan beranika. Peringkat pembangunan yang berbeza di negara kita menyebabkan kita berkeadaan sedemikian seperti yang terdapat hari ini, malah inilah yang menyebabkan kita begitu mudah diexploitasikan oleh kuasa-kuasa besar. Tetapi tujuan-tujuan **Pergerakan Berkecuali** mestilah dilaksanakan walaupun terdapat perbezaan-perbezaan antara kita sesama kita, dan walaupun masih perlu dipertahankan kepentingan serantau serta hubungan-hubungan tradisi dari sebarang anasir-anasir perubahan dan tekanan dari luar.

Seperkara lagi yang harus menjadi tumpuan perhatian **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** sekarang ialah memaju dan mempertahankan kepentingan **Negara-negara Berkecuali** ke atas lautan-lautan yang terdapat di dunia kita. Semakin nyata bahawa sekiranya tidak dilakukan sesuatu, nescayalah negara-negara maju dengan kelebihan dan kepandaian sains dan teknolojinya, akan menimba kekayaan yang terdapat di dasar-dasar lautan itu. **Negara-negara Berkecuali** mestilah mencapai persetujuan dan menyelaraskan usaha-usaha mereka mengenai perkara-perkara yang akan berbangkit di **Persidangan Undang-undang Laut (Law of the Sea Conference)** yang akan datang ini. Kita mesti mempastikan bahawa bahagian lautan dan segala kekayaan di dalamnya yang dengan sahnya termasuk ke dalam kawasan perairan negara-negara kita, dipertahankan dari sebarang pencerobohan. Tidak harus ada sebarang pengkecualian berhubung dengan prinsip kedaulatan dan keutuhan

negara-negara yang mempunyai kawasan perairan, melainkan apa yang terkandung dalam *'konsep pelayaran jujur'* [*innocent passage*] bagi perkapalan di dalam kawasan-kawasan perairan tersebut.

Di Lusaka dalam tahun 1970, ketua-ketua **Kerajaan Negara-negara Berkecuali** yang menginsafi ancaman maut akibat bencana senjata nukliar, mengulangi pendirian mereka bahawa perlucutan senjata sepenuhnya di bawah jagaan badan antarabangsa yang berkesan adalah sangat-sangat mustahak dan diperlukan oleh masyarakat antarabangsa. Tahun tujuhpuluhan telah diiktiraf sebagai **Dekad Perlucutan Senjata (Disarmament Decade).** Sikap realistik yang harus menjadi pegangan **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** dalam tahun tujuhpuluhan memerlukan kita melibat dan menumpukan perhatian dengan serius ke arah masalah ini. Juga kita perlu memikirkan rancangan-rancangan yang realistik, yang dapat dicapai, dan yang akan membawa kepada perlucutan senjata. Kerajaan Malaysia mengalu-mengalukan perjanjian antara Amerika Syarikat dan Russia baru-baru ini di mana kedua-dua negara telah bersetuju menghadkan sistem-sistem peluru berpandunya. Kerajaan Malaysia juga mengalu-alukan **Persidangan Perlucutan Senjata Sedunia** di mana ianya boleh membawa kepada tercapainya perlucutan senjata sepenuhnya di bawah jagaan badan yang berkesan seperti yang digambarkan di dalam **Pengisytiharan Lusaka.** Tetapi dari segi kenyataannya, dalam analisa terakhir, keputusan untuk melucutkan senjata bergantung besar kepada Kuasa-kuasa Besar itu sendiri. Tetapi ini tidaklah bererti kita harus menarik diri dari menjalankan peranan kita dalam hal perlucutan senjata.

Kerajaan Malaysia berpendapat bahwa satu peranan yang berguna bagi **Negara-negara Berkecuali** ialah mengadakan syarat yang akan mendorong perlucutan senjata di kalangan Kuasa-kuasa Besar. Pada pendapat Malaysia, salah satu cara terbaik ke arah ini ialah menumpukan segala usaha untuk menarik keluar negara-negara kecil yang pada masa ini masih memihak kepada Kuasa-kuasa Besar, seperti di dalam **NATO, CENTO, SEATO atau PAKATAN WARSAW (WARSAW PACT)** dan berusaha menarik negara-negara tersebut untuk memasuki Pergerakan kita dan memajukan **Pergerakan Negara-**

negara Berkecuali sebagai sebuah Pergerakan seantero dunia. Pada pendapat Malaysia, sekiranya Kuasa-kuasa Besar tidak ada tempat di mana-mana negara lain untuk dijadikan pengkalan-pengkalan tenteranya, Kuasa-kuasa Besar akan menyedari bahawa tidak berfaedah lagi untuk mengadakan sebegitu banyak pengkalan-pengkalan senjata-senjata nukliar. Inilah yang merupakan syarat-syarat yang akan mendorong Kuasa-kuasa Besar untuk saling mengurangkan bilangan senjata-senjata masing-masing. Pada pendapat Kerajaan Malaysia, satu arah yang harus dituju oleh **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** berhubung dengan persoalan perlucutan senjata, ialah mengadakan syarat-syarat di mana Kuasa-kuasa Besar tidak ada jalan lain lagi melainkan melucutkan senjata.

Cabaran paling besar kepada **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** hari ini bukanlah setakat menggubal dan mendokong prinsip-prinsip. Cabaran yang kita hadapi hari ini ialah untuk menjadikan prinsip-prinsip dan pegangan-pegangan ini sebagai dasar-dasar yang dapat dipraktikkan. Tidak memadai lagi bagi **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** mengagung-mengagungkan prinsip-prinsip yang harus dianuti oleh negara-negara dalam hubungannya, kerana ini kebanyakannya sudah pun dilakukan. Kita sekarang harus mengambil bahagian secara aktif untuk mengujudkan satu peraturan baru dan memberi sumbangan secara terus ke arah keamanan dan kestabilan.

Dari sini, saya ingin menyentuh cadangan **Perkecualian Tenggara Asia.** Sekiranya kita melihat wilayah ini dari segi keseluruhannya, kita akan dapati perkara yang menyebabkan sengketa di Tenggara Asia ialah perebutan antara sesama Kuasa-kuasa Besar untuk meluaskan pengaruhnya, apalagi masing-masing mencurigai hasrat dan niat pihak yang lain. Keengganan Kuasa-kuasa Besar untuk memberhentikan usaha-usaha meluaskan pengaruh mereka disokong pula oleh langkah-langkah subversif untuk menjadikan negara-negara Tenggara Asia sebagai umpan bagi memajukan lagi kepentingan-kepentingan Kuasa-kuasa Besar.

Oleh itu, cadangan perkecualian ini bertujuan untuk mengujudkan satu peraturan antarabangsa yang baru di mana wilayah-wilayah Tenggara Asia akan bebas dari campurtangan dan permusuhan serta rebutan Kuasa-kuasa Besar. Cadangan

perkecualian ini diharapkan akan menjadikan wilayah ini bebas dari ketegangan di mana perkecualian, kemerdekaan serta keutuhannya akan dipastikan sendiri oleh Kuasa-kuasa Besar yang terlibat. Cadangan ini merupakan satu penyelesaian jangka panjang demi keamanan dan kestabilan Tenggara Asia dan adalah diakui, sekiranya cadangan ini dapat memberi kesan, kepentingan-kepentingan sah Kuasa-kuasa Besar, juga kepentingan-kepentingan negara-negara Tenggara Asia, mestilah terjamin. Kerajaan Malaysia penuh yakin bahawa negara-negara Tenggara Asia sendiri mempunyai satu peranan penting, dan intisari peranan ini ialah mengujudkan perasaan kesatuan dan perpaduan serantau. Kerajaan Malaysia berpendapat langkah ke arah kewilayahan [*regionalism*] menjadi asas bagi mendapatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya sambil menyemaikan perasaan kekitaan, perpaduan dan kesatuan yang lebih di kalangan negara-negara Tenggara Asia.

Persidangan Permesyuaratan Negara-negara Berkecuali Peringkat Menteri-menteri (Non-Aligned Ministerial Consultative Meeting), di New York tahun lalu, telah mendesak agar wilayah Tenggara Asia dijadikan wilayah berkecuali untuk menjamin agar wilayah ini akan bebas dari permusuhan dan campurtangan Kuasa-kuasa Besar, agar keamanan, keselamatan serta kemerdekaan dan keutuhan negara-negara di dalam wilayah tersebut akan terjaga dan terjamin sepenuhnya.

Kita mesti menumpukan perhatian untuk menjamin agar **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** selaras dengan perkembangan-perkembangan terakhir dan sambil itu, mengalukan-mengalukan hasil pengurangan ketegangan untuk memimpin dan memajukan Pergerakan ini menentang segala ancaman terhadap **Negara-negara Berkecuali.** Dalam hubungan ini, konsep **Wilayah-wilayah Damai** yang disahkan di Lusaka dan disahkan pula di **Persidangan Pemesyuaratan** tahun lalu semakin menjadi penting. **Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu** telah menerima resolusi untuk menjadikan Lautan India (Indian Ocean) sebagai sebuah Wilayah Damai berikutan dari usul di **Sidang Kemuncak Lusaka.**

Dalam konteks Tenggara Asia dan selaras dengan pengakuan

Persidangan Permesyuaratan yang lalu tentang betapa perlu diperkecualikan wilayah ini, Menteri-menteri Luar lima negara **ASEAN** iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand telah bertemu di Kuala Lumpur, dan pada 27hb November, 1972 telah mengumumkan satu pengisytiharan. Pengisytiharan ini dikenal sebagai **Pengisytiharan Kuala Lumpur.** Ia bertujuan agar Tenggara Asia diakui dan dihormati sebagai satu **Wilayah Damai, Bebas dan Berkecuali** — bebas dari sebarang bentuk campurtangan kuasa-kuasa luar, selaras dengan prinsip dan matlamat negara Tenggara Asia ke arah menjadikan prinsip dan matlamat **Pengisytiharan Lusaka** sebagai dasar-dasar yang praktik bagi mencapai keamanan, kestabilan dan keselamatan. Ini juga merupakan satu lagi contoh untuk mengujudkan satu **Wilayah Damai,** sesuai dengan matlamat-matlamat **Pengisytiharan Lusaka.** Dalam ucapan pembukaannya YAB Perdana Menteri Guyana telah mengesyorkan mungkin elok dan berfaedah dalam masa perbincangan untuk memajukan lagi kemungkinan perkembangan-perkembangan ini dan mendalami konsep yang diusulkan. **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** telah mendesak Lautan India dijadikan sebagai satu **Wilayah Damai,** maka sekarang Kerajaan Malaysia berharap **Negara-negara Berkecuali** akan mengesahkan **Pengisytiharan Kuala Lumpur.**

Saya harap saudara-saudara bersetuju bahawa usaha ke arah mengujudkan **Wilayah-wilayah Damai** ini patut digalakkan. Matlamat-matlamat dan cadangan-cadangan menjadikan Lautan India sebagai **Wilayah Damai** dan Tenggara Asia sebagai **Wilayah Damai, Bebas dan Berkecuali** adalah benar-benar selaras dengan matlamat-matlamat **Pergerakan Negara-negara Berkecuali,** dan saya percaya konsep ini adalah satu tindakbalas yang dinamik menentang ancaman-ancaman yang ujud, dan yang mungkin menimpa negara-negara di bahagian dunia sebelah sini. Kerajaan Malaysia telah meminta pengesahan dari negara-negara atas cadangan **Perkecualian Tenggara Asia.** Perwakilan Malaysia bersetuju sepenuhnya dengan pendapat-pendapat YAB Perdana Menteri Guyana, dan ingin seterusnya mencadangkan diujudkan **Wilayah-wilayah Damai** seperti yang dibuat untuk Lautan India dan kawasan Tenggara Asia apakala negara-negara diancam oleh sebarang bentuk kekuasaan dari

negara lain. Ini adalah satu langkah yang benar-benar selaras dengan perkembangan zaman dan sebagai jawapan kepada ancaman-ancaman bentuk baru ke atas kesejahteraan kita. Pada pendapat Kerajaan Malaysia, satu pengisytiharan umum bagi mengujudkan **Wilayah-wilayah Damai** bukan sahaja bertepatan dengan masa, malahan amat penting di zaman ini, dan sekiranya pengisytiharan ini diharapkan dapat berkesan sepenuhnya, maka pengisytiharan ini, sama seperti **Pengisytiharan Lusaka,** haruslah dibuat oleh **Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali.**

Izinkan saya menumpukan pandangan kepada masalah bagaimana kita dapat memajukan pergerakan ini agar ianya lebih berkesan lagi. Taraf pergerakan **Negara-negara Berkecuali** bergantung kepada kekuatan dan penerimaanya sebagai satu pergerakan seantero dunia. Saya telah menyebut tentang perlunya dibuat satu pengisytiharan umum mengujudkan **Wilayah-wilayah Damai.** Saya juga telah menyebut tentang perlunya diusahakan menukar prinsip-prinsip unggul menjadi dasar-dasar yang praktik dan tentang perlunya ditunjukkan yang kita sedang melaksanakannya bagi mendapatkan kesan yang lebih lagi. Kerajaan Malaysia berpendapat betapa perlunya juga, demi mempastikan pergerakan ini diterima sebagai satu pergerakan seantero dunia, ditarik keluar negara-negara kecil dan yang sedang membangun yang masih memihak kepada Kuasa-kuasa Besar, khususnya di kawasan-kawasan yang tegang, dan mendorong mereka memasuki Pergerakan kita. Negara-negara ini perlu diinsafkan tentang kekuatan dan dinamisme **Pergerakan Negara-negara Berkecuali.**

Pergerakan Negara-negara Berkecuali telah berkembang dari setahun ke setahun dan telah memberikan sumbangan-sumbangan yang positif ke arah kesejahteraan antarabangsa. Sidang kemuncak di Belgrade merupakan permulaan yang baik untuk Pergerakan ini dan telah dapat memaparkan minat, tumpuan perhatian dan kesedaran Pergerakan ini terhadap pertentangan Kuasa Besar seperti yang digambarkan dalam pertelingkahan Eropah Timur dan Eropah Barat. **Sidang Kemuncak Kahirah** berikutnya, telah dapat memaparkan masalah sedih orang-orang Palestin dan akibat-akibat sengketa Asia Barat. **Sidang Kemuncak Lusaka** pula, telah memaparkan masalah sedih

orang-orang di Selatan Benua Afrika dan menumpukan perhatian kepada kezaliman sistem perjajahan. Tetapi Benua Asia yang sehingga hari ini menderita akibat dua peperangan yang dahsyat di Asia Barat dan Tenggara Asia, belum lagi dijadikan tempat untuk mengadakan **Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali** untuk membuktikan Pergerakan ini memandang berat kepada masalah yang timbul di sana-sini akibat dari pertentangan terbuka.

Saya katakan tadi pengurangan ketegangan antara Kuasa-kuasa Besar nanti akan mengandungi satu ancaman dalam bentuk lain ke atas **Negara-negara Berkecuali,** dan pada pandangan Kerajaan Malaysia, amatlah perlu Pergerakan ini menunjukkan minat dan kesedarannya mengenai hal ini, dan amatlah perlu dijaga agar anggota-anggotanya tidak menjadi lemah dengan cara melalui satu mesyuarat di peringkat tertinggi. Saya telah katakan tadi, kita janganlah melakukan sesuatu yang dapat merosakkan **Sidang Damai** yang sedang berlangsung di Paris mengenai penyelesaian Indo-China. Tetapi saya tidak pernah katakan dan saya tidak mencadangkan **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** jangan mengambil berat langsung ke atas masalah ini, atau tidak memperdulikan hakikat bahawa penyelesaian yang mungkin dibuat itu adalah sesuatu yang mungkin dipaksa oleh kuasa-kuasa besar ke atas rakyat Indo-China yang bertentangan dengan kepentingan mereka. Dalam waktu-waktu menjelangnya pengurangan ketegangan ini agar kita juga dapat mengecap faedahnya, tumpuan perhatian utama kita mestilah untuk menghindar sebarang ambilalih kekuasaan oieh negara lain, dan satu kawasan di mana ini mungkin berlaku ialah di Indo-China iaitu selepas tamatnya sengketa sekarang. Cadangan untuk mengujudkan satu **Wilayah Damai, Bebas dan Berkecuali** di Tenggara Asia mungkin menjadi asas bagi menghindarkan bahaya ini, tetapi sekiranya cadangan ini berjaya, perlu benarlah **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** membukti dan menunjukkan perhatian berat dan minat bahawa tumpuan utama perhatiannya ialah kepada Indo-China.

Ini dapat dilakukan dengan berkesan sekali dengan cara mengadakan satu sidang kemuncak di Asia dalam masa dua tahun yang akan datang ini. Pada pandangan Kerajaan

Malaysia, prinsip mengubah-ubah tempat mengadakan sidang dan betapa perlunya Pergerakan ini menjadi suatu Pergerakan seantero dunia, mestilah diterima di persidangan ini sekiranya pergerakan ini mengharap ianya dapat diterima di seluruh dunia. Saya berpendapat di peringkat ini, pemilihan tempat untuk mengadakan sidang sebenarnya tidaklah begitu mustahak. Pemilihan ini dapat ditentukan disatu masa kelak melalui persetujuan pihak-pihak yang terlibat, tetapi saya minta agar kita mempunyai pandangan luas dan membuktikan bahawa kita dapat melewati kepentingan nasional dan kedaerahan demi menjaga agar pergerakan ini terus berguna, demi kemajuannya, serta diterima sebagai satu Pergerakan seantero dunia.

Negara-negara Berkecuali telah bertemu di Belgrade lebih sepuluh tahun dulu. Keadaan antarabangsa hari ini jauh berbeza dari apa yang terdapat masa itu. Masalah yang rumit pada hari itu, tidak lagi rumit pada hari ini. Sebagai ganti kita menghadapi masalah-masalah baru, isu-isu baru yang meminta, malah memerlukan satu pendekatan baru dari **Pergerakan Negara-negara Berkecuali.** Dalam zaman baru yang sedang muncul ini **Negara-negara Berkecuali** haruslah jangan berpuashati dengan menggubal prinsip-prinsip umum yang unggul. Kita harus lebih menumpukan perhatian dan bersedia untuk mengambil bahagian dengan lebih aktif lagi dalam pergolakan dan isu-isu dunia.

Sekiranya tahun enampuluhan merupakan dekad untuk menggembelingkan kekuatan dan menggubal prinsip-prinsip, biarlah dekad tujuhpuluhan menjadi dekad untuk **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** menunjukkan kekuatan dan menukarkan prinsip-prinsip itu menjadi rancangan-rancangan tindakan yang tertentu serta konkrit. Hanya dengan cara mengamalkan pendekatan sedemikian, dapatlah **Negara-negara Berkecuali** terus memainkan peranannya yang berfaedah lagi mustahak demi mendapatkan keamanan dan kesejahteraan dalam keadaan yang berubah-ubah dalam tahun tujuhpuluhan.

Sebagai penutup, izinkan saya menyebut ini. Kehadiran Perwakilan Malaysia di persidangan ini dan cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Malaysia membuktikan pandangan tinggi negara Malaysia terhadap **Pergerakan Negara-negara Berkecuali** dan membuktikan kepercayaan penuh Malaysia terhadap kesanggupan selanjutnya **Pergerakan Negara-negara**

Berkecuali untuk menghadapi cabaran tahun tujuhpuluhan. Malaysia tidak meragukan pendiriannya.

Ucapan Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, ketua rombongan Malaysia ke Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali, di Georgetown, Guyana, 8hb. — 11hb. Ogos, 1972.

KERJASAMA PERBATASAN ANTARA MALAYSIA/INDONESIA 1975

TYT Jenderal Tun M. Panggabean.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi bahawa mesyuarat General Border Committee yang ke enam telah berjalan dengan penuh dan lancar, dalam suasana sefahaman, muafakat serta pengertian yang mendalam sehingga mencapai kejayaan yang sungguh cemerlang.

Dalam tempuh tiga hari sama-sama kita pergunakan segala kesempatan untuk bertukar-tukar fikiran, berbincang dengan penuh tulus ikhlas mengenai masalah-masalah yang berkaitan khususnya keselamatan di kawasan perbatasan kita bersama. Sesungguhnya saya merasa senang sekali dengan buah fikiran yang bernas yang telah dilahirkan, serta segala penjelasan yang begitu terang dari pihak pegawai-pegawai yang memberi taklimat, dan dari setiap anggota rombongan yang menyertai sidang ini.

Tugas yang kita berikan kepada panglima-panglima kita sudahpun dijalankan dengan cemerlang dan penuh pengertian bahawa kepada merekalah terletak tanggungjawab melaksanakan segala keputusan dan arahan yang diberi oleh GBC* melalui SPC*. Saya mengambil kesempatan disini untuk menyampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua anggota pasukan keselamatan kita yang terlibat dikawasan perbatasan. Dalam sidang GBC ke enam ini kita telah bersetuju tentang program kerja jangka pendek dibidang keamanan di daerah perbatasan kita untuk tahun 1975 dan 1976, dan juga 'Operational Procedures for Search and Rescue Operation'. Saya penuh yakin tugas baru yang di berikan ini akan dapat dilaksanakan oleh panglima-panglima serta pasukan kesela-

Penerangan:
**General Border Committee (Jawatankuasa Am Sempadan)*

** Staff Planning Committee (Jawatankuasa Perancang Kakitangan)*

matan kedua negara kita dengan mencapai kejayaan yang cemerlang juga, sama seperti kejayaan yang dicapai pada masa-masa yang lampau.

Juga hasil dari cadangan dan syor baru yang bernas dan bijak yang telah dilahirkan sepanjang sidang ini, saya harap SPC akan mengkaji dan memeriksa semua perakuan yang dibuat oleh sidang dengan mendalam untuk mencapai kata sepakat sehingga segala saranan ini dapat dipraktikkan dengan penuh kejayaan.

Saya mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada secretariat 'General Border Committee' serta semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga sehingga sidang ini dapat dijalankan dengan lancar dan teratur.

Lanjutan dari apa yang saya ucap dan harapkan pada pembukaan sidang ini dua hari lalu agar kita mencari ikhtiar untuk memperhasilkan persetujuan untuk mempertingkatkan kerjasama antara Indonesia dan Malaysia, maka saya mengajak sidang untuk bersama mengkaji dan memeriksa apakah benda-bendanya yang ada pada kita berdua, dan bagaimanakah boleh kita mempergunakan apa yang kita ada ini untuk kepentingan dan manafaat kita bersama. Sudah sampai masa dan ketikanya kita mencocokkan atau 'dove-tail' segala pemikiran dan juga mata benda peralatan kita untuk menghadapi cabaran dan ancaman yang serupa.

Saya kira kita cukup menyedari dan menginsafi segala perubahan dan pergolakan yang berlaku di rantau Asia Tenggara. Dan saya kira kita cukup mengerti bahawa kedudukan dan suasana politik rantau ini buat masa muka akan bergantung kepada kebijaksanaan dan kemampuan negara-negara serantau untuk menyesuaikan diri masing-masing sejajar dengan segala perubahan dan pergolakan yang berlaku. Saya penuh yakin selagi negara-negara serantau menyedari hakikat bahawa adalah terpulang kepada negara-negara serantau untuk menjamin dan mengekalkan keselamatan dan kestabilan rantau ini, masa depan rantau ini adalah cerah dan cantik.

Maka dengan kesedaran inilah pihak Malaysia telah menyarankan dalam tahun 1971 untuk menjadikan rantau ini satu **Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali** disamping mempertingkatkan usaha-usaha ke arah ketahanan negara masing-masing dan ketahanan serantau. Konsep **Kawasan**

Aman, Bebas dan Berkecuali ini bukan saja sejajar dengan matlamat kita mencapai ketahanan negara dan ketahanan serantau bahkan kedua ini saling memperkuat dan saling memperkukuhi — malah pada analisa terakhirnya ketahanan negara dan ketahanan serantau sebenarnya menjadi syarat terpenting bagi mendokong dan memperteguhkan konsep **Kawasan Aman Bebas dan Berkecuali** tadi.

Tidak syak lagi rantau ini sedang berada di satu ketika yang amat penting, dan dengan segala macam perubahan dan pergolakan yang berlaku, maka amatlah mustahak kita mempergunakan kesempatan yang ada dan dengan tidak berlengah-lengah lagi merealisasikan matlamat kita bersama itu. Dan ini bersesuaian sekali dengan persetujuan yang dicapai oleh YM Presiden Suharto dan Tun Abdul Razak di Prapat hari Ahad lalu untuk memperhasilkan objektif-objektif yang mengujudkan ketahanan serantau. Pada ketika ini pegawai-pegawai kanan dari negara-negara **ASEAN** sedang bertungkuslumus menyiapkan segala butiran sebagai persiapan untuk **Sidang Kemuncak ASEAN** yang akan diadakan itu. Saya dapat khabar banyak kemajuan dan kejayaan telah dicapai setakat ini, tetapi ada juga satu dua perkara yang masih perlu dibereskan. Maka, seperti yang saya lahirkan dua hari lalu di sidang ini bahawa kalau konsep **Rukuntetangga** sudah menjadi cara hidup antara Indonesia dengan Malaysia, saya tak nampak apakah sebabnya dan apakah halangannya maka semangat **Rukuntetangga** ini tidak dapat diterima dan dijadikan cara hidup oleh negara-negara **ASEAN** yang lain pula. Dan dengan semangat **Rukuntetangga** ini saya yakin semua masalah dapat dibincangkan dan dirunding dengan terbuka dan tulus ikhlas sehingga mencapai kata sepakat demi menuju matlamat yang serupa.

Tun Panggabean, dan saudara-saudara sekalian.

Sidang ke enam GBC sudah selesai — alhamdulillah. Dan buat diri saya, sejak dari mula saya mengetuai delegasi Malaysia, setiap kali apabila kita sampai ke akhir sidang seperti saat ini, satu rupa perasaan menyelubungi jiwa saya iaitu saya merasakan bahawa saya mendapat satu kekuatan dan satu inspirasi baru yang bertambah daripada yang lalu. Inilah yang saya rasakan disaat ini jika dibandingkan dengan perasaan saya dua hari yang

dulu. Ini adalah kerana Bapak dan delegasi Bapak telah memberikan saya serta delegasi dari Malaysia segala bantuan, tunjukajar serta galakan, dan apa yang kami dari Malaysia sungguh-sungguh menghargai ialah bahawa Bapak dan delegasi dari Indonesia telah memahami dengan cukup mendalam akan jenis dan bentuk beranika problem dan segala implikasinya yang kami hadapi di Malaysia. Ini adalah jauh melebihi dari apa yang kami harapkan dari seorang saudara tua.

Satu kenyataan yang saya sering perhatikan ialah ada pihak-pihak tertentu yang agak irihati dengan semangat sefahaman dan sepakat tulen yang terjalin kukuh antara Indonesia dan Malaysia. Dan pihak-pihak ini sentiasa mengharapkan agar pertalian ini rosak dan persefahaman ini retak bila-bila terdapat satu dua kesulitan yang belum dapat diatasi dan disepakati oleh Indonesia dan Malaysia. Kepada mereka saya katakan — biar seribu kali biduk berlalu, kiambang tetap bertaut juga. Perasaan persaudaraan dan persefahaman antara Indonesia dan Malaysia adalah tulen dan semarak — Selat Melaka adalah titi penghubung dua bangsa dan dua negara serumpun yang sekata senada dalam segala. 'The prophet of doom can say what they like, the enemy can hope what they wish'. Selagi persaudaraan ini terus terjalin dan terserlah, dan selagi kedua pimpinan di Indonesia dan Malaysia mempunyai pengertian yang sama bahawa kita menuju 'destiny' yang serupa, maka kedua negara akan tetap berkembang untuk kebajikan dan kemajuan rakyat masing-masing dan bersama. Indonesia dan Malaysia akan terus memainkan peranannya dan menjalankan tanggungjawabnya sebagai sumbangannya ke arah mengekalkan keamanan rantau ini, dan justru itu ke arah keamanan dunia.

Ucapan beliau sebagai Ketua Delegasi Malaysia semasa menutup Sidang ke 6 Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia/Indonesia pada 20hb. November, 1975 di Bilik Perjanjian, Wisma Putra, Kuala Lumpur.

KERJASAMA KESELAMATAN MALAYSIA/ INDONESIA 1976

Tugas kita sudah selesai. Kita sudah mendapat persetujuan boleh dikatakan dalam semua bidang yang dibicarakan yang membuktikan bahwa kata kita sepakat, fikiran kita senada dan bahawa kita sebiduk dalam menempuh gelombang cabaran. Setiap liku dapat kita luruskan, setiap kelam dapat kita cerahkan sehingga boleh kita mengatakan pada hari ini kita berdua mencapai pengertian yang lebih mendalam lagi dan di luar dugaan. Bukanlah maksud saya untuk menyenaraikan semua perkara tapi hanya hendak menyatakan bahawa semua yang kita usahakan adalah serasi.

Berhubung dengan hal ini, pada hemat saya, alangkah pentingnya bagi kita berdua menerus, bahkan mempertingkatkan lagi usaha dan cara ke arah pandangan bersama yang akan membawa kepada kerjasama yang lebih berkesan lagi.

Pada satu ketika dulu, pihak Malaysia mencuba memajukan konsep undang-undang antarabangsa, bahawa satu kawasan (archipelago) boleh dimiliki bersama oleh lebih dari satu negara, terutama sekali sekiranya penduduk-penduduknya adalah dari satu rumpun. Tapi konsep perpaduan 'acqua-culture' ini rupanya belum dapat diterima kerana ada yang mengatakan bahawa pemikiran begitu adalah sangat kuno berdasarkan kepada sejarah dan riwayat yang bukan lagi menjadi kenyataan: ada pula yang mengatakan bahawa ini adalah *'avant garde'*, terlalu awal untuk diperhitungkan pada waktu ini dengan sebab-sebab yang tertentu. Oleh kerana konsep 'air adalah titi penyambung bukan pemisah' belum lagi dapat diterima, eluklah kita biarkan dahulu. Walaupun apa pegangan dari segi undang-undang atau politik, tapi dari segi kita berdua yang bertanggung-jawab menjaga keselamatan dua negara bersama yang mengha-

dapi musuh yang tidak mengenal sempadan, baik di darat atau di lautan, tidak ada konsep pertahanan yang lain daripada mempertahankan kedua buah negara ini dalam lingkungan satu kawasan (archipelago) yang sama. Selagi negara kita berdua tidak dapat bergerak dengan penuh kebebasan untuk menjaga keselamatan dalam lingkungan ini, baik di darat, laut atau udara, nescaya kuranglah sempurnanya kemampuan dan keupayaan kita mempertahankan kedua negara. Bapak, inilah tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita bersama di bawah GBC.

Memang ada yang mengatakan bahawa tidak perlu bagi kita mencurigai hal 'security' di rantau ini memandangkan adanya *'detente'* antara kuasa-kuasa besar. Tetapi sebenarnya, dengan adanya *'detente'*, maka kita harus lebih hati-hati dan waspada kerana dalam keadaan *'detente'*lah kuasa-kuasa besar dapat terus memperluas pengaruh masing-masing dengan cara memperalatkan negara-negara kecil lain seperti kita. Seperti pepatah bangsa kita, gajah sama gajah berjuang, rumput yang mati tapi bila gajah sama gajah berasmara, rumput juga yang mungkin lunyai.

Ada juga orang mengatakan bahawa dengan adanya persengketaan antara dua kuasa komunis yang besar ataupun kuasa komunis yang bukan besar, maka pihak yang bersengketa akan 'cancel each other out'. Dan kita tidak perlu lagi khuatir bahkan keadaan itu hendaklah dimunafaatkan. Kami tidak dapat menyertai pendapat yang begitu 'naive'. Persengketaan kominis baik di antara Peking dengan Moscow, di antara Pnom Penh dengan Hanoi, di antara CPM-induk dengan CPM-Marxist-Leninist, tidak akan memadamkan perjuangan masing-masing tetapi mereka akan memperhebatkan lagi usaha mereka untuk memarakkan api perkembangan di mana saja mereka berhasrat untuk berkembang.

Negara kita berdua adalah satu-satunya arena yang menjadi sasaran untuk mereka membuktikan kehandalan masing-masing. Maka itu pihak kami sangatlah memberatkan konsep **ASEAN,** terutama sekali usaha-usaha untuk mengujudkan **Zone of Peace, Freedom and Neutrality** yang dengan sendirinya memperakukan bahawa 'peace' itu bukan hak mutlak kominis. Kita sekali-kali tidak sanggup menerima konsep **Wilayah**

Tenggara Asia yang di luar kuasa atau pengaruh kominis adalah ruang yang 'negotiable' atau tempat rebutan. Untuk menjamin supaya **ASEAN** tidak tersedut ke dalam perangkap pemikiran yang memikat kita itu, maka sangatlah penting bagi kita masing-masing memahami betul-betul akan siluk-biluk tipu daya helah mereka baik dari bidang diplomatik atau pertalian mereka dengan apa yang dikatakan 'Fraternal Organisations' yang menjadi duri dalam daging, dan musuh dalam selimut kita. Dengan cara ini, dapat kita mengujudkan kata sepakat di dalam mengaturkan prioritas usaha meningkatkan ketahanan negara masing-masing, yang apabila dirangkaikan, akan menjadi ketahanan **ASEAN.** Ketahanan inilah sahaja yang, insyallah, akan membantut apa juga usaha mereka untuk menakluk kita atau membawa kita ke bawah pengaruh dan 'hegemony' mereka. Dengan maksud supaya tercapai satu pengertian yang bermakna buat menjamin keselamatan **ASEAN** dan sumbangan Indonesia/ Malaysia yang begitu cemerlang tidak akhirnya menjadi sia-sia, maka satu perjumpaan yang kami kira sangat penting di antara Y.A.B. Datuk Hussein Onn dan Yang Teramat Mulia, Seeni Pramoj akan diadakan di Pulau Pinang pada hari Sabtu dan Ahad yang akan datang ini. Kami ketahui bahawa pihak bapak akan mengikuti perkembangan ini dan doakanlah supaya dua pemimpin ini akan mencapai satu pengertian sepakat sekata dalam usaha meningkatkan ketahanan kita bersama.

Yang boleh mengeciwakan usaha kominis di sini bukan persengketaan mereka sama sendiri tetapi kesanggupan dan keupayaan mengujudkan ketahanan kita masing-masing dan bersama dalam ertikata **ASEAN**. Dan janganlah kita dimomok-momokkan dengan *'Domino Theory'* disamping dipersedapkan hati dengan kemungkinan bahawa *'titoist'* akan muncul di rantau ini. *'Domino Theory'* itu adalah satu 'conditioning' supaya kita putusasa dengan usaha-usaha kita, dan kita akan lemah semangat dan sanggup masuk Wilayah 'peace' dalam istilah kominis. Ini adalah theori yang diutarakan oleh Zhadanov pada tanggal 1947 yang dipakai oleh semua kominis baik dari barat atau timur. *'Titoist'* juga tidak akan muncul di sini kerana setiap negara di Tenggara Asia ini bukan seperti Yugoslavia yang hanya mempunyai Moscow sebagai kuasa kominis yang berhampiran dengannya. Di Tenggara Asia, Moscow dan Peking sama-sama

berlumba dan mereka tidak akan mengizinkan cambahnya Tito-Tito dirantau ini.

Bapak,

Dari kesempatan yang telah diaturkan untuk saya kelmarin melawat daerah yang ditimpa malapetaka bumi di Bali, saya telah dapat melihat sendiri mangsa-mangsa yang luka serta kerosakan yang dialami. Saya nampak bahawa mereka yang mengalami bencana tidak bersungut atau menyalahkan sesiapa malah, menunjukkan sikap dan semangat yang kuat serta gigih untuk membangun semula, dengan harapan apa yang akan dibina, akan lebih baik lagi. Dan mereka bekerja dengan rukun, cukup teratur dengan pihak pemerintah dalam kerja pembangunan semula itu. Saya yakin dengan semangat dan sikap ini tugas ini akan selesai dalam jangka waktu yang singkat.

Bagi pihak delegasi Malaysia, saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan setinggi penghargaan di atas sambutan serta layanan yang diberi kepada kami yang kami kira payah untuk kami membalasnya. Kami juga ingin mengucapkan terimakasih kepada orang Yogya yang sentiasa menerima kami dengan senyuman manis dan sambutan hangat di ceruk mana sahaja kami kunjungi. Kami akan kesal kalau tidak menyebut terimakasih kepada Bapak Letjen Widodo Pangkowilhan II dan anak buahnya yang melayan kami dengan begitu mesra. Kami akan membawa balik kenang-kenangan dan ingat-ingatan yang manis, khususnya pengalaman kami menikmati kekayaan dan keindahan seni dan budaya, baik di Jogjakarta, baik di Bali.

Kesempatan ini saya ambil untuk mengucapkan terima kasih kepada 'Staff Planning Committee' yang telah melaksanakan tugas-tugas yang diberi dengan cemerlangnya, kepada panglima dan pegawai yang telah memberi taklimat yang terperinci, dan kepada Urusetia yang bertungkus lumus bekerja agar sidang kita berjalan lancar.

Ucapan penutup di Sidang Ke tujuh Jawatankuasa Am Sempadan Indonesia/ Malaysia pada 22hb. Julai, 1976 di Jogjakarta, Indonesia.

KERJASAMA KESELAMATAN MALAYSIA/INDONESIA 1977.

Sidang Ke Lapan Jawatankuasa Am Sempadan Indonesia — Malaysia sudah selesai. Selama lima hari kita bersama, banyak perkara yang telah ditimbulkan yang pula menimbulkan berbagai hal lain atau soal baru. Tapi dengan adanya perasaan persefahaman dan pengertian mendalam serta semangat untuk betul-betul menjalinkan kerjasama yang bererti, segala perkara yang ada hanya menjadi masalah yang boleh diselesaikan. Kesempatan yang ada dalam lima hari ini telah kita pergunakan dengan cukup untuk mencari penemuan fikiran dalam semua perkara. Sebagaimana yang Bapak sebutkan tadi, kita akan terus berkerjasama dalam soal intelijen, rancangan latihan bersama, dan kerjasama kepolisian, disamping mempergiatkan kerjasama di kawasan perbatasan untuk menghadapi ancaman dari pihak musuh dan gangguan-gangguan lain. Saya mengucap syukur kepada Tuhan Maha Kuasa yang telah menunjukkan jalan bagi kita mencapai penemuan fikiran dan persetujuan pendapat dalam semua hal.

Saya berharap juga lawatan yang diadakan untuk Bapak dan delegasi ke Banding, Temenggor dan Ulu Kinta, sambil melihat juga dari udara Fort Kemar, telah memberi satu tinjauan tentang cara dan bagaimana kami menghadapi ancaman musuh sambil membangun dalam bidang ketahanan negara. Kami sedar tiada apa yang diusahakan itu boleh dianggap memadai tapi kami akan sentiasa berikhtiar mempertingkatkan lagi cara-cara ini sebagai satu sahutan untuk menghadapi apa jua rupa cabaran dari ancaman musuh negara.

Nyata sekali kesediaan untuk bekerja sama antara pihak Indonesia dan Malaysia sentiasa ujud, dan Insya Allah, akan kekal ujud. Tapi untuk menjaminkan agar segala usaha dan

tindakan yang dijalankan bersama betul-betul efektif dan menguntungkan kedua-dua pihak, maka antara kita berdua wajar satu pihak meneliti asas sistem dan doktrin sistem dalam mana pihak yang satu lagi itu bekerja dan bergerak supaya sekurang-kurangnya satu pihak itu faham dan mengerti cara dan falsafah sistem pihak yang lagi satu. Ini bukan bermaksud satu pihak, umpamanya, Indonesia itu harus memakai sistem Malaysia atau sebaliknya. Ini saya kira amat perlu sekali kerana sekiranya kurang atau salah pengertiannya dalam hal ini boleh pula menimbulkan salah faham, bukan saja antara 'personnel' yang terlibat dalam gerakan bersama tapi juga mungkin timbul salah faham di kalangan rakyat.

Menyebut rakyat kedua negara, pada fikiran saya, wajib dan wajar kita jangan jemu-jemu mengingatkan mereka dan memberi fahaman yang mendalam bahawa ancaman yang datang dari musuh adalah real dan tidak akan berputusan datangnya sekiranya kita lalai dan cuai. Juga masa dan tenaga tidak harus kita buangkan membicarakan perkara-perkara yang sudah tidak 'relevant' lagi. Apabila keluar kata-kata bahawa Indonesia dan Malaysia itu sentiasa sanggup bantu-membantu, bergotong-royong, biarlah kata-kata itu datangnya bukan hanya dari satu pemimpin atau dari pemerintah sahaja tetapi hendaklah hasrat itu datangnya dari hati sanubari rakyat sendiri.

Kesediaan Indonesia dan Malaysia untuk bekerjasama dan saling membantu antara dua negara yang berasal sedarah serumpun, timbulnya dari hasil keinsafan dan pengertian bahawa Indonesia dan Malaysia sebiduk dalam mengharungi gelombang ancaman. Untung nasib dan keutuhan kedua-dua negara kita adalah kait-berkait, cubit peha kanan peha kiri turut sama merasa sakit, dan adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita bersama untuk menjamin 'survival' kita. Orang lain tidak boleh menjamin 'survival' kita.

Negara-negara jiran yang mahu bersahabat dengan kita wajar memahami bahawa apa yang dilakukan oleh Malaysia dan Indonesia adalah semata-mata hal rumahtangga Indonesia dan Malaysia, dan apa yang dilakukan oleh Thailand dan Malaysia adalah untuk 'survival' Indonesia, Thailand dan Malaysia. Negara-negara lain khususnya yang melaungkan prinsip tidak campur tangan atau *'non-interference'* dalam hal ehwal

rumahtangga masing-masing negara tidak seharusnya membuat sebarang komen, apalagi tohmah yang membuta kerana apa yang dilakukan baik oleh Malaysia dengan Indonesia, oleh Thailand dengan Malaysia, adalah urusan dalam negeri.

Kerjasama rapat, seperti Indonesia/Malaysia, Thailand/ Malaysia atau Singapura/Malaysia apabila dirangkaikan akan menjadi sumbangan terhadap ketahanan serantau yang akan menjadi benteng membantut sebarang usaha khususnya dari pihak komunis untuk menakluki rantau ini, atau meletakkan rantau ini di bawah pengaruh dan *'hegemony'* mereka. Atas kesedaran bahawa musuh kita tidak mengenal sempadan, dan bahawa denai yang musuh-musuh bersama kita itu hendak menapak di dalam rancangan menegakkan *'hegemony'* mereka serantau adalah dari Bangkok ke Kuala Lumpur, Kuala Lumpur ke Singapura dan dari Singapura ke Jakarta. Atas kesedaran inilah, kami di Malaysia mengadakan kerjasama yang rapat bersifat *'bilateral'* dengan Thailand, dengan Singapura dan dengan Indonesia. Negara-negara yang berkaitan akan beruntung sekiranya kita memperkukuhkan *'bilateral relationship'* kita di rantau ini sehingga menjadi satu jalinan kerjasama kait-mengait antara satu dengan lain.

Saya harap bahagian penerangan luarnegeri Indonesia dan Malaysia wajar memprojekkan intisari bersama bukan saja kerjasama yang sedang dilaksanakan oleh dua delegasi ini tapi kerjasama dalam bidang yang lain juga supaya pengertian yang betul dan benar dapat disampaikan dan difahamkan kepada negara-negara lain, dan keyakinan kita bahawa pertalian persaudaraan yang ujud ini dapat menyumbang ke arah keamanan serantau, hatta ke arah keamanan sedunia.

Menyentuh sedikit hal dalam negeri Malaysia, saya bersyukur bahawa keadaan keselamatan pada amnya adalah sangat terkawal. Pihak Kerajaan adalah *'on top'* tapi sentiasa waspada supaya tidak berlaku sebarang kecuaian kerana kita insaf pihak musuh sentiasa menunggu untuk menyambar sebarang kesempatan buat mempertingkatkan gerakannya. Pasukan Penggempur atau *'assault unit'* pengganas komunis sentiasa *'on the run'* berselerak di beberapa kawasan tertentu dalam kumpulan-kumpulan kecil tanpa mempunyai apa erti pun dari strateji atau tektik perjuangan; pasukan bawahtanahnya atau *'underground*

movement' berjaya kita kakukan. Yang harus kita awasi dengan lebih teliti dan rapi ialah gerakgeri dan tindaktanduk **Barisan Pelemah** atau **'Communist United Front'** yang kita sedar bergerak dengan cara yang begitu *'subtle'* (halus) dan *'sophisticated'*. Dalam hal ini, saya harap orang ramai dan khususnya parti-parti politik, persatuan-persatuan sekerja, badan-badan kebudayaan dan persuratan wajar mengawasi hal ini supaya anasir-anasir ini tidak bertapak dalam organisasi mereka. Kita ibaratkan sebuah negara itu sebagai pohon tunjang. Kita mesti mengawasi setiap ketika dan jangan diberi sedikit kesempatan pun kepada sebarang musuh untuk mengancam dan membahayakan kehidupan dan pertumbuhan-nya — baik oleh anai-anai (rayap) yang memakan akar-umbinya, maupun oleh dedalu api yang hinggap dan memakan pupuknya.

Ucapan penutup di Sidang Ke lapan Jawatankuasa Am Sempadan Indonesia/ Malaysia pada 11hb. Februari, 1977 di Kuala Lumpur, Malaysia.

SARANAN DAN NILAI HIDUP

KESETIAAN KEPADA NEGARA

Kesetiaan adalah satu perkataan yan sukar difahami, malah tidak mungkin dapat diberikan makna yang tepat. Kesetiaan bukanlah hasil dari satu perkara yang difikirkan atau dihitung-hitungkan. Tafsiran yang paling tepat dapat saya berikan ialah, satu rasa taat setia kepada satu benda atau kepada seseorang, dan yang memberikan rasa kenikmatan, erti serta maksud dalam hidup.

Dalam memperkatakan soal kesetiaan terhadap negara, marilah kita tanya diri kita, adakah pada masa ini, kita mempunyai satu negara yang mempunyai satu bangsa Malaya? Menurut hemat saya, memang ada satu bangsa Malaya.

Pada pendapat saya, satu negara itu tidak semestinya terdiri daripada satu jenis bangsa atau kaum. Bangsa yang ada dalam sesuatu negara bukannya ditentukan oleh keturunan darah atau kulit, tetapi adalah suatu pandangan hidup yang kita pusakai, satu cara pemikiran dan perasaan yang sama. Dan juga, satu keazaman yang hendak berbaik-sangka dan hidup bersama dengan mempunyai tekad untuk hidup bersatu-padu dalam masyarakat yang terdiri daripada berbagai-bagai kebudayaan. Satu negara itu tidak semestinya memiliki satu bahasa yang sama. Switzerland adalah satu contoh negara di mana terdapat beberapa bahasa. Tetapi, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, satu bangsa itu mempunyai satu pandangan hidup yang diwarisinya. Hal ini adalah berdasarkan kepada cara pemikiran dan perasaan. Dan soal ini mempunyai hubungan rapat dengan cara penuturan. Oleh itu, peri mustahaknya satu bahasa yang sama merupakan satu keperluan.

Bahasa bukan hanya semata-mata mengandungi perkataan-perkataan, tetapi yang lebih mustahak lagi, tiap-tiap perkataan

merupakan lambang yang membangkitkan perasaan dan menggerakkan fikiran. Bahasa adalah satu jambatan yang menghubungkan satu hati dengan hati yang lain, dan juga satu anak kunci bagi membuka perasaan dan fikiran. Satu bahasa yang sama merupakan satu tali pengikat dan oleh itu, tentulah ianya mustahak bagi pembentukan dan penglahiran satu corak rupa bangsa, dan kerana inilah maka Kerajaan kita sekarang sedang menjalankan dasar pelajaran yang bertujuan mencapai maksud itu.

Telah saya nyatakan tadi bahawa kita sekarang ini mempunyai satu bangsa negara. Dan pada fikiran saya, kita telah mencapai kejayaan besar mendidik satu rupa bangsa yang sama daripada berbagai kaum. Dalam beberapa tahun yang lepas, negeri kita telah berjaya membenarkan berbagai-bagai kaum mendapatkan kebebasan yang bersesuaian dengan kepentingan bersama bagi negara ini seluruhnya. Kita telah juga berjaya memperseimbangkan satu Kerajaan yang tegas dengan hak-hak kaum-kaum kecil dan hak-hak perseorangan. Semua ini telah membolehkan kita mendapat kemerdekaan, dan sejak itu, kita telah mencipta satu kerelaan untuk mengorbankan hak-hak serta kepentingan sendiri, dan kita telah dapat mencapai satu pengertian yang dalam mengenai kehendak-kehendak serta kepentingan bersama.

Kewujudan satu bangsa Malaya yang terdiri daripada berbagai kaum adalah satu kewujudan adat resam, kepercayaan dan undang-undang yang dapat diterima oleh semua. Memang diakui bahawa tugas untuk mendapatkan tujuan itu mestilah dengan jalan bersengaja. Bangsa kita bukannya terjadi dengan sendiri. Bangsa ini adalah hasil daripada usaha dan cubaan yang sentiasa merupakan satu cabaran. Dan tindak-balas kepada cabaran ini ialah taat setia yang tidak berbelah-bagi kepada negara.

Kita hendaklah terus meluaskan pandangan kita ke arah bidang yang lebih luas daripada hanya bertumpu pada kesetiaan perkauman yang sempit. Kekukuhan kedudukan perkauman yang didasarkan atas syak wasangka dan kurang percaya hendaklah digantikan dengan satu kekukuhan bangsa yang dinamik. Kesetiaan kepada kaum adalah satu sikap yang sempit,

terhad kepada diri sendiri sahaja seperti satu tabir yang menyekat diri daripada mendapatkan perhubungan luar.

Sementara itu, janganlah kita membiarkan diri kita diheret oleh satu kesetiaan kepada ideologi yang berbentuk dagang dan tidak baik kepada kita. Ideologi menghendakkan taat setia mengikut saluran kebangsaan. Komunis, sebagai satu ideologi, menghendakkan hal seperti ini, tetapi saya syak bahawa itu hanyalah sebagai satu tabir untuk Russia menjajah. Dengan sebab itu, kalau tuan-tuan masih ingat, Marshall Tito telah membuat kesilapan yang besar tentang perhubungannya dengan Russia kerana Russia tidak rela membenarkan negeri-negeri dalam lingkungan itu memberikan taat setia kepada tempat lain melainkan kepada Russia semata-mata.

Kominis memberikan taat setianya bukan kepada negara, tetapi kepada Parti Kominis, dan Parti Kominis itu pula menumpukan taat setianya kepada Politburo di Moscow.

Demokrasi, sebagaimana yang kita ketahui, tidak dapat bersesuaian dengan kominis. Kedua-dua ideologi itu bertentangan. Adalah satu perbuatan yang tidak setia kalau kita benarkan kominis berjalan dalam lingkungan masyarakat demokrasi kita ini.

Kominis mempunyai satu aturan undang-undang sungguhpun ia mendakwa bahawa ia mengamalkan demokrasi. Cuba kita ambil perkataan 'bola sepak' dan kita ibaratkan sebagai perkataan 'demokrasi'. Perkataan 'bola sepak' pada kita boleh berarti permainan 'bola sepak' atau permainan 'rugby'. Sekiranya kita bermain bola sepak, maka seorang daripada pemain itu, yakni selain daripada penjaga gol, memegang bola, dan ia mendakwa bahawa ia bermain bola sepak mengikut undang-undang permainan bola sepak. Dan oleh kerana permainan 'rugby' itu membenarkan pemain-pemain memegang bola, maka tentulah tuan-tuan bersetuju dengan saya bahawa pemain itu hendaklah diperintahkan keluar padang dan disuruh bermain permainan 'rugby'. Sekiranya ia hendak bermain bola sepak dengan kita, maka ia hendaklah bermain mengikut undang-undang permainan bola sepak. Begitu juga dengan demokrasi. Demokrasi membuat kita percaya kepada Tuhan sebagai yang tercatit dalam Perlembagaan kita, juga

dalam undang-undang kita. Kominis percaya dalam penghapusan undang-undang sesuatu negara itu, dan juga penukaran Perlembagaan dengan cara kekerasan. Dan cara ini bukan sahaja tidak berperikemanusiaan, malahan melàwan ajaran Tuhan. Oleh itu, ia mempunyai satu bentuk undang-undang yang berlainan, dan maka itulah sebabnya kominis dan demokrasi tidak boleh bersesuaian.

Satu ceramah Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri, Kuala Lumpur yang disiarkan oleh Radio Malaysia pada 8hb. Oktober, 1959.

PERANAN KAUM IBU DALAM LAPANGAN SIASAH.

Sekiranya kita berkehendakkan satu rencana yang tegas, seeluk-eluknya perkara ini dibuat oleh seorang wanita. Adalah menjadi satu kesulitan bagi saya untuk menentukan sebenar-benarnya apakah peranan Kaum Ibu di lapangan siasah kerana seorang daripada mereka sahajalah yang faham dan tahu dengan jelasnya kesanggupan dan kebolehan mereka di segi politik.

Rencana ini sudah tentu kita maksudkan kepada peranan Kaum Ibu di samping politik Malaysia. Jadi soal permulaannya, apakah Kaum Ibu itu sudah betul faham apa yang dikatakan politik di Malaysia? Dan apabila sudah ada fahaman atau satu persetujuan terhadap istilah ini, maka bertanyalah pula kita apakah Kaum Ibu itu cukup berkuasa dan berkebolehan untuk mengambil peranan bersama-sama kaum laki-laki memikul tanggungjawab di lapangan siasah negara kita?

Darihal soal yang pertama, iaitu apakah yang dikatakan politik di Malaysia itu, bolehlah saya mencuba memberi pertolongan hanya dengan cara menjadi petunjun sahaja, mencari istilah dan pengertian supaya kita tidak berseliseh faham di atas apa yang dimaksudkan.

Apakah dia makna siasah atau *"politics"* itu? Dengan cara rengkas, saya memaklumkan bahawa *"politics"* ialah perjuangan dengan cara damai atau kekerasan untuk memegang kuasa. Jadi, apabila disebutkan si anu itu giat dalam bidang *"politics"* atau siasah, ini bermakna yang si anu itu mengambil peranan untuk bertujuan hendak memegang kuasa. Kalau *"politics"* itu *"politics"* bandaran, si anu berjuang untuk memegang kuasa bandaran. Begitu juga di segi siasah negeri atau negara, maka bermaknalah bahawa si anu mengambil peranan untuk mencari

kuasa di peringkat negeri atau negara.

Maka di sini timbullah pula satu soal lain iaitu apakah maksudnya apabila disebut di anu itu berjuang untuk memegang kuasa? Apakah ini bermakna yang si anu itu mahu jadi pemerintah, atau M.P.? Ini tidak semestinya, sungguhpun menjadi Menteri atau Ahli Dewan Rakyat dan sebagainya itu ialah satu daripada hasil perjuangan kuasa. Pemerintah itu bukan pegawai tetapi yang memegang kuasa. Pegawai ialah alat pemerintah. Apa yang dimaksudkan ialah si anu itu dengan peranannya dapat dia berkuasa baik dilakukan oleh dia sendiri atau dilakukan oleh pihak lain yang dipengaruhi atau dikuasainya. Tidaklah payah si anu itu menjadi M.P., umpamanya, apabila dia hendak mengubahkan satu peraturan, tetapi memadai sekiranya si anu itu dapat mencapai maksudnya lewat M.P.-M.P. dan Menteri-menteri yang dipengaruhi atau dikuasainya.

Selepas itu, kita bertanya pula apakah rupa *'politics'* atau siasah di Malaysia ini? Samakah keadaannya dengan negeri-negeri lain, umpamanya, Indonesia, India, Switzerland, United States? Apakah siasah Malaysia ini mempunyai sifat-sifat yang tertentu dengan tidak ada bandingnya dengan negeri-negeri lain? Dan bolehkan kita meniru cara-cara *'politics'* mereka?

Disini, saya berpendapat bahawa perjuangan untuk mencapai kuasa di negeri kita mempunyai sifat-sifat lain daripada negeri-negeri lain. Ada juga negeri yang banyak bangsa dan agama di sisi rakyatnya tetapi kebanyakan rakyatnya yang berkaum itu berdaerah tentu dan tidak berkecai selerak macam kita di sini. Umpamanya, di Canada setengah daripada mereka yang berasal dari Peranchis, mempunyai daerah yang tertentu. Dengan yang demikian susahlah kita menggunakan negeri lain sebagai tauladan.

Di Malaysia, bilangan di antara **Bumiputra** dengan yang lain boleh dikatakan sedikit sahaja bezanya. Di samping itu juga, *'politic'* negara kita dikelibutkan pula oleh keadaan, iaitu kebanyakan kaum **Bumiputra** ialah kaum tani, kaum China, ahli perniagaan dan kaum Tamil, buruh.

Walaupun sekiranya kita ini berasal dari satu kaum atau bangsa sahaja, maka sudah tentu puak tani, puak dagang dan

puak buruh ini berpolitik, yakni, berlumba-lumba berjuang untuk memegang kuasa dengan bertujuan hendak memelihara kedudukan ekonomi masing-masing. Begitu juga kaum masing-masing itu mungkin berpolitik kerana hendak menjaga kepentingan kaum masing-masing. Yang boleh membawa kecelakaan di negeri kita ialah perasaan perkauman yang buas dan bermaharajalela mengikut nafsu dan sentimen. Dan ini boleh juga berlaku sungguhpun asal perselisihan politik itu ialah berdasarkan ekonomi. Oleh kerana satu puak ekonomi itu disaingkan dengan satu-satu kaum seperti disebutkan di atas tadi, maka pertelingkahan ekonomi boleh merupakan satu pertelingkahan perkauman.

Jika begini sifat politik di Malaysia, apakah pula sifat mereka yang mengambil peranan di bidang siasah negara kita? Mestikah mereka-mereka ini datangnya dari orang-orang hartawan yang maju di dalam perdagangan, atau peguam yang pandai atau *'civil servants'* yang terkanan yang mahir?

Pada hemat saya, ini tidak perlu, bahkan seseorang yang mahir atau pakar dalam hanya satu atau dua perkara belum tentu boleh berjaya di segi politik. Tetapi seseorang yang mempunyai pengetahuan serba serbi, walau pun tidak begitu mendalam, barangkali boleh lebih berjaya dalam bidang politik.

Oleh kerana bidang siasah di negeri kita ini menggambarkan keadaan sorong-tarik tegang-kendor di antara puak-puak ekonomi yang bertentangan dan ini dicelarukan pula oleh persaingan kaum dengan satu-satu puak itu, maka tidak boleh tidak, sifat mereka yang mengambil peranan politik di dalam negeri ini hendaklah membuktikan fikiran yang tenang dan wajar. Mereka itu adalah seumpama nakhoda yang pandai dan bijaksana untuk membawa untung nasib rakyat dan negara Malaysia dengan cara tenteram dan damai, serta menggelakkan segala batu dan ranjau di dalam pelayaran kemajuan negara ini. Mereka yang berjuang di bidang siasah berkehendakkan bukan sahaja wang atau pengaruh atau sokongan dari parti dan pertubuhan tetapi yang lebih lagi ialah fikiran yang tegas, sihat dan cekap, ditambah pula dengan perasaan yang adil saksama supaya dapat menyatukan tenaga untuk kemajuan negara, serta juga mendamaikan pihak-pihak yang sudah tentu bertentangan.

Dengan ini, mungkin satu daripada sifat yang dikehendaki di

dalam seorang yang mengambil peranan penting di bidang siasah ialah kebolehan membuat perhubungan di antara fikirannya dengan fikiran dan perasaan rakyat. Kalau begitu sifat yang dikehendaki, maka adakah Kaum Ibu di Malaysia ini sanggup bertanggungjawab dan sanggup berdamping bersama-sama dengan laki-laki untuk mengambil peranan yang lebeh besar?

Soalnya di sini bukanlah soal peranan wanita di bidang pentadbiran atau di bidang sosial tetapi adalah Kaum Ibu di segi politik iaitu di ruang perlumbaan kuasa. Sekiranya kita membincangkan soal apakah kaum wanita itu sudah mengambil peranan yang penting pada masa sekarang di dalam segi pentadbiran, itu sudah kelihatan banyak oleh kerana didikan wanita pada zaman ini sudah begitu maju. Tetapi soal kita tadi ialah soal tanggungjawab terhadap siasah dan inilah cabaran terhadap wanita kita, khasnya Kaum Ibu.

Disini sukalah saya dengan cara ringkas menceritakan bagaimana wanita di negeri lain, umpamanya di Indonesia mengambil peranan yang penting.

Ibu Kartini yang mula-mula menggerakkan wanita di Indonesia sehingga sampai ke bidang siasah dengan jalan membentuk satu pergerakan yang bertujuan untuk mempersiapkan mereka sebagai Ibu Bangsa dan sebagai manusia yang bertanggungjawab. Pergerakan yang dibuat oleh Ibu Kartini itu menjadi punca bukan sahaja dalam perjuangan politik di segi wanita bahkan ini bolehlah dikatakan permulaan bagi perjuangan politik nasional Indonesia yang teratur. Raden Adjing Kartini (1879-1904) ialah putri seorang Raja tetapi dapat menyesuaikan dirinya dengan dan untuk rakyat dan kemudian pekerjaannya disokong pula dan digalakkan oleh Raden Dewi Sartika. 21hb April ialah satu hari yang bahagia di Indonesia yang dikenali sebagai Hari Kartini.

Penghujung tahun 1928, atas kegiatan pemimpin-pemimpin wanita maka **Kongres Perempuan Indonesia** yang pertama telah diadakan di Djogdjakarta yang diketuai oleh Nyonya Soekanto. Setahun kemudian gabungan ini telah mengemukakan cadangan pada Kerajaan supaya membuat undang-undang yang melarang pergundikan. Kemudian mereka terus berjuang, bukan sahaja di dalam negeri, bahkan mengambil tempat di bidang internasional, umpamanya di **'All Asian Women Congress, Lahore'.**

Kongres Perempuan Indonesia yang kedua diadakan di Jakarta pada pertengahan tahun 1935 dibawah pimpinan Nyonya Mangoensarkoro. Kongres tersebut telah menkaji darihal nasib rakyat dan pembidasan buta huruf. **Kongres Perempuan Indonesia**yang ketiga diadakan di Bandung pada pertengahan tahun 1938 dibawah pimpinan Nyonya Ema Poeradiredya. Kongres ini mempersoalkan hak perempuan di dalam perkahwinan, hak memilih dan dipilih tentang perkahwinan, hal pelacuran dan kedudukan wanita yang mencari nafkah sendiri.

Sesudah **Kongres Perempuan Indonesia** yang keempat pada tahun 1941 di Semarang, Indonesia ditewas oleh Jepun. Masa pemerintahan Jepun, pergerakan wanita dibekukan.

Sesudah Indonesia mencapai kemerdekaan, pada Februari 1946, berbagai-bagai pergerakan wanita seperti Perwari, Pemuda Putri Indonesia, Persatuan Wanita Kristiam, Wanita Katholik dan Wanita Islam telah mengadakan gabungan di Solo yang dinamakan **Kowani (Kongres Wanita Indonesia)**. Gabungan ini mempunyai cabang di seluruh Indonesia dan telah mengerahkan tenaga wanita untuk kemerdekaan.

Atas tugas berbagai-bagai badan yang telah disebut, hak kaum wanita telah terjamin di Indonesia. Di dewan-dewan perwakilan rakyat, di peringkat tinggi dan di daerah-daerah ada wakil-wakil wanita. Di dalam kabinet pun ada pada satu masa terdapat beberapa menteri-menteri wanita, seperti Nyonya Maria Ulfah Santoso dan Nyonya S.K. Trimurty. Wanita juga cergas di badan pemerintahan dan di jabatan-jabatan penting. Wanita-wanita Indonesia menggabungkan diri mereka dengan berbagai-bagai parti politik. Boleh dikatakan semua pertubuhan siasah ada bahagian wanitanya.

Tetapi bukanlah semua pergerakan politik wanita berupa baik di Indonesia kerana dengan adanya kominiss maka pergerakan banyak dipengaruhi olehnya. Kominiss mempengaruhi wanita-wanita Indonesia dengan bermaksud bukan sahaja untuk menarik mereka menjadi ahli dalam gerakan yang tertentu, tetapi juga untuk mencapai rancangan mereka menggunakan wanita-wanita sekiranya suami-suami wanita itu mempunyai kedudukan yang penting di dalam pemerintahan pentadbiran

Jikalau kita mengkaji pergerakan kominiss yang digelarkan Gerakan Wanita Indonesia (GERWANI) maka dapatlah kita

mengetahui bagaimana lekasnya pertubuhan mereka subur dalam tempuh sepuluh tahun. Pada pertengahan tahun 1950, anggota pergerakannya adalah tidak lebih dari 500, pada hujung tahun 1951, sudah naik kebilangan 6,000. Pada pertengahan tahun 1963, bilangannya 40,000 dan setahun kemudian, sudah berlipat-ganda bilangannya. Pada pertengahan tahun 1966, bilangannya ialah 565,147 dan pada tahun 1960, bilangannya sudah lebih 700,000.

Kemajuan **GERWANI** ini ialah disebabkan oleh tiga perkara. Pertamanya, kominis mempunyai pertubuhan yang bertenaga kuat. Yang kedua, mereka ada mempunyai kakitangan, tidak banyak, tetapi tekun dan giat untuk memajukan pertubuhan. Ketiga, mereka mempunyai ideologi yang boleh menaikkan perasaan dan semangat mereka. Tetapi malangnya, mereka jugalah yang paling kejam di dalam pengganasan diwaktu **GESTAPU**. Mengikut cerita yang kita dapati bahawa upacara-upacara kebinatangan yang dijalankan di Lubang Buaya dekat Pengkalan Udara Halim, anggota **GERWANIlah** yang di hadapan sekali, sehingga banyak dari mereka masuk hantu atau dirasuk iblis sehingga mahu mereka menikam-nikam mayat-mayat General yang ditewaskan itu. Ada pula, tabik-tabik cakap, yang mencantas kemaluan dari pada mayat-mayat itu dan disumbat kemulut mendiang-mendiang General yang teraniaya itu. Inilah rupanya satu gerakan dari pihak wanita yang berpengaruh sekali di segi siasah di Indonesia pada waktu itu. Di dalam perjuangan mereka untuk memegang kuasa, banyak wanita terlibat dengan peristiwa-peristiwa kejam bagaimana yang saya sebutkan tadi.

Pengaruh wanita di bidang politik sudah tentu banyak contoh-contohnya dalam dunia. Ada peranan mereka itu membawa baik, dan ada yang jahat. Cleopatra di Mesir, Queen Elizabeth I di England dan Madam Pampador di France, adalah nama-nama yang semua kita ketahui. Di dalam sejarah Melayu pun kita dapat juga memberi contoh wanita berpolitik umpama-nya pertabalan Muzafar Shah sebagai Sultan Negeri Melaka dalam abad yang ke15 ialah semata-mata perbuatan ibunya iaitu Permaisuri daripada Baginda Sultan Mohamad. Adalah diingatkan bahawa Permaisuri itu ialah orang kebanyakan yakni bukan darah raja.

Pada pendapat saya, perjuangan wanita yang paling penting sekali ialah apa yang dilaksanakan oleh Emeline Penkhurst (1858-1928) di Britain. Ini bukanlah dengan bermaksud untuk memperbesarkan cara perjuangan politik di Eropah dan membelakangkan apa yang diusahakan oleh Ibu Kartini atau Mrs. Naidu atau Madam Pandit. Bahkan tokoh-tokoh dari kaum ibu kita pun ramai seperti Ibu Zain, Halimahtun, Aishah Ghani, Puan Sri Fatimah. Tetapi oleh kerana konsep politik di zaman tamadun adalah dipengaruhi oleh demokrasi yang dibentuk oleh negara-negara barat, maka perjuangan Emeline Penkhurst bagi pihak wanita adalah mempunyai makna yang paling besar. Oleh kerana demokrasi itu dibuktikan dengan cara Parlimen atau Dewan Mesyuarat, maka Emeline Penkhurst dapat mengisi kehendak-kehendak demokrasi dengan memperolehi suara untuk kaum wanita sehingga sama-sama berhak berundi dengan laki-laki. Apa yang penting kepada kita pada hari ini ialah menimbangkan bagaimana Kaum Ibu boleh mengambil peranan yang lebih giat lagi di dalam lapangan siasah negara kita. Daripada contoh-contoh yang kita lihat di negeri lain, terutama sekali, seperti saya sebutkan tadi, gerakan kaum wanita Indonesia, maka yang paling mustahak ialah pertubuhan (organisation). Pertubuhan ialah satu kuasa yang besar dan kuasa besar ialah pertubuhan. Oleh itu sekiranya Kaum Ibu hendak mengambil bahagian yang penting, satu daripada perkara yang patut dikaji dengan cara mendalam ialah bagaimana pertubuhan mereka dapat diperkuatkan.

Soal pertubuhan ini bukanlah saya maksudkan yang anggotanya mesti ditambah menjadi lebih ramai. Biarlah angka anggotanya kurang, asalkan ahli-ahlinya itu giat dan mempunyai semangat perjuangan yang cukup tinggi. Kadang-kadang kalau bilangannya sahaja yang besar tetapi kegiatannya kurang, anggota-anggota ini boleh menjadi satu bebanan berat yang memperlahankan aliran perjuangan pertubuhan itu.

Apa yang saya maksudkan ialah satu daripada perkara yang boleh menjadi alat perjuangan siasah ialah satu pertubuhan yang teratur yang boleh memberi tekanan yang berkesan, baik pada dasar pemerintahan atau di khalayak masyarakat. Apabila sudah ada pertubuhan yang saya sebutkan tadi, iaitu pertubuhan yang boleh memberi kesan, maka hendaklah mereka mulai pula

mengkaji apakah perkara-perkara yang patut mereka perjuangkan dan cara-cara perjuangannya supaya maksud mereka itu berhasil.

Kaum Ibu yang mengambil peranan penting di dalam lapangan siasah hendaklah mempertajamkan fikiran mereka dan memperluaskan pengetahuan di dalam soal matlamat perjuangan mereka. Tidak ada gunanya mereka itu hanya beramai-ramai menjadi anggota tetapi tidak mengetahui sedalam-dalamnya apakah tujuan perjuangan mereka.

Pada hemat saya, adalah lebih eluk satu-satu pertubuhan itu membuat dua aliran perjuangan. Pertama, hendaklah mereka mendapat sokongan orang ramai atas apa juga maksud dan rancangan. Ini berkehendakkan cara-cara dan gaya yang tegas supaya masyarakat faham dengan sebenarnya apakah perjuangan pertubuhannya itu. Tidak ada gunanya satu-satu badan itu berteriak-tempek meminta dan mendesak berkenaan satu-satu perkara sekiranya perkara yang diperjuangkan itu tidak dapat sambutan am dari masyarakat. Sambutan yang seeluknya bukan sahaja dari pihak wanita tetapi dari pihak lelaki dan juga dari segi 'International'. Satu-satu rancangan ini boleh jadi gagal jika kurang pengertian orang-orang lain. Yang kedua, saya rasa, ada lebih menguntungkan sekiranya dikaji dengan cara teliti apakah perkara-perkara yang patut diperjuangkan. Kerajaan kita ialah kerajaan demokrasi bertanggungjawab yang tidak boleh tidak dan mesti menerima cabaran daripada rakyat. Tetapi pada pandangan saya, pemerintahan demokrasi itu lebih mengambil berat terhadap satu-satu perkara yang istimewa dan bukanlah perjuangan yang biasa atau prinsip-prinsip yang sudah diagung-agungkan dimana-mana tempat lain umpamanya 'sama taraf sama gaji'. Oleh yang demikian, Kaum Ibu yang hendak mengambil peranan yang penting di dalam lapangan siasah mestilah mengkaji dengan teliti dan membuat senarai *'priority'* berkenaan perkara yang patut dimajukan dahulu dan apakah perkara yang patut ditunda.

Di dalam kajian ini janganlah lupa kepada kenyataan yang sebenarnya di dalam negeri. Keadaan siasah di Malaysia sudah saya cerita dengan ringkas tadi, iaitu banyak runtun-rentap daripada masing-masing kaum, agama, puak ekonomi dan sebagainya. Ada orang mengatakan bahawa sudah sampai

masanya yang politik di negeri ini membuangkan corak perkaumannya. Ini saya rasa kurang bijak sekiranya kita laksanakan sekarang, sungguhpun itu ialah apa yang kita anggap sebagai perkara yang *'ideal'* atau tujuan yang muktamad. Selagi tiap-tiap kaum di dalam negeri ini belum merasa bebas daripada ancaman dari kaum yang lain, maka sudah tentu satu kedudukan yang tegang akan timbul sekiranya jaminan perkauman itu dibuangkan. Pada masa sekarang, Kerajaan dapat menjalankan beberapa rancangan dengan licinnya kerana tiap-tiap kaum di negeri ini berasa terjamin oleh kerana ada perwakilannya di pusat pemerintahan.

Jika sekiranya kita semua bersetuju bahawa politik yang *'ideal'* di negeri ini ialah siasah yang tidak bercorak perkauman, bukankah sudah menjadi satu tanggungjawab pada tiap-tiap tokoh politik mencari jalan dan cara untuk menghilangkan rasa ragu, takut dan syak wasangka di antara kaum? Dan jika sekiranya kita juga bersetuju bahawa keraguan satu-satu kaum itu disebabkan oleh perbezaan keadaan kuasa yang ada pada masing-masing, (umpamanya, orang-orang perniagaan itu lebih kuasa ekonominya dan ditakuti oleh orang tani yang menjadi perkara biasa di *'exploit'* oleh orang perniagaan) bukankah menjadi satu *'priority'* buat kita untuk meninggikan ekonomi kaum tani supaya hilang perkara yang menyebabkan mereka takut? Oleh kerana itu, kebanyakannya **Bumiputra** boleh menjadi sasaran Kaum Ibu sebagai satu peranan penting siasah negara berkhidmat menaikkan taraf ekonomi wanita **Bumiputra** yang di kampung-kampung supaya kuranglah perasaan takut dan curiga mereka terhadap orang perniagaan iaitu mereka yang berketurunan China. Dengan ini maka dapatlah beransur-ansur kita menghilangkan corak perkauman di negeri ini. Jikalau sudah tidak ada lagi perbezaan atau *'exploitation'* ekonomi orang perniagaan, iaitu kaum bangsa China, terhadap tani, iaitu **Bumiputra,** tidaklah lagi jaminan politik yang merupakan politik perkauman itu diperlukan.

Oleh yang demikian, adakah perkara 'sama taraf sama gaji' itu harus mendapat *'priority'* dalam perjuangan Kaum Ibu atau lebih baikkah diperjuangkan dahulu untung nasib taraf ekonomi **Bumiputra** khasnya wanita tani di kampung-kampung?

Penerimaan buah fikiran ini mungkin membawa kita kepada

soal pokok iaitu apakah peranan yang boleh diambil oleh Kaum Ibu di dalam perjuangan siasah mereka?

Sasaran yang utama ialah taraf wanita **Bumiputra** yang di kampung. Satu rencana buat mereka itu dengan cara *'systematic'* dan teratur sangatlah mustahak dikaji dan disediakan.

Kesulitan yang mungkin menunggu ialah bagaimana Kaum Ibu boleh menarik dan membawa wanita-wanita kampung ini ke dalam pertubuhan. Mereka itu miskin dan dzaif tidak mampu membayar yuran. Mereka itu takut dan segan kerana kurang pengetahuan. Mereka itu tidak boleh datang menghaziri perjumpaan kerana anak kecil tidak ada siapa yang menjaganya di rumah. Ada daripada mereka itu susah hati kerana beban fikiran disebabkan mereka dimadukan oleh suami mereka. Mereka yang janda tiada bernafkah. Ini semuanya adalah kesulitan yang menjadi cabaran pada Kaum Ibu.

Kesulitan ini, Insya Allah, boleh diatasi sekiranya ada pertubuhan yang kuat dan mempunyai rancangan perjuangan bangsa yang berbakti.

Apakah salahnya kalau diaturkan perjumpaan yang kecil-kecil berdekatan dengan rumah mereka dan tidak dengan gaya resmi supaya boleh dia membawa anaknya? Mereka boleh bercakap-cakap dengan rupa berbual-bual sambil meriba anak. Dengan adanya perjumpaan kecil begini yang dianjurkan oleh Kaum Ibu yang mempunyai satu rancangan yang teratur dan tertentu, maka dapatlah wanita-wanita itu mengetahui bahawa bukan mereka seorang sahaja yang bernasib buruk. Rupanya banyak lagi orang lain yang senasib, bahkan lebih buruk lagi. Dengan hal yang demikian, beransur-ansur dapatlah mereka mengumpul dan menumpukan fikiran serta kepercayaan kepada Kaum Ibu. Dengan cara kecil-kecil ini, maka terbitlah beberapa bibit perjuangan, dan Kaum Ibu pun hendaklah terus mendidik mereka.

Apa yang disebut itu ialah satu cara bagaimana Kaum Ibu boleh mengambil peranan penting di segi siasah. Ada lagi cara-cara lain umpamanya menolong wanita kampung mengumpulkan wang. Saya tidak keberatan mengesyorkan bahawa sekiranya diatur betul-betul pada tiap-tiap pusat di segenap kampung olih Kaum Ibu, maka 'main kutu' ialah satu cara

menolong ekonomi wanita di kampung. Kaum Ibu juga boleh menaja dan mengadakan 'kindergaten' di kampung-kampung untuk anak-anak kecil itu dijaga dan dididik supaya dapat ibu-ibunya melebihkan pencarian. Soal 'kindergarten' itu seharusnya tidaklah menjadi kesulitan yang besar sekiranya Kaum Ibu mempunyai pertubuhan dan rancangan yang teratur kerana guru-gurunya boleh diadakan dengan sukarela. Rancangan begini sudah tentu akan mendapat perhatian Kerajaan dan masyarakat yang harus akan juga memberi sokongan.

Begitu juga rancangan membasmi buta-huruf sepatutnya diprioritikan oleh Kaum Ibu. Kaum Ibu juga patut menggalakkan kebudayaan dan seni.

Semua perkara yang seumpama itu penting di dalam perjuangan politik Kaum Ibu kerana dengan adanya rancangan begitu mungkin lebih lagi naik kepercayaan dan harapan orang ramai. Dengan ini bertambahlah kesan dan hasil di atas apa jua yang diperjuangkan oleh Kaum Ibu di segi siasah.

Untuk menjadi ahli perjuangan yang melaksanakan rancangan 'kindergarten', membasmi buta huruf, mengurus 'main kutu' dan lain-lain lagi, maka saya suka mencadangkan Kaum Ibu mengadakan satu *'cadre'* dari wanita-wanita muda yang sanggup berkhidmat menerima latihan dan mengorbankan masa. *Cadre* ini baik diberi nama **Dharmaputri** menunjukkan bahawa mereka dikenal sebagai pemudi yang membuat jasa kepada bangsa dan negara.

Kaum Ibu dengan pertubuhan yang kuat dan mempunyai rancangan-rancangan yang tertentu disokong pula oleh **Dharmaputri** akan menjadi satu badan yang mungkin menerima perhatian am serta memberi bekas di atas apa juga yang diperjuangkan terutama hak asasi wanita khasnya, dan **Bumiputra** amnya.

Maju Kaum Ibu, maka terjaminlah kesempurnaan rakyat dari kandongan ke liang lahad.

Ucapan Setiausaha Tetap, Kementerian Luar Negeri di Seminar Politik dan Pentadbiran yang dianjurkan oleh Kaum Ibu UMNO, Batu, pada 6hb. Ogos, 1967, jam 11.30 pagi.

PEGAWAI PENTADBIRAN DALAM MASYARAKAT KITA

Saya tidak berhajat pagi ini menasihatkan bahawa dalam menjalankan tugas, saudara-saudara hendaklah jujur, cekap, taat dan tekun. Segala sifat-sifat ini, saya hematkan sebagai perkara yang sudah tentu dan saya percaya, saudara-saudara pun menganggapnya begitu juga. Saya rasa lebih menarik, bahkan lebih berguna kalau kita sepintas lalu menatap diri kita sendiri sebagai anggota perkhidmatan awam ini, dan mengkaji dari segi masyarakat menyoal apakah peranan kita pada hari ini.

Malaysia ialah sebuah negara demokrasi. Pada satu masa ke satu masa, kita mengadakan pilihanraya, baik di peringkat negara atau di peringkat negeri. Oleh yang demikian, eluklah kita mengenal perbezaan di antara peranan kita dengan peranan ahli politik. Dengan cara mudah, biarlah saya katakan, adalah tanggungjawab ahli politik itu menggambarkan dan menterjemahkan segala kehendak rakyat, dan adalah tanggungjawab pegawai pentadbiran raya pula manolong di dalam perancangan dan pelaksanaan polisi-polisi untuk mencapai apa-apa yang dikehendaki. Pendek kata, ahli politik itu menyatakan apa kehendak rakyat, dan pegawai pentadbiran awam melaksanakan rancangan untuk menghasilkan kehendak-kehendak rakyat. Dengan itu, maka ternyatalah bahawa ahli politik itu tidak seharusnya menunjuk semata-mata, dan juga pegawai pentadbiran itu tidak seharusnya menunggu petunjuk untuk melaksanakan satu-satu ketetapan politik kerana dengan berbuat demikian, satu pihak itu merampas kuasa, dan satu pihak lagi melontarkan tanggungjawabnya. Kita masing-masing ahli politik dan pegawai pentadbiran mempunyai hak tanggungjawab dan peranan yang tertentu untuk berkhidmat terhadap negara

sebagai tujuan kita bersama. Sekiranya perkara ini tidak difahami dengan cara mendalam, mungkin akan timbul perbalahan dan perselisihan faham.

Di Malaysia, kita tidak menggunakan cara rampas atau 'spoils system' yang menentukan bahwa kakitangan pentadbiran yang berpangkat tinggi adalah anggota parti yang memerintah atau pun seorang yang memehaki parti politik. Maka itu, di Malaysia ini, pegawai pentadbiran ialah 'apolitical', yakni, di dalam ia menjalankan tugasnya, dia adalah dikehendaki patuh dan taat setia kepada polisi parti politik yang dimandatkan oleh rakyat untuk memegang teraju Kerajaan.

Janganlah kita takut dengan perkataan politik itu kerana asalnya datang dari perkataan Yunani, 'polis' yang istilahnya ialah 'kota'. Apa juga kepercayaan atau pribadi seorang pegawai Kerajaan ia tidak boleh sama sekali memihak kepada satu-satu parti politik apabila ia menjalankan peranannya. Sungguhpun begitu, seorang pegawai itu hendaklah berpolitik yang mempertahankan dan memajukan **ideologi negara.**

Di dalam hal ini, marilah kita ingatkan semula beberapa tahun yang lalu dan melihat keadaan seorang pegawai di dalam pemerintahan kolonial di Malaysia atau di mana juga pun. Saudara mesti ingat kata-kata mendiang Mahatma Gandhi berkenaan dengan **Indian Civil Service** "that it was neither **Indian** nor **Civil** nor a **Service** to the country". Seorang pegawai pada masa itu, kalau tidak dengan kemahuan sendiri pun, terpaksa berpolitik berat sebelah kepada sistem kolonial yang semestinya dipertahankan. Begitu juga dengan seorang pegawai pentadbiran Malaysia yang juga mesti berat sebelah yakni, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, berat kepada mempertahan dan memajukan ideologi negara dan kitalah *"dynamo"* untuk pembangunan negara.

Malaysia ialah sebuah negara muda yang sedang membangun. Kita, sebagai kakitangan kerajaan, tidaklah boleh bertugas dengan cara *'laissez faire"* atau bersikap tidak ambil berat yang mungkin tidak membawa kesan buruk di negara-negara yang sudah maju. Malu tidak malu kita terpaksa melibatkan diri di dalam pergerakan memajukan negara, kalau tidak perikhidmatan kita tidak bermakna.

Sungguh pun begitu, tidak akan memadai sekiranya

dikatakan bahawa pegawai pentadbiran itu mesti mempunyai satu sebab bekerja selain dari hanya makan gaji sahaja. Juga ini bukanlah hanya satu perkara untuk menggalakkan seorang pegawai itu bekerja lebih giat dan tekun lagi. Ini adalah satu perkara buat menyedia dan membekalkan seorang pegawai itu dengan satu tujuan yang benar, lagi murni, iaitu tujuan bertugas untuk **ideologi negara.**

Saudara-saudara tentu akan bertanya pula, apakah yang dikatakan **ideologi negara** itu? Apakah ini sudah diarahkan, dan kalau sudah, di manakah ia?

Konsep **ideologi negara** ini seolah-olah belum wujud, tetapi ia sebenarnya ada. Sungguhpun begitu, maka. adalah satu kenyataan kepada kita bahawa pada masa ini, belum ada lagi satu-satu permulaan dibuat untuk menerangkan dengan jelasnya apakah dia **ideologi negara** itu. Sayang sekali, perkara ini tinggal begitu sahaja dan saya percaya sepatutnya sekarang juga dirakamkan suatu penjelasan tentang **ideologi negara** kita. Rakaman ini boleh dibuat dengan jalan pakatan dan musyawarah di antara semua kaum dan agama, parti politik dan segala lapisan masyarakat yang bertanggungjawab.

Ideologi negara ini bukanlah hak satu-satu parti atau kaum tetapi adalah mengatasi batas perkauman bangsa, agama dan kebudayaan dan mempunyai sifat meliputi serta memuaskan semua.

Pagi ini bukanlah masa dan tempatnya kita merakamkan **ideologi negara** tetapi dengan cara sepintas lalu, bolehlah kita gambarkan asasnya. **Ideologi negara** kita ada dibayangkan dalam surat Perlembagaan kita dan bolehlah disifatkan sebagai **cara hidup Malaysia,** yakni satu masyarakat yang mempunyai kaum, bangsa dan agama, hidup berdamping dan berganding bahu, bersemangat timbang rasa, dan sabar — satu masyarakat yang patuh kepada cara hidup demokrasi yang menjamin dan menghormati hak dan kehendak rakyat — satu masyarakat yang mempunyai kesanggupan ekonomi yang memberi kemakmuran saksama kepada rakyat. Ini sahajalah jalan ranjau perselisihan di antara kaum dapat diselesaikan.

Biarlah saya cuba huraikan sedikit aspek-aspek tadi.

Ideologi negara yang memerlukan kita bersifat sabar dan timbangrasa, timbul dari hasil satu cara atau 'process' yang

memakan masa begitu lama, semenjak bangsa asing mula datang tinggal dibumi kita ini. Keadaan berbagai kaum dan bangsa di negara ini mulalah terjadi, dan dari itu, **cara hidup Malaysia** pun mulailah berkembang.

Berkenaan dengan kemerdekaan, **ideologi negara** kita menggambarkan di dalam surat Perlembagaan satu cara penjaminan hak asasi satu-satu kaum itu tidak akan merosakkan hak kaum yang lain. Isi **ideologi negara** kita ialah semangat hidup bersama dan ia menjadi asas kepada Perlembagaan kita. Sekiranya tidak dibuat begitu, Perlembagaan kita sudah tentu bukan seperti yang terdapat sekarang ini.

Misalnya, Perlembagaan kita mementingkan satu fasal yang memberikan taraf istimewa kepada **Bumiputra** supaya keadaan masyarakat dan ekonomi mereka dapat diperbaiki sehingga satu masa taraf ekonomi mereka akan seimbang dengan rakyat Malaysia dan kaum-kaum lain yang memang lebih maju di dalam segi itu. Sebagai tolak ansur atau timbal-balas, mereka yang bukan **Bumiputra** diberikan kerakyatan dengan syarat-syarat yang lebih longgar supaya hak dan harta milik mereka terselamat. Syarat-syarat kerakyatan ini lebih longgar daripada negara-negara lain di rantau ini melainkan agaknya Singapura, yang bilangan **Bumiputranya** sangat kecil sehingga perasaan mereka itu tidak dihiraukan sama sekali di dalam soal kerakyatan.

Inilah latar belakang fasal 153 di dalam Perlembagaan kita yang menyebut kedudukan istimewa **Bumiputra** dan hak mutlak rakyat yang lain. Keistimewaan ini bukanlah menunjukkan kelebihan tetapi satu tanda kekurangan yang menjadi tanggung-jawab semua untuk menghapuskannya. Fasal 153 itu, sebenar-nya diadakan untuk memajukan keadaan ekonomi mereka yang tidak berkelebihan dan kebetulan pula, sekarang ini mereka ini terdiri dari **Bumiputra,** tetapi pada masa hadapan kelak, boleh jadi satu kaum yang lain pula. Dengan jalan ini, maka ternyatalah bahwa di dalam memelihara dan memajukan puak yang kurang maka Perlembagaan kita menjamin ketenteraman dan kestabilan semua masyarakat, dan ini mengikut aliran sejarah, adalah menguntungkan negara dan masyarakat. Apabila sahaja fasal 153 difahami dengan cara itu, serta maksudnya diterima, maka perkara ini boleh dihuraikan tanpa

segan-silu. Inilah satu misal yang boleh dipetik membuktikan semangat hidup bersama yang menyerap sehingga meliputi surat Perlembagaan kita yang sudah disanjung tinggi sebagai adil, ikhlas dan jernih menjamin keadaan sekarang dan masa hadapan semua rakyat di negara ini.

Dengan hal yang demikian, maka sangatlah mustahak bagi kita bukan sahaja mengetahui tiap-tiap fasal di dalam Perlembagaan kita tetapi yang lebih penting lagi, kita harus memahami semangat dan latar belakang tiap-tiap ayat yang apabila dikumpul melahirkan **ideologi negara** kita.

Sebagai pegawai pentadbiran, maka adalah benar bahawa pekerjaan kita ialah menjalankan pentadbiran dengan cekap, menyumbangkan nasihat dengan tegas dan melaksanakan polisi dengan taat. Ini ialah perkara di hadapan mata kita. Kerana itu, pagi ini saya bercakap tentang tanggungjawab kita sebagai pengawal **ideologi negara** yang mengatasi perhitungan kepentingan parti, kesetiaan kaum atau kehendak tempatan, dan ini adalah *sine quo non* untuk kemajuan negara kita.

Sebelum saya mengakhiri ceramah saya, saya suka memberi sepatah dua pesan. Selepas sahaja saudara mendengar ceramah saya dan yang lain-lain dalam kursus ini, saudara nanti mungkin terpengaruh sehingga saudara bertugas 25 jam saban hari. Jangan begitu. Saudara mesti mengambil cuti dan selalu beristirihat. Jikalau tidak, saudara dengan segera akan menjadi 'redundant'.

Lepas itu hendaklah saudara banyak membaca sekurang-kurangnya satu buku yang baik pada tiap-tiap bulan. Ini adalah mustahak untuk mengasah dan menajamkan akal. Saudara barangkali rajin, tekun dan cerdek. Tetapi saudara berkehendakkan pengetahuan untuk menolong di dalam membuat satu-satu keputusan. Buku-buku adalah sangat berguna untuk perkara ini. Seseorang yang banyak membaca akan mempunyai fikiran yang luas dan dalam, dan mempunyai apa yang saya katakan, mata hati yang terlatih.

Berkenaan dengan membuat keputusan di dalam perkhidmatan saudara, adalah penting saudara tidak ragu-ragu dan segan membuatnya. Sebenarnya, boleh dianggap satu dosa yang besar sekiranya saudara tidak membuat keputusan yang tegas apabila dikehendaki. Barangkali saudara akan membuat satu

keputusan yang salah,, dan ini jangankah dikhuatirkan kerana barang yang salah biasanya boleh dipertukarkan. Tetapi tidak membuat keputusan langsung adalah satu pembuatan bumtu. Ini merupakan satu kecelakaan dan kehancuran semua hasrat yang mumi.

Untuk menggakhiri ceramah ini, saya berharap saudara akan berpendapat bahwa kursus ini ada memberi manfaat dan apabila pulang kelak ke tempat kerja masing-masing, saudara-saudara akan berasa lebih senang, dan dengan itu, akan merenggankan beban tuggas saudara..

Saya berdoa moga-mogga saudara akan berjaya di dalam segala usaha dan jugga berjaya di dalam kemajuan pembangunan saudara yang akan saya perhatikan dengan minat..

Wakaum Setiausaha Tetap. Kementerian Luar Negeri. mengenai pembukaan Kursus Latihan Permulaan yang ke 28. di Dewan Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan. Petaling Jaya pada 24hb. Mac. 19669. jam 10.00 pagi.

KE ARAH MASYARAKAT YANG BERHALUAN

Apabila keadaan dharurat diisytiharkan pada 14hb Mei, Tun Abdul Razak, sebagai Pengarah Gerakan, telah diberi tiga tugas. Pertamanya, beliau hendaklah memulihkan keamanan. Tugas ini sedang dijalankan bersama oleh Ketua Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara. Kedua, Tun Abdul Razak juga hendaklah menentukan supaya pemerintahan akan berjalan dengan licin. Perkara ini dilaksanakan oleh Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsudin, iaitu seorang Ahli Majlis Gerakan Negara yang bertanggungjawab untuk memperbaiki pentadbiran, dan sekiranya dikehendaki, , dia akan mencadangkan undang-undang atau peraturan baharu untuk mengisi maksud itu. Tugas ketiga, Tun Abdul Razak telah diberi tanggungjawab di dalam soal memulihkan semula perasaan berbaik-baik di antara semua kaum dan rakyat di dalam negeri ini. Maka, dengan yang ketiga inilah beliau beberapa hari dahulu telah mengisytiharkan bahawa satu pejabat yang digelar Pejabat Perpaduan Rakyat sedang dibentuk di bawah jagaan beliau sendiri. Tun Abdul Razak telah memerintahkan saya untuk mencari ikhtiar dan membuat satu rancangan supaya pejabat ini boleh mengisi maksud-maksudnya dengan sempurna, iaitu memulihkan semula perpaduan rakyat yang terjamin akan kekal selama-lamanya.

Pejabat ini sudahlah dibentuk dan sekarang sedia untuk bertugas.

Apakah pejabat ini dan apakah tanggungjawabnya? Bagaimanakah caranya ia menjalankan tugasnya? Dan apakah maksud-maksudnya dan apakah sebabnya yang kita mesti mengadakan Pejabat ini? Saya rasa ada baiknya jikalau saya mulakan huraian yang dikehendaki itu dengan cara menge-

nangkan semula apa yang telah jadi pada petang 13hb Mei, iaitu satu peristiwa yang membawa negara kita hampir terjahanam. Kita telah hampir sampai ke tepi tebing gaung dan nyaris lagi tergelincir ke dalamnya Syukur Alhamdulilah kita terselamat.

Semenjak hari itu negara kita sudah mulai mengkaji semula keadaannya dan bertanya apakah salah kita ini, dan apakah haluan kita dari sekarang dan bagaimanakah kita boleh hidup sebagai satu negara, dan apakah rampai-rampaian yang mesti kita pakai supaya kita bukan sahaja hidup tetapi berkemajuan. Macam manakah kita boleh menentukan pada masa hadapan supaya rakyat yang miskin dan yang tidak berada boleh diangkat daripada keadaan mereka itu dan memberi kepadanya harapan dan cita-cita baharu buat masa hadapan? Bagaimanakah pula kita mesti menentukan keselamatan tiap-tiap rakyat dan hartabenda mereka serta juga hak mereka mencari penghidupan supaya tiap-tiap rakyat itu tidak ketinggalan dan mendapat tempat di Malaysia ini, sama ada ia si peladang atau pedagang, guru atau buruh, thabib atau nelayan? Dan apakah yang kita mesti buat supaya perasaan masing-masing diantara kaum itu tidak tersinggung, dan juga segala apa langkah yang dibuat oleh Kerajaan akan memperkuatkan lagi perpaduan rakyat, dan bagaimanakah caranya yang kita mesti menyatukan taat setia yang berbelah-bagi, supaya bulat perpaduan kepada taat setia yang besar iaitu terhadap ibu-pertiwi Malaysia?

Saya rasa kita semua sedar bahawa negara kita pada masa sekarang sedang diuji. Peristiwa 13hb Mei itu telah membuktikan dengan jelasnya segala kesulitan dan juga tanggungjawab kita pada masa hadapan. Kita insaf bahawa satu masyarakat yang bersatu-padu itu hanya boleh dibina dengan memakan masa yang panjang. Ini satu perkara yang tidak boleh kita elakkan. Insya Allah kita akan bina satu masyarakat yang baharu, dan kita tidak boleh lagi hanyut dengan tidak berhaluan bekerja dan berfikir dengan cara 'ad hoc', dan menudungkan segala soal-soal yang rumit dengan berharap bahawa soal-soal ini akan hilang dengan sendirinya. Pada masa sekarang setapak demi setapak yang dimajukan oleh rakyat Malaysia hendaklah dijalankan dengan cukup faham bahawa negara kita ini mempunyai sejarah latar-belakang dan kenyataan politik dan kesulitannya yang tertentu, dan segala langkah-langkah serta

rancangan ini hendaklah diambil dengan hanya satu tujuan iaitu perpaduan rakyat.

Negara kita Malaysia ini mengandungi berbagai rupa bangsa yang mempunyai berbagai nilai kebudayaan dan ekonomi yang kadang-kala bertentangan. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan adanya beberapa persamaan kumpulan-kumpulan ekonomi dengan kaum yang tertentu dan ditambah pula dengan gulungan yang lebih tua. Perbedaan yang besar ini telah merumitkan perancangan dan pelaksanaan sebarang rancangan di negara ini. Ini adalah kenyataan yang ujud pada masa ini, dan demi kepentingan perpaduan rakyat, semua dasar dan rancangan mestilah dibuat, agar dengan itu, dapat mengurangkan bibit-bibit pertentangan di antara pelbagai kumpulan dan kaum, dan dengan ini dapat mengendurkan ketegangan politik yang ada sekarang.

Oleh yang demikian, semua rancangan dan tindakan kerajaan mestilah ditujukan ke arah mencapai perpaduan yang lebih berkesan — perpaduan di antara golongan muda dan golongan tua, perpaduan di antara kaum-kaum — perpaduan di dalam kumpulan masyarakat. Umpamanya, dalam mengadakan rancangan-rancangan ekonomi dan rancangan-rancangan tanah, matlamatnya mestilah melebihi daripada hanya perkembangan ekonomi dan penambahan peringkat pengeluaran sahaja. Demikian juga dalam meninggikan taraf hidup peladang-peladang di luar bandar, tanpa mengira kaum dan dalam menghapuskan perbedaan di antara golongan-golongan yang berada dan yang tidak berada, perhatian mestilah diambil supaya rancangan yang sesuai diadakan juga untuk anak-anak mereka kerana kepada merekalah bergantungnya masa hadapan kita. Perhatian mestilah diambil juga bagi merobohkan tembok-tembok yang memisahkan masyarakat kampung dengan masyarakat bandar. Seterusnya rancangan-rancangan pelajaran mestilah bertujuan lebih daripada hanya mengadakan sekolah-sekolah. Dengan penuh kesedaran dan keazaman rancangan-rancangan tersebut mestilah mencuba mengadakan pendidikan yang akan menggalakkan perpaduan yang lebih erat di antara pelbagai kaum, dan juga yang bertujuan untuk menanamkan semangat di kalangan yang masih muda ini agar mereka akan

mempunyai keazaman untuk menjadikan negeri ini suatu tempat yang lebih baik.

Bagi masyarakat bandar rancangan-rancangan yang sesuai mestilah diadakan dan dilaksanakan. Rancangan-rancangan ini mestilah dibuat dengan penuh kesedaran bahawa masalah pengangguran bukanlah khas untuk sesuatu kaum yang tertentu sahaja. Dalam masa-masa yang lampau manakala rancangan-rancangan pembangunan dikaji dengan telitinya dari segi implikasi ekonomi oleh Jabatan Perancangan Ekonomi, dari segi kewangan oleh Perbendaharaan, dan dari segi pentadbiran oleh D.A.U., maka tidaklah pernah ada Badan yang sesuai untuk mengkaji rancangan-rancangan itu dari segi Perpaduan Rakyat dan penyatuan sosial.

Matlamat terbesar yang terpaksa dicapai oleh Malaysia ialah Perpaduan Rakyat. Dengan tiadanya perpaduan ini tiadalah mungkin sebarang gerakan ekonomi, sosial, kebudayaan atau politik yang boleh berkembang dengan suburnya. Oleh yang demikian semua dasar dan tindakan mestilah dilaksanakan dengan tujuan untuk mencapai matlamat ini supaya perpaduan, bukan saja dapat diujudkan tetapi juga diperkuatkan dan diperkembangkan, dan dengan itu, akan terjalinlah perpaduan tujuan untuk masa hadapan negara ini.

Oleh yang demikian tidak boleh tidak negara ini mestilah diberi semangat baharu supaya ia mempunyai satu pandangan baharu terhadap masa hadapannya, satu pendapat baharu terhadap cara hidup yang berasaskan satu penghargaan baru terhadap nilai-nilainya. Malaysia mestilah mengorak langkah baharu dan mesti melaksanakannya dengan penuh ketabahan, bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang radikal dalam • percubaan-percubaan sosial yang menyangkut-paut tentang kebajikan, keadilan sosial dan akhlak. Dengan jalan ini ia mengujudkan 'image' sebuah Malaysia baharu yang betul-betul bercorak Malaysia yang mempunyai sifat-sifat pribadi yang tersendiri, dan bukan satu ajuk-ajukan atau tiruan dari Britain, Amerika Syarikat, Australia, mahu pun Singapura atau pun Indonesia.

Tugas-tugas Perpaduan Rakyat ialah untuk menasihatkan Kerajaan dalam kerja-kerja dan rancangan-rancangan bagi

menggalakkan perpaduan rakyat. Kemahuan yang ikhlas dan keazaman Tun Abdul Razak untuk membuat percubaan baru terhadap penyelesaian masalah-masalah inilah yang telah mendorong beliau untuk menubuhkan Jabatan Perpaduan Rakyat ini.

Sekarang saya ingin memberi penerangan mengenai ciri Jabatan ini.

Jabatan ini akan mempunyai dua bahagian, iaitu Bahagian Penyelidikan dan Bahagian gerakan. Penyelidikan asas dalam hubungan kaum akan dilakukan di tempat lain, umpamanya di Universiti Malaya. Ini adalah paling mustahak bukan sahaja penyelidikan ilmu pengetahuan semata-mata untuk ilmu pengetahuan tetapi juga untuk melengkapkan Jabatan ini dengan data-data yang basik yang akan digunakan di dalam penyelidikan seterusnya. Jabatan ini akan membuat penilaian terhadap rancangan-rancangan baru ekonomi dan sosial dan juga rancangan-rancangan lain seterusnya. Jabatan ini akan mengkaji soal-soal ini dalam hubungannya mengenai penyatuan sosial dan perpaduan rakyat. Penyelidikan akan dilakukan untuk mengetahui kepentingan dan cita-cita ekonomi dan sosial tiap-tiap kumpulan masyarakat. Penyelidikan akan dilakukan juga mengenai faktor-faktor kebudayaan yang memupuk atau menghalang perkembangan ekonomi dan perpaduan rakyat. Jabatan ini akan mengkaji perhubungan dan pergaulan di antara pelbagai kaum, umpamanya bagaimana orang-orang China dan orang-orang Melayu bergaul antara satu sama lain.

Jabatan ini, yang sebahagian daripada kakitangannya akan terdiri daripada orang-orang yang mendapat latihan khas di dalam 'methodology' dan sains masyarakat, akan menjadi jentera 'pemikiran' untuk memberikan daya utama pendapat-pendapat baru dan tindakan-tindakan untuk mencapai matlamat negara, dan juga untuk mengumpul dan membandingkan butir-butir mengenai rancangan Kerajaan. Dalam menjalankan tugas-tugasnya jabatan ini akan dibantu oleh beberapa jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diantara lain, menimbangkan pendapat-pendapat mengenai perkara-perkara tertentu yang ditugaskan kepada jawatankuasa tersebut. Mereka-mereka yang mempunyai semangat muhibbah dari semua bangsa dan lapisan masyarakat

dan pekerjaan akan diundang untuk memberi buah fikiran mereka kepada jabatan ini. Jabatan ini akan memberi dan membuat dasar sebagai panduan kepada kementerian-kementerian dalam menggubal rancangan-rancangan mereka berhubungan dengan pembangunan negara, terutama sekali apakala rancangan-rancangan tersebut bertentangan dengan kepentingan sesuatu kumpulan dalam masyarakat. Jabatan ini juga akan menasihat dan memandu saluran-saluran penerangan agar orang ramai mengetahui dan memahami tindakan-tindakan yang dirancangkan dan dilakukan oleh kerajaan dan memberi gambaran yang dinamis terhadap masa depan.

Jabatan ini bertujuan untuk memberi galakan dan dorongan terhadap kemajuan dengan mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah supaya tidak ada rancangan diketepikan hanya kerana rancangan tersebut terlalu rumit. Kemajuan yang dibuat mestilah dinamis. Untuk mencapai kejayaan dalam percubaan untuk mengembalikan perpaduan rakyat supaya lebih terjamin maka adalah baik sekiranya Pengarah Pergerakan mengadakan, untuk kegunaannya sendiri satu darjah ukuran yang tertentu. Segala aspek berhubung dengan keharmonian kaum dan pembangunan negara agar dasar-dasar rancangan-rancangan dan tindakan berjalan dengan lancar hendaklah sentiasa dibandingkan dengan ukuran tersebut.

Darjah ukuran ini, atau lebih tepat lagi, prinsip-prinsip dan norma-norma yang boleh digunakan untuk mengukur dan menilai rancangan-rancangan dan tindakan-tindakan dan kuasa penggerak untuk kejayaan akan hanya diperolehi jika sekiranya ada Ideology Negara yang jelas, meliputi semua golongan kaum, keagamaan, kebudayaan, kelas dan parti politik.

Adalah satu daripada tugas utama Jabatan ini untuk membantu Tun Abdul Razak secara sistematik dengan membentuk **Rukunegara** berdasarkan Perlembagaan Malaysia yang terang-terang mencerminkan cara hidup di Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab jabatan ini bagi menentukan semua dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan agar selaras dengan **Rukunegara** dan dengan demikian menggalakkan perpaduan rakyat. Bolehlah dikatakan Jabatan ini menjadi sebagai makmal di mana penyelidikan dijalankan untuk menentukan pelaksanaan **Rukunegara.**

Dalam perkembangan dan sejarahnya, Malaysia sekarang perlu sekali menjelaskan **Rukunegaranya** yang boleh diterima oleh semua, dan disokong oleh semua serta yang mencerminkan pendapat ramai. Dan **Rukunegara** ini hendaklah memuaskan semua makhluk yang benar-benar menumpahkan taat setia mereka kepada Malaysia agar mencapai kehidupan yang aman damai, harmoni dan maju.

Rukunegara akan menjadi asas perpaduan rakyat. Hanya apabila dasar-dasar berpandu kepada prinsip-prinsip, darjah-darjah dan norma yang diperolehi daripada **Rukunegara** bahrulah boleh tercapai matlamat untuk memberi kepuasan rohani dan untuk menghapuskan pertentangan golongan. Ini bukanlah sahaja digunakan untuk dasar kerajaan tetapi dilaksanakan oleh semua tindakan dan rancangan rakyat, segala badan dalam negara supaya negara mencapai kemajuan yang bermakna.

Rukunegara itu semestinya cukup luas agar tiap-tiap golongan masyarakat yang terpencil dan mempunyai pandangan hidup yang sempit dapat diangkat, dan agar seluruh tenaga dan kebolehan mereka dapat digembelengkan kembali untuk mencapai matlamat hidup yang lebih bermakna.

Zaman kita sekarang adalah penting, sukar dan merbahaya. Peristiwa 13hb Mei telah menghadapkan kita kepada persoalan yang basik meliputi seluruh gerak-geri negara. Masa hadapan kita bergantung kepada rumusan-rumusan yang dibuat akibat kejadian tersebut. Walau bagaimana pun marilah kita anggap kejadian tersebut sebagai suatu alamat menunjukkan adanya beberapa kekurangan dan penyakit dalam sistem politik negara kita. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua sekarang untuk mencari sebab-sebabnya dan mendapatkan ubatnya yang sesuai. Janganlah kita lemah semangat dan mempunyai pandangan yang negatif. Di dalam menjalankan tugas berat yang kita hadapi sekarang kita mesti sentiasa insaf terhadap kenyataan-kenyataan yang ada, tetapi disamping itu juga kita sekali-kali mesti jangan melupakan matlamat untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatupadu, berbilang bangsa dan dinamis. Biarlah hasil usaha-usaha ini menjadi suatu pusaka yang menguntungkan kepada anak cucu kita. Marilah kita mewujudkan untuk kita semua sebuah masyarakat yang berhaluan, yang mara ke hadapan

mengikuti satu jalan baharu yang dirintis dengan penuh kesedaran, dan mempunyai satu semangat serta azam baharu.

Sebagai satu masyarakat yang berhaluan kita akan berusaha bukan semata-mata untuk hidup. Marilah kita bersama-sama berusaha perpandukan **Rukunegara** untuk mara ke arah yang cemerlang.

Ucapan ini telah disiarkan melalui Radio Malaysia, pada 17hb. Julai, 1969, jam 5.20 petang.

PEMIMPINAN DAN MASYARAKAT YANG BERHALUAN

Setiap genarasi pasti akan menemui saat kematangan politiknya. Bagi generasi saya, saat kematangan ini ialah di zaman pendudukan Jepun. Di masa itulah kami telah memutuskan bahawa negara kita tidak lagi boleh menjadi anak catur politik antarabangsa, dikotak-katekkan oleh kuasa-kuasa kolonial untuk kepentingan mereka. Sejak itulah benih kesedaran mulai bertumbuh di hati sanubari kami dan hidup segar serta berbuah dengan tercapainya kemerdekaan pada 1957. Bagi generasi saudara-saudara, tarikh 13 Mei, 1969 adalah saat kematangan politik saudara-saudara. Dan ini bermakna kita semuanya bersama dewasa dan matang dalam artikata politik.

Buat saudara-saudara, dan sebenarnya kepada sesiapa jua yang mempunyai tanggungjawab politik, peristiwa-peristiwa pada hari yang bersejarah itu merupakan batutanda yang tidak dapat diganjak atau diubah. Ketegangan dan kecemasan yang timbul dari peristiwa itu telah beransur hilang tetapi kita tidak boleh menoleh ke belakang lagi. Kita tidak boleh lagi kembali kepada masa atau keadaan lama, iaitu dengan hanya berharap atau berpura-pura atau dengan menepikan barang suatu yang tidak enak atau yang merupakan kesulitan, kerana kita berfikir bahawa masalah itu akan luput, atau akan selesai dengan sendirinya.

Kita semua tahu bahawa negara kita pada hari ini menghadapi satu cabaran yang besar. Tetapi saya ingin saudara-saudara mengambil ingatan bahawa saat yang genting itu merupakan saat yang merbahaya tetapi juga adalah saat yang penuh cabaran. Jika kita lemah semangat atau pengecut, bahaya itu akan menjahanamkan kita. Jika kita terlalu ghairah tetapi

sempit pandangan, kita hanya akan mendapat kemenangan yang khayal semata-mata. Tetapi jika kita mempunyai ketabahan dan keberanian, kita semestinya menyambar peluang keemasan dari saat genting ini bagi mencipta suatu masyarakat yang benar-benar mempunyai haluan yang merupakan satu cendera-mata untuk cucu-cicit kita yang akan datang. Kita hendaklah menerima cabaran zaman, bukan semata-mata dalam bentuk gerak-geri, bukan dengan cara kempen atau berbisik-bisik, bukan dengan cara omong kosong di kedai kopi, tetapi mengambil tindakan yang bertujuan dan membina dengan satu matlamat yang jelas yang semestinya realistik dan baik serta menghadapinya dengan keberanian, kegagahan dan lebih-lebih pula dengan segala kebijaksanaan yang ada pada kita.

Pada kesempatan ini, saya suka memberikan sedikit buah fikiran di atas perkara pemimpinan yang merupakan thema perbincangan saudara-saudara. Saya percaya saudara-saudara telah membincangkan persoalan itu dengan mendalam bersama dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dewasa ini. Saya tahu saudara-saudara cukup berani dan sedia berkorban, tetapi pada fikiran saya, itu sahaja tidaklah memadai. Saya tahu jua saudara-saudara cukup gagah dan boleh menggerakkan satu gerakan raksaksa, tetapi pada saya, itu pun tidak akan memadai. Saya ingin menegaskan kegagahan disamping keberanian sahaja tidak akan mencukupi. Pada saat ini marilah kita bertanya diri kita sendiri, adakah kita berani menghadapi kebenaran? Adakah kita mempunyai kekuatan tenaga untuk menghadapi cabaran jangka panjang? Lebih-lebih lagi, adakah kita mempunyai kebijaksanaan yang lahir daripada keyakinan dan kesanggupan untuk mencipta satu bangsa bagi negara kita yang makmur dan kekal abadi?

Dalam membincangkan soal pemimpinan, adalah jelas kita tidak berhajat untuk membincangkannya dari segi akademik atau cerakinan kaji-masyarakat mengenai corak-corak pemimpinan. Pemimpinan itu sayugianya bersangkut dengan zamannya dan tempat yang tertentu dalam lingkungan mana ia bergerak. Kita tidak boleh melupakan latar-belakangnya kalau perbincangan itu hendak mencapai sesuatu yang berguna. Pemimpinan yang dikehendaki menggerakkan tenaga untuk melawan

penjajahan itu ternyata tidak mempunyai sifat-sifat yang membina untuk membangun negara. Banyak contoh-contoh yang kita perolehi dan tak payahlah saya menunjukkan mana satu. Mereka-mereka itu adalah pemimpin-pemimpin yang dinamik tetapi semangat dinamik yang menggerakkan tenaga menentang kuasa penjajah, nyata tidak sesuai untuk menghurai-kan masalah-masalah yang dihadapi negaranya pada masa-masa yang kemudian, iaitu mengerahkan tenaga rakyat untuk membina semula ekonomi dan membangun negara. Bahkan mereka itu bukan dinamik lagi tetapi merupakan 'dynamite' yang menjahanamkan negaranya sendiri. Jurutera-jurutera peroboh benteng kolonial seperti Dr. Soekarno tidak boleh menjadi jurutera-jurutera pembina yang baik. Tetapi ada juga pengecualian dalam hal ini, umpamanya Malaysia atau Singapura, yang telah mencapai kemerdekaan merobohkan benteng kolonial dengan cara revolusi, bukan dengan cara kekerasan tetapi dengan 'evolusi' secara damai. Pemimpinan di dalam negara-negara begitu biasanya dapat melentur pendirian mereka secara pragmatik dan mensesuaikan diri dengan keadaan untuk membuat rancangan-rancangan yang mempunyai matlamat serta bersifat membina.

Oleh yang demikian, janganlah kita lupa bahawa seorang yang sebenar-benar pemimpin itu berada di dalam satu-satu keadaan dan suasana yang tertentu, dan oleh itu kita tidak boleh mencipta sesuatu konsep mutlak tentang pemimpinan yang dinamik. Sekiranya kita berbuat demikian, kita akan membuat satu perhitungan yang salah yang mungkin membawa kita kepada satu keputusan yang salah pula.

Di Malaysia ini kita hendaklah sentiasa ingat tentang corak masyarakat kita. Sifat-sifat yang perlu bagi seorang pemimpin untuk memenuhi kehendak-kehendak masyarakat kita sudah pasti jauh bezanya dan lebih sukar dari sifat-sifat yang diperlukan di dalam masyarakat yang sama sejenis (homoge-neous), yang mempunyai sejarah yang sama, serta menganggap diri mereka satu. Dalam masyarakat yang seperti itu, memadailah kalau pemimpinan menyedari tanggungjawab untuk memajukan negaranya.

Sifat seumpama ini tidak mencukupi dalam masyarakat kita. Pemimpinan kita bukan sahaja harus menentukan supaya

negara kita mencapai kemajuan dalam semua bidang seperti politik, ekonomi, kemasyarakatan dan kebudayaan, bahkan ia harus juga menentukan perpaduan seluruh bangsa supaya tiap-tiap kaum dalam negara ini dapat menikmati dan berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai itu.

Saya ingin memberi satu contoh lagi. Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pemimpin untuk memajukan potensi yang ada, dari semua unsur yang terdapat dalam masyarakat itu, menggunakan semua bakat dan sumber yang terdapat sepenuh-penuhnya. Untuk berbuat demikian sahaja pun sudah tentu sukar. Tetapi tugas ini menjadi bertambah sukar lagi dalam masyarakat seperti Malaysia. Sambil memberikan kebebasan yang penuh kepada kaum-kaum yang ada untuk memajukan potensi mereka sepenuhnya, para pemimpin mestilah pula mengelakkan keadaan supaya jangan ada sesuatu kaum menaruh perasaan dendam dan iri hati kerana ketinggalan dalam pembangunan negara. Oleh yang demikian, dalam menjalankan satu rancangan pembangunan luar bandar yang dinamis umpamanya, pemimpin kita seharusnya menentukan supaya tidak timbul perasaan syak wasangka di antara penduduk-penduduk bandar bahwa mereka seolah-olah telah diketepikan. Begitu juga dalam usaha-usaha untuk memajukan sektor perdagangan, hendaklah ditentukan supaya tiap-tiap kaum mendapat bahagian masing-masing dan tidak ketinggalan di belakang. Dia seharusnya bijaksana dan pintar dalam perancangan supaya tidak timbul gejala-gejala buruk dari mana-mana pihak jua.

Pemimpinan kita hendaklah memahami landasan politik negara ini, iaitu berlandaskan **kebumiputraan** dan serentak itu jua, hendaklah mengakui serta mematuhi norma-norma dan nilai-nilai yang dijunjung tinggi oleh umum iaitu ideoloji negara atau **Rukunegara.** Pemimpinan Malaysia yang benar-benar dinamik ialah mereka yang pertamanya mengenal dirinya dan hakikatnya sendiri dalam pengertian warisan dan darahnya, dan kemudian dapat menekan atau melenyapkan dirinya tanpa menghilangkan kepribadiannya dalam peranan perkhidmatan terhadap nilai-nilai dan tujuan-tujuan suci. **Rukunegara** semestinya melingkungi kepribadiannya sendiri. Dalam keadaan kita di Malaysia, pemimpinan yang dinamik adalah bererti

sesuatu yang berbeza sama sekali daripada pemimpinan masyarakat lain. Pemimpinan kita adalah berbeza daripada yang di Indonesia. Tentu sekali ia berbeza daripada pemimpinan Singapura.

Seperti yang ternyata tadi, masalah-masalah yang dihadapi oleh pemimpinan di Malaysia adalah amat sukar. Ia memerlukan bukan sahaja penilaian intelektual mengenai masalah-masalah yang terlibat tetapi juga fahaman tentang beberapa perkara yang hanya boleh dilakukan oleh seorang tokoh yang betul-betul mempunyai fihrasat yang terlatih atau 'trained intuition'. Tidak payahlah saya sebutkan lagi bagaimana pentingnya peranan intelektual di sisi politik negara kita. Sebagai intelektual, peranan saudara-saudara mithalnya, akan mendalamkan dan menjelaskan lagi pendapat-pendapat yang akan menguntungkan politik di negara ini. Benarkanlah saya memberi satu pandangan. **Di Malaysia seorang pemimpin bukan sahaja dikehendaki lebih dari pandai, lebih dari berani dan lebih dari kuat — dia memerlukan semua sekali sifat-sifat tadi dan lebih-lebih lagi, dia haruslah seorang yang bijaksana.**

Peristiwa 13 Mei telah menggegarkan seluruh negeri ini. Dan ini telah menimbulkan ketegangan dan kecemasan. Tetapi kita mesti tegas. Kita harus menganggap peristiwa itu sebagai satu amaran yang menyatakan bahawa sesuatu yang tidak betul telah berlaku berkenaan dengan politik negara ini, seperti satu regutan di tubuh manusia yang memberi amaran untuk berhenti rehat seketika, dan berhati-hati untuk mencari penyakitnya supaya dapat diubati. Seorang yang terkena regutan jantung mungkin diberitahu oleh doktornya bahawa 'cholestrol' darah-nya terlampau tinggi; dia telah memakan makanan yang salah dan dia tidak menjaga badannya hingga menjadi gemuk dan lembek. Beliau akan dinasihatkan supaya berhati-hati mengikut segala yang dipantangkan tentang makanannya dan selalu bersenam untuk menjaga badan dan kesihatannya. Begitulah juga keadaan tubuh negara kita keseluruhnya telah merasa satu regutan pada 13 Mei yang lalu. Tugas kita sekarang ialah untuk menyelidiki apa yang salah dan mencarikan ubatnya, dan apa yang harus kita buat untuk memulihkan kesehatan dan tata tertib kita supaya tidak terkena regutan itu sekali lagi.

Dalam menyiasat sebab dan ubat untuk membaiki keadaan

masyarakat kita, marilah kita sama-sama berlagak sebagai seorang doktor. Seorang doktor bedah, sebelum melakukan pembedahan akan membasuh tangannya dengan cermat supaya tidak membawa kuman-kuman. Begitu juga kita harus mencari di mana letaknya kesalahan masyarakat kita dengan mencari kekotoran di badan kita sendiri dan membersihkannya. Ini harus dilakukan oleh semua orang baik dengan cara bersendirian atau pun berkauman. Sekiranya revolusi bermakna perubahan, marilah kita sama-sama memulakan perubahan itu dengan mengubah diri kita sendiri sebelum kita hendak mengubah atau membaiki orang lain. Kita mesti berani menghadapi perubahan atau revolusi yang seperti ini — iaitu, revolusi yang tidak mengambil nyawa sesama manusia tetapi yang menyemaikan bibit-bibit fikiran-fikiran baru yang akan mengubah hati nurani manusia.

Salah-menyalah atautuduh-menuduh orang lain itu sangatlah mudah tetapi ini ialah satu keinginan buruk yang kita mesti lawan. Kita mesti jangan cuba mencari jalan senang untuk melepaskan tanggungjawab. Kita mesti jangan kata-mengata atau dendam-mendendam — kita jaga supaya kita tidak terpesung oleh masalah-masalah yang sebenarnya bukan masalah.

Tiap-tiap **Bumiputra** mesti menyelam lubuk hatinya sendiri dan cuba mencari sebab-sebab mengapa orang mendatang sangat-sangat membantah terhadap Fasal 153 dalam Perlembagaan mengenai kedudukan istimewa **Bumiputra-bumiputra** di negara ini. Mungkin ada yang tidak adil dalam perlaksanaan Fasal tersebut, umpamanya, apabila biasiswa diberi kepada, katalah anak Menteri Besar dan tidak kepada anak petani yang lebeh patut menerimanya. Mungkin, jikakalau kita boleh memperbetulkan kesalahan-kesalahan kita sendiri seumpama itu, orang-orang yang bukan **Bumiputra** akan faham dengan lebih terang lagi mengapa adalah salah bagi mereka menggugat Fasal 153 itu sendiri. **Bumiputra** dan juga orang-orang lain bersama-sama akan mengutuk penyalahgunaan atau salah pelaksanaan Fasal 153 itu di masa hadapan. Kita mesti menghadapi masalah seumpama ini dengan berterus terang. Dari segi politik, kita semua sudah matang sekarang dan bukan lagi anak-anak muda yang panas darah yang tidak bertanggung-

jawab. Kita mesti mempunyai fikiran yang waras supaya kita dapat melihat dengan hati yang tabah dan jujur segala masalah-masalah yang benar-benar ujud dan mencari penyelesaian-penyelesaian yang sewajarnya.

Ringkasnya, kita boleh membahagikan kesulitan yang kita hadapi sekarang kepada dua bahagian, ia-itu, masalah-masalah jangka pendek dan masalah-masalah jangka panjang. Masalah jangka pendek iaitu mengenai keadaan yang ada sekarang adalah lebih senang. Walau bagaimana pun, masalah-masalah itu tidak boleh diketepikan. Kita mesti menjamin keadaan sekarang kerana sekiranya masa sekarang tidak cerah bahkan redup, masa hadapan tentulah gelap sama sekali. Masalahnya sekarang ialah masalah untuk menjamin keamanan dan nyawa, serta juga harta benda semua orang di dalam negara ini. Tiap-tiap orang mesti diberi jaminan iaitu sekiranya ia menghormati undang-undang ia akan terselamat daripada diganggu oleh sesiapa pun. Benarkanlah saya menegaskan bahawa tiada sesuatu kaum di dalam negara ini yang berada di luar undang-undang. Saya percaya kita dapat memulihkan perasaan rakyat yang sekarang makin hari, makin merasa lebih selamat.

Masalah jangka panjang adalah lebih rumit. Ini ialah mengenai masalah mewujudkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar berhaluan, bertekad dan yang mempunyai **Ruku-negaranya** sendiri. Saya tidak ragu-ragu dan berani mengatakan bahawa Tun Abdul Razak, sebagai Pengarah Gerakan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara, disamping memahami keperluan untuk membangun ekonomi orang-orang bukan **Bumiputra,** adalah juga insaf bahawa pembangunan ekonomi dan sosial **Bumiputra** sebagai satu kaum adalah merupakan asas penting dalam segala usaha untuk membena sebuah negara Malaysia yang bersatu-padu. Pemimpinan akan terpaksa menyediakan rancangan yang sedemikian rupa supaya masalah-masalah itu diselesaikan pada keseluruhannya mengikut dasar-dasar ekonomi dan sosial, dan hasilnya akan sama-sama memuaskan hati **Bumiputra** dan juga yang bukan **Bumiputra.**

Semua orang di dalam negara ini hendaklah faham bahawa orang Melayu, Iban, Kadazan, Orang Asli dan **Bumiputra-bumiputra** yang lain sangat cemas dan khuatir atas masa

hadapan mereka. Orang-orang mendatang mungkin pada masa ini merasa bimbang mengenai keselamatan diri, keselamatan wang ringgit mereka, tetapi masalah ini, sebagaimana telah saya katakan, adalah lebih senang jika dibandingkan dengan masalah jangka panjang itu. **Sebaliknya pula, Bumiputra merasa bimbang terhadap masa yang akan datang: dimanakah mereka akan berada dalam masa 10 tahun, 20 tahun dari sekarang? Di dalam kawasan-kawasan simpanan untuk orang Melayu? Balik kampung tanam jagung? Apakah jaminan bagi mereka pada masa itu? Apakah bahagian ekonomi negara ini yang dapat mereka nikmati? Apakah untung nasib anak cucu mereka? Ini adalah masalah-masalah yang lebih besar untuk dihuraikan, dan ini kita mesti huraikan.**

Kita lihat negara-negara lain di mana kaum-kaum minoriti boleh mengancam keamanan kerana mereka tidak puashati dengan sesuatu. Nyatalah negara kita ini senantiasa terdedah kepada bahaya seumpama itu, dan bahaya itu adalah lebih besar sekiranya setengah daripada penduduk-penduduknya dzaif dan tidak puas hati dengan keadaan yang ada. Apa juga tindakan yang mereka ambil tidak akan merugikan mereka. Kegagalan di dalam menyelesaikan kesulitan ini sudah tentu akan menimbulkan bahaya besar terhadap nyawa dan harta benda semua penduduk negara ini: sesungguhnya kehidupan rakyat negara ini akan terancam.

Dalam langkah-langkah kita untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, saudara-saudara sekalian adalah cukup layak untuk memainkan peranan kerana saudara-saudara boleh tolong menentukan, menyukat dan menyuarakan keraguan, kebimbangan dan harapan **Bumiputra** yang kurang bernasib baik, serta mengemukakan cara-cara untuk menyelesaikan kesulitan mereka tanpa melupakan bahawa bukan semua **Bumiputra** dzaif dan bukan semua orang-orang yang bukan **Bumiputra** orang berada.

Dalam berbuat demikian, mestilah kita ingat bahawa kita hendaklah menyatakan sesuatu dengan tegas dan tepat. Bila mengemukakan rumusan, kita mestilah bertanya adakah satu-satu rancangan itu akan menolong membaiki keadaan **Bumiputra** dan dengan itu membantu ke arah mencapai perpaduan negara, atau adakah ini hanya isyarat untuk memberi

puas hati sementara saja? 'Pemimpinan Maiaysia Baharu' mestilah mempastikan bahawa rancangan-rancangannya pada keseluruhannya akan menatang tinggi masyarakat kita seluruh-nya supaya terhindar daripada ketegangan dari satu masa ke satu masa.

Bila bercakap berkenaan dengan perpaduan negara kepada orang-orang bukan Melayu yang setengah-setengahnya terdiri daripada puak professional dan juga penuntut-penuntut universiti, saya sering bertanya mereka bolehkah mereka bertutur dalam Bahasa Malaysia? Saya bukan maksudkan ini hanya untuk membeli ikan atau buah-buahan di pasar, atau untuk memulakan perkenalan dan kemudian cepat-cepat balik tukar bercakap dalam bahasa Inggeris. Yang saya maksudkan ini ialah mengunakan Bahasa Malaysia di dalam kerja sehari-hari dan juga dalam perbincangan. Tidak payah saya katakan betapa sedikitnya di antara mereka yang benar-benar mengakui mereka boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Dan ini sudah 12 tahun selepas merdeka. Tambahan pula, mereka ini datangnya daripada kumpulan yang dengan tegasnya menyata-kan ketaatan serta ikatan mereka kepada negara ini.

Apakah simbol persamaan mereka dengan negara ini, dengan cara hidup, sikap dan nilai-nilai negara ini? Tentulah orang-orang yang bukan **Bumiputra** ini tidak boleh mengatakan mereka tidak tahu atau mereka tidak ambil indah kepada sesuatu yang disanjung tinggi oleh tradisi-tradisi sejarah negara ini, dan disamping itu pula, mereka berharap diterima bulat-bulat sahaja apabila mereka menyatakan taat setia mereka kepada negara ini. Ini adalah salah satu daripada masalah-masalah yang awal-awal mesti dihuraikan sendiri oleh rakyat bukan **Bumiputra** sendiri.

Sebagaimana yang saudara-saudara tahu, Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan beberapa minggu yang lalu. Tertubuh-nya Jabatan itu adalah membuktikan pengakuan terhadap kesilapan-kesilapan kita pada masa lampau, dan juga keazaman untuk mengelakkan kesalahan yang seumpama itu berlaku lagi pada masa hadapan. Tugasnya adalah amat berat. Apakah dia perpaduan negara yang kita kehendaki itu? Perpaduan bukanlah sesuatu yang berdasarkan tolak ansur palsu semata-mata untuk melarikan tanggungjawab kerana masalah itu besar, atau kerana

kita takut menghadapi bahaya sementara, atau kerana kita hendak mengampu sesuatu golongan.

Sebagaimana yang pernah saya katakan beberapa tahun yang lalu, politik di negara ini selamanya dan semestinya terus berlandaskan kebumiputraan untuk satu jangka waktu lagi. Inilah hikmat keutuhan dan kemakmuran kita pada masa lampau dan ini merupakan hakikat politik yang tidak seorang pun boleh ketepikan begitu sahaja. Politik yang berlandaskan **kebumiputraan** ini bukanlah berpegang pada tolak ansur yang palsu atau paksaan tetapi dengan cara bekerjasama yang tulen dengan bangsa-bangsa lain dalam negara ini.

Tolak-ansur yang palsu tidak akan membawa kita ke mana pun. Sebaliknya, mungkin akan membawa kita balik kepada peristiwa 13 Mei. Cara tolak-ansur begitu membawa kepada sangkaan-sangkaan palsu yang menimbulkan rasa dendam di sisi pihak yang memberi, dan pihak yang menerima mungkin bersikap dapat betis mahukan peha pula. Cara begini tidak akan menyelesaikan satu-satu masalah, malah akan menyebabkan masalah negara bertambah rumit dan kusut. Begitu juga paksaan tidak akan membawa kita ke mana-mana, malah akan membawa pada tuntutan-tuntutan yang tidak perlu dan hanya menimbulkan perasaan marah dan dendam di sebabkan tekanan untuk menerima sesuatu keputusan. Pemimpinan itu tidak boleh dianggap dinamis sekiranya ia menjadi alat kezaliman atau keganasan.

Cara yang menghendaki kerjasama memanglah sukar sekali. Adalah amat senang sekali, tetapi alangkah besar merbahaya nya, sekiranya kita menangguhkan berbuat satu-satu keputusan, atau pun memesongkan pandangan rakyat daripada masalah yang sebenar. Alangkah senangnya kalau kita mempercayai bahawa keseluruhan masalah yang rumit itu dapat dihuraikan dengan satu cara yang mudah sahaja.

Untuk mendaki ke puncak gunung, misalnya, bukanlah dengan cara merentas jalan yang terus ke atas. Kita mesti menyiasat lebih dahulu di manakah letak kesukarannya, juga memikirkan apakah alat-alat perkakas yang ada pada kita itu memadai atau mesti ditambah, dan tidak pula melupakan kekuatan tenaga atau kelemahan anggota kumpulan yang hendak mendaki gunung tersebut. Sesudah semua perhitungan

ini dibuat barulah kita membuat rancangan mendaki gunung itu.

Lebih penting lagi, ialah pemimpinan yang akan membawa kita kepuncak gunung itu hendaklah bersatu haluan. Saya teringat kepada Hilary dan Tensing — dua orang manusia yang berlainan bangsa, warisan dan latar belakang. Bersama-sama mereka mendaki gunung yang tertinggi sekali di dunia, iaitu Gunong Everest. Yang seorang mengikatkan tubuhnya dengan tali berangkai badan dengan yang lain. Gunung yang begitu tinggi tidak langsung menjadi masalah kepada mereka, malah ia adalah hanya suatu kesukaran yang boleh diatasi. Tetapi, seketul batu yang kecil boleh jadi satu kesulitan di tangan seseorang kalau digunakan untuk menghentam orang lain, seperti cerita yang tertulis di dalam **Qisasul Ambia** mengenai dua orang anak Nabi Allah Adam, Abel dan Qabil.

Pendek kata, masalah timbul disebabkan oleh perhubungan yang salah di antara manusia dengan manusia. Pemimpinan yang bijaksana dan dinamis, dengan hikmat dan kuasanya dapat memperbetulkan perhubungan tersebut. Apa yang merupakan satu masalah pada masa ini akan hanya menjadi suatu kesukaran yang mungkin menggunung tingginya, tapi Insya Allah, tentu dapat diatasi.

Adalah menjadi tanggungjawab pemimpinan untuk membawa kita ke mercu gunung kesejahteraan. Pemimpinan tidak boleh merayu tapi memandu. Ia mesti menjadi **petulun** membangkitkan semagat ketaatan, kesetiaan dan juga perasaan berbakti dari setiap rakyat. Ia mestilah dapat mengembeleng tenaga seluruh negara dan memberikan haluan ke arah hasrat bersatu-padu dan tujuan bersama. Untuk memberi ilham, pemimpinan itu sendiri mestilah mendapat ilham. Inilah pemimpinan yang akan membawa kita mara ke hadapan — biar lambat tetapi selamat — menyusur curam untuk mencapai puncak kejayaan dalam membentuk bangsa dan negara yang harmonis, progresif dan dinamis.

Inilah pemimpinan yang akan menyediakan kita — semua rakyat Malaysia, tidak kira asal keturunan — untuk menghadapi cabaran zaman. Cabaran ini ialah sama ada kita akan berpuas hati hanya menjadi kerak masyarakat yang lapuk, atau adakah kita berazam menjadi pelopor Malaysia baru.

Ucapan di upacara penutup mesyuarat agung yang ke lapan PKPIM, di Maktab Perguruan, Lembah Pantai, pada hari Sabtu, 2hb. Ogos, 1969, jam 11.00 pagi.

RUKUNEGARA SEBAGAI PEMBENTUK MASYARAKAT MALAYSIA.

13 Mei 1969 menandakan tamatnya satu era dalam sejarah tanah air kita. Apa yang terjadi pada malam bersejarah itu dengan jelas membuktikan bahawa rakyat negara yang terdiri dari berbilang kaum tiba-tiba mendapati diri mereka ketiadaan satu tenaga pengikat yang boleh menyatupadukan mereka. Mereka berpecah dan akibatnya begitu padah.

Semasa memperjuangkan kemerdekaan 1957 dulu, kita mempunyai satu kata hikmat iaitu MERDEKA yang telah berjaya menjadi satu tenaga pengikat yang dapat menyatupadukan rakyat jelata dari berbilang bangsa untuk mencapai satu matlamat dan satu cita-cita bersama, iaitu kemerdekaan. Selepas itu kita telah memperjuangkan pembentukan Malaysia 1963, diturutii pula oleh perjuangan kita mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara dari konfrontasi rejim Soekarno, matlamat bersama ini jua telah menjadi satu lagi tenaga pengikat yang dapat menyatupadukan rakyat. Tapi mengapa peristiwa 13 Mei? Nyata dan jelas di kalangan rakyat jelata sudah tidak ada lagi apa-apa tenaga pengikat yang boleh menyatupadukan mereka, dan nyata serta jelas bahawa tenaga-tenaga pengikat yang lama sudah hilang mayanya, sudah hilang hikmatnya. Rakyat dan negara memerlukan tenaga pengikat yang baru untuk menyatupadukan mereka.

Peristiwa tragik 13 Mei mungkin sudah kian lupus dari ingatan kita, tapi pengajaran besar yang kita perolehi darinya seharusnya jangan dilupakan, dan sayugialah digunakan sebagai petunjuk bahawa keadaan perhubungan kaum yang sehingga kini dianggap sebagai harmonis sebenarnya jauh dari kebenaran. Sisa dasar kolonial yang masih diamal dan dibiarkan berluasa hanya menolong mengekalkan golongan bukan Melayu dalam perusa-

haan dan perdagangan sambil golongan Melayu terus tertinggal jauh ke belakang tanpa apa-apa peluang untuk menyertainya. Dasar ini menggalakkan golongan bukan Melayu terus membuat duit di pekan-pekan dan bandar-bandar sambil golongan Melayu diasuh sekadar menjadi petani dan nelayan yang baik sedikit daripada bapanya.

Inilah dasar "pecah dan perintah" kolonial, dan kiranya terus dikekalkan tak dapat tidak akan memecah-belahkan kaum-kaum yang mendiami negara ini. Seterusnya segala dasar dan usaha-usaha Kerajaan sehingga tarikh ini terbukti tidak memadai dan tidak mencukupi untuk memuaskan kehendak dan idaman rakyat jelata terutama golongan Melayu dan **Bumiputra** lain. Mereka dapati diri mereka seolah-olah saperti ayam mati kelaparan di kepuk padi, saperti itek mati kelemasan di air. Negara kita begitu makmur, begitu mewah, begitu kaya. Tapi sebilangan besar dari golongan ini menderita, tertinggal, terbiar malah tertindas. Rakyat menuntut hak mereka, rakyat, menuntut persamaan dan perseimbangan dalam semua lapanan dalam semua bidang dan di semua peringkat.

Justeru, apa yang diperlukan sekarang ialah satu tenaga pengikat yang baru untuk menggantikan tenaga-tenaga lama yang sudah hilang hikmatnya itu; kita mestilah mengadakan suatu tenaga baru yang boleh melewati batasan perkauman, yang menyeluruh serta yang boleh mendatangkan kepuasan kepada semua, baik China atau Melayu, baik kapitalis atau buruh, Islam atau Hindu, tua atau muda. Rakyat Malaysia berazam hendak mengujudkan perpaduan yang lebih erat dan memperkekalkan satu cara hidup yang demokratik. Kita bertekad untuk membina satu masyarakat yang adil, yang saksama, liberal dan demokratik, dalam mana kekayaan dan kemakmuran negara dapat sama-sama dirasai dan sama-sama dinikmati oleh semua pihak. Maka dari kepercayaan dan keazaman inilah lahir **Rukunegara** yang menjadi panduan dan pegangan negara serta yang akan menyatupadukan rakyat jelata dalam menghadapi segala tugas di hadapan kita. **Rukunegara** akan menjadi landasan yang akan menentukan bagaimana rakyat boleh berdialog antara satu dengan lain dalam usaha mencari persamaan dan perseimbangan yang kini menjadi idaman dan hasrat rakyat. **Rukunegara** seterusnya akan menjadi landasan

yang akan menentukan bagaimana rakyat akan berhubung antara satu dengan lain dan dengan negara.

Maka berdasarkan kepada **Rukunegara** inilah, serta didorong oleh keazaman dan hasrat hendak mengujudkan persamaan dan perseimbangan, kerajaan pimpinan Tun Abdul Razak telah membuat keputusan bahawa segala dasar dan segala perkembangan ekonomi negara hendaklah dan mestilah dihubungkan dan diselaraskan dengan perkembangan sosial. Segala keperluan untuk mengujudkan perpaduan negara tidak akan tercapai kiranya tidak diujudkan persamaan dan perseimbangan antara kaum-kaum yang terbesar di negara ini iaitu berhubung dengan penyertaan mereka dalam pembangunan negara serta kebolehan mereka sama-sama merasai dan sama-sama menikmati hasil usaha-usaha pembangunan dan pemodenan ini. Sebaliknya perpaduan negara tak juga terpupuk hanya dengan melalui dasar ekonomi saja yang diharapkan untuk membawa persamaan dan perseimbangan, kerana faktor-faktor sosial, budaya, politik, ekonomi, swasta, emosi dan saikoloji juga sama-sama mustahak dan sama-sama mempunyai peranan; malah faktor-faktor ini adalah saling berhubungan antara satu dengan lain. Segala dasar dan rancngan di dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan mestilah dirancang dan dilaksanakan dengan sikap dan dengan azam baru sesuai dengan semangat dan cita-cita baru. Rakyat perlu diberi semangat baru, kesedaran baru serta matlamat baru. .

Rukunegara telah diisytiharkan pada 31hb Ogos 1969, dan sekarang sudah menjadi buah mulut orang ramai dan sudah menjadi satu perkara yang terkenal dalam istilah politik negara. **Rukunegara** adalah satu dokumen yang terpenting dan utama yang akan menjadi pegangan dan pedoman kehidupan rakyat dan negara di masa muka. Dokumen ini perlu difahami dan dimengerti dengan sedalam-dalamnya, dan samasekali jangan hanya diterima untuk dihafal dan dilafazkan sebagai satu lagi ikrar di dalam mana-mana upacara rasmi atau tak rasmi. **Rukunegara** adalah lebih dari ini. Malah ada yang menganggap **Rukunegara** mengandungi lima prinsip dan lima prinsip inilah **Rukunegara** kita. **Rukunegara** adalah satu dokumen yang comprehensif. Ianya adalah peduman dan pegangan negara dan rakyat, menentukan kehidupan dan masa depan kita. Ianya

bukan sahaja menentukan perhubungan antara rakyat sesama rakyat, bahkan antara rakyat dengan negara — apa yang diharapkan oleh negara dari rakyatnya, dan lebih-lebih penting lagi, apa yang dapat diharapkan oleh rakyat dari negaranya. Dalam lain perkataan, **Rukunegara** menyuarakan tanggapan, kepercayaan dan keazaman rakyat mengenai bangsa Malaysia. **Rukunegara** membentuk cara hidup kita.

Rukunegara adalah satu dokumen untuk rakyat Malaysia yang dicipta oleh rakyat Malaysia sendiri. **Rukunegara** adalah satu lambang yang menyuarakan bentuk-rupa masyarakat dan bentuk-rupa bangsa yang dikehendaki dan diingini oleh rakyat. Konsep dan pembentukannya telah diolah,. disusun dan dibahaskan dengan mendalam, penuh tanggungjawab dan penuh keinsafan oleh sumbangan pemikiran dari segenap lapisan masyarakat — dari wakil-wakil parti politik, akhbar, kesatuan sekerja dan majikan, badan-badan agama, perkhidmatan awam, badan-badan professional serta golongan minoriti. Pendeknya, sehinggakan kata-kata yang hendak dimasukkan ke dalam dokumen ini pun dipertimbang dan dibahaskan dengan panjang lebar. **Rukunegara** adalah hak rakyat dan hak negara, dan setiap rakyat mestilah bersedia mendukung dan mempertahankannya sebagai asas atau pedoman untuk masa depan kita dan untuk menuju ke arah kejayaan yang lebih cemerlang lagi.

Apakah yang menjadi matlamat baru negara? Apakah yang dapat diharapkan oleh rakyat dari negaranya? Matlamatnya ialah membentuk satu masyarakat dalam mana setiap rakyat, tanpa mengira asal keturunannya, agama serta ideologi politiknya, sama-sama berhak dan sama-sama mempunyai tempat untuk mencuba kebolehan dan bakatnya. Matlamatnya ialah membentuk satu masyarakat yang adil serta saksama dari segi sosial dan ekonomi, masyarakat yang tiada akan mengenal kemiskinan. Matlamatnya ialah membentuk satu cara hidup yang demokratik dan yang mendukung kehendak serta cita-cita rakyat jelata. Masyarakat baru kita akan diorientasikan kepada kehendak zaman moden, kepada kehendak sains, teknoloji dan elektronik. Seterusnya masyarakat kita akan berteraskan **kepada budaya bumiputra sambil menjamin satu cara yang liberal terhadap pengaruh dan perkembangan semua tradisi budaya lain.** Inilah matlamat dan tumpuan seluruh tenaga dan usaha

kita. Jelaslah **Rukunegara** bukanlah semata-mata lima prinsip yang disogok untuk dihafal atau dilafazkan sebagai satu lagi ikrar. Ianya merupakan keseluruhan kepercayaan, keazaman serta peraturan dan keseluruhan matlamat serta prinsip kita bersama. Ianya menjadi tenaga pengikat yang akan menyatu-padukan rakyat. Dalam lain perkataan, **Rukunegara** adalah manifestasi kepercayaan, keazaman dan hasrat kita untuk bertindak ke arah mencapai matlamat yang kita idamkan dan rancangkan bersama.

Maka, dari **Rukunegara** lahirlah satu perkara yang paling penting dan mustahak, iaitu, usaha mencari persamaan dan perseimbangan yang kini menjadi idaman, menjadi hasrat, malah menjadi tuntutan sah oleh semua kaum di negara ini. Pada 23 Januari 1971, Tun Abdul Razak telah mengumumkan dasar ekonomi baru bagi negara Malaysia.

Dasar Ekonomi Baru ini mempunyai dua matlamat, saperti serampang dua mata. Pertamanya ialah membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira asal-usul keturunannya, dan kedua ialah mengujud serta mengukuhkan perpaduan. Kedua-dua matlamat ini adalah dilancarkan serentak.

Matlamat pertama ialah membasmikan kemiskinan. Tidak dapat dinafikan bahawa kemiskinan adalah menjadi satu penyakit atau satu masalah sosial yang universal ianya terdapat di setiap masyarakat di setiap negara. Di negara kita sendiri kemiskinan adalah meluas dan menjadi musuh ketat kita. Kemiskinan mesti diperangi kerana kiranya ia berleluasa seluruh masyarakat akan lumpuh dan akan menghadapi penyakit sosial seperti kekolotan, kemerosotan, dan penderitaan. Kita tidak mahu perkara ini melanda dan melumpuhkan masyarakat kita. Rakyat jelata yang tidak berada, baik pun Bajau, China, Melayu, Iban atau India; baik yang berada di bandar mahupun di desa, seharusnya dibantu kerana ini wajib dilakukan dari segi ekonomi dan juga dari tuntutan yang terkandung dalam **Rukunegara.** Ini merupakan satu penyimpangan yang penting dari kepercayaan yang lalu bahawa pembasmian kemiskinan rakyat desa sahaja yang akan menjamin perpaduan negara. **Dasar sekarang, ia itu rancangan-rancangan membasmikan kemiskinan, meninggikan taraf hidup serta mengadakan lebih banyak peluang kerja, mestilah melewati garis-garis perkauman,**

melampaui batas-batas tempat kediaman, dan yang paling penting, mestilah menguntungkan semua rakyat, siapa saja, dan di mana saja.

Matlamat kedua, yang tidak kurang pentingnya dengan matlamat membasmikan kemiskinan dan yang dilancarkan serentak dengannya, ialah menyusun semula masyarakat. Ini akan dirancang sebegitu rupa untuk mengurang dan akhirnya menghapuskan sama sekali keadaan yang terdapat masa ini iaitu, keadaan dalam mana kaum-kaum yang mendiami negara kita ini dapat dibahagi-bahagikan mengikut aktiviti ekonomi mereka, serta mengikut penyibaran kawasan tempat kediaman mereka. Inilah di antara faktor-faktor yang telah memecah-belahkan rakyat jelata kita. Penyusunan semula masyarakat akan dijalankan melalui pemodenan kehidupan desa, dan perbandaran orang-orang Melayu juga **Bumiputra** lain. Kita berazam untuk menghapuskan keadaan dalam mana aktiviti-aktiviti ekonomi Melayu hanya berpusat di desa-desa dengan cara tradisionalnya dan yang bukan-Melayu berpusat di bandar-bandar dengan cara moden. **Kita mahu mencipta satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu dan Bumi-putra lain di semua peringkat, di semua lapangan dan di semua kawasan. Kita mahu agar selepas suatu jangka masa, selepas satu keturunan, mereka akan menjadi rakan sepenuh dengan kaum-kaum lain dalam kehidupan ekonomi negara. Kita mahu orang-orang Melayu dan bumiputra lain memasuki semua sektor ekonomi moden, di bandar mahupun di desa, sebagai tuanpunya dan pengusaha — dan bukan hanya sebagai buruh dan pekerja, kerana ini hanya bermakna kita cuma menukarkan pemisahan yang ada sekarang iaitu Melayu di desa dan bukan-Melayu di bandar kepada Melayu sebagai pekerja buruh dan bukan-Melayu sebagai tuanpunya/pengusaha.** Orang-orang Melayu dan Bumi-putra lain mesti mempunyai hal-milik dan pengawalan yang memuaskan terhadap segala aktiviti jenis bandaran, samada di kawasan-kawasan bandar yang sedia ada, atau di pekan-pekan juga di pusat-pusat perkembangan baru di bandar-bandar kecil.

Dalam proses pemodenan dan perkembangan ini, pusat-pusat bandar memainkan peranan yang penting. Maka mustahaklah bagi kita menjaminkan bahawa di bandar-bandar dan di pekan, setiap orang — ini bermakna termasuk orang Melayu dan

Bumiputra lain, mestilah merasai yang dia itu ada tempatnya di situ dan dia itu boleh turut mengerjakan aktiviti-aktiviti yang sedang berjalan di situ. Apa yang terdapat sekarang ialah penyibaran penduduk negara kita sebegitu rupa — Melayu di desa, bukan-Melayu di bandar — sehingga bila seorang petani atau nelayan Melayu turun ke bandar dia akan merasai dirinya seolah-olah berada di negeri asing, seolah-olah dia itu orang luar, kerana dilihat begitu sedikit sekali bilangan orang-orang Melayu di kedai-kedai, di restoran-restoran dan di kilang-kilang. Keadaan begini tak boleh dibiarkan berkekalan. Orang-orang Melayu dan **Bumiputra** lain mesti menyertai semua lapangan dan peringkat perusahaan dan perdagangan, sebagai pengusaha dan pemodal, dalam perniagaan borong dan runcit serta perusahaan perkhidmatan dalam mana terdapat perhubungan yang langsung dan berpanjangan dengan orangramai. Inilah dasar yang terpenting untuk memupuk perpaduan negara. Dalam lain perkataan, kita mesti mencipta satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu dan **Bumiputra** lain, agar mereka akan menjadi sebahagian penduduk bandar. Ini adalah satu rancangan yang dinamis dan praktikal bagi mencipta pengeluar, pemodal, peniaga dan pekerja Melayu yang aktif dan yang memberi sumbangan, bukan sekadar melahirkan satu masyarakat perdagangan yang terdiri dari bangkai bernyawa. Kita juga sudah bosan dengan 'sleeping directors' dan 'sleeping partners' Ali-Baba dan Ali-John Melayu.

Sekiranya kita mahukan persamaan dan perseimbangan kepada semua, maka kita mestilah memberi peluang yang sama kepada semua. Sekiranya masih kekal pemisahan kaum atas dasar aktiviti ekonominya dan sekiranya orang-orang Melayu serta **Bumiputra** lain merasakan mereka akan selama-lamanya menjadi hampas masyarakat kerana kemiskinan mereka, dan tidak diberi peluang yang sama bagi mereka menyertai lapangan perdagangan dan perusahaan setimpal dengan kaum-kaum lain, saya khuatir suatu hari nanti mereka akan mengambil keputusan untuk menggantikan golongan peniaga dan pedagang yang ada sekarang. Ini akan membahayakan kemakmuran dan keselamatan negara. Mereka mesti diberi hak dan peluang yang sama. Namun, dalam proses pembandaran orang-orang Melayu tidak seorang pun harus menanggung apa-apa kerugian atau dirampas

hak miliknya, samada yang benar-benar atau direka-reka saja. Jadi, dalam menyusun semula masyarakat ini kita tidak berniat meruntuhkan sistem pembangunan ekonomi kita, malah pembangunan ekonomi mestilah dipergiatkan lagi. Dalam lain perkataan, pembangunan ekonomi yang mencukupi adalah di perlukan, agar hasilnya dapat sama-sama dirasai dan sama-sama dinikmati dengan memuaskan oleh semua pihak.

Dalam analisa terakhir, kedua-dua matlamat negara, pembasmian kemiskinan — di kalangan siapa saja serta di mana saja — dan penyusunan semula masyarakat adalah saling-melengkapi serta saling-memperkukuhkan. Inilah matlamat serampang dua mata kerajaan.

Melalui pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, Insya Allah akan lahirlah satu golongan yang penuh tanggungjawab serta yang penuh kesedaran — iaitu akan lahir satu golongan yang akan menjadi sebahagian yang terbesar di dalam masyarakat. Golongan besar ini akan berada di antara golongan kecil yang kaya-raya dan golongan yang kita harapkan lebih kecil lagi yang tidak berada. **Kita tidak inginkan segolongan 'oligarchy' dimana yang kaya-raya dari berbagai kaum akan bersatu-padu bagi menjaga kepentingan dan menjamin harta kekayaan mereka. Kita juga tidak inginkan satu masyarakat di mana perpaduan hanya terdapat di kalangan yang miskin dan yang tak berada, iaitu perpaduan yang hanya didorongkan oleh perjuangan dan tuntutan hak asasi mereka bersama. Dalam pada itu, kita juga tidak inginkan satu kelas pertengahan, seperti yang terdapat sekarang, yang tak lain dan tak bukan adalah pencuri atau tikus masyarakat — 'hucksters' — yang samalah dengan golongan 'bourgeoisie' dalam istilah Karl Marx. Saya yakin tak satu pun dari tiga golongan ini dapat menjadi asas yang teguh untuk mendukung demokrasi liberal yang kita amalkan serta untuk menjamin perpaduan negara.**

Apa yang negara kita perlukan sesungguhnya ialah satu golongan terdiri dari semua kaum, yang kreatif, yang 'affluent' dan yang bersatupadu. Kegiatan mereka hendaklah menyentuh serta meresapi semua lapisan, semua lapangan dan semua peringkat. Golongan inilah yang akan menjadi golongan yang terbesar yang akan menjadi infrastruktur ekonomi dan sosial untuk menyuburkan demokrasi yang liberal. Adalah menjadi

seluruh tumpuan tenaga dan usaha kita untuk melahirkan infra-struktur nasional ini agar keturunan kita dari berbagai kaum akan dapat hidup dalam persaudaraan dan kebebasan, sambil sama-sama merasai dan menikmati kemakmuran dan kekayaan negara.

Sekiranya peristiwa 13 Mei telah mencelik serta menginsafkan kita tentang kelemahan, kekurangan dan kealpaan kita pada masa-masa lampau, maka **Rukunegara** kini memberikan kita nilai-nilai perpaduan dan panduan untuk membentuk satu masyarakat yang harmonis dari berbilang kaum yang ada di negeri kita atas dasar persamaan dan perseimbangan. Azam kita sungguh kuat untuk mendatangkan perubahan-perubahan sosial yang sangat-sangat diperlukan itu, baik melalui politik mahupun institusi, agar kemiskinan akan akhirnya terhapus dan kelemahan-kelemahan sosial terluput sama sekali. **Rukunegara** menuntut dibena satu masyarakat yang progresif dan yang berorientasikan sains dan teknoloji moden, dan **Rukunegara** menuntut dicipta satu masyarakat yang demokratik, adil saksama dan liberal. Kini jeritan mendesak disingkirkan sistem-sistem lapuk, sistem-sistem sisa kolonial, termasuk mereka-mereka yang belum lagi sedar dan insaf kepada kehendak-kehendak pembangunan dan perubahan baru sudah semakin nyaring terdengar. Inilah jeritan rakyat jelata dan **Rukunegara** menyahut jeritan ini.

Sebelum peristiwa 13 Mei kita seolah-olah ketiadaan satu tenaga pengikat untuk menyatupadukan rakyat, (malah inilah yang menyebabkan kejadian itu), maka kini kita sudah ada **Rukunegara** yang akan menyatupadukan rakyat, dan yang akan menjadi peduman serta pegangan untuk kehidupan dan masa depan rakyat dan negara. Landasan ke arah hidup baru dan masa depan baru sudah disediakan oleh kerajaan. Apa yang tinggal hanya bagi rakyat jelata sendiri menyahut seruan sambil bertindak dengan sewajarnya. Saya yakin dan percaya tidak ada kuasa yang dapat menentang kemaraan satu bangsa yang begitu penuh keazaman, keyakinan serta ketertiban.

Inilah dia cabaran baru. Apakah sambutan saudara-saudara?

Ucapan ini diberikan dalam majlis ceramah MAYC di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 9hb. April, 1971, jam 8.30 malam.

SEMANGAT SA

Teman saya, Tun V.T. Sambanthan, Encik Lee Boon Chin dan saya sendiri rasa amat gembira sekali hari ini serta bangga kerana pihak Universiti Malaya telah berkenan untuk menganugerahkan ijazah doktor kepada kami bertiga bagi tahun ini. Buat diri saya, ini adalah satu penghormatan yang paling tinggi dan sesuatu yang tetap akan tinggal dalam kenangan sebagai satu peristiwa yang bersejarah lagi penting dalam detik hidup saya. Izinkan saya menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih bagi pihak diri saya sendiri, dan juga teman saya Tun Sambanthan dan Encik Lee kepada pihak Universiti Malaya di atas penganugerahan ini.

Sebagai satu zarah lebih kecil dari yang terkecil, dengan perasaan terharu kerana kedzaifan, saya berdiri di hadapan saudara-saudara, pendita-pendita, sarjana-sarjana di dalam gedong mahligai ilmu pengetahuan yang dinamakan Universiti Malaya. Di sinilah segala ilmu terkumpul dan di sinilah segala pengetahuan itu disebarkan kepada anak-anak muda pembena negara.

Sebagaimana yang saudara-saudara maklum dengan sendirinya, pengetahuan itu adalah hanya satu kenyataan. Apa yang dikatakan pengetahuan atau kenyataan tadi boleh diterima oleh makhluk semua, samaada haiwan atau insan. Baik insan baik haiwan, kedua-keduanya dikurnia Tuhan dengan kecerdasan otak (intelligence) walaupun tingkat kebolehan berlainan. Kecerdasan otak adalah satu kebolehan menerima pengetahuan dengan cara empirikal atau dengan cara mencuba dan mempelajari pengalaman. Maka itulah sebabnya haiwan seperti kuda atau gajah, bahkan ular pun, dapat diberi pengetahuan dengan cara latihan.

Bukanlah kecerdasan otak yang membezakan atau mengasingkan insan daripada haiwan. Bukan. Bezanya ialah haiwan, umpamanya kuda, hanya boleh menerima pengetahuan dengan kecerdasan otaknya. Insan pula dengan cara nilainya, boleh memilih apa ilmu pengetahuan yang dikehendakinya dan selepas itu, boleh pula memberi nilaian dan mengadakan nilai-nilai di atas ilmu pengetahuan yang didapatinya. Segala pengetahuan yang diperolehinya itu berkuasa ia menjadikannya buah fikiran, dan dari buah fikiran itu berkuasa pula ia menjadikannya cita-cita unggul (ideal). Kiranya ia diberi kebebasan yang penuh di dalam segi daya cipta, insan dapat mempergunakan kecerdasan otaknya dengan cara yang paling berkesan.

Semasa menggunakan kecerdasan otaknya untuk menerima ilmu pengetahuan dan membuat daya cipta, seorang manusia itu hendaklah mempunyai satu-satu matlamat yang tertentu. Tanpa matlamat yang mempunyai cita-cita yang unggul, maka tidaklah lahir satu daya cipta yang bermakna. Umpamanya, pengetahuan yang diperolehi untuk meleraikan zarah atau atom mungkin berakhir dengan kehancuran kepada manusia yang sepatutnya ilmu pengetahuan digunakan untuk menyatupadukan kaum insan.

Ilmu pengetahuan yang membolehkan manusia menebusi angkasa-lepas sehingga bertapak di bulan, barangkali tidak dapat membolehkan manusia menebusi tabir yang melindungi hati sanubari manusia yang lain untuk mengeratkan lagi pertalian antara insan dengan insan. Maka itu, sangat perlu kita mempunyai matlamat yang mempunyai cita-cita unggul.

Buat kita di Malaysia, sudah pun kita tentukan matlamat bersama kita yang mempunyai cita-cita unggul. Sebagaimana dikanunkan di dalam **Rukunegara,** kita berazam untuk mencipta sebuah masyarakat bersatu-padu yang demokratik dan saksama, sebuah masyarakat yang menjamin perkembangan yang liberal terhadap tradisi kebudayaan, sebuah masyarakat yang progresif berorientasikan sains dan teknoloji moden. Untuk melahirkan matlamat ini kita sudah menentukan bahawa usaha-usaha bersama kita akan berpandukan kepada lima prinsip **Rukunegara.**

Pada hemat saya, gedung mahligai pengetahuan sebaik-baiknya melewati 'exclusive objectivism'. Malah izinkan saya

mengatakan bahawa penyebaran ilmu pengetahuan sayugialah berdasarkan pengalaman yang dipengaruhi oleh cita-cita negara yang mempunyai matlamat yang terkandung di dalam **Rukunegara.** Kalau tidak, ilmu pengetahuan yang disebarkan disini akan menjadi sia-sia belaka. Konsep ilmu semata-mata untuk pengetahuan sahaja tidak memadai buat masyarakat kita yang berpandukan kepada **Rukunegara.**

Dengan kesimpulan bahawa ilmu itu bukanlah semata-mata untuk pengetahuan, maka kesanggupan menerima pengetahuan seharusnyalah disampingi dengan satu kesedaran untuk menilai dengan cara-cara penilaian yang tersendiri,. bukan sahaja sanggup memilih kenyataan atau pengetahuan, bahkan juga boleh membuat penilaian ke atas apa yang dipilih. Dalam hal ini, sebagai satu contoh, pengajian sejarah tidak seharusnya merupakan menokok-tambah ilmu pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, tetapi peristiwa-peristiwa ini hendaklah memberi makna menerusi tanggapan nilai.

Saya fikir, ada faedahnya kiranya satu kaedah mengajar dapat direka dalam mana sistim maksud atau sistim nilai seperti yang terkandung di dalam **Rukunegara** dapat difahami bersama dan diamalkan bersama baik oleh tenaga pengajar atau mahasiswa. Dengan cara begitu dapatlah pelajar-pelajar digerakkan oleh guru-guru untuk mencari ilmu pengetahuan yang berfaedah secocok dengan kehendak negara.

Sementara masyarakat mempunyai matlamat bersama berdasarkan beberapa nilai "fundamental" atau yang asas terkandung di dalam **Rukunegara,** maka **Rukunegara** mendorong pula pelancaran rancangan-rancangan yang akan membawa kepada penyusunan semula nilai-nilai. Dengan cara ini maka dapatlah diujudkan 'semangat sa", satu perasaan perpaduan yang erat di sisi masyarakat berdasarkan nilai yang sama-sama difahami dan diterima.

Dasar Ekonomi Baru adalah satu contoh rancangan sedemikian yang mempunyai tujuan utama, antara lain, menyusun semula masyarakat untuk meleborkan pemisahan dalam sistim penilaian yang berlandaskan perkauman yang tertakluk kepada alam keliling dan cara pencarian hidup. Agar proses ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan lebih cepat, maka peranan lambang dan bahasa menjadi paling

penting. Sementara ilmu pengetahuan dapat disampaikan kepada manusia melalui sebarang bahasa, penyampaian nilai-nilai akan lebih berkesan kiranya dilaksanakan melalui satu bahasa dengan idiom-idiomnya yang tersendiri.

Buat kita, kita telah memilih Bahasa Malaysia dan dengan menerima Bahasa Malaysia, kita akan mengenal diri kita bukan hanya sebagai orang Melayu atau hanya sebagai orang China atau orang India, tetapi lebih-lebih lagi sebagai seorang 'Malaysian'. Untuk membantu perkembangan bahasa ini, Kerajaan sedang menimbangkan dengan seriusnya penubuhan sebuah badan, biarlah buat sementara, saya gelarkan badan ini **Akademi Sastra,** oleh sebab rupa bentuknya belum dibereskan lagi.

Sastra adalah satu cabang kebudayaan yang mendukung nilai-nilai etik dan estetik yang boleh menjadi alat yang efektif sebagai pembentuk cara berfikir yang moden, dinamik dan progresif disamping menimbulkan unsur-unsur perseimbangan perasaan di kalangan rakyat berbagai bangsa di negara ini.

Oleh kerana kebudayaan negara yang tulin tidak boleh tidak akan berteraskan kebumiputraan sambil disisip dengan unsur-unsur kebudayaan lain, maka sewajarnyalah tekanan diberikan kepada sastra Bahasa Malaysia, tanpa mengabaikan pengaruh asing dengan syarat ianya disampaikan melalui Bahasa Malaysia untuk meluaskan lagi cara berfikir dan memupuk perpaduan negara.

Badan ini juga dimaksudkan untuk bertugas memelihara dan melindungi kepentingan-kepentingan sastra dan sastrawan, serta membimbing para penulis dan mendorongkan kegiatan-kegiatan sastra Bahasa Malaysia dengan memberikan galakan-galakan untuk mencapai setinggi-tinggi kejayaan. Melalui sastra, 'antara lain, kepribadian negara, Insya Allah, dapat dibentuk dengan sempurna.

Sesudah kita menerima pengertian aliran pemikiran yang bermula dari peranan kecerdasan otak dan ilmu pengetahuan sehinggalah kepada peranan bahasa dalam menentukan sistim nilai, maka peribahasa, 'Bahasa menunjukkan Bangsa' pun muncul terserlah diertinya.

Rakyat Malaysia dikenali kerana Bahasa Malaysianya. Budi pekerti mereka membuktikan kemurnian kesusilaannya.

Ucapan Menteri dengan Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan dalam upacara penerimaan Ijazah Kehormat, Doktor Persuratan, di Universiti Malaya, pada 26hb. Jun, 1971.

MEMILIH PIMPINAN

Pada hari ini kita berkumpul untuk menentukan untung-nasib **UMNO** Bahagian Pahang Barat pada masa hadapan. Perjuangan Parti kita mempunyai satu dasar perjuangan yang meletakkan kepentingan, kebahagiaan dan kemakmuran rakyat jelata mengatasi sebarang kepentingan perseorangan atau peribadi. Kita bukan berjuang untuk mendapatkan tempat sebagai pemimpin Bahagian atau mendapatkan kerusi yang empuk di Parlimen yang berhawa dingin. Perjuangan kita untuk kepentingan bangsa, agama dan negara bukanlah setakat mengambil tempat di Bahagian ini atau setakat lima tahun atau mempastikan kejayaan dalam pilihanraya umum yang akan datang. Perjuangan **UMNO**, perjuangan ahli-ahlinya, adalah untuk generasi demi generasi.

Pada hari ini kita menentukan untung-nasib **UMNO** Bahagian Pahang Barat dengan memilih pimpinan baharu. Saya menggunakan perkataan 'pimpinan baru' bukan pemimpin baru. Ini adalah dimaksudkan bahawa pimpinan yang akan datang ini akan membuat tekad baru, penuh dengan keazaman, keyakinan dan ketegasan untuk memuaskan perjuangan Parti kita.

Pada waktu kita memilih pimpinan baru ini marilah kita berfikir dengan cara betul-betul mendalam darihal sifat-sifat dan ciri-ciri pemimpin yang kita kehendaki itu. Apa yang kita kehendaki ialah satu pimpinan yang akan memuaskan semua lapisan dalam **UMNO**, baik di peringkat yang berusia tua atau muda, baik lelaki atau wanita, baik anggota-anggotanya yang bertani atau majikan atau buruh, bahkan meliputi segala-segala-nya. Kita kehendaki satu pimpinan yang bertugas dengan jujur dan berani, dan yang paling utama ialah pimpinan yang

menggunakan segala kebijaksanaan untuk memperjuangkan Parti dan dasarnya. Kita memerlukan pimpinan yang bukan saja sanggup berkhidmat (banyak yang sanggup berkhidmat), tetapi yang kita benar-benar kehendaki ialah pimpinan yang sanggup juga berkurban.

Perkara kurban ini adalah sangat penting dalam soal pimpinan Parti dan perjuangan Parti. Ada bermacam-macam bentuk pengurbanan ini — ada pengurbanan yang dibuat dengan cara meninggalkan perniagaan, meninggalkan jawatan sendiri di dalam menjalankan tugas Parti. Ada masanya suami meninggalkan anak isteri berhari-harian. Ada kalanya isteri meninggalkan anak dan suami. Ada pengurbanan seperti saudara Saidon Kechot yang bersama-sama kita dalam perjumpaan ini. Saudara Saidon menyerahkan tempatnya sebagai Ahli Dewan Negara, merintis jalan bagi saya menyertai kerajaan Tun Abdul Razak. Begitu juga pengurbanan yang dibuat oleh ayah cik saya, Dato Setia Wangsa, yang telah meletakkan jawatannya sebagai wakil rakyat Lipis di Dewan Rakyat supaya dapat saya diterima oleh rakyat di sini menjadi wakilnya sambil menjadi anggota Kabinet. Dan pagi ini kita mendengar satu peristiwa yang mengharukan, iaitu selepas bertugas dengan cemerlangnya beberapa tahun Yang Dipertua Bahagian kita, Yang Berhormat Orang Kaya Maharaja Purba Jelai, telah menolak pencalunannya. Ini juga satu pengurbanan yang sangat dihargai. Begitu juga Tengku Abdul Rahman yang telah menyerahkan jawatannya kepada Tun Abdul Razak. Ini semua ditunaikan dengan rela, dengan cara pengurbanan. Saya yakin selagi ada pimpinan yang sanggup bukan saja berkhidmat, tapi juga berkurban, seperti yang kita saksikan, Insya Allah selagi itulah Parti kita akan kuat dan berkembang dan selagi itulah negara, bangsa, dan agama akan terjamin sempurna dan makmur.

Pertimbangan kita waktu memilih pimpinan tidaklah boleh lari daripada pertimbangan bahawa pimpinan itu bertanggung-jawab memperkekalkan kedudukan Parti kita sebagai teras politik negara. Apa yang saya maksudkan ialah **UMNO** akan tetap menjadi Parti yang berkuasa menjalankan pemerintahan. Oleh kerana negara kita mempunyai latarbelakang yang sebegitu rupa, yang beranika rupa, berbagai kaum dan bangsa,

bermacam agama dan tradisi budaya, maka pimpinan kita boleh memainkan peranannya memperkekalkan kedudukan **UMNO** sebagai teras politik negara, hanya sekiranya pimpinan itu boleh diterima dan boleh disambut oleh kaum-kaum dan lapisan-lapisan yang lain. Jadi, dalam pemilihan pimpinan baru hendaklah kita berhati-hati mempastikan bahawa pimpinan itu bukan sahaja untuk kita dalam **UMNO** tetapi untuk negara amnya. Sekiranya ini tidak diperhitungkan maka terhadlah keupayaan pimpinan kita itu, dan dengan ini terhadlah pula peranan parti **UMNO** untuk menjadi teras politik negara.

Izinkan saya menyatakan sekiranya pimpinan kita itu terhad, maksud saya iaitu pimpinan yang kurang diterima oleh kaum-kaum dan lapisan-lapisan yang lain atau kurang menyenangkan mereka, susahlah bagi Parti kita untuk merapatkan diri dengan kaum-kaum lain untuk membawa kemajuan dan perpaduan rakyat. Seperti yang saya katakan tadi, mengikut latarbelakang negara kita, pimpinan kita tidak boleh membawa perjuangan Parti ke satu haluan yang sempit. Apa yang dilakukan oleh satu kaum tidak boleh tidak mendatangkan riak, bahkan alunan, ada masanya gelora kepada kaum-kaum lain yang ada. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu tanggungjawab yang berat kepada Parti kita untuk mencari bukan saja pimpinan buat satu Cawangan, atau satu Bahagian atau Majlis Kerja Tertinggi kita, bahkan satu pimpinan yang dimaksudkan untuk memimpin masyarakat beranika kaum dan bangsa di kampung, di daerah, di negeri dan di negara, kerana **UMNO**lah teras kepada pergolakan, perjuangan dan politik negara di dalam keadaan sekarang.

Saya rasa tidaklah munasabah bagi saya untuk memberi nasihat, tapi anggaplah apa yang saya perkatakan di sini sebagai satu pesanan yang ikhlas kepada pimpinan baru Bahagian Pahang Barat ini. Apabila pimpinan baru menyandang jawatan-nya, sebagai satu rancangan permulaan, saya anjurkan mereka mengadakan kursus, bukan dialog. Kursus-kursus pertamanya ialah untuk ahli-ahli memahami selok-belok perlembagaan Parti kita, dan keduanya, memahami serta membaharui pengetahuan mengenai perjuangan Parti kita. Saya kata bukan berdialog, tapi berkursus, kerana dialog itu datangnya sesudah kita faham betul-betul perkara yang kita hendak berdialog, dan fahaman ini lahir

daripada kursus.

Perkara yang pertama, iaitu hala selok-belok perlembagaan Parti adalah sangat penting. Saya pernah berjumpa dengan ahli **UMNO** yang sudah beberapa tahun menjadi anggota tapi belum pernah membaca undang-undang. Untuk mengetahuinya, mereka ini berdalih bahawa undang-undang tubuh itu rahsia atau sulit. Inilah satu perkara yang boleh melemahkan perjuangan kita oleh sebab perkara begini menjadi alasan untuk diperejekkan oleh unsur-unsur lawan. Dan juga oleh sebab kita tidak faham atau kurang faham undang-undang tubuh, ada masanya perselisihan berlaku antara kita sama kita dalam Parti sehingga membawa akibat yang buruk seperti menyebabkan orang keluar meninggalkan Parti oleh kerana mereka ini berasa putus asa dan buntu fikiran untuk mengubah keadaan. Inilah sebabnya saya mengatakan yang kita mesti pelajari dan fahami dengan mendalam undang-undang tubuh Parti kita.

Tadi juga saya mengatakan sebagai perkara yang kedua kita mengadakan kursus ialah untuk memahami serta membaharui pengetahuan tentang perjuangan Parti kita. Dasar-dasar yang dibentuk dan ditaja oleh Parti kita itulah dasar Kerajaan yang didokong oleh Parti kita. Ada masanya Kerajaan yang kita dokong baik di pusat maupun di negeri-negeri menaja dasar-dasar, maka ini adalah menjadi satu tanggungjawab kita untuk mengetahui dan memahami dasar-dasar ini dan dipastikan penerimaannya oleh Parti. Perkara ini adalah sangat penting kerana tidak dapat segala rancangan-rancangan dilaksanakan sekiranya ahli-ahli kita tidak atau kurang faham.

Baru-baru ini saya ditanya oleh beberapa orang belia yang ingin mengetahui apakah peranan belia dalam Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Lima Tahun yang Kedua. Saya tidak memberi jawapan yang panjang lebar kerana tidak ada jawapan yang panjang lebar. Jawapan yang saya berikan ialah adalah menjadi tanggungjawab belia memahami betul-betul Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Lima Tahun yang berilhamkan **Rukunegara,** yang menentukan apakah masyarakat yang kita kehendaki. Bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan mengatakan bahawa para belia mesti berbuat begitu. Masing-masing akan dengan sendirinya menjalankan peranan masing-masing apabila sudah faham akan latarbelakang, landasan, maksud,

matlamat rancangan-rancangan itu. Jadi, apa yang melahirkan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Lima Tahun Kedua, saya percaya, kita masing-masing di Cawangan dan di Bahagian akan dapat mereka apakah peranan yang patut kita jalankan sesuai dengan kehendak tempatan.

Tentu sekali orang luar kawasan kita kurang tahu apakah kehendak kita yang sebenar. Kitalah yang lebih mengetahui, dan kita juga tidak senang kiranya diaturadun oleh orang lain perkara yang kita sendiri patut membuatnya. Saya berharap sesudah ada kursus dan sesudah faham betul dasar Parti kita, saya minta setiap Cawangan melancarkan sekurang-kurangnya dua rancangan ekonomi dalam setahun. Rancangan-rancangan yang dicadang untuk dilaksanakan oleh Cawangan itu semestinya membawa nikmat dan kemajuan kepada semua rakyat — bukan kepentingan perseorangan atau beberapa kerat manusia sahaja. Dengan cara ini, saya rasa, barulah terjamin pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamat pertama, membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum; kedua, menyusun semula masyarakat supaya tidak lagi berpelang-pelang mengikut aktiviti ekonomi dan alam keliling.

Sekiranya kita tidak atau kurang memahami dasar dan rancangan ekonomi baru maka tidak berhak kita menjadi pengawas atau menegur pegawai-pegawai Kerajaan di dalam mereka melaksanakan rancangan walaupun kita sangka bahawa mereka itu menyeleweng.

Seperti kata saya tadi kita perlu mengadakan kursus-kursus begini supaya boleh juga kita memperkuatkan lagi sifat daya penarik. Saya minta perkara daya penarik ini diberi pandangan yang berat, kerana saya pernah melihat ada ahli-ahli kita yang takut berdamping dengan unsur-unsur lawan sehingga kadang-kadang orang-orang ini dipulau dan diasingkan. Sepatutnya kita jadikan soal menarik parti-parti dan orang-orang yang dulunya tidak bersama kita sebagai satu cabaran baru di dalam perjuangan kita. Kita tidak akan berhasil atau berkesan untuk menarik orang ke dalam Parti kita sekiranya kita tidak mendekati mereka, sekiranya kita memulau dan mengasingkan mereka. Bahkan cara pulau-memulau dan asing-mengasing ini melemahkan Parti kita, dan juga perpaduan kampung halaman sehingga perpaduan bangsa kita boleh terancam.

Perkara takut atau segan mendekati orang lain menjadi satu perkara yang munasabah sekiranya kita dhaif dari segi memahami perjuangan Parti kita sendiri. Kita takut kerana kita tidak ada jawapannya dan kita takut berhujjah, kerana apabila kita tidak dapat memberi penerangan, kita mahu akan naik darah dan boleh jadi berkelahi sehingga bertinju. Sebab itulah kita menjauhkan diri dan menjauhkan daripada membuat perhubungan. Sebaliknya sekiranya dada kita penuh dengan pengetahuan berkenaan dengan perjuangan Parti dan dasar Kerajaan, kita tidak akan takut atau segan untuk berhubung dan bersemuka dengan sesiapa jua. Pada hemat saya, perhubungan yang berisi begini ialah satu perkara yang sangat penting dalam perjuangan kita kerana manusia itu mempunyai fikiran dan mempunyai perasaan. Perasaan dan fikiran ini boleh berubah dan boleh diubah. Kita tidak dapat memahami mubari dan pendirian seseorang, apalagi mengubahnya, kiranya kita menjauhkan diri kita darinya atau mengasingkannya dari kita. Tindakan kita memutuskan langsung perhubungan sedemikian sudah tentu tidak memberikan kesempatan kepada mereka untuk mendengar hujjah-hujjah kita dan seterusnya mengubah fikiran dan sikapnya. Kalau dibiarkan dia sedemikian, dibiarkan dia terus sesat, ini adalah menjadi satu kecuaian dalam tanggungjawab terhadap Parti kita.

Pendek kata, pengetahuan akan membawa keyakinan kepada kita, dan keyakinan kita itu akan pula menyakinkan orang lain dalam perjuangan kita. Dan apabila mereka itu yakin, maka dengan sendirinya mereka itu tertarik kepada kita. Inilah sebabnya, saya fikir, orang-orang atau parti-parti yang tulen dan yang jujur untuk berkhidmat demi kepentingan rakyat dan negara, tertarik dengan pimpinan kita pada masa ini kerana mereka itu betul-betul dapat memahami perjuangan Parti kita — perjuangan yang memuaskan bukan saja satu kaum, bukan saja satu lapisan, bukan saja satu gulungan, tetapi keseluruhannya. Tidak hairanlah orang-orang dan parti-parti yang tulen dan celik seperti SUPP di Sarawak, dan Gerakan dan PPR berhubung dengan parti Perikatan yang bertunjangkan parti UMNO kita.

Seelok-eloknya sesudah saja kita mengadakan kursus-kursus, kita juga akan membuat rancangan daya penarik dari segi belia dan wanita. Janganlah hendaknya kita itu leka di dalam

lingkungan kita sendiri saja — umpamanya hendaklah cuba menarik belia-belia yang bukan ahli walau mereka itu anak dari unsur-unsur lawan. Tidak semestinya anak-anak mereka itu mengikut bapanya. Ini adalah satu perkara yang penting kerana, saya rasa, dengan adanya penghuraian dasar-dasar Parti kita yang begitu dinamik dan realistik, yang penuh memberi harapan buat masa hadapan, iaitu satu dasar yang mempunyai satu gambaran cemerlang pada masa muka, tidak boleh tidak Insya Allah ini akan menarik pemuda-pemuda yang memang dahagakan jaminan masa depan. Buatlah rancangan-rancangan untuk memikat mereka supaya mereka mendekati belia-belia kita, umpamanya melalui sukan, foram, sudut sastra, atau apa juga pun yang boleh menarik hati belia-belia dan beliawanis-beliawanis. Begitu juga saya maksudkan terhadap wanita-wanita **UMNO.** Mereka hendaklah membuat rancangan untuk menarik wanita lain dengan cara-cara memikat mereka melalui kelas sains rumahtangga atau foram. Sesudahnya mereka ini dipengaruhi dan mana tahu dalam ketenteraman dan kemanisan bersunyi berdua, si isteri dapat menembusi tembok hati suaminya yang belum sampai seru itu sehingga menerima perjuangan Parti kita.

Isikanlah dada kita dengan pengetahuan, janganlah kita takut untuk mendekati orang-orang lain, khususnya mendekati unsur-unsur lawan. Dengan cara daya penarik ini saya yakin Parti kita akan lebih lagi berkembang dan harum kerana sudah tentu lebih baik mutu perjuangan kita.

Sesudahnya rancangan berkursus dilaksanakan saya harap pimpinan baru kita akan mengadakan dialog antara sesama kita, terutama sekali antara pemimpin dengan ahli biasa. Ini saya rasa samalah mustahaknya dengan kursus itu tadi. Dengan berdialog bukan saja selok-selok perjuangan dan dasar dapat diperdalami dan diperbaharui pengetahuan yang mengikut pergolakan keadaan, bahkan juga dialog-dialog menjadi satu cara untuk ahli-ahli kita melepaskan wap, melepaskan apa yang terkilan, melepaskan geram, mengelakkan kejadian kurang puas hati atau kurang senang terhadap pimpinan. Dialog begitu memberi kesempatan bagi anggota-anggota mengumpat berdepan-depan bukan dari belakang, dan juga adalah kesempatan bagi pemimpin mengubah sikap selepas menerima teguran yang

manasabah dan jujur. Yang boleh menjadi satu kesulitan dalam Parti kita ialah kurang kesanggupan kita dalam hal-hal ini sehingga ahli-ahlinya menjadi 'apathy' dan pimpinannya menyeleweng. Saya seru kepada saudara-saudara, timbanglah perkara ini dengan berat dan sekiranya ada di antara kita yang tidak puas hati, yang tidak senang, janganlah merajuk keluar daripada Parti kerana tidak ada gunanya, dan tidak akan membawa munafaat dengan cara begitu. Apakah perubahan yang boleh kita buat sekiranya kita lari keluar? Satu pun tidak boleh, melainkan menghiburkan hati dengan cara mencela, memaki dan menghamun dari luar, menghantuk kepala di tembuk batu yang sia-sia saja. Baiklah tunggu dulu dan pelajarilah selok-belok perlembagaan untuk mengubah keadaan, dan sekiranya idea yang diperjuangkan itu ikhlas dan diizinkan Tuhan Insya Allah lambat laun perubahan akan tercapai jua.

Begitu juga pihak pimpinan sentiasalah hendaknya mengkaji dan usul periksa diri sendiri dulu sebelum marah apabila ditentang atau dicabar. Usul periksa ini berlandaskan kepada dasar perjuangan parti dan **Rukunegara** dengan tujuan mencari kebenaran. Janganlah lekas melenting kerana sikap begitu akan membawa kerugian.

Saudara-saudara seperjuangan, tak usahlah saya ingatkan berkali-kali bahawa keadaan negara kita berlainan sekali dengan apa yang didapati di negara lain. Selagi susunan masyarakat kita begini rupa, beginilah juga rupa politik negara kita kerana politik itu mencerminkan keadaan dan kenyataan. Satu daripada dua matlamat yang dirancangan oleh **UMNO** ialah menyusun semula masyarakat kita mengikut **Rukunegara** supaya dapat kita membentuk satu sistem nilai yang diterima ramai oleh masyarakat bagi menjamin perpaduan.

Penyusunan semula itu bermakna perubahan, dan perubahan ini kita laksanakan dengan cara ajaran, panduan, petunjuk, hubungan, nasihat, pujuk atau menggunakan badan-badan, yang tertentu umpama **Pernas, Bank Pertanian, MARA.** UMNO sekali-sekali tidak akan mengunakan kekerasan atau rampasan dari satu pihak buat memuaskan pihak yang lain. Tuhan jadikan negara kita lumayan, cukup untuk membasmi kemiskinan tetapi kurang untuk mengisi kelobaan. Tidak dinafikan bahawa **UMNO** itu gagah, dan ahli-ahlinya berani membuat apa sahaja

untuk membawa perubahan walaupun dengan cara kasar. Ini semuanya benar, tetapi adakah kesejahteraan bangsa kita dan keamanan negara kita boleh terjamin dengan cara begitu? Di dalam keadaan negara kita sekarang ini gagah dan berani sahaja, pada hemat saya, tidak memadai untuk membawa perubahan baru yang sempurna. Sebagaimana saya kata tadi kita berkehendakkan juga kebijaksanaan. Dengan kegagahan Parti kita, dengan keberanian anggota-anggotanya, disamping pula dengan kebijaksanaan pinpinannya Insya Allah **UMNO**, kalau dulunya alat menyingkir penjajahan maka sekarang **UMNO** pula menjadi alat penyusunan masyarakat baru, masyarakat yang demokratik; masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dinikmati bersama secara saksama; masyarakat yang mempunyai satu nilai kebudayaan yang berteraskan kebumiputraan walaupun tradisi-tradisinya kaya berbagai corak; masyarakat yang progresif yang menggunakan sains dan teknoloji, masyarakat yang disusun berlandaskan **Rukunegara.**

Inilah cabaran yang kita mesti memberi sahutan. Marilah kita bersatu, lelaki dan perempuan, segenap lapisan tua dan muda, menggabungkan pengalaman yang bermutu dengan idea-idea baru yang munasabah. Marilah kita menjadi peneroka masyarakat Malaysia baru kerana kita tidak rela lagi menjadi kerak masyarakat yang lama.

Ucapan ini diberikan untuk meresmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Pahang Barat di Kelab Sri Tahan, Jerantut, pada 14hb. Mei, 1972, jam 9.30 pagi.

JURANG GENERASI ANTARA TUA DAN MUDA

Soalan:

1. **Sebagai Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, bolehkah YB Komen sedikit mengenai thema Hari Belia tahun ini iaitu 'Belia Betindak Untuk Keadilan'?**

Jawapan:

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para belia yang memberi makna dan mengisi satu daripada cita-cita negara iaitu melahirkan satu masyarakat yang adil. Dengan tindakan dan kegiatan ini apa yang dicita-citakan oleh **Rukunegara** itu sekarang sudah diberi erti dan nilai.

Untuk mengujudkan keadilan, kita telah membuat strateji membasmi kemiskinan kerana kemakmuran negara ini mestilah dinikmati secara saksama olih semua pihak. Untuk mengujudkan keadilan, masalah pengangguran hendaklah diselesaikan. Untuk mengujudkan keadilan, kita telah membuat strateji menyusun semula masyarakat supaya masyarakat tidak lagi berpelang-pelang mengikut garis pencarian dan tempat kediaman. Ini dapat memberi peluang kepada semua untuk menceburkan diri dalam berbagai-bagai kegiatan, bebas dari apa-apa benteng atau batasan.

Saya suka mengatakan bahawa rakyat semua menyokong penuh hasrat belia yang bertindak untuk mengujudkan keadilan dalam masyarakat dan di sisi rakyat semua.

Soalan:

2. **Masa ini selalu sangat kita dengar orang mengatakan ada pihak tua dan pihak muda dalam masyarakat dan antara dua pihak ini terdapat satu jurang. Pada pandangan YB, apakah keadaan dan kenyataan yang sebenarnya?**

Jawapan:

Pada hemat saya, memang ada dua pihak di dalam masyarakat kita yang dikatakan pihak tua dan pihak muda, sama juga seperti adanya pihak laki-laki dan pihak perempuan. Tetapi saya tidak terasa bahawa ada terdapat jurang di antara pihak tua dan pihak muda ini yang hanya berdasarkan umur, kerana ada orang yang tua berfikiran muda dan ada yang muda berfikiran tua! Tapi yang menjadi soal ialah sikap yang ditentukan oleh cara hidup dan kebudayaan kita. Dan ini bukanlah satu perkara di sisi masyarakat kita saja, bahkan kebanyakan masyarakat di dunia ini.

Perselisihan biasanya terlibat dalam soal nilai. Orang-orang pihak tua menuduh anak-anak muda tidak mempunyai sistem nilai yang senonoh; pihak muda pula tidak mahu lagi menerima nilai-nilai lama yang dianggap usang. Sebagai contoh, saya telah dididik dari kecil lagi dengan nilai-nilai yang dianggap sebagai 'kebenaran hakiki'. Boleh saya ambil satu pepatah orang Melayu — 'Orang tua dulu makan garam'.

Perkataan begini biasanya digunakan terhadap pihak muda oleh pihak tua sebagai satu kebenaran yang tidak harus dipersoalkan lagi. Tetapi kalau kita berfikir dengan cara mendalam, bukankah pepatah ini menunjukkan satu kebenaran yang hanya boleh ditegakkan mengikut zamannya sahaja? Memang benar, pada masa dahulu-kala orang tua yang dulu makan garam, bermakna banyak pengalaman kerana pengetahuan pada masa itu hanya dapat dikumpul melalui pengalaman. Tapi sejak kemajuan pengetahuan telah bertambah dengan pesatnya, tak perlu lagi kita mengumpul banyak pengalaman dengan memakan masa begitu lama untuk mencari pengetahuan kerana pengetahuan itu sudah terkumpul dalam buku-buku dan makalah-makalah, dan dalam komputer.

Pada hari ini kita sedia dan sanggup menerima apa yang dikatakan pengetahuan baru, umpamanya, kenyataan tentang kuasa letrik, walaupun kuasa letrik ini sudah memang sedia ada beribu-ribu tahun dulu sebelum zaman Nabi Musa lagi! Kuasa itu memang sedia ada. Letrik muncul apabila kemajuan pengetahuan bertambah, dan dengan jalan mengumpul dan mengadun pengetahuan-pengetahuan itu dengan teratur sebegitu rupa sehingga dapat memperhasilkan kuasa letrik. Letrik bukan dibuat oleh manusia — ini kejadian asli dibuat Tuhan. Tapi

sebaliknya, kita tidak sanggup menerima kenyataan baru bahawa pengetahuan itu bukan saja terkumpul oleh pengalaman yang memakan masa, bahkan bukanlah menjadi satu kebenaran hakiki, 'siapa tua banyak pengalaman'. Oleh demikian, kerana banyak pengetahuan, orang muda yang kurang pengalaman pun boleh mempunyai lebih pengetahuan dari orang tua. Jadi timbullah satu soalan:- mengapa pihak tua ini tidak sanggup memansuhkan kebenaran hakiki ini dan menggantikan dengan kebenaran hakiki yang baru? Inilah yang boleh menjadi punca perselisihan antara pihak tua dan pihak muda.

Pada pandangan pihak muda, kedegilan pihak tua yang tidak mahu memansuhkan apa yang didakwanya sebagai kebenaran hakiki itu ialah sebenarnya satu helah untuk mengekal atau menetapkan kedudukan dan taraf pihak tua sebagai satu kaum yang lebih berpengetahuan kerana lebih berpengalaman daripada pihak muda. Nilai ini tidak diterima lagi oleh pihak muda kerana mereka sedar bahawa pegangan pihak tua ini sudah usang dan ketinggalan zaman. Timbullah syakwasangka bahwa yang lebih penting kepada pihak tua ialah soal kedudukan, dan kepercayaan ini ditambah pula dengan perkataan-perkataan yang mensifatkan pihak muda itu rendah, seperti, 'budak mentah', 'ubun-ubun masih lembik', 'hingus masih melilih', 'jangan memperbudakkan aku', sebagai menentukan bahawa pihak muda itu tidak seimbang kedudukan dan taraf dengan pihak tua.

Seperti saya sebutkan tadi, ini bukan saja satu perkara yang berlaku di dalam masyarakat Melayu, bahkan ini adalah menjadi satu daripada sistem nilai beberapa jenis masyarakat dan kebudayaan yang menentukan taraf pihak muda itu rendah dan kadang-kadang diperhinakan oleh pihak tua. Jika saya berkata dalam Bahasa Inggeris kepada seorang yang umurnya sudah 60 tahun, 'don't be childish!', 'you are infantile', saya bermaksud bahawa orang dewasa itu membuat perangai seperti seorang anak-anak, iaitu satu makhluk yang kurang waras dan kurang fikiran. Jadi, kebudayaan dan masyarakat sudah menentukan bahawa orang tua dan orang muda itu tidak setaraf. Manusia kurang sabar bukan disebabkan bercanggah kepentingan tapi disebabkan perasaan atau kepercayaan bahawa ianya bertaraf rendah. Perasaan tidak setaraf dan seimbang yang

menjadi punca sengketa antara mana-mana pihak saja. Apabila tiada seimbangan dari segi taraf, maka akan timbullah sengkita dan perbalahan, melainkan satu puak itu dapat menekan puak yang satu lagi. Sekiranya tidak ketara perbalahan kerana tekanan bukanlah itu menunjukkan tidak ada perasaan berbelah bagi tapi hanya perasaan itu terpendam dan boleh meletus pada satu hari kelak.

Apakah kesimpulannya? Kesimpulannya, sikap di sisi pihak tua ialah, yang muda itu lemah, berkurangan, kurang pengetahuan. Sebagai reaksinya, pihak muda pula mengatakan yang pihak tua itu menggunakan kebenaran hakiki yang sudah tidak benar lagi itu sebagai satu alat untuk mengekalkan keadaan 'superioritynya'. Maka timbullah kemarahan kerana kurang keadilan yang menjadi thema belia minggu ini, dan kadang-kadang terlihat lagak yang mencabar kedudukan pihak tua. Ini pula membawa reaksi kepada kaum tua yang mereka merasa terancam sehingga timbul ketakutan dan kecurigaan apabila melihat pergolakan yang dibuat oleh pihak muda itu, dan terus menggunakan kebenaran hakiki sebagai perisai untuk berlindung.

Soalan:

3. **Bersabit dari apa yang YB katakan tadi, apakah caranya satu-satu pihak melahirkan perasaannya untuk menunjukkan adanya persengkitaan ini?**

Jawapan:

Boleh kita lihat di alam keliling kita. Tak usah kita pergi ke luar negeri. Mengapa ada anak-anak muda yang berambut panjang? Saya tidak menafikan ramai anak-anak muda yang berambut panjang itu hanya meniru-niru saja, tetapi sebenarnya mereka yang tulen itu menunjukkan perasaan dan membantah pihak tua yang menggangap orang-orang muda itu tidak setaraf dengan membuat satu-satunya yang berlainan, yang tidak dapat diterima atau ditiru oleh pihak tua, macam berambut panjang dan berpakaian pelik-pelik. Ini juga adalah satu cara melepaskan geram dan menjadi penawar pada mereka yang putus asa dengan pihak tua. Saya berani bertaruh di sini, sekiranya semua masyarakat baik tua dan muda sanggup berambut panjang, belia-belia akan mengubah fesyen rambut-nya, entah cukur botak atau berjambul tak tahulah, asalkan

berlainan daripada biasa untuk menunjukkan bantahan terhadap pihak tua.

Soalan:

4. **Berdasarkan masalah dan keadaan yang dihuraikan dalam kenyataan tadi, dapatkah sedikit sebanyak ianya diatasi dengan mengadakan dialog?**

Jawapan:

Saya rasa tidak ada lain jalan untuk mengatasi masalah ini melainkan dengan dailog tetapi ini hanya berkesan sekiranya beberapa syarat dapat dipatuhi dahulu oleh kedua-dua pihak. Dialog boleh berkesan atau bermakna sekiranya ini dilakukan oleh kedua-dua pihak yang benar-benar berasa seimbang dan setaraf. Dialog tidak akan memberi bekas sekiranya pihak tua lebih memberatkan perasaan mereka daripada mencuba memahami perasaan dan hasrat pihak muda atau masih menggangap pemuda itu mentah dan tak seimbang. Dan dialog ini tidak juga akan berkesan sekiranya pihak muda berjumpa dengan pihak tua dengan perasaan takut, atau marah atau angkoh dengan anggapan bahawa orang tua ini semuanya telah usang fikirannya yang tak fahamkan alam tapi hanya mengalami alam. Pada hemat saya, kalau kita mahu pada perubahan, kedua-dua pihak hendaklah sanggup berubah.

Soalan:

5. **Apakah jenis dan bentuk perubahan yang dimaksudkan yang harus dilakukan oleh kedua-dua pihak?**

Jawapan:

Pada pendapat saya sikap kedua-dua pihak hendaklah benar-benar menunjukkan bahawa baik pihak tua atau pihak muda adalah sama-sama sebagai sebahagian daripada keseluruhan masyarakat, sama timbul dan sama tenggelam, seperti masyarakat dalam bahtera Nabi Noh, satu haluan, sehidup semati.

Kepada pihak tua, dan saya adalah seorang dari pihak tua, kita mestilah menggangap pihak muda setaraf dan seimbang dan kita mestilah menghormati mereka dan perasaan serta hasrat mereka dengan tulen, kerana reaksi dari pihak muda adalah akan berasaskan kepada ketulenan dan keikhlasan kita. Sebagai satu contoh, saudara Anas tentu berasa tenang dan senang

apabila bercakap dengan seseorang yang menunjukkan dengan jujur dan ikhlas bahawa dia benar-benar hendak bercakap dengan kita dan menegur kita — tapi sebaliknya kita gelisah dan kurang senang apabila seseorang itu menerima kita dengan perasaan berpura-pura saja hendak berbaik.

Kaum pemuda ini perlu kepada galakan begini rupa, dan kita tidak boleh menuntut kepercayaan dan muhibbah dari pihak muda, sebaliknya mestilah datang dan diberi dengan ikhlas dan jujur. Apabila kita bertemu dengan pemuda, janganlah kita bersikap sebagai satu pihak berkuasa untuk terus menyalahkan buah fikiran mereka dengar tidak menimbangkannya mengikut nilai mereka walaupun mungkin akhirnya kita tidak bersependapat dengan mereka. Yang penting sekali ialah kesanggupan kita menerima kenyataan bahawa nilai-nilai senantiasa berubah kerana keadaan berubah. Dan kita hendaklah senantiasa membaharui kesedaran kita mengikut aliran masa dan keadaan. Janganlah kita lupa sungguhpun keadaan itu dibentuk oleh pemikiran manusia, pemikiran manusia jua boleh diadun, dibentuk oleh keadaan sekiranya manusia itu tidak berjaga-jaga.

Pihak muda tidak cukup hanya membantah dan menentang walaupun ada orang yang mengajar atau menghasut bahawa kalau tak ditentang takkan berubah. Yang sebenarnya, segala-segalanya akan berubah hanya Tuhan saja yang tidak berubah. Jadi yang menjadi soal ialah cara dan arah, dan apakah peranan kita dalam membawa perubahan ini. Saya minta pihak muda cuba mendekati pihak tua, bukan dengan semangat sengketa atau cara berkonfrontasi, tetapi membawa idea-idea yang bernas.

Di dalam pertemuan di peringkat permulaan, sudah tentu akan timbul banyak rintangan tetapi insya Allah, akan dapat bersefahaman dengan pihak tua sekiranya pemuda-pemuda tidak menegakkan benang basah. Lagi satu, janganlah terlampau kukuh memegang satu-satu idea pada masa muda kerana ini boleh menjadikan seseorang itu 'reactionary' dan tidak mahu berubah sikap apabila dia menjadi seorang pihak tua yang sekarang dikatakan salah Itu! **Seseorang itu seelok-eloknya menjadi dewasa, bukan hanya menjadi orang tua.** Kita semua sedar pihak tua ada yang mempunyai pengalaman yang

bermutu, dan ada pihak muda yang mempunyai pengetahuan yang bernas, dan sekiranya cara berdialog itu dijalankan dengan beriman, sabar dan penuh pengertian dan tanggungjawab, bahawa kita semua satu haluan, seiring sejalan, kedua pihak itu memang mempunyai banyak mutiara yang boleh digabungkan menjadi seutas kalung yang cukup bermutu.

Transkripsi temuramah Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, juga Pemangku Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dengan wakil RTM pada 15hb. Mei, 1972 sempena Hari Belia. Temuramah ini telah disiarkan melalui Radio dan Talivisyen Malaysia pada malam 15hb Mei. 1973.

BELIA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Belia dan pembangunan adalah berupa ikatan tenaga dan hasrat yang jika dapat digunakan dengan baik, akan memberi hasil yang sebesar-besarnya kepada negara. Dalam negara kita yang mempunyai bilangan penduduk yang terdiri dari ramai orang muda, jika sekiranya tenaga muda itu dapat digembelingkan dan dirancangkan pula atau gerakusaha yang berkesan dalam pembangunan yang pesat, maka ini adalah satu jaminan yang sangat baik bagi kemajuan dan kebahagiaan masa depan negara kita.

Bila saya menyeru agar seluruh tenaga muda yang terdapat di negara kita harus digembelingkan ke arah memesatkan pembangunan negara, saya tidak bermaksud yang seluruh tenaga muda ini harus pula bergabung di bawah satu pertubuhan saja. Ini bukan maksud saya. Biarlah pertubuhan atau persatuan belia tumbuh bercambah dan membiak. Tetapi, apa yang saya harapkan ialah *'unity'* bukan *'uniformity'*, iaitu setiap persatuan atau pertubuhan belia di negara wajib mempunyai pemaduan fikiran dan matlamat, iaitu tidak lain dari mengisi apa yang dicita-citakan oleh **Rukunegara** — menyatupadukan rakyat, memelihara cara hidup demokratik, mencipta masyarakat adil di mana kemakmuran dinikmati bersama dengan adil lagi saksama, menjamin cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi budaya, dan membina masyarakat progresif melalui sains dan teknoloji. Dan asas pedoman ke arah cita-cita negara ini, ialah ketuhanan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan sentiasa bergiat dengan kesopanan dan kesusilaan. Dengan adanya tiap-tiap persatuan dan pertubuhan belia, masing-masing melalui cara dan rancangannya yang tersendiri tapi dengan mempunyai

tujuan dan matlamat yang sama, Insya Allah, negara kita akan dapat maju memenuhi kehendak rakyat dan aspirasi negara.

Saudara-saudara, negara kita menghadapi banyak masalah. Di antaranya, yang lahir dari ancaman musuh kita, ialah pengganas komunis. Pada saya, selain dari tindakan oleh pihak Angkatan Bersenjata dan Polis bagi menghapuskan ancaman itu, usaha yang lebih berkesan dan lebih boleh menjamin kestabilan dan keselamatan negara kita ialah pembangunan rakyat, pembangunan negara. Saudara-saudara, pembangunan rakyat dan pembangunan negaralah yang kita harap akan dapat memberi kemajuan dan kebahagiaan kepada negara kita dan menjamin keselamatannya, Insya Allah.

Tetapi, saudara-saudara, matlamat hanya akan tercapai jika sekiranya pembangunan itu diasaskan kepada kesedaran bahawa kebajikan rakyat adalah matlamat utama dalam pembangunan dan diasaskan juga kepada hasrat yang ikhlas untuk membahagikan faedah dan keuntungan hasil dari pembangunan itu kepada rakyat dengan cara yang boleh melahirkan keadilan sosial. Jika sekiranya pembangunan itu tidak diasaskan kepada kesedaran dan hasrat negara, seperti yang saya katakan tadi, tetapi sebaliknya pula, didorong oleh nafsu tamak untuk kekayaan dan keselesaan diri sendiri ataupun mana-mana kumpulan yang tertentu, maka pembangunan itu sendiri akan menjadi *'counter-productive'*, dalam arti kata, pembangunan itu boleh membawa kepada kegelisahan dan penentangan dari rakyat sendiri. Inilah *'paradox'* pembangunan yang kita mesti faham.

Tetapi, Alhamdullillah, Kerajaan kita memang berhati-hati dalam usahanya membangunkan negara yang tercinta ini. Adalah menjadi matlamat pembangunan negara kita untuk melahirkan masyarakat adil serta menjamin kestabilan dan kesentosaan negara kita. Oleh itu, saudara-saudara, saya berharap satu kerjasama yang berkesan dan berhasil antara belia dan Kerajaan akan ujud untuk memesatkan usaha kita bersama dalam pembangunan. Kita semua faham Kerajaan adalah berupa tenaga yang paling kuat dan berpengaruh dalam usaha membangunkan negara ini. Kita juga faham Kerajaan kita adalah Kerajaan rakyat yang dipilih oleh rakyat, dengan itu, sudah semestinya kita memihak kepada Kerajaan dalam tindakan dan usaha membangunkan negara dan menghapuskan

segala bentuk ancaman terutama dari pengganas komunis yang boleh menghancurkan kebahagiaan kita semua. **Antara komunis dan Kerajaan, sama seperti antara benar dan salah, saudara tidak boleh bersikap '*neutral*', saudara tidak ada alternatif atau pilihan lain, malah saudara mesti memilih — memilih antara yang benar dengan yang salah, itu saja.** Dan demi menjamin dan memelihara keutuhan agama, bangsa dan negara kita, saudara mesti memilih untuk bersama-sama Kerajaan, memerangi dan menghapuskan musuh yang berniat tidak lain dari menghancurkan segala pegangan dan amalan hidup kita, khasnya agama kita.

Memandang bahawa ahli-ahli **Gerakan 4B Malaysia** kebanyakannya terdiri daripada belia-belia luar bandar, maka kerjasama saudara dengan Kerajaan akan berupa satu jambatan yang akan menghubungi rakyat di luar bandar dengan Kerajaan yang mereka pilih. Kita mestilah mula-mula berbakti kepada rakyat, jika tidak, musuh kita akan menghampiri dan menawan mereka. Saya harap saudara akan melihat adanya kekuatan 4B di luar bandar sebagai satu peluang yang sangat baik bagi saudara membantu dengan segala rupa usaha bagi meninggikan taraf hidup mereka. Saya tahu, dalam 4B, ada banyak orang-orang muda yang berkelayakan umpamanya, ada yang menjadi lawyer, ada yang menjadi pentadbir, ada yang menjadi guru, pendek kata banyak pekerja-pekerja muda dalam **Gerakan Belia 4B.** Oleh itu, **Gerakan Belia 4B** boleh dianggap sebagai pengumpulan tenaga yang sangat penting yang boleh digunakan untuk pembangunan negara. Marilah kita bekerjasama.

Yang hendak ditanyakan ialah bagaimanakah kita boleh bekerjasama. Pada saya, kerjasama yang baik dan berkesan mestilah diasaskan kepada satu fahaman antara kita, bukan sahaja tentang dasar pembangunan negara, khususnya Dasar Ekonomi Baru, tetapi juga fahaman yang baik tentang strateji dan gerak langkah yang akan diambil bagi mencapai tujuan dasar itu.

Satu lagi musuh negara yang sama hebat dan sama mudaratnya dengan ancaman yang didatangkan oleh pihak komunis ialah dadah. Pada hemat saya, amat kena sekali saya menyentuh hal dadah ini pagi ini khususnya kepada saudara-saudara para belia. Saya katakan demikian kerana sasaran

dadah ialah kepada kaum belia dan hingga hari ini satu jumlah yang besar sudah menjadi penagih dadah — kebanyakannya belia, dan belia Melayu pula. Kita sudah kehilangan satu jumlah tenaga muda yang amat diperlukan oleh negara untuk membangun dan mempertahankan negara. Dadah bukan saja akan melemahkan ketahanan kita, bahkan juga akan melemahkan keimanan kita. Pegangan kita terhadap agama juga boleh terjejas. Kalau pihak komunis telah menggunakan dadah untuk melemahkan ketahanan askar-askar Amerika di Vietnam, maka tidaklah keterlaluan jika saya katakan pihak komunis boleh juga menggunakan dadah untuk melemahkan ketahanan rakyat kita pula, khususnya para belia Melayu kerana mereka sedar, salah satu penghalang kepada kemajuan mereka ialah kegagalan mereka memujuk orang-orang Melayu ikut menyertai perjuangan komunis. Dan kepada pihak komunis, dadah juga boleh menjadi satu punca kewangan yang dapat mereka pergunakan untuk mempertingkatkan gerakan mereka.

Kita mesti isytiharkan perang habis-habisan terhadap dadah kerana dadah boleh mendatangkan bencana kepada agama, bangsa dan negara kita. Tiga bentuk tindakan wajib kita gerakkan. Pertamanya, berbentuk **'preventive'** — mengawas rapi segala kegiatan penyeludupan, pengedaran dan penjualan dadah. Keduanya, berbentuk **'curative'** — memulih mereka yang sudah menjadi penagih. Ketiganya, berbentuk **'immunization'** — menjalankan dakyah dan kempen untuk menimbulkan sikap membenci dan memandang jijik terhadap dadah. Pernah saya anjurkan sikap yang mahu kita timbulkan itu ialah seperti sikap yang terdapat di kalangan orang-orang Melayu terhadap babi. Dan apabila perasaan benci dan jijik ini timbul maka tidak akan ada lagi pasaran untuk dadah, sama seperti tidak adanya pasaran untuk babi bagi orang-orang Melayu.

Dalam hal memerangi dadah ini, saya minta setiap persatuan atau pertubuhan belia, di tiap-tiap cawangan, menubuhkan satu unit khas untuk menentang ancaman dan pengaruh dadah ini. Pada hemat saya, bagi menghalang merebaknya dadah di kalangan belia, orang-orang yang paling sesuai bertugas dalam hal ini ialah para belia sendiri.

Saya harap dari seminar ini akan lahir bukan hanya satu kenyataan hasrat untuk membangun, tetapi satu program yang

pragmatik yang boleh dilaksanakan secepat mungkin bagi mencapai matlamatnya. Saudara-saudara, program saudara itu mestilah mempunyai projek-projek yang dapat memenuhi kehendak-kehendak pembangunan ekonomi negara, perpaduan negara dan keselamatan negara. Saya harap projek-projek itu juga akan memerangi anasir sabversif dan komunis, memerangi dadah dan segala rupa jenayah. Jika ini dapat saudara capai maka peranan saudara tidak akan menjadi sia-sia, penggembelengan tenaga belia tidak akan menjadi perkara cemohan, dan aspirasi belia bukan tertinggal sebagai tangisan yang penuh hampa. Saya harap usaha baik saudara akan mendapat hidayah daripada Allah Subaha Nahuwataala. Semoga hasil dari seminar ini akan dapat membawa kepada peningkatan usaha saudara yang lebih berkesan untuk membangun negara yang tercinta ini.

Ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di upacara peresmian Bengkel Pelita Pembangunan 4B Zon Selatan. di Kompleks Pelbagai Guna. Johor Baharu. jam 9.30 pagi. hari Jumaat 8hb. April. 1977.

SENI DAN BUDAYA

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENULIS

Pagi ini saya senang sekali dapat hadzir bersama-sama saudara-saudara di mesyuarat Agung Persatuan Penulis-Penulis Kelantan. Ini adalah satu kesempatan yang paling istimewa buat saya untuk berkenalan dan bertukar-tukar fikiran. Saya ucapkan terimakasih di atas jemputan saudara-saudara itu.

Mengatakan bahawa penulisan itu merupakan satu 'profession' yang tertua sekali mungkin akan disangkal. Sastra bukanlah cabang seni yang tertua sekali — seni lukis atau seni lakun mungkin lebih awal lagi. Tetapi hari ini tidak boleh disangkal bahawa pena mempunyai pengaruh dan kesan seantero dunia. Penulis-penulis — samada ahli fikir, ahli nobel, ahli drama atau wartawan — mempunyai pengaruh yang kuat ke atas fikiran dan sikap manusia, ke atas seniman-seniman kreatif lain dan mereka ini pula mencorak serta membentuk alam keliling kita dan seterusnya mempengaruhi pandangan kita.

Sebuah negara dan satu bangsa yang kuat, aman, makmur, bermaruah dan mempunyai kehormatan tidak dapat dibangunkan dalam masa yang singkat dan dengan rancangan-rancangan ekonomi atau rancangan-rancangan sosial jangka pendek saja. Pembangunan satu bangsa dan sebuah negara adalah perjuangan lahir batin yang harus diperjuangkan sepanjang zaman turun temurun. Perjuangan itu mestilah mempunyai matlamat. Dan matlamat itu menentukan langkah dan sikap perjuangan dari masa kemasa.

Matlamat kita ialah membangun satu bangsa yang kuat, hidup dalam keamanan dan kemakmuran, bermaruah dan dihormati di dunia ini. Matlamat ini termaktub di dalam Perlembangaan, dan ciri-ciri asasnya sudah pula dimaktubkan sebagai rukun yang mesti diamalkan di dalam kehidupan kita.

Rukun itu kita telah namakan **Rukunegara.** Rancangan demi rancangan akan kita buat berperingkat-peringkat untuk mencapai matlamat yang termaktub dalam **Rukunegara** itu. Dan sekarang ini, untuk masa lima tahun yang akan datang, kita akan berjuang menjalankan rancangan ekonomi Lima Tahun Malaysia Kedua pula.

Rancangan Lima Tahun Kedua ini adalah rancangan untuk satu jangka masa yang kelak akan disusul pula dengan rancangan sambungannya selepas rancangan ini selesai dijalankan. Dalam jangka panjangnya, iaitu matlamat perjuangan pembangunan nasional kita, ialah tercapainya cita-cita **Rukunegara** seluruhnya dengan tidak menyeleweng dari prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya. Dari **Rukunegaralah** akan terserlah identiti atau pribadi Malaysia. Dalam apa juga rancangan yang kita jalankan untuk mencapai perpaduan di kalangan seluruh rakyat, untuk hidup dalam sistem demokrasi, untuk mencapai keadilan dalam menikmati kemakmuran negara, untuk mengamalkan tradisi-tradisi kebudayaan yang berbagai corak, dan untuk membina masyarakat yang progresif dengan menggunakan sains dan teknoloji, kita mestilah selamanya menjadi individu-individu yang mempunyai kepercayaan kepada Tuhan, setia kepada raja dan negara, menjunjung tinggi keluhuran Perlembagaan, tunduk kepada kuasa undang-undang, dan senantiasa sopan dan bersusila.

Disinilah peranan para penulis mengambil tempatnya, iaitu memanifestasikan pengalaman lahir batin individu-individu masyarakat kita yang berjuang untuk mencapai cita-cita hidup manusia yang luhur, yang walau dalam keadaan apa pun, tidak mungkin terkeluar dari prinsip-prinsip **Rukunegara** itu. Prinsip-prinsip **Rukunegara** itu sebenarnya adalah prinsip hidup manusia yang luhur yang ingin tegak dalam dunia ini dengan kehormatan dan kemuliaan sebagai manusia.

Dalam perjuangan hidup seperti ini akan banyaklah nilai-nilai yang akan terlibat, seperti, sistem nilai yang lama yang tidak sesuai lagi dengan sistem nilai progresif zaman ini, dan yang dianut oleh satu kaum yang tidak sesuai untuk semua kaum. Ini termasuklah nilai-nilai etika dan juga estetik, nilai-nilai tentang moral dan tentang keindahan yang dihargai di dalam hidup ini

yang terpancar dalam bentuk-bentuk kebudayaan dan sebagainya.

Dalam usaha manusia untuk berubah dari kemunduran kepada kemajuan, daripada perbezaan kepada persamaan, daripada kemiskinan kepada kemakmuran, daripada kebimbangan kepada ketenangan dan keamanan, daripada ketakutan kepada keselamatan, daripada kehinaan kepada kemuliaan, daripada kecurigaan kepada kepercayaan dan seterusnya, seringkali perubahan itu melibatkan rohani dan jasmani. Perubahan ini berlaku dalam proses berlakunya perubahan sikap dalam pemikiran, yang kemudiannya, menimbulkan perubahan sikap perbuatan atau pelakuan fisikal. Tidak akan ada, misalnya, perubahan daripada pertanian menggunakan kerbau kepada pertanian menggunakan trekter jika konsep kebaikan teknoloji belum diterima lebih dulu oleh pemikiran. Juga, misalnya, tidak akan lahir tenaga yang kuat untuk menambahkan kekayaan sebelum ada konsep penghargaan terhadap hidup yang sempurna di dunia ini. Jika di dalam pemikiran kita hidup sempurna di alam baka sahajalah yang kita idami, maka di manakah datangnya dorongan untuk bergiat bekerja kuat bagi mencapai kemakmuran di dalam hidup di alam fana ini?

Jika kita inginkan perpaduan negara, maka mestilah lebih dulu tumbuh di dalam pemikiran kita bahwa kita yang menjadi rakyat negara ini adalah kepunyaan negara ini. Kita menjunjung langit yang satu, dan berpijak di bumi yang satu. Jika kita bersetuju demikian, maka kita telah mempunyai konsep kebangsaan yang pokok — bahwa kita semua kepunyaan satu negara. Jika konsep ini belum tumbuh dalam pemikiran kita, maka perpaduan yang berdasarkan kepentingan politik dan ekonomi saja tidak akan memadai untuk menyatu-padukan kita. Pelakuan fisikal kita akan pada satu ketika menjadi bertentangan. Pertentangan ini akan menghancurkan kerana tidak ada suatu pun lagi yang mengikat kita untuk tidak bertentangan atau melepaskan diri dari pertentangan itu.

Kaum penulis yang sumber inspirasinya terletak pada pergolakan hidup manusia lahir batin sudah tentu terlibat dengan soal-soal perubahan-perubahan sikap mental dan fisikal yang diperlukan oleh manusia Malaysia sekarang ini dan juga

masa akan datang. Tidak cukup bagi penulis hanya memaparkan kenyataan hidup saja tetapi ia harus menyingkap tabir-tabir yang menyelubungi kenyataan itu. Apa yang kelihatan sebagai kenyataan itu tidak mestinya hakikat. Mencari dan memanifeskan serta mentafsirkan kenyataan dari hakikat itu adalah tugas penulis yang bercita-cita untuk memahami dan memberi faham tentang nilai-nilai hidup.

Baik ahli politik atau teknokrat atau pentadbir, semua pihak pada ketika ini sedang giat berusaha mencipta satu masyarakat yang mempunyai sistem nilai yang 'relevant' dengan keyakinan bersama. Seniman-seniman kita mempunyai tugas yang sama penting dengan sebarang teknokrat, professional atau pentadbir lain dalam proses ini. Justeru itu seniman-seniman seharusnya berada dibaris hadapan segenap ketika. Pada ketika ini, balai-balai senilukis kita mempamirkan karya-karya pelukis baru yang mencerminkan bukan sahaja kemajuan dan perubahan yang dicapai di luar negeri bahkan juga mencerminkan semangat dan 'ethos' masyarakat kita sendiri yang sedang berubah. Tapi malangnya, cabang-cabang seni ini hanya menarik minat sebahagian kecil rakyat jelata yang dapat menikmati dan menyedarinya.

Sebaliknya, kesusastraan mempunyai peminat-peminat yang lebih ramai. Para penulis mempunyai pengaruh ke atas sebilangan besar pembaca-pembaca, dan memberi kesan yang kuat lagi mendalam ke atas mereka. Hakikat ini sayugialah disedari dan dipergunakan oleh para penulis bukan sahaja sebagai sumbangan yang dapat mereka baktikan kepada cita-cita masyarakat umumnya, bahkan juga sebagai sumbangan kepada perkembangan kesusastraan sendiri.

Saya sangat tertarik hati mendapati banyak bukti menunjukkan bahawa para penulis kita juga sudah meninggalkan plot-plot lapuk dan mengkaji isu, masalah dan dilemma-dilemma baru yang menghadapi kita hari ini. Saya dapati ada banyak para penulis kita yang menunjukkan minat terhadap keadaan ekonomi negara kita.

Sekiranya usaha ini benar-benar mengalihkan kesusastraan dari plot-plot lapuk kepada isu-isu hari ini maka ini adalah merupakan satu usaha yang wajar. Saya menyeru saudara-saudara harus melahirkan minat kepada segala hal serta

keuntungan sains dan teknoloji, menggerak serta menyedarkan pembaca-pembaca kepada hakikat-hakikat hari ini dan harapan kita pada masa depan. Terangkanlah kepada mereka, sains dan teknoloji bukanlah satu hal yang ajaib dan takjub. Sains hanyalah merupakan satu pemahaman bagaimana semua bentuk 'benda' dan 'tenaga' bertindak. Teknoloji hanyalah merupakan pengetahuan asas yang dipindahkan kepada penggunaan yang praktik. Kemajuan melalui sains dan teknoloji bermakna memperbaiki keadaan kita dengan cara memperolehi pengetahuan serta mempergunakan pengetahuan ini secara rasional untuk tujuan-tujuan yang berfaedah.

Para penulis tidak seharusnya berhenti di situ sahaja. Bawalah pembaca-pembaca untuk mengkaji keadaan am seluruh masyarakat kita. Masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita sudah diketahui umum. Cita-cita masyarakat kita dilahirkan dengan jelas dalam **Rukunegara.** Seorang penulis itu ialah seorang yang membuat komentar dalam segala hal. Perkara yang ditulisnya ialah manusia, dan tumpuannya ialah peri kemanusiaan. Para penulis mestilah mengetahui dan menyedari segala bidang aktiviti manusia dan menyuarakan tindakbalas kemanusiaan terhadap usaha-usaha perancangan dan perubahan. Selain dari itu bukan sahaja tanggungjawab para penulis untuk membuat 'social comment' tetapi juga hendaklah ia mencuba menyuarakan cadangan-cadangan untuk mengatasi kesulitan masyarakat.

Namun haruslah kita menyedari bahawa sungguhpun peranan pakar-pakar perancang itu penting, aktiviti-aktiviti mereka haruslah dinilai dan ditimbang kesannya di sisi manusia. Apakala pakar-pakar yang sempit mengambil-alih aktiviti-aktiviti tertentu, dan aktiviti-aktiviti ini mempunyai pengaruh yang kuat maka para penulis hendaklah menginsafi dan menyedari pengaruh-pengaruh itu. Sebagai contohnya, si pengkaji hayat mungkin berjaya mencipta bayi dalam 'test tube'. Ini adalah tugas mereka menjalankan penyelidikan yang sempit dalam lapangan mereka yang tertentu. Dalam contoh ini, si pakar sains akan menumpukan segala perhatiannya kepada keadaan bayi di dalam 'test tube'nya, si ahli jura akan menumpukan perhatiannya kepada implikasi kemajuan sains ini ke atas undang-undang masyarakat, umpamanya undang-

undang perwarisan. Si ahli agama akan menumpukan perhatiannya kepada implikasinya dari segi agama. Si perancang ekonomi akan menumpukan perhatiannya kepada akibat perkembangan ini ke atas jumlah penduduk dan penyibarannya.

Dan saya rasa, banyak menafaatnya jika para pengarang membuat cerita 'futuristic' umpamanya, menggambarkan Malaysia lima puluh tahun di masa muka dengan segala baik jahat sebagaimana diagaksangkakan oleh pengarang itu sendiri. Ini akan menolong siperancang dan juga rakyat sendiri untuk bersiap dan menyediakan cara-cara hidup supaya perubahan yang akan jadi itu kurang mengkagetkan masyarakat.

Para penulis bertanggungjawab menyedari semua perkembangan ini serta memahami seluruh implikasi yang mempunyai kesan di sisi manusia, dan adalah juga menjadi tanggungjawab para penulis untuk menyuarakan tindak balas manusia terhadap perubahan-perubahan ini. Saudara-saudara tafsirkanlah segala perkembangan ini kepada pembaca-pembaca saudara-saudara dan saudara-saudara cerminkanlah perasaan hati sanubari mereka di dalam tulisan-tulisan saudara.

Sekarang yang saya rasa banyak mengisi fikiran penulis-penulis ialah masalah penerbitan. Saya tahu begitu banyak pengarang-pengarang dan penulis-penulis yang tidak dapat menerbitkan karya masing-masing. Masalah ini sebenarnya bergantung banyak kepada sifat rakyat Malaysia yang belum mempunyai kegemaran membaca seluas-luasnya. Barangkali ada juga disebabkan oleh kedudukan ekonomi orang-orang yang suka membaca masih terlalu buruk untuk membolehkan mereka membeli buku. Penerbit-penerbit tidak dapat diharap untuk menerbitkan antoloji-antoloji sajak, cerita pendek bahkan novel kalau mereka yakin pasarannya tidak memuaskan. Saya tahu ada penerbit-penerbit yang ingin menerbitkan karya-karya sastera walaupun tidak mendapat untung tetapi tentulah susah hendak disalahkan kalau mereka tidak dapat menerbitkan sesuatu yang sudah tentu akan merugikan. Kalau kita dapat mencari jalan supaya orang-orang kita suka membaca seperti suka merokok, suka menonton wayang dan sebagainya, maka saya rasa penerbit akan sentiasa mencari-cari karya untuk diterbitkan. Langkah yang sesuai memanglah patut diusahakan untuk menanamkan semangat suka membaca atau menghapus-

kan halangan-halangan yang menyebabkan orang tidak dapat membaca. Saya berharap para penulis, melalui badan-badan seperti Persatuan Penulis Kelantan ini, patutlah ikut memikirkan sama.

Pihak kerajaan pada masa ini sedang mengambil perhatian yang berat tentang kemajuan dan perluasan pengaruh kesusastraan nasional. Kesusastraan mempunyai peranan yang amat bererti dalam pembentukan fikiran. Oleh kerana itu, ia juga adalah sebagai pembimbing kepada pengertian tentang sistem nilai dan ini memang sangat-sangat disedari oleh Kerajaan. Perdana Menteri sendiri mengambil berat dalam hal ini hingga beliau sendiri telah membentuk Panel Hadiah Sastra dan Panel Panasihat yang akan menasihatkan beliau tentang kemajuan atau tidak majunya kesusastraan kita dari masa ke masa. Ini sudah tentu bertujuan untuk membolehkan Perdana Menteri bertindak dengan betul bagi memajukan kesusastraan nasional. Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi tugas menyelenggarakan urusan Panel Hadiah Sastra dan saya mendapat tahu Dewan Bahasa dan Pustaka telah bertindak tegas dengan menubuhkan sebuah Bahagian Sastra yang khusus bertugas untuk memajukan kesusastraan kebangsaan. Ini sudah tentu termasuk urusan memperbanyakkan penerbitan karya-karya sastra. Para penulis akan mendapat bantuan sedikit sebanyaknya dari keadaan-keadaan ini. Tetapi saya tidak yakin bahwa Dewan Bahasa saja akan dapat menampung semua karya penulis yang begitu banyak di negara ini. Oleh sebab ini usaha mendorong penerbit-penerbit swasta masih di perlukan. Menanamkan semangat suka membaca di kalangan rakyat adalah salah satu pendorong yang objektif dalam hal ini.

Buat mengakhiri, benarkanlah saya meminta kepada semua para penulis di negara ini supaya mereka itu semuanya 'committed' kepada membina satu masyarakat yang ditentukan oleh **Rukunegara.** Kita tidak lagi hidup di dalam gelap gelita seperti masa kolonial. Fajar menyinsing membawa Malaysia ke dalam suasana terang cemerlang. Marilah kita mengarang novel, drama dan sajak yang bernas dengan harapan.

Ucapan ini disampaikan di majlis pembukaan mesyuarat agung Persatuan Penulis-Penulis Kelantan di Dewan Putri, Kota Bharu, Kelantan, pada hari Jumaat, 15hb. Oktober, 1971, jam 9.30pagi.

KOMUNIKASI MELALUI SENI

Pamiran Tahunan Balai Seni Lukis Negara, sebagai yang kita ketahui adalah bermula pada tahun 1958 dan telah diadakan tiap-tiap tahun dalam bulan Ogos sebagai satu acara ulangtahun Kemerdekaan Malaysia. Dalam tahun 1971, pamiran ini telah diubah coraknya daripada satu pamiran terbuka kepada satu pamiran jemputan, dalammana seniman-seniman yang didapati gigih dalam penciptaan mereka atau yang dianggap telah menubuhkan satu-satu konsep yang tertentu melalui karya-karya ciptaan mereka, dijemput untuk mengambil bahagian. Saya telah diberitahu bahwa Balai Seni Lukis Negara masih mengadakan pamiran terbukanya dalammana semua pelukis-pelukis dari Malaysia dijemput menghantar karya-karya mereka untuk dipilih dalam satu pamiran besar pada tiap-tiap bulan Disember. Dengan ini saya merasa amatlah sesuai bagi kedua-kedua pamiran ini diadakan tiap-tiap tahun kerana fungsi sesuatu Seni Lukis Negara adalah bukan sahaja untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti seni lukis di kalangan semua bakat terutama sekali di kalangan tunas-tunas baru, tetapi Balai Seni Lukis Negara sebagai satu pusat atau suatu 'centre of excellence', haruslah senantiasa berpandu kepada mutu pengu-taraan seni yang tinggi dan timbangan-timbangan 'aesthetic' yang waras. Saya berharap Balai Seni Lukis Negara kita akan berjaya dalam melaksanakan peranan ini supaya pilihannya dan timbangannya dihormati dan disanjung tinggi bukan sahaja di negara kita ini tetapi juga di merata-rata dunia di mana sahaja karya-karya dari negara kita dipamirkan. Dalam perkara ini, saya amatlah sukacita mendapat tahu baru-baru ini satu makalah mengenai tujuh orang pelukis Malaysia telah lahir pada kali pertamanya dalam majallah *Arti International* iaitu suatu

majallah seni antarabangsa terkenal di merata-rata dunia yang dikeluarkan di Geneva.

Kita merasai penyertaan yang lebih aktif dengan berasaskan kepada adanya komunikasi yang lebih berkesan antara seniman dan penuntun-penuntun adalah masih tersangat bekurangan di negara kita ini. Akibatnya, terdapat perpisahan antara pencipta di satu pihak dan orang ramai yang menjadi penuntun di pihak yang lain. Pengasingan ini adalah merupakan gejala yang paling tidak sihat sekali di dalam perkembangan seni di mana-mana pun. Kita tidak dapat menyalahkan mana-mana pihak. Akan tetapi, apa yang patut kita laksanakan adalah menubuhkan jambatan yang dapat menghubungkan kedua pihak serta mengurangkan jurang kebudayaan yang ada. Hari ini kita mempunyai lebih banyak saluran-saluran sibaran am yang dapat menerangkan sesuatu buah fikiran dan membina hujah-hujah yang dapat menimbulkan fahaman. Bilangan surat-surat khabar, majallah-majallah dan masa untuk radio dan talivisyen yang terdapat sekarang adalah melebihi mana-mana zaman yang sudah kita lalui. Saya merasai seniman tidaklah harus bergantung kepada medium yang biasa sahaja kepada diri mereka untuk mengutarakan fikiran dan rasa mereka. Mereka patutlah menggunakan segala kesempatan dan kemudahan yang ada untuk menyebarkan asas-asas seninya yang dapat dikupas, dibincangkan oleh seniman-seniman lain serta peminat-peminat seni, bukan sahaja untuk kepentingan perkembangan seni di negara ini tetapi juga untuk kepentingan mereka sendiri. Dengan ringkasnya, pelukis-pelukis tidak harus sahaja melukis tetapi juga menulis dan berdialog untuk menetapkan pendirian mereka dalam kebudayaan.

Dari pihak penuntun pula, kita tidak seharusnya menerima segala-segala yang dicipta oleh seniman terutama sekali yang tidak difahami tujuan dan 'message'nya sebagai sesuatu yang sudah semestinya seni. Seni tidak semestinya diselimuti oleh kemujaratan atau 'mystery' yang tidak dapat diterangkan atau sekurang-kurang diberi saran-saran penting melalui perbincangan, diskusi atau dialog antara satu dengan lain. Kita patut mengambil sikap yang lebih 'aktivist' dengan menuntut penjelasan terhadap apa yang dilahirkan sebagai seni yang terdapat dalam kehidupan masyarakat kita sendiri. Kita

patutlah sentiasa menyambut peluang-peluang yang dibuka untuk bertemuramah dan berbincang dengan seniman-seniman kita seperti acara-acara yang diaturkan oleh Balai Seni Lukis Negara untuk melibatkan orang ramai dalam pergerakan dan aktiviti-aktiviti yang berunsur seni supaya penglibatan dalam seni adalah satu penglibatan yang lebih penuh.

Saya tidak hendak memanjangkan acara pembukaan pamiran ini tetapi suka saya menegaskan tentang kepentingan perhubungan atau komunikasi dalam seni terutama dalam masyarakat kita sekarang. Dalam pamiran ini kita adalah diwakili oleh pelukis-pelukis, yang jika mengikut 'credential' mereka seperti yang tersebut di dalam katalog pamiran ini, tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan pelukis-pelukis di negara-negara lain termasuk Amerika Syarikat, Russia atau Eropah. Kita tidak harus lagi menganggap apa yang diciptakan oleh seniman tidak ada perhubungannya dengan kita, malahan kita patut menganggap pengasingan seni dari diri kita sendiri sebagai satu masalah yang mesti diatasi bersama oleh semua pihak.

Ucapan ini telah disampaikan di Upacara Peresmian Pembukaan Pamiran Jemputan Tahunan di Balai Seni Lukis Negara, jam 5.30 petang, pada 28hb. Ogos, 1972.

PANDANGAN TENTANG KARYA-KARYA HADIAH SASTRA

Sekali lagi kita tiba ke upacara penyampaian hadiah karya-karya sastra terbaik untuk 1972. Ini adalah tahun keduanya hadiah penghargaan ini disampaikan dan setahun lagi kita maju di alam seni sastra kita.

Umumnya, tahun 1972 menampakkan pertambahan bilangan karya-karya (cerpen, novel, sajak, drama) dan penulis-penulis jika dibandingkan pada tahun terdahulunya. Yang paling ketara ialah bertingkatnya jumlah cerpen, dan yang agak melarat ialah penulisan novel dan drama. Panel Hadiah Sastra agak khuatir meski pun terdapat kebanjiran hasil karya, mutu penulisan nampaknya kurang sekali memuaskan. Ketara sekali ada penulis dan penyair begitu ghairah menghasilkan sebanyak karya yang terdaya sehingga mutu penulisan menjadi rosak. Adalah lebih elok seorang seniman itu menumpukan sepenuh tenaga dan penelitian menghasilkan walau pun juga satu karya saja setahun, tetapi yang bernilai dan bermutu, dan yang lasak diuji zaman dan perkembangan. Panel juga agak khuatir dengan gejala porno yang semakin menular ke alam sastra kita sehingga ramai penulis-penulis berbakat dan yang 'established' membazirkan tenaga dan bakat menghasilkan karya-karya corak ini.

Saya sendiri agak runsing juga melihat sedikit sekali bilangan drama yang dapat dihasilkan oleh seniman kita. Apakah ini benar-benar satu gelanggang baru sehinggakan tidak ada orang yang berani mencubanya? Atau adakah drama agak sulit dan mengambil masa menulisnya sehinggakan tidak ada yang menyanggupinya? Kita kemarau dengan karya drama dan ketandusan ini memaparkan satu sudut kemampuan seniman kita. Nasib novel juga amat menyedihkan.

Seperkara yang rasa saya perlu saya sebutkan di sini ialah

sahutan para seniman kepada seruan untuk menghasilkan karya-karya bercorak pembangunan. Sambutan yang diberi sungguh memberansangkan. Cuma pentafsiran pembangunan itu agak keterlaluan. Pembangunan bukan bererti trektor dan kerja-kerja petani, menebang pokok, meneroka hutan. Dan pembangunan bukan bererti memaparkan kemiskinan dan kemelaratan serta penindasan ke atas petani dan nelayan bagi mendapatkan simpati dan keharuan. Trektor hanya alat memajukan rakyat, dan segala kesulitan merupakan rintangan yang mesti diperangi. Yang mahu dibangunkan ialah manusianya, dan yang mahu dilahirkan ialah manusia yang sanggup berdikari, yang gigih dan yang mampu mengubah nasibnya sendiri dengan titikpeluh dan dorongan kesedarannya sendiri. Unsur yang harus menjadi tumpuan para-seniman ialah manusianya — pergolakan yang sedang diharunginya, nilai yang sedang diperanginya, dan keinsafan yang sedang menyelubunginya — akibat dari segala macam kemajuan fisikal disekitarnya.

Kepada para cerpenis, novelis dan dramatis semua, ingin saya menyeru agar mementingkan plot dalam cerita. Themanya mudah dicari. Kelemahan kebanyakan cerita kita ialah kerana kelemahan mengolahkan plotnya. Apa yang saya lihat hari ini ialah cerita yang meleret-leret, senikata yang melarut-larut tapi plotnya tidak ada. Dan kepada penyajak, hasilkanlah karya yang meniupkan satu kesedaran dan keinsafan baru, bukan hanya perkataan-perkataan besar dan menggegar tapi tinggal perkataan saja. Dan kepada semua para seniman, cetuskanlah hasil-hasil karya yang bercorak **futuristik** — yang membayangkan bentuk dan jenis masyarakat, juga manusia yang akan lahir di tanahair kita di masa muka. Tapi biarlah segala hasil karya saudara-saudari itu tetap mengekalkan keindahan dan ketinggian seni.

Di sini ingin saya melahirkan rasa terimakasih dan penghargaan kepada pihak akhbar, majallah dan penerbit-penerbit lain, juga persatuan-persatuan sastra, yang sanggup menerbitkan hasil-hasil karya, dan ini dengan sendirinya membantu masalah penampungan yang selama ini disuarakan oleh para seniman. Hanya biarlah harus sentiasa diawasi agar mutu dan nilai seni sentiasa terpelihara — bukan sekadar menerbitkan apa saja atau apa yang disukai saja.

Kepada para penulis, saya ucapkan tahniah dan berseru agar terus giat menulis, tetapi jangan khayal dengan satu dua hasil karyanya yang dimuatkan dalam satu-satu penerbitan. Banyak ranjau dan duri yang harus saudara lalui sekiranya mahu mencapai kematangan yang diharapkan. Seterusnya segala tenaga dan bakat harus disalurkan bagi menghasilkan karya yang bermutu, juga bagi menyaingi karya seniman-seniman yang agak sudah 'established' — demi kepentingan sendiri, juga kepentingan seniman yang 'established' tadi. Pada hemat saya, kiranya seniman yang 'established' tadi merasakan ianya sudah tiada saingan, dengan sendirinya akan melemahkan semangatnya untuk mempertahan dan mengatasi kedudukannya sehingga ia akan menjadi paling 'unproduktive'. Juga karya seniman yang 'established' harus mendapat sorotan dan kritik lebih dari yang lain-lainnya.

Ucapan ini telah disampaikan di Upacara Penyampaian Hadiah Panel Sastra, di Seri Taman, Kuala Lumpur, jam 8.00 malam, Rabu, 11hb. April, 1973.

TARIAN SINGA DI MALAYSIA

Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan dari 16 hingga 20hb Ogos, 1971 di Universiti Malaya telah meletakkan beberapa asas ke arah pembentukan kebudayaan kebangsaan bagi negara kita. Dari rumusan-rumusan yang dicapai dalam kongres itu, tiga konsep penting telah ditetapkan oleh kongres untuk menjadi asas kebudayaan kebangsaan, iaitu:-

Pertama: Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.

Kedua: Islam menjadi unsur yang paling penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Ketiga: Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

Unsur-unsur yang dikatakan 'sesuai' dan 'wajar' dalam konsep yang **ketiga** tadi haruslah diertikan dalam konsep yang **pertama** dan **kedua,** dan tidak dari nilai atau ukuran lain. Maksudnya, sebarang unsur yang mahu dijadikan sebahagian dari kebudayaan negara kita wajarlah berasaskan kepada kebudayaan asli rakyat rantau ini dan tidak bertentangan dengan ugama Islam.

Sebarang unsur yang mahu diketengahkan sebagai satu cabang senibudaya negara hanya akan berjaya apabila unsur itu di sambut dan diterima oleh rakyat ramai, kerana apa yang dianggap sebagai satu unsur senibudaya negara adalah sesuatu yang mendatangkan kesukaan dan kegembiraan kepada kebanyakan rakyat. Rakyat sentiasa mahu mempertahan dan mengabadikan unsur senibudaya negara dengan cara mempraktikkan unsur budaya itu samada sebagai amalan hidup

harian atau melalui persembahan-persembahan bercorak kebudayaan. Ini, seperti kata saya tadi, bergantung kepada sambutan dan penerimaan rakyat ramai akan unsur budaya yang mahu diketengahkan itu. Sambutan dan penerimaan itu bergantung pula kepada keupayaan dan kesanggupan unsur budaya tersebut menyesuai dan disesuaikan dengan latar alam dan sejarah negara ini sehingga ianya diterima sebagai sesuatu yang hakiki dan sebati dengan rakyat dan negara kita. Banyak unsur senibudaya yang berasal dari luar telah melalui proses ini sebelum diterima sebagai senibudaya negara kita, tetapi banyak pula yang ditolak kerana tidak berupaya menerima penyesuaian lalu langsung tidak mendapat penerimaan umum. Dan khususnya bagi negara kita yang terdiri dari berbilang kaum dengan berbilang budaya, sekiranya sesuatu unsur budaya dari mana-mana suku kaum tidak mendapat sambutan dan penerimaan umum, maka unsur budaya itu akan tinggal sebagai milik khusus kaum tersebut saja dan besar kemungkinannya ia akan kelak menjadi beku.

Ternyata tarian singa asalnya dari negara China. Mengikut pembacaan saya, di sana terdapat beranika tarian singa. Mengikut tradisinya, tarian ini dipersembahkan dalam sesuatu acara kemeriahan atau untuk meyambut ketibaan tamu atau pelawat yang disanjung atau dihormati. Tarian singa ini dibawa ke negara ini oleh orang-orang China yang datang bermastautin di sini. Jadi, tarian, singa di negara kita pada hari ini dihubungi atau 'diidentity' dengan kaum dari keturunan China.

Satu keanihan yang kita sama-sama dapat saksikan ialah satu keadaan di mana tarian singa masih hidup dan masih kekal bentuk dan fungsi aslinya di negara kita, tapi di negara asalnya iaitu China tarian ini sudah tidak lagi dalam bentuk dan fungsi asalnya. Di negara China tarian singa tidak lagi menjadi tarian yang dipersembahkan di kampung, di jalan-jalan atau di lorong-lorong, tidak lagi sebagai acara sambutan tamu kehormat, malah tidak lagi ditarikan di bumi tempat asalnya. Pihak kebudayaan China telah mengubahsuaikan tarian singa sesuai dengan masyarakat dan perkembangan rakyat China hari ini sebagai negara kominis. Segala gerak-geri atau 'movement' dalam tarian ini telah diubah dan tarian ini sekadar menjadi persembahan pentas sebagai salah satu acara budaya yang

mereka kata progresif. Tarian singa dalam bentuk dan fungsi asalnya sudah tiada lagi di negara asalnya.

Pihak kebudayaan China juga telah memperkenalkan satu abjad atau 'script' bahasa China yang baru yang berbeza dengan yang asalnya. Langkah ini merupakan satu lagi usaha penyesuaian dengan kehendak dan keadaan masyarakat bangsa China hari ini dengan bertujuan hendak memansuh hingga lenyap segala nilai-nilai yang mereka anggap kolot dan kuno.

Satu perkara yang menjadi perhatian umum di negara ini ialah cabang budaya yang didatangkan dari negeri China ke negara ini, iaitu tarian singa, nampaknya telah ikut juga dilencungkan dari fungsi asalnya. Tarian singa telah diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu sebagai topeng untuk mengutip wang perahan seperti bayaran untuk perlindungan. Tarian singa sudah mempunyai 'stigma' di negara ini. Ianya dikaitkan dengan kumpulan-kumpulan haram atau kongsi gelap di mana melalui tarian 'Chai Ching' atau 'memetik dedaun hijau', wang perahan diikat bersama dedaun sayur hijau yang dipetik oleh si singa. Saya rasa sudah sampai ketikanya 'stigma' ini dikikis dari anggapan masyarakat, dan tarian ini dikembalikan kepada fungsi asalnya. Tugas ini terserahlah kepada orang-orang seperti saudara-saudara yang berhimpun di sini supaya tarian singa ini tidak lagi diizinkan menjadi alat kumpulan haram, dan terserahlah kepada saudara-saudara berikhtiar bagaimana 'stigma' tadi dapat dikikis.

Seperkara lagi yang menjadi amalan pasukan-pasukan tarian singa yang terdapat di negara kita ialah mengadakan persembahan secara berarak atau 'procession', misalnya persembahan tarian ini akan beredar dari satu rumah ke satu rumah atau satu tempat ke satu tempat. Saya rasa saudara-saudara tentu sedar dan dapat mengerti bahawa di dalam sebuah negara seperti negara kita, persembahan ini boleh mengakibatkan satu kejadian yang tidak diingini yang dicetuskan oleh pihak-pihak yang mahu menimbulkan kacau-bilau, atau oleh kumpulan tarian singa yang lain, yang bermusuhan dengan kumpulan yang sedang menunjukkan persembahannya. Puncanya mungkin kecil sekali, tetapi akibatnya celaka semua. Jadi atas pertimbangan untuk menjaga ketenteraman awam dalam rangka menjamin keselamatan negara pada ketika ini, maka kita

sedang mengusahakan pembinaan masyarakat yang bersatu-padu. Keputusan telah dibuat di mana persembahan tarian ini hanya akan diizinkan sekiranya ianya dipersembahkan disatu-satu tempat tertentu tanpa berarak dari satu tempat ke satu tempat. Saya harap keputusan ini dapat dimengertikan dan tidak pula ditafsirkan lebih dari itu.

Saya harap pesta ini akan berjalan dengan penuh tertib, teratur dan mencapai kejayaan seperti yang dicitakan.

Ucapan meresmikan Pesta Tarian Singa di Stadium Negara Kuala Lumpur pada 29hb. Januari, 1977, jam 7.00 malam.

SAMAD ISMAIL TIDAK MEMPENGARUHI PANEL HADIAH SASTRA

Sebagai satu cara memberi penghormatan dan penghargaan kepada sumbangan yang diberikan terhadap pembangunan dan perkembangan masyarakat negara ini oleh sastrawan melalui karya-karyanya, Kerajaan telah menubuhkan Panel Hadiah Sastra dalam tahun 1971. Panel Hadiah Sastra ini terbentuk dalam dua badan — satu ialah Panel Penasihat Sastra dan satu lagi ialah Panel Hadiah Sastra. Panel Penasihat Sastra dipengerusikan oleh Datuk Hussien Onn (yang ketika lantikan dibuat ialah Menteri Pelajaran — dan hingga kini masih Pengerusinya). Panel Hadiah Sastra dipengerusikan oleh saya sendiri. Tiap-tiap Panel mempunyai keanggotaannya. Semua anggota yang menduduki Panel Penasihat dan Panel Hadiah adalah dipilih dan dilantik oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tiap tahun sejak ditubuhkan, Panel Hadiah Sastra telah menghakimkan beribu karya sastra — sajak, cerpen, novel, esei, kritik, dan drama. Dalam mengendalikan penilaian karya-karya, satu sistem penghakiman telah dipilih dan diterima. Tapi Panel Hadiah tidak jemu-jemu mencari cara memperbaiki kaedah penghakiman dan segala teguran yang membina diambil kira, dan yang baik dimunafaatkan. Juga Panel Hadiah tidak jemu-jemu mencari ikhtiar bagaimana memberi dorongan dan galakan untuk mempertingkat dan memperkembangkan lagi mutu penulisan ke arah memperkayakan khazanah sastra negara.

Tiap tahun sejak ditubuhkan, ada ketikanya oleh satu-satu sebab tertentu atau tersendiri, Panel Hadiah kehilangan khidmat anggotanya, tapi ada pula anggota baru yang dicalun lalu diperakukan kepada Panel Penasihat untuk dilantik menganggotai Panel Hadiah supaya perjalanan dan urusan mengadili tidak

terganggu dan tidak terlalu berat dipikul oleh anggota lain yang masih sanggup memberi khidmatnya.

Pada 7 Februari, 1977 menerusi satu wawancara khas dengan Radio Talivisyen Malaysia (RTM), Encik Abdullah Majid seorang anggota Panel Penasihat Sastra (yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri), telah menyatakan, "Saya tahu Samad Ismail telah *cuba* mempergunakan kedudukan dan pengaruhnya ke atas keputusan Panel terhadap hadiah-hadiah tersebut untuk menggalakkan dan mengembangkan karya sastra yang pro-komunis. Saya sedar Samad Ismail *cuba* menggunakan pengaruhnya ke atas Panel Hadiah Sastra dengan tujuan supaya mengiktiraf karya sastra yang berunsur ke arah perjuangan komunis".

Sebagai Pengerusi Panel Hadiah Sastra, ingin saya membuat satu penegasan dan penjelasan bahawa panel mengikuti satu sistem penilaian dan pemilihan serta satu asas yang difikirkan paling adil. Setiap anggota, kalau tidak di peringkat awal, pasti di peringkat akhir, masing-masing berkesempatan cukup penuh memberikan pandangan serta pendiriannya tanpa apa jua tentangan di atas setiap karya yang dicalunkan untuk memenangi satu-satu hadiah.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi tanggungjawab untuk menjadi Sekretariat kepada Panel Hadiah Sastra memandangkan segala kemudahan yang ada pada Dewan. Tugas terawal Sekretariat ialah mengumpul segala karya untuk satu-satu tahun penghakiman iaitu segala karya yang dicetak, baik dalam bentuk buku, yang disiarkan dalam majallah, akhbar, yang berbentuk makallah, hatta yang distensil juga dikumpul. Pendeknya segala karya sastra yang diedarkan untuk pembacaan umum dikumpul. Tiap-tiap karya ini dibuat salinan secukupnya. Dalam sistem penilaian dan pemilihan, di peringkat awalnya tiap-tiap seorang anggota dibekalkan dengan setiap karya yang dikumpulkan oleh Sekretariat.

Masing-masing anggota panel itu menerima karya-karya yang sama dan masing-masing membaca, menilai dan memilih mana yang mereka dapati tinggi mutunya. Pilihan masing-masing anggota itu kemudiannya dibawa ke perbincangan bersama di mana pilihan dari tiap-tiap anggota dibahagikan kepada tiga kumpulan A, B dan C mengikut pangkat pilihan yang dibuat

oleh masing-masing anggota. Di sini akan kedapatan bahawa pilihan pangkat A oleh anggota X terhadap satu-satu karya mungkin pilihan pangkat B oleh anggota Y, pilihan pangkat C oleh anggota Z dan sebaliknya. Kedapatan juga majoriti A atau majoriti B atau majoriti C dan sebaliknya majoriti A atau B atau C dan juga kedapatan yang sebulat suara A atau B atau C. Dalam pengalaman selama lima tahun yang dicatitkan di Sekretariat, menunjukkan ada banyak persamaan dalam pemilihan para anggota pada umumnya, tetapi banyak pula berlaku perbedaan pangkat pilihannya. Jika didapati, misalnya, karya yang dikumpulkan itu 100 buah, maka rata-rata anggota panel ada memilih karya yang 100 buah itu, cuma pangkat yang mereka beri ada yang berbeda dan ada yang sama. Perbahasan yang hebat berlaku bila seorang anggota mengemukakan A sedang yang lain kebanyakannya C atau ada yang tidak memilihnya sama sekali. Anggota yang mengemukakan A itu terpaksa memberikan alasan yang sudah tentu mendapat tentangan yang hebat dari anggota yang lain. Demikian juga, jika seorang anggota tidak memilih sebuah karya sedangkan anggota lain memilihnya dengan pangkat A atau B, maka ia akan terpaksa memberikan alasan yang kuat mengapa ia tidak memilih karya itu.

Termasuk dalam sistem penilaian juga ialah pengelompokan anggota-anggota panel kepada beberapa kelompok. Ada kelompok sajak, ada kelompok cerpen, ada kelompok drama, ada kelompok esei dan kritik, dan ada kelompok novel. Bagaimanapun, pada peringkat terakhir segala kelompok kembali menjadi satu untuk membuat pilihan terakhir bagi tiap-tiap jenis karya.

Asas pemilihan dan penilaian oleh panel tergantung pada tiga perkara:

(a) Karya itu haruslah tinggi nilai estetiknya.
(b) Karya itu haruslah sedapat mungkin menepati penerapan teori-teori pengolahan karya sastra.
(c) Isi karya itu tidak bertentangan dengan kepentingan nasional, moral dan susila masyarakat, agama dan undang-undang negara.

Ciri-ciri asas penilaian dan pemilihan ini sama seperti ciri-ciri sistem penilaian dan pemilihan tadi tidak memungkinkan apa

jua pengaruh dapat dimasukkan jika bertentangan dengan (a), (b), dan (c). Jika (a) itu bersifat subjektif, tetapi (b) dan (c) adalah asas-asas yang objektif, validitinya boleh diuji.

Samad Ismail, yang menurut Abdullah Majid, cuba mempengaruhi anggota Panel Hadiah supaya memilih karya-karya yang berunsur pro-komunis itu, tidak mempunyai kemungkinan berhasil, berdasarkan sistem dan asas penilaian dan pemilihan yang diikuti, bagi menekankan sebarang kedudukannya. Samad Ismail, yang masuk kelompok cerpen, esei dan kritik tidak berkemungkinan dapat mempengaruhi anggota-anggota yang lain dalam kelompoknya, apalagi berkemungkinan mempengaruhi kelompok yang lain jenis karyanya dari kelompok cerpen, esei dan kritik di peringkat akhir, iaitu apakala semua kelompok kembali menjadi satu untuk menghakimkan setiap karya yang dicalunkan untuk memenangi mana-mana hadiah.

Bagi novel, kerana bilangannya sedikit, hingga kini tidak ada kelompok, dan setiap anggota membaca dan menilainya, dan hingga kini, baru dua buah saja yang memenangi hadiah.

Abdullah Majid tidak menjadi anggota Panel Hadiah Sastra tetapi adalah Setiausaha kepada Panel Penasihat Sastra. Abdullah Majid tidak pernah hadir atau ikut berbincang dalam perbincangan-perbincangan Panel Hadiah Sastra mengenai penilaian dan pemilihan karya yang akan diberi hadiah.

Bila Abdullah Majid mendakwa dia tahu Samad Ismail *mencuba* mempengaruhi keputusan Panel Hadiah Sastra, maka nyata kemungkinan dan kesempatan untuk mempengaruhi itu tidak ada. Di sini, ingin saya menarik perhatian umum, seperti yang dikatakan oleh Abdullah Majid, Samad Ismail *cuba* mempengaruhi. Ini tidak bererti yang Samad Ismail sudah berjaya mempengaruhi Panel atau keputusan Panel, dan Abdullah Majid tidak pernah mendakwa lebih dari apa yang dikatakannya. Tapi yang penting untuk kita semua insafi dan jadikan sebagai satu pengajaran ialah apa yang akan sentiasa dilakukan oleh pihak komunis. Mereka akan sentiasa *mencuba* mempergunakan segala kesempatan yang terluang untuk memajukan perjuangan mereka, terutamanya bila kita cuai atau lalai. Oleh kerana Panel ini adalah di bawah naungan Kerajaan, maka pengawasan dapat dilakukan supaya kemungkinan seperti

ini tidak berlaku dan apa juga percubaan buruk tidak berkesan. Tapi bagaimana pula dengan badan atau organisasi yang banyak terdapat dalam masyarakat yang bukannya di bawah naungan Kerajaan? Di sini saya merayu agar orangramai khususnya badan-badan dan organisasi-organisasi awam supaya sentiasa waspada dan mengawasi agar anasir-anasir komunis tidak boleh mempengaruhi pertubuhan itu, kerana anasir-anasir ini dike-tahui bergerak dengan cara yang begitu halus sekali. Inilah perkara yang timbul daripada wawancara Abdulah Majid yang patut dititik beratkan oleh semua orangramai.

Bagi saya, selaku Pengerusi Panel Hadiah Sastra, maka menjadi tanggungjawab dan tugas saya setingkat mana Tuhan Yang Mahakuasa membolehkan saya melihat dan mengawasi supaya karya-karya yang mengandungi unsur-unsur yang subversif, yang pro-komunis atau percubaan dari mana-mana pihak untuk mempengaruhi Panel memilih karya-karya yang senada dengan pegangannya, tidak berlaku dalam Panel. Di sini saya beri akuan sekali lagi bahawa sebarang dakwaan yang mengatakan Samad Ismail mempengaruhi Panel atau keputusan Panel itu tidak benar. Tapi saya lihat sejak tahun 1975 Samad Ismail telah mula menunjukkan riak, antara lain, untuk mempergunakan landasan sastra dan penulisan bagi memaju-kan pegangannya. Dan ini adalah merupakan salah satu bahan bagi pihak berkuasa untuk mengesan dan menjejak pergerakan Samad Ismail.

Sambil itu, pada awal tahun 1976, soal menganugerahkan hadiah 'Pejuang Sastra' mula dibincangkan, iaitu sebagai satu penghormatan kepada sastrawan yang telah menghasilkan karya yang bermutu dan yang mengandungi unsur-unsur kepentingan agama atau bangsa serta negara antara zaman tahun 1940 hingga tahun 1970. Semasa perbincangan ini berlangsung, penyiasatan polis terhadap Samad Ismail dan beberapa orang lain sedang dijalankan. Dan apakala sampai waktu perbincangan akhir untuk disahkan, pemenang-pemenang dalam mana nama Samad Ismail adalah seorang daripada calunnya, saya terpaksa membuat pilihan, iaitu:

a) mengeluarkan nama Samad Ismail dari senarai yang di calunkan dan memberi alasan yang mendedahkan segala-

galanya yang mungkin boleh menggagalkan penyiasatan polis, **atau**

b) menerima pencalunan nama Samad Ismail dengan keinsafan saya akan menghadapi teguran dan kritik.

Dalam saat demikian, mengikut perhitungan saya, sangat jelas bahawa Samad Ismail dan beberapa orang dalam perhatian itu adalah orang yang merbahaya dan penyiasatan polis jangan terjejas, lalu saya memohon restu dan ilham dari Allah Subhanahu Wata'ala, dan keputusan yang diambil ialah seperti apa yang telah berlaku. Penyiasatan polis pun selesai terhadap Samad Ismail dan dia ditangkap pada 22 Jun, 1976.

Dengan kenyataan ini, saya harap masyarakat umum dan khususnya penerima hadiah sastra tidak merasa curiga atau bimbang atas penghakiman ke atas karya-karya sastra yang telah dijalankan. Saya di sini memberi jaminan bahawa Panel Hadiah Sastra Insya Allah akan terus berjalan seperti biasa. Seperti yang saya sebutkan di awal kenyataan ini, Panel ini akan sentiasa berikhtiar untuk memperbaiki mutu penghakiman sambil mengadakan pendorong secukupnya kepada penulis untuk mempertingkatkan mutu penulisannya. Juga Panel akan menambah anggota-anggotanya supaya urusan penghakiman dapat berjalan dengan lancar. Janganlah hendaknya terbantut segala usaha kita hanya disebabkan kita memberi tafsiran lebih daripada yang didakwa. Kalau ini berlaku maka kita sahaja yang kalah dan rugi. Saya berharap semua pihak, dari semua golongan dan lapisan, akan memberi segala kerjasama, dan kaum penulis lebih giat dan ghairah menghasilkan karya-karya supaya perjuangan kita memperkembangkan sastra nasional kita maju lancar berlandaskan **Rukunegara.**

Kenyataan akhbar ini diberikan pada 26hb. Februari. 1977. selaku Pengerusi Panel Hadiah Sastra.

INDEKS

A

Abdul Kadir bin Shamsuddin(Tan Sri), 153
Abdul Razak bin Hussein (Allah-yarham Tun), 9, 49, 77, 120, 153, 157, 158, 167, 174, 186, 225
Abdul Samad Ismail, 57, 226, 228, 229 230.
Abdullah Majid, 226, 228
Abdullah Yasin, 74
Aishah bt. Ghani (Datin Sri Paduka), 142
Ajensi kerajaan, 41
Ajensi operasional, 32
Ajensi pusat, 32, 35
Akademi sastra, 184
Aktiviti kominis, 29
All Asian Women Congress, Lahore, 139
All Malaya Council of Joint Action (AMCJA), 73, 74
Anggota Pasukan Polis, 27
Anggota Polis Wanita, 28
Angkata bersenjata, 28, 202
Aphatheid, 8, 108
Art International, 215
Association of South-east Asian Nations (ASEAN), 9, 52, 53, 106, 113, 120, 123, 124

B

Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, 32
Bahagian Perancang Ekonomi, 32, 43
Bahasa, 132, 133
Bahasa Malaysia, 87 184
Balai Seni Lukis Negara, 215, 217
Bangsa-bangsa Bersatu, 67, 102, 103
Bank Pertanian, 192
Barisan Nasional, 57, 67, 77, 78
Barisan Pelemah (Communist United Front), 129
Belia, 201
British Commonwealth, 94
Bumiputra, 87, 90, 91, 137, 144-146, 150, 166-169, 175, 177, 178

C

Cara hidup Malaysia, 150

Cara merapat jurang generasi, 199
Cerita futuristik, 213, 219
Cheng Keong Hon, 75
China, 57, 58
Colonialism, 8
Combined Task Force Headquarters, 48, 49, 51
Commonwealth, 94-100
Communist United Front, 56

D

Dadah, 57, 61-63, 88, 203, 204
Dasar Ekonomi Baru, 4, 8, 31, 65, 66, 76, 79, 82, 88, 90, 176, 177, 183, 188, 189, 203
Dasar Kerajaan, 4, 5
Dasar Parti, 4
Dasar Pertanian Kebangsaan, 13
Decentralisasi, 39
Dekad perlucutan senjata, 110
Democratic Action Party (DAP), 10
Demokrasi, 8, 10, 74, 76, 134, 135, 142, 143, 147, 209
Dewan Bahasa dan Pustaka, 214, 226
Dharmaputri, 146
Dialog, 187, 191, 198
Domino Theory, 124
Drama, 218
Dua pihak dalam masyarakat, 194

E

Ekonomi, 65, 72
Emeline Penkhurst, 142

F

Faktor masa penyelesaian masalah, 35
Fatimah Hashim (Puan Sri), 142
Forbes Burnham (YAB Tuan), 105

G

Gejala porno, 218
General Border Committee, 118-120
Gerakan Empat-B Malaysia, 203
Gerakan Menentang dadah, 204
Gerakan sabotaj, 24
Gerakan Wanita Indonesia (Gerwani), 140, 141
Golongan muda, 7
Golongan tua, 7

H

Hadiah Karya Sastra, 218
Halimahtun, 142
Hari Belia, 194
Hari Tentera Pembebasan, 25
Hubungan antarabangsa, 66
Hussein Onn (Datuk), 225

I

Ibu Kartini, 142
Ibu Zain, 142
Idea baru, 7
Idea lama, 7
Ideologi negara, 148, 150, 151
Ilmu pengetahuan, 182-184
Implementing agencies, 35
Independence of Malaya Party (IMP), 74, 75
Indian Civil Service, 148
Institiut Tadbiran Negara (INTAN), 37, 45
Institiut Teknologi Mara, 87, 91
Inteligen, 126
Islam, 66

J

Jabatan Kerja Raya, 36
Jabatan Perancangan Ekonomi, 156
Jabatan Perkhidmatan Awam, 32, 37, 42, 43, 45
Jabatan Perpaduan Negara, 167, 169
Jabatan Perpaduan Rakyat, 157, 158
Jawatankuasa Bersama Gerakan Sempadan, 47
Jawatankuasa Bersama Peringkat Pegawai, 47
Jawatankuasa Kecil Anggaran Belanjawan, 43
Jawatankuasa Kecil Pengurusan, 34
Jawatankuasa Perjawatan, 38
Jawatankuasa Perantaraan Commonwealth, 100
Jenayah, 27, 57, 60, 65, 88
Jentera pelaksanaan, 31
Joint Task Force Command, 47

Jurang generasi, 195, 196

K

Kaabah, 58
Kabinet, 85, 86, 186
Kaedah masalah pelaksanaan, 32
Karya corak pembangunan, 219
Kaum Ibu, 136, 139, 142-146
Keanggotaan Pasukan Polis, 19, 21, 26.
Kebudayaan Kebangsaan Malaysia, 221
Kebumiputraan, 164, 170
Kecerdasan otak, 181, 182
Kedet Askar, 30
Kekukuhan bangsa, 133
Kekurangan bahan makanan, 11
Kelemahan pelaksanaan, 40
Kementerian Pertanian, 39
Kemerdekaan, 172, 215
Kemudahan kredit, 14
Kenyataan Bersama Korea Utara dan Korea Selatan, 107
Kenyataan Bersama Shanghai, 106
Keputusan kolektif, 34
Kerjasama antarabangsa, 28
Kerjasama Malaysia/Indonesia, 121
Kerjasama Pasukan Polis dan Angkatan Bersenjata, 28
Keselamatan dalam negeri, 54, 56
Keselamatan negara, 20, 64, 79, 80, 82
Kesetiaan, 132
Kominis, 17-21, 24, 30, 31, 46, 52, 54-57, 60, 79, 80, 82, 123, 134, 135, 140, 202, 203, 205, 229
Komunikasi, 216
Kongres Kebudayaan Kebangsaan, 221
Kongres Perempuan Indonesia, 139, 140
Kongres Wanita Indonesia (Kowani), 140
Kongsi gelap, 57
Konsep dasar, 33
Konsep objektif, 32
Konsep pelayaran jujur, 110
Konsep pertahanan, 123
Konsep program, 33
Konsep strategi, 33
Konsep undang-undang antarabangsa, 122
Kuasa-kuasa Besar, 110, 123
Kumpulan haram, 79, 80, 222

L

Lambang persatuan bebas, 98
Latihan, 37
Lebuhraya Timur-barat, 29, 54
Lee Boon Chin, 181
Lek Naeomali (General), 83
Lembaga Kemajuan Ikan, 6
Lembaga Pertubuhan Peladang, 39
Letjen Widodo Pangkowilhan II, 125
Loteri Kebajikan Masyarakat, 74
Lunas kita-sama-kita, 99, 100

M

Mahatma Gandhi, 148
Maharaja Purba Jelai (Orang Kaya), 186
Mahkota Inggeris, 97, 98
Majlis Amanah Rakyat (MARA), 90, 192
Majlis Bandaran Kuala Lumpur, 75
Majlis Kerja Tertinggi UMNO, 85, 86
Majlis Keselamatan Negara, 57
Malayan Chinese Association (MCA) 9, 73, 75, 84
Malayan Democratik Union (MDU), 73
Malayan Indian Congress (MIC), 9, 74, 75
Malayan Nationalist Party (MNP), 74
Malayan Union, 8, 73
Masalah konsep dan bentuk, 39
Masalah penerbitan, 213
Masalah pengangguran, 194
Mesyuarat Agung Persatuan Penulis-penulis Kelantan, 208
Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Thailand/Malaysia, 83
Milisyia Rakyat, 55
Mitodoloji penyelesaian masalah, 34, 35
Mustapha Albakri (Tuan Haji), 100

N

Naidu (Mrs), 142

National Development Planning Committee (NDPC), 34, 41, 43
Negara-negara Berkecuali, 108-117
Nehru, 97
North Kalimantan Communist Party (NKCP), 25, 26, 39
Nyonya Ema Poeradiredya, 140
Nyonya Maria Ultah Santoso, 140
Nyonya Soekanto, 139
Nyonya Trimurty S.K., 140

O

Omar Yoke Lin (Tan Sri), 75
Onn Jaafar (Allahyarham, Datuk), 9, 74, 85
Operasi Sri Aman, 25

P

Pakatan Warsaw, 110
Pancasila, 106, 107
Pandit (Madam), 142
Panel Hadiah Sastra, 214, 218, 225, 226, 228-230
Panel Penasihat Sastra, 214, 225, 226, 228
Parlimen, 98, 142
Parti Gerakan, 9, 190
Parti Islam, 75, 77
Parti Komunis Malaya, 23-26, 58
Parti Perikatan, 3, 75, 76
Pasukan Kedet Polis, 30
Pasukan Keselamatan, 18, 20, 21, 23, 24, 29, 65 ,
Pasukan Penggempur, 24, 25, 128
Pasukan Polis Di Raja Malaysia, 17-20
Pasukan Polis Hutan, 46-50, 52
Pasukan Polis Merin, 28
Pasukan Snoi Prak, 28
Pejabat Perpaduan Rakyat, 153, 156
Pelaksanaan, 32
Pelahiran perasaan, 197
Pelarian Dalai Lama, 102
Pelukis, 216
Pemadam, 62, 63
Pembahagian sumber, 36
Pembangunan, 31
Pembangunan ekonomi dan sosial, 20
Pembangunan desa, 16
Pembangunan negara, 201
Pembangunan wilayah, 39
Pembasmian kemiskinan, 179
Pembesaran Pasukan Polis, 28
Pembunuhan anggota Polis, 23, 24
Pemimpin, 7, 164
Pemimpinan, 162, 163, 165, 167, 169, 171
Pendudukan haram tanah Arab, 108
Pengeluaran bahan makanan, 11, 12
Pengurusan kewangan, 44
Pengisytiharan Hak-hak Manusia Sedunia, 102, 103
Pengisytiharan Kuala Lumpur, 113
Pengisytiharan Lusaka, 110, 113, 114
Pengisytiharan Asas Amerika Syarikat dan Russia, 107
Penulis, 211-213, 220, 230
Penyata Balfour, 95, 96
Penyelarasan mendatar, 38
Penyelesaian masalah, 32
Penyusunan semula kakitangan, 42
Penyusunan semula masyarakat, 179
Peperangan candu, 61
Perang Vietnam, 61
Perbadanan Nasional (Pernas), 90, 192
Perbendaharaan, 32, 36, 37, 156
Perbezaan warna kulit di Afrika Selatan, 103
Perekonomian desa, 12, 14
Pergerakan Negara-negara Berkecuali, 105-107
Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, 102
Perhimpunan Agung Pemuda UMNO, 54
Perisikan, 50, 51
Peristiwa Bukit Kepong, 18, 21
Peristiwa Mei, 13, 1969, 66, 76, 154, 159, 161, 165, 170, 172, 180
Perjanjian Am Sempadan Thailand/ Malaysia, 46, 49
Perjanjian Simla, 107
Perjuangan menentang kominis, 29
Perjumpaan Menteri-menteri Luar Commonwealth, 100
Perkembangan Politik setempat, 73
Perkecualian Tenggara Asia, 111
Perpaduan negara, 210, 211
Persidangan Afro-Asia, 67

Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, 107, 112
Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri Islam, 67
Persidangan Merdeka, 94, 95
Persidangan Perikanan Thailand/ Malaysia, 6
Persidangan Perlucutan Senjata Sedunia, 110
Persidangan Undang-undang Laut, 109
Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, 102
Pilihanraya Dewan Bandaran Kuala Lumpur, 73, 75
Pilihanraya Parlimen Lipis, 3
Pimpinan 9, 10, 67-69, 165, 185, 186
Plot cerita, 219
Politik, 70, 72
Politik diktatur, 73
Presiden Nixon, 105
Presiden Soekarno, 163
Presiden Suharto, 82, 120
Prinsip niaga bebas, 88, 89
Prinsip tanggungjawab bersama, 85
Procedure pengambilan kakitangan, 44
Projek Empangan Temenggor 29, 54
Proses pemilihan pemimpin, 68
Proses pemodenan, 177
Punca kesesatan anak-anak, 81
Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), 73

Q

Qisasul Ambia, 171

R

Raden Adjing Kartini, 139
Raden Dewi Sartika, 139
Raja Inggeris, 96
Raja Mohamad bin Raja Alang, 74
Rancangan Buku Hijau, 11-12, 15
Rancangan Colombo, 99, 100
Rancangan Malaysia Kedua, 4, 15, 31, 209
Rancangan Malaysia Ketiga, 20, 30-32, 34, 36, 37, 40, 41-43
Rancangan Malaysia Pertama, 14
Rancangan wilayah perkecualian Tenggara Asia, 9
Rasuah, 68
Rela, 29, 30, 63
Rukunegara, 4, 8, 10, 26, 30, 58, 60, 76, 158-160, 164, 167, 173-176, 180-183, 188, 192-194, 201, 209, 212, 214, 230
Rukuntetangga, 30, 63, 78, 120

S

Saidon Kechot, 186
Sains dan Teknoloji, 212
Sambanthan V. T. (Tun), 181
Sarawak National Party (SNAP), 77
Sastra, 184, 208
Sekim gaji anggota Polis, 28
Sektor pertanian, 38, 39
Sengketa Vietnam, 106
Senibudaya, 221, 222
Seni lakun, 208
Seni lukis, 208
Senjatapi, 21, 27, 60
Setia Wangsa (Datuk), 186
Siasah, 136-139, 142, 143, 145
Sidang Damai Paris, 115
Sidang Kelapan Jawatankuasa Am Sempadan Indonesia/Malaysia, 126
Sidang Kemuncak Asean, 120
Sidang Kemuncak Kahirah, 114
Sidang Kemuncak Lusaka, 112, 114
Sidang kemuncak Moscow, 107
Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecualai, 114, 115
Sistem diktatur, 74
Sistem keselamatan bank, 27
Sistem pemasaran, 14
Sistem pengangkutan, 14
Sistem pengesanan, 37, 38
Sistem Penilaian karya sastra, 226-228
Sistem penilaian kecekapan pengurusan, 34
Soal Tibet, 102
Special Branch, 55
Staff Planning Committee, 118, 119, 125
Strategi penumbuhan, 40
SUPP, 9

T

Tadika, 62
Tarian singa, 222-224

Tekanan inflasi, 11
Tenaga Polis, 55
Tengku Abdul Rahman Putra (YTM), 9, 74, 75, 94, 186
Tengku Razaleigh Hamzah, 67
Tentera Amerika Syarikat di Thailand, 47
Theori Zhadanov, 124
Thuraisingam (Datuk), 75
Tito/Titoist, 124
Tunjuk perasaan di Bentong, 48

U

Unctad III, 109
United Front, 24, 25
United Malays Nations Organisation (UMNO), 3, 7-10, 58, 59, 63-69, 73-77, 84-88, 185, 187, 188, 190-193
Urban Development Authority (UDA) 90
Urusetia perancangan wilayah, 40
Usaha kerajaan untuk kemajuan rakyat, 5
Usaha pemulihan penagih dadah, 62
Usahawan, 89, 90, 91

W

Wilayah damai, bebas, dan berkecuali, 113, 115, 119, 120
Wilayah-wilayah damai, 112, 114
Wilayah Tenggara Asia, 124

Y

Yahaya Orang Kaya Maha Bijaya (Allahyarham Datuk), 74
Yahya bin Sheikh Ahmad (Allahyarham), 74



Tan Sri Mohd. Ghazali Shafie terkenal sebagai ahli diplomat dan tokoh politik intelektual di Malaysia. Beliau adalah perancang dalam berbagai aspek diplomasi politik luar negeri Malaysia disamping menjadi salah seorang tokoh utama dalam pencetusan pemikiran politik di Malaysia. Beliau terkenal sebagai tokoh politik yang 'versatile' minatnya yang merangkumi juga bidang seni, budaya dan sastra. Beliau kerap kali mengambil bahagian dalam berbagai sidang antarabangsa dari semenjak beliau menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hingga kini. Kini beliau ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

'... saya sedih melihat bahawa kini dalam UMNO begitu tajamnya cara kempen dijalankan dalam proses pemilihan pimpinan yang sudah mula termasuk kenduri, perkelahan, melancung dan lain-lain ..... Pertarungan merebut kuasa boleh jadi begitu tajam sehingga ianya tidak lagi sihat bahkan boleh menjadi mati-matian yang melibatkan bukan saja wang dan sogok malah kemudiannya kekerasan jua ...'

Dari ucapan 'Cabaran Kepimpinan Dalam UMNO'.

'Kerajaan UMNO bukan Kerajaan yang zalim. Kuasa di tangan UMNO adalah kuasa yang dipinjamkan oleh Allah. Kuasa ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya — apa yang dipinjam boleh diambil balik kalau kita zalim. Apa juga langkah yang diambil adalah mengikut peraturan *the rule of law* ..... Percayalah, walau sesiapa pun, apa peringkat pun, kalau sabit bahawa ianya musuh negara, insya Allah, Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka.'

Dari ucapan 'Usaha Penghapusan Kominis di Malaysia'.

'Bumiputra merasa bimbang terhadap masa yang akan datang: di manakah mereka akan berada dalam masa 10 tahun, 20 tahun dari sekarang? Di dalam kawasan-kawasan simpanan untuk orang Melayu? Balik kampung tanam jagung? Apakah jaminan bagi mereka pada masa itu? Apakah bahagian ekonomi negara ini yang dapat mereka nikmati? Apakah untung nasib anak cucu mereka? Ini adalah masalah-masalah yang lebih besar untuk dihuraikan, dan ini kita mesti huraikan'.

Dari ucapan 'Pemimpinan dan Masyarakat Yang Berhaluan'.